

# asas-asas antropologi

ABDULLAH TAIB



# **asas-asas antropologi**



# **asas-asas antropologi**

**PROF. MADYA DR. ABDULLAH TAIB**

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
1985**

**KK. 301 – 3124 4101**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium. Penyelenggaraan editorial oleh Othman Shariff.

**© Hakcipta Abdullah Taib 1985  
Cetakan Pertama 1985**

Diaturrhuruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka  
Rupataip teks: T/Roman Mono (Kod 327-6801)  
Saiz taip teks: 10/12 pt.

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pelajaran Malaysia  
Kuala Lumpur  
**\$15.00**

# PRAKATA

## I

Buku teks antropologi sangat-sangat diperlukan dan keperluannya dirasakan begitu mendesak sekali. Lebih-lebih lagi memandangkan bahawa setiap tahun jumlah mahasiswa yang mengambil bidang ini kian bertambah. Di Universiti Kebangsaan Malaysia sahaja misalnya tidak kurang dari 350 orang siswa setiap tahun, sejak tahun 1979 yang mengambil bidang antropologi pada tahun pertama. Hampir separuh dari bilangan ini memilih bidang antropologi pada tahun kedua. Buku teks yang ditulis dalam bahasa Malaysia boleh dibilang dengan jari. Pensyarah dan siswa terus menggunakan buku-buku teks dalam bahasa Inggeris. Buku ini diharapkan dapat menampung sekadarnya kekurangan itu.

Beberapa buah buku dari bahasa Inggeris telah diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Namun demikian buku terjemahan itu merupakan buku bacaan tambahan dan bukannya buku teks. Dewan Bahasa dan Pustaka belum lagi menterjemahkan buku teks yang boleh menyelesaikan beberapa konsep asas antropologi. Tidak dapat dinafikan juga beberapa buah buku dari Indonesia memang telah lama terdapat di pasaran buku negara kita. Setengah daripada buku-buku itu ditulis oleh ahli antropologi terkenal di Indonesia. Tetapi oleh kerana istilah dan konsep yang digunakan serta gaya penulisan bahasa Indonesia itu berbeza dengan istilah konsep serta gaya penulisan bahasa Malaysia, para siswa mengambil masa yang lama untuk memahaminya. Kadang-kadang sama lamanya memahami bacaan dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab itu memang dirasakan oleh siswa dan pensyarah sendiri bahawa banyak lagi buku dalam disiplin ini perlu ditulis di dalam bahasa Malaysia.

## II

Oleh kerana buku ini ialah sebuah buku teks, ia bukan merupakan idea baru di dalam bidang antropologi. Tetapi sebaliknya

## PRAKATA

nya ia adalah pengemblengan beberapa idea asas yang terdapat dalam bidang antropologi. Namun demikian, contoh beberapa konsep, seberapa boleh yang dapat telah diberikan dengan menggunakan contoh dari rantau ini.

Buku ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada siswa tahun pertama dan kedua, teori, konsep dan aspek penting dalam antropologi. Sebagai pembacaan asas, buku ini cuba membincangkan aspek yang dianggap penting dalam antropologi budaya dan sosial. Bagi mereka yang ingin mendalami lagi aspek-aspek yang tertentu bolehlah merujuk bahan-bahan rujukan yang diberikan di akhir setiap bab.

Oleh itu tujuan buku ini tidak lain dari memperkenalkan kepada siswa, prinsip dan proses dalam antropologi. Sebagaimana dalam lain-lain disiplin begitu juga dalam disiplin antropologi, seseorang itu boleh mengajarnya secara berkesan dengan beberapa cara. Hal ini ditambah pula dengan sikap ahli-ahli antropologi yang pragmatis dan bersedia memberikan beberapa pendekatan yang berbeza bagi menjelaskan tingkah laku manusia. Buku ini memperkenalkan kepada siswa, pendekatan yang berbagai-bagai seperti ekologi, partikularisme sejarah, difusi, fungsionalisme, struktural fungsionalis dan lain-lain.

## III

Buku ini dibahagikan kepada sepuluh bab. Bab I, membincangkan skop dan bidang antropologi. Pengertian konsep kebudayaan sebagaimana yang biasa dibincangkan telah dijelaskan dan bab ini juga membincangkan perbezaan antara antropologi budaya dan sosiai.

Dalam bab II perkembangan bidang antropologi telah digalurkan dengan melihat watak-watak penting dalam antropologi serta aktiviti mereka. Manakala dalam bab III pula asas penyelidikan antropologi dibincangkan.

Bab keempat pula membincangkan sistem ekonomi masyarakat serta bentuk-bentuk sara diri yang berbeza-beza di dunia ini. Dari sistem mendapatkan barang-barang makanan hinggalah cara penyebarannya dibincangkan dengan panjang lebar.

## PRAKATA

Tajuk penting yang mendapat perhatian ahli-ahli antropologi klasik iaitu institusi perkahwinan dan persanakan dibincangkan dalam bab V dan VI. Tujuan perkahwinan dan faedah perkahwitan serta upacara perkahwinan dibincangkan dalam bab V. Dalam bab VI pula bentuk-bentuk persanakan dihuraikan dengan terperinci.

Dalam bab VII, organisasi politik dari masyarakat yang sistem politiknya belum disatukan hinggalah kepada bentuk yang dipusatkan (*centralized*) telah dihuraikan.

Sistem kepercayaan dan magis telah mendapat pandangan yang berat daripada ahli-ahli antropologi. Bentuk-bentuk kepercayaan serta teori-teori yang berkaitan dengannya telah dihuraikan dalam bab VIII.

Semua masyarakat melalui proses perubahan. Faktor-faktor yang membawa perubahan dan bagaimana masyarakat menerima perubahan ini dibincangkan dalam bab ke-IX. Bab terakhir buku ini membincangkan perkembangan yang berlaku dalam bidang antropologi pada hari ini yang tidak lagi semata-mata melihat masyarakat primitif tetapi juga menumpukan kepada masyarakat moden. Di akhir-akhir ini antropologi juga telah melibatkan diri dalam antropologi gunaan.



## **PENGHARGAAN**

Manuskrip ini tidak akan wujud dalam bentuknya yang ada sekarang tanpa kerjasama daripada orang ramai. Oleh itu saya ingin merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih terutamanya kepada Puan Jumaah Jantan yang telah menyusun manuskrip ini ke dalam bentuknya sekarang. Kepada Cik Norlaila Osman dan Cik Siti Aminah Abdul Aziz yang telah menaip manuskrip ini, titik peluh mereka tidak akan dilupakan.

Akhir sekali kepada keluarga saya yang telah bersabar menunggu kerana masa untuk mereka telah banyak digunakan untuk menyiapkan manuskrip ini, kepada mereka saya ucapkan syabas.

Prof. Madya Dr. Abdullah Taib,  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Bangi,  
Selangor.



# KANDUNGAN

	Muka Surat
PRAKATA	v
PENGHARGAAN	ix
<b>BAB I</b>	
<b>KAJIAN MENGENAI MANUSIA DAN KEBUDAYAAN</b>	
1. Antropologi: Satu Pengenalan	1
2. Kebudayaan	2
3. Sifat Kebudayaan	4
4. Teori Kebudayaan	5
Pandangan Superorganis Kebudayaan Dari Kaca Mata Konseptualis Pandangan Realis Mengenai Kebudayaan	
5. Proses Kebudayaan	10
Adaptasi Kebudayaan Perubahan Kebudayaan	
6. Fungsi Kebudayaan	12
7. Tumpuan Kebudayaan	12
8. Relativisme kebudayaan	13
9. Antropologi Budaya dan Sosial	14
10. Bacaan yang Dicadangkan	20
<b>BAB 2</b>	
<b>PERKEMBANGAN DISIPLIN ANTROPOLOGI</b>	
1. Sejarah Perkembangan Antropologi	23
2. Antropologi pada awal Abad Kedua Puluh	28
3. Evolusi Masyarakat	30
4. Partikularisme Sejarah	34

## KANDUNGAN

	Muka Surat
5. Difusi	36
6. Fungsionalisme	38
7. Struktur Fungsionalisme	40
8. Pendekatan Psikologi	41
9. Teori Evolusi Baru	44
10. Strukturalisme Perancis	46
11. Etnosains	48
12. Ekologi Budaya	49
13. Kesimpulan	52
14. Bacaan yang Dicadangkan	52

### **BAB 3**

#### **TEKNIK PENYELIDIKAN ANTROPOLOGI**

1. Teknik Kajian Luar	54
2. Kaedah Penyelidikan Antropologi	59
3. Ciri-ciri dalam Antropologi	61
4. Penggunaan Teori Antropologi	62
5. Matlamat Penyelidikan Luar	65
6. Kesimpulan	68
7. Bacaan yang Dicadangkan	68

### **BAB 4**

#### **SISTEM EKONOMI DAN POLA PENYARAAN DIRI**

1. Pengenalan	70
2. Punca Pengeluaran dan Pembahagian Kerja	70
3. Pembahagian Barangan dan Khidmat	85
4. Pertukaran Barang	85
5. Pembahagian Barang Lebihan	87
6. Penyeimbangan Pembahagian Barang	90
7. Sistem Pembahagian Semula	91
8. Pertukaran Barang Di Pasaran	93
9. Pola Penyaraan Diri	97
10. Pengumpulan Bahan Makanan	97
11. Pengeluaran Makanan	98

## KANDUNGAN

	Muka Surat
12. Perbezaan Sistem Sara Diri	103
13. Faktor Bukan-Ekonomi Dalam Sistem Sara Diri	108
14. Bacaan yang Dicadangkan	111

### BAB 5

#### **PERKAHWINAN DAN FUNGSI PERSANAKAN**

1. Fungsi Persanakan	115
2. Institusi Perkahwinan	115
3. Faedah Ekonomi	116
4. Pemeliharaan Anak Terlalu Lama	118
5. Pengurangan Persaingan Seks	118
6. Upacara Perkahwinan	119
7. Aspek Ekonomi	120
8. Sumbang Muhrim	124
9. Pilihan Jodoh	129
10. Eksogami dan Endogami	130
11. Perkahwinan Sepupu	130
12. Levirat dan Sororat	131
13. Poligami	131
14. Poligini dan Poliandri	132
15. Persanakan	134
16. Perceraian	135
17. Bacaan yang Dicadangkan	136

### BAB 6

#### **POLA KEDIAMAN DAN PERSANAKAN**

1. Pola Kediaman Selepas Berkahwin	137
Patrilokal	
Matrilokal	
Bilokal	
Avunkulokal	
Neolokal	
2. Faktor Perbezaan Tempat Kediaman	141

## KANDUNGAN

	Muka Surat
3. Struktur Persanakan dan Keturunan	143
4. Jurai Keturunan	144
Keturunan Dwinisab	
Keturunan Satu Jurai	
5. Kelompok Keturunan Satu Jurai	150
Organisasi Nisab Bapa	
Organisasi Nisab Ibu	
6. Fungsi Kelompok Keturunan Satu Jurai	155
7. Sistem Keturunan Ambilineal	157
8. Istilah Persanakan	159
Sistem Omaha	
Sistem Crow	
Sistem Iroquois	
Sistem Hawaii	
Sistem Eskimo	
9. Bacaan yang Dicadangkan	167

### **BAB 7**

#### **ORGANISASI POLITIK**

1. Pengenalan	169
2. Jenis Organisasi Politik	171
Kelompok Nomad	
Puak	
Wilayah Seorang Pembesar	
Negara	
3. Perkembangan Organisasi Politik	180
4. Penyelesaian Konflik	182
5. Undang-undang Bertulis dan Mahkamah	185
6. Bacaan yang Dicadangkan	188

### **BAB 8**

#### **SISTEM-SISTEM KEPERCAYAAN DAN MAGIS**

1. Pengenalan	190
---------------	-----

## KANDUNGAN

	Muka Surat
2. Teori Asal Usul Agama	196
Teori Bercorak Psikologi	
Teori Bercorak Sosiologi	
Cabangan Teori Psikologi dan Sosiologi	
3. Fungsi Keagamaan	201
4. Animisme	213
5. Teori Magis	216
6. Sinkretisme	219
7. Gerakan Keagamaan	226
8. Bacaan yang Dicadangkan	231

### **BAB 9**

#### **PERUBAHAN KEBUDAYAAN**

1. Pengenalan	233
2. Bagaimana Perubahan Kebudayaan Berlaku	233
3. Akulturasi	239
4. Pemberontakan	240
5. Modernisasi	241

Perdagangan

Perpindahan Tenaga Kerja

Pengeluaran Barang Perdagangan Bukan Pertanian

Pengeluaran Tanaman Kontan

Pengenalan Perdagangan dan Industri Pertanian

6. Perubahan Agama	248
7. Kesimpulan	248
8. Bacaan yang Dicadangkan	250

### **BAB 10**

#### **ANTROPOLOGI GUNAAN DAN MASA DEPAN ANTROPOLOGI**

1. Antropologi Gunaan	252
-----------------------	-----

## KANDUNGAN

	Muka Surat
2. Etika Antropologi Gunaan	253
3. Perkembangan Antropologi Gunaan	255
4. Masa Depan Antropologi	257
5. Kebudayaan Majmuk	260
6. Masalah Masa Depan Manusia	261
7. Peranan Antropologi Pada Masa Depan	263
8. Bacaan yang Dicadangkan	265
<b>BIBLIOGRAFI</b>	267
<b>INDEKS</b>	283

# BAB 1

## KAJIAN MENGENAI MANUSIA DAN KEBUDAYAAN

### 1. *Antropologi: Satu Pengenalan*

Antropologi ialah satu disiplin ilmu mengkaji manusia daripada aspek fizikalnya dan tingkah laku kebudayaannya. Sebagai sains mengenai manusia, disiplin ini mengkaji setiap aktiviti yang dilakukan oleh manusia.

Ahli-ahli antropologi cenderung untuk mengkaji masyarakat kerana mereka ingin mengetahui kehidupan dan kebudayaan masyarakat. Pada mulanya kecenderungan ini lahir di kalangan pentadbir-pentadbir penjajah yang berada di negeri jajahan mereka. Mereka ingin melihat kebudayaan masyarakat tempatan yang berbeza daripada kebudayaan mereka. Perbezaan inilah yang melahirkan konsep masyarakat "primitif" yang kemudiannya menjadi tumpuan kajian ahli antropologi. Masyarakat primitif ialah masyarakat yang menggunakan teknologi yang ringkas, tidak mempunyai alat-alat moden, belum menggunakan pengangkutan yang bermotor, belum menggunakan sistem kewangan dan belum tahu menulis dan membaca. Namun demikian terdapat persamaan aspek-aspek kebudayaan antara masyarakat primitif dengan masyarakat moden. Masing-masing mempunyai peralatan dan kelengkapan hidup seperti pakaian, rumah, alat-alat pengeluaran, senjata dan sistem pengangkutan. Setiap masyarakat mempunyai sistem ekonominya tersendiri sebagai cara untuk mendapatkan makanan mereka. Ada masyarakat yang bertani, berternak dan memburu. Setiap masyarakat mempunyai organisasi sosialnya seperti sistem persanakan, organisasi politik, sistem perkahwinan dan sistem pentadbirannya. Setiap masyarakat mempunyai bahasanya sendiri. Setiap masyarakat juga mempunyai keseniannya sendiri; seni lukis, seni suara dan seni tari. Begitu juga setiap masyarakat mempunyai sistem pengetahuannya sendiri yang disampaikan kepada generasi muda. Dan akhir sekali setiap masyarakat mempunyai sistem kepercayaannya sendiri.

Persamaan tret-tret kebudayaan ini sebagai keseluruhan cara hidup masyarakat melengkapi definisi kebudayaan. Definisi kebudayaan ini telah menjadi pegangan ahli-ahli antropologi di Amerika, sedangkan di Britain ahli-ahli antropologi mendefinisikan disiplin mereka dengan menggunakan konsep struktur sosial.

## **2. Kebudayaan**

Untuk memahami konsep kebudayaan sebagaimana yang sering digunakan oleh ahli-ahli antropologi, beberapa teori kebudayaan akan kita bincangkan di sini.

Pada umumnya seseorang yang dianggap berkebudayaan ialah orang yang berbudi-pekerti, bersopan-santun, mempunyai pembacaan yang luas, mahir dan boleh bertutur dengan fasih dalam beberapa bahasa dan bijaksana mengenai seni dan muzik. Kebolehan seumpama itu menggambarkan kemampuan seseorang mempelajari dan mengetahui kebudayaan dengan mendalam.

Kebudayaan merupakan pola tingkah laku yang dipelajari yang disampaikan dari satu generasi kepada generasi seterusnya. Aspek kebudayaan tidak boleh disampaikan melalui faktor-faktor baka atau warisan. Kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup masyarakat. Ia merangkumi cara hidup yang termasuk ilmu pengetahuan, kepercayaan seni, undang-undang, moral, adat istiadat dan kemahiran-kemahiran lain yang biasanya dipelajari oleh manusia sebagai seorang anggota di dalam masyarakatnya. Definisi ini telah diberikan oleh Tylor (1871). Dia juga telah menunjukkan bagaimana kompleksnya bentuk kebudayaan itu. Tetapi pengetahuan mengenai kebudayaan terus berkembang. Jadi definisi Tylor itu jelas terhad. Banyak masyarakat yang dahulunya tidak diketahui oleh sarjana-sarjana sekarang telah dikaji dan difahami oleh ahli-ahli antropologi. Kroeber dan Klockhohn telah meneliti lebih 200 definisi kebudayaan dan telah bersetuju bahawa kebudayaan sebagai pola perlakuan yang dipelajari dan disampaikan menerusi simbol dan artifak iaitu bahasa dan kesenian bagi tujuan untuk menyampaikan tujuan, idea tradisi dan nilai masyarakat. Ia merupakan sebagai sifat-sifat tertentu sesuatu kelompok manusia.

Definisi kebudayaan yang baru menekankan soal-soal yang abstrak atau yang tidak dapat dipandang bukanlah mengenai

tingkah laku manusia semata-mata. Ahli antropologi misalnya memandang sikap manusia terhadap peperangan lebih penting daripada objek yang digunakan oleh manusia di dalam peperangan. Kebudayaan kepada mereka bukannya benda yang dilihat, tetapi merupakan suatu keabstrakan yang lahir daripada tingkah laku manusia. Kebudayaan merupakan peraturan atau cara yang dilakukan oleh anggota-anggotanya akan melahirkan tingkah laku yang dianggap sebagai perkara yang diterima oleh masyarakatnya. Kebudayaan sebagai cara hidup merupakan perkara yang dipersetujui oleh masyarakat.

Kita boleh melihat kebudayaan itu dari dua sudut. Pertamanya, kebudayaan sebagaimana yang dilihat oleh antropologi, yang disebut sebagai aturan fenomenal. Contohnya seorang ahli antropologi yang pergi mengkaji masyarakat Iban di Sarawak melihat bagaimana orang Iban menenun kain atau menganyam tikar. Daripada aktiviti menganyam tikar ahli antropologi dapat melihat alat-alat yang mereka gunakan, rekabentuk yang mereka pilih dan bagaimana kerja-kerja itu ditentukan mengikut umur, jantina dan lain-lain yang merupakan sebagai fenomena yang dapat diperhatikan dalam kebudayaan masyarakat Iban. Ia merupakan suatu sistem perlakuan yang dipraktikkan bersama-sama untuk semua anggota masyarakat itu.

Keduanya, kebudayaan dilihat sebagai cara untuk memahami mengenai kepercayaan, nilai-nilai serta prinsip membuat tikar tadi. Ahli-ahli antropologi mungkin dapat memerhatikan bahawa tikar mempunyai tujuan yang tertentu selain daripada menjadi hamparan semata-mata. Ia mungkin digunakan dalam adat istiadat keagamaan. Ataupun rekabentuk yang mungkin mempunyai tujuan-tujuan magis yang tertentu. Dilihat dari sudut ini ia menentukan apakah tujuan simbol-simbol itu misalnya kepada orang Iban. Ahli-ahli antropologi dengan ini telah membuat kajiannya menurut aturan idea masyarakat itu. Kepada kita aturan idea masyarakat adalah lebih relevan kepada definisi kebudayaan, kerana ia menggambarkan perlakuan yang betul dalam masyarakat dan diterima sebagai nilai-nilai mereka. Nilai-nilai yang abstrak kepada ahli antropologi adalah perlakuan-perlakuan yang biasa pada masyarakat itu.

Semua individu dari sesuatu kebudayaan berfikir dan mempunyai kebolehan yang hampir sama. Tetapi setiap individu kerana

umur, jantina, pekerjaan atau kepercayaan mempunyai ukuran nilai budaya yang tersendiri. Anggota-anggota masyarakat ini bertindak serta mengamalkan budaya kecilnya (sub-budaya) sendiri. Contohnya di Sungai Pencala terdapat kira-kira 4,000 anggota masyarakat Melayu terdiri daripada golongan Al-Arqam. Kebanyakan daripada mereka berasal dari kelas menengah dan tinggal berhampiran bandar. Setengah-setengah daripada mereka menjalankan tugas-tugas profesional dan setengah-setengahnya berniaga sendiri. Golongan ini menuntut bahawa mereka menjalankan kehidupan yang menumpukan cara-cara kehidupan Islam yang sebenarnya. Pendidikan yang diberikan di Al-Arqam selain daripada memenuhi syarat-syarat untuk membaca, menulis dan mengira ialah untuk menekankan nilai-nilai masyarakat Islam. Kebudayaan seumpama inilah yang mahu diteruskan. Pada pandangan antropologi ini merupakan sub-budaya masyarakat Melayu.

### **3. Sifat Kebudayaan**

Aspek-aspek kebudayaan dipelajari oleh anggota masyarakatnya. Oleh kerana kebudayaan merupakan sebagai aspek kehidupan yang penting maka ia harus dipelajari. Ia bukannya diterima melalui baka atau warisan. Setiap orang mempelajari kebudayaannya dengan hidup bersama-sama di dalam masyarakatnya. Proses untuk meneruskan kebudayaan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain disebut sebagai enkulturasi. Kebanyakan haiwan makan dan minum apabila berasa lapar atau dahaga. Manusia makan dan minum pada waktu-waktu tertentu yang dibenarkan oleh kebudayaannya. Mereka biasanya makan melalui pengalaman iaitu apabila mereka berasa lapar dan setelah sampai waktunya. Masa makan dan minum berbeza dari satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Walaupun anggota masyarakat Islam berasa lapar pada waktu siang hari di dalam bulan puasa, mereka tidak boleh makan atau minum. Begitu juga dengan cara tidur dalam setiap manusia merupakan kebudayaan masyarakat itu. Seseorang anggota masyarakat perlu belajar cara-cara yang dianggap penting oleh masyarakat itu. Keperluan-keperluan semula jadi seseorang manusia sama dengan keperluan semula jadi haiwan seperti makan, tidur, berteman, mempertahankan diri, keperluan seks dan sebagainya. Tetapi setiap kebudayaan menentukan hal ini dengan aturan-

aturan yang tertentu. Namun demikian harus diingat bahawa bukan semua tingkah laku yang dipelajari itu merupakan kebudayaan. Seekor monyet boleh belajar beberapa hal sebagaimana yang diajarkan oleh tuannya untuk sarkis tetapi tingkah lakunya adalah berbentuk refleksif iaitu hasil daripada latihan yang dilakukan berulang-ulang kali dan bukan hasil daripada proses pembudayaan.

Kebudayaan pada umumnya dipraktikkan bersama-sama oleh anggota masyarakat. Kebudayaan merupakan sebagai suatu gabungan andaian yang sama-sama dipegang oleh anggota masyarakatnya. Oleh kerana mereka mempraktikkan kebudayaan yang serupa, anggota masyarakat mengetahui bagaimana caranya untuk bertindak dalam keadaan tertentu dengan sewajarnya. Namun demikian dalam setiap kebudayaan terdapat orang yang berkelakuan luar biasa.

Kebudayaan dapat difahamkan melalui simbol-simbol yang terdapat di dalam masyarakat. Leslie White (1969) mengatakan bahawa semua tingkah laku manusia bermula dengan penggunaan simbol seni, agama dan kewangan yang mempunyai pengertian yang tertentu. Kita biasa melihat lambang untuk masjid atau gereja. Kita juga biasa melihat lambang yang menunjukkan hospital dan tandas untuk lelaki atau perempuan. Aspek simbolik yang paling nyata bagi kebudayaan adalah bahasa. Ia menggantikan objek dengan kata-kata.

Kebudayaan juga merupakan sebagai fenomena yang sentiasa diubahsuai supaya terus kekal. Masyarakat sentiasa menyesuaikan diri dengan alam sekitar. Mereka bersama-sama menyesuaikan diri dari satu masa ke satu masa mengikut keperluan masyarakat.

#### **4. Teori Kebudayaan**

Perkara yang penting ingin dilihat dalam kebudayaan ialah kenyataan atau kebenaran yang terkandung di dalam proses kebudayaan. Mengikut pandangan ini ada tiga cara untuk melihat proses kebudayaan itu. Pandangan yang pertama ialah pandangan superorganik. Dalam pandangan ini mereka menganggap kebudayaan adalah kenyataan yang wujud lebih tinggi daripada individu-individu pendokong kebudayaan itu yang membuat aturannya sendiri. Pandangan yang kedua ialah pandangan konseptualis yang cuba melihat kebudayaan bukannya sebagai satu kebenaran atau

kenyataan tetapi ia merupakan sebagai satu konsep yang digunakan oleh ahli antropologi untuk menyata, mengatur serta membuat klasifikasi fakta-fakta yang bercerai-berai. Pandangan yang ketiga ialah pandangan realis yang menganggap kebudayaan sebagai suatu konsep dan kebenaran empiris. Ia merupakan konsep kerana ia dianggap sebagai suatu konstrak asas bagi sains antropologi. Sebaliknya ia adalah sebagai suatu kebenaran empiris kerana konsep ini menunjukkan cara bagaimana fenomena tertentu itu disusun.

### **Pandangan Superorganis**

Kebudayaan merupakan suatu realiti. Oleh itu ia mesti dijelaskan dengan aturannya yang tersendiri. Memang benar faktor-faktor tertentu misalnya faktor-faktor teknologi dan ekonomi menjadi punca perkembangan bagi satu-satu kebudayaan tetapi tidak dapat dinafikan pula bahawa kebudayaan boleh diperluas atau dikecilkan oleh faktor-faktor itu sendiri. Kebudayaan merupakan suatu fenomena yang cuba menerangkan punca-puncunya sebagaimana molekul yang boleh difahami dalam struktur suatu atom. Punca-punca seumpama ini menjelaskan bagaimana sesuatu kebudayaan itu wujud sehinggalah ia menjadi sebegitu rupa. Kebudayaan adalah hasil yang wujud bukan dari tekanan sosial ataupun tekanan-tekanan ekonomi sahaja. Sebaliknya ia adalah sebagai suatu kenyataan yang menjadikannya sebegitu rupa.

Kebudayaan mengikut Emile-Durkheim mengandungi fakta-fakta sosial dan gambaran kolektif yang merupakan cara-cara untuk menyatakan perasaan, bebas daripada kuasa-kuasa luar dan juga daripada individu. Cara-cara berkelakuan seumpama ini merupakan suatu perkara yang dituntut oleh masyarakat daripada individu-individunya. Anggota masyarakat itu akan dihukum sama ada secara undang-undang atau dihukum dengan tekanan moral kerana tidak menurut aturan-aturan yang biasa terdapat dalam masyarakat. Fakta-fakta sosial tidak boleh dijelaskan dengan menggunakan fakta-fakta psikologi tetapi ia hanya dapat dijelaskan dengan menggunakan fakta-fakta sosial yang lain. Oleh sebab itu sesuatu idea atau sesuatu sentimen mungkin boleh disuarakan oleh individu tertentu tetapi ia hanya menjadi fakta sosial melalui pertembungannya dengan idea dan perasaan orang-orang lain. Mengikut Durkheim

(1961) lagi, kebudayaan dimaksudkan sebagai keseluruhan fakta sosial, yang termasuk faktor-faktor sosial dan fizikal serta kerohani-an. Sebaliknya kebudayaan berfungsi di samping individu-individu itu yang menyebabkan individu-individu berkelakuan dengan cara-cara yang tersendiri dan tertentu. Kebudayaan wujud di luar anggota-anggota masyarakat itu dalam gambaran kolektif, di mana anggota-anggota masyarakat tadi mesti memperakukan aturan kebudayaannya. Menurut Durkheim lagi kebudayaan merupakan suatu gambaran kolektif yang mempunyai cara pemikiran yang tertentu, perasaan tertentu dan tindak balas yang berbeza daripada individu-individu yang tertentu yang menjadi golongan masyarakat itu tadi. Pada Durkheim, perkara yang paling baik berlaku dalam anggota masyarakat itu lahir dari kebudayaannya. Dengan lain perkataan, kebudayaan tadi bertindak di kalangan anggota individu-individu itu tadi. Dalam pandangan superorganik tingkah laku manusia ditentukan oleh kebudayaannya. Dengan itu, kebudayaan menguasai kehidupan manusia seperti skrip sandiwara mengawal pertuturan, dialog serta perbuatan seseorang pelakornya. Individu-individu itu tadi merupakan sebagai organisasi gerakan kebudayaan serta elemen-elemen yang mempunyai kesedaran ke atas diri mereka dilihat dari luar kebudayaan masyarakat itu iaitu dengan melihat perasaan luarnya melalui dirinya sendiri. Manusia boleh mempengaruhi aspek tertentu terhadap dirinya sendiri. Manusia boleh mempengaruhi aspek tertentu terhadap dirinya, kerana ia wujud di luar dunianya tadi, sementara dunianya bergerak mengikut aturan yang biasa. Kebudayaan itu juga bertindak mengikut aturan yang biasa. Oleh sebab itu anggota masyarakat tidak boleh mengawal kebudayaannya kerana ia adalah sebahagian daripada kebudayaan itu.

Dengan cara yang demikian perkembangan suatu kebudayaan itu yang ditentukan oleh sesuatu yang ditelah oleh anggota-anggotanya secara saintifik. Tetapi telahan seumpama ini tidak boleh menentukan pengawalannya. Apa yang akan kita telah, ia akan berlaku juga. Proses penelahan seumpama itu bukannya untuk menghalang perkembangan sesuatu kebudayaan, tetapi ia adalah bertujuan untuk membolehkan kita menyesuaikan diri dengan lebih rasional kepada gejala-gejala yang akan kita hadapi nanti. Dengan ini, pengetahuan menjadi suatu petanda kerana ia membolehkan manu-

sia untuk mengawal. Tekanan-tekanan kebudayaan itu sendiri sedikit sebanyak meminta manusia menyesuaikan diri kepadanya kerana kebudayaan mempengaruhi evolusi dan masa depan manusia. Fakta yang mengatakan bahawa kebudayaan berbentuk determinisme bukan ertinya pula kita tidak boleh bertindak langsung di dalam kebudayaan itu, tetapi sebaliknya ia memberi peluang kepada manusia untuk berhati-hati dan berwaspada. Sekiranya kebudayaan menentukan apa yang patut kita lakukan dan cara untuk melakukannya, keputusan untuk melakukannya adalah keputusan kita sendiri. Determinisme kebudayaan tidak menuntut bahawa semua ikhtiar yang dibuat oleh manusia tidak memberi hasil, sebaliknya dapat dikatakan walaupun setiap perkara yang kita lakukan adalah ditentukan oleh kebudayaan tetapi kita sendiri perlulah melakukan dan menjayakannya. Sekiranya kita tidak mahu bertindak dan berfikir sendiri, itu adalah kesalahan kita dan bukannya kesalahan kebudayaan.

### **Kebudayaan Dari Kaca Mata Konseptualis**

Kebanyakan ahli antropologi di Amerika menganggap bahawa mereka adalah orang-orang yang berjaya menjadikan kebudayaan sebagai suatu konsep atau alat penyelidikan. Pada mereka kebudayaan merupakan konsep yang digunakan oleh ahli-ahli antropologi yang mereka anggap sebagai suatu konstruk. Apa yang dilihat oleh manusia bukannya kebudayaan sebagaimana yang dipraktikkan tetapi sebagai satu bentuk yang dipelajari dan dianuti bersama-sama yang menggambarkan tingkah laku mereka bersama-sama dilihat dan dihasilkan oleh objek-objek yang ditinggalkan oleh manusia. Pandangan inilah yang telah menjadi kebudayaan sebagai suatu konsep. Mengikut ahli konseptualis selanjutnya semua kebudayaan mestilah dapat dijelaskan secara sosiopsikologikal. Mengikut Ralph Linton (1945) kebudayaan wujud hanya dalam fikiran individu yang menjadi sifat personaliti dari interaksi personaliti-personaliti dalam masyarakat itu. Bukannya kebudayaan yang menyebabkan berlakunya proses kebudayaan tetapi sebaliknya anggota-anggota masyarakat itu sendiri yang mempengaruhi kebudayaan itu melalui pengalaman yang mereka lalui. Amalan-amalan kebudayaan seperti berjabat tangan, ataupun minum kopi atau teh ataupun tinggalan artifak seperti kapal terbang ataupun kepercayaan menyembah dewa

adalah lahir daripada keperluan masyarakat itu sendiri. Sekiranya ahli-ahli konseptualis menjadikan kebudayaan dan pola yang terdapat daripada bentuk abstrak menjadi konkrit, ini adalah untuk tujuan kajian dan bukannya kerana kepercayaan mereka bahawa kebudayaan itu sebagai suatu entiti kenyataan. Namun demikian, ahli-ahli konseptualis tidak semuanya bersetuju bagaimana individu-individu boleh dipengaruhi oleh proses alam sekitarnya. Herskovits (1955) menjelaskan bahawa semua pola kebudayaan akhirnya dapat difahami dengan melihat bentuk-bentuk tingkah laku individu itu. Hakikat ini mudah dijelaskan sebagai pola kebudayaan masyarakat itu. Mengikut Kroeber (1952) kajian kebudayaan cuba melihat pola-pola kebudayaan tetapi bukannya dengan cara yang dapat diperhatikan semula kepada sebab-sebab psikologikal ataupun sosial.

### **Pandangan Realis Mengenai Kebudayaan**

Kebudayaan adalah abstrak sifatnya. Pada umumnya kebudayaan dan pola-pola bidangnya tidak dapat diperhatikan keseluruhannya. Tidak pernah kita dengar bahawa semua anggota dalam satu kumpulan masyarakat berkumpul beramai-ramai pada satu ketika yang membolehkan ahli antropologi memerhatikan keseluruhan pola kebudayaan itu. Jarang sekali seseorang itu dapat melihat seluruh masyarakat itu. Begitu juga kita tidak pernah melihat gerakan cakerawala alam. Namun demikian kita menerima hakikat bahawa sistem itu bergerak. Dengan analogi ini maka kita juga boleh menerima hakikat mengenai kebudayaan. Kebudayaan merupakan satu konstruk dan bukannya satu entiti yang dapat diperhatikan. Sebaliknya pula kebudayaan seperti cakerawala alam adalah nyata (*real*). Kerana, sungguhpun kita tidak dapat memerhatikan sepenuhnya, ia tidak berbeza dalam hal ini daripada entiti yang lain seperti sistem suria yang kita tidak pernah menyoal hakikatnya.

Ahli realis dan konseptualis menolak determinisme kebudayaan. Anggota-anggota dalam sesuatu masyarakat tidak dapat mengawal sesuatu kejadian kerana kebudayaan tidak mengikut logik yang ketat. Ada masanya anggota-anggota dalam masyarakat boleh memilih apa yang hendak dilakukan.

Pada pandangan realis sebab berlakunya perubahan sosial yang mendadak ialah kerana anggotanya tidak dapat menyesuaikan diri

dengan keadaan yang ada. Oleh sebab itu berlakulah penentangan. Pada ketika anggota masyarakat tidak puas hati, mungkin beberapa orang yang kreatif memulakan pola-pola kebudayaan baru yang kemudiannya diterima oleh anggota masyarakat yang lain. Oleh itu perubahan sosial bermula apabila anggota masyarakatnya menghadapi perasaan tegang dan kurang puas hati. Apabila anggota masyarakat berasa terancam dan perasaan seumpama itu berkembang meluas, maka pola-pola baru akan lahir di antara beberapa orang individu dan akhirnya merebak pada seluruh masyarakat.

### **5. Proses Kebudayaan**

Ahli-ahli antropologi menganggap bahawa untuk membentuk manusia, faktor kebudayaan adalah lebih penting daripada faktor alam sekitar. Setelah manusia menguasai alam sekitar, mereka berjaya menduduki kawasan-kawasan yang dahulunya dipercayai tidak mungkin dapat dikuasai. Usaha mereka untuk hidup di tempat yang memerlukan penyesuaian dan menghadapi perubahan-perubahan yang tidak dapat mereka jangka merupakan sebagai pencapaian kebudayaan mereka. Manusia selalunya menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang berlaku di sekitarnya. Perubahan-perubahan bentuk evolusi lahir daripada keperluan manusia. Untuk menyesuaikan dengan perubahan jangka pendek mereka terpaksa melahirkan keperluan-keperluan tingkah laku yang mudah disesuaikan dan percaya akan mendapat faedah dari perubahan tadi.

### **Adaptasi Kebudayaan**

Untuk meneruskan kewujudan sesuatu kebudayaan ia perlu menyesuaikan dengan persekitaran yang ada. Oleh kerana alam sekitar yang berbeza-beza maka terdapat bentuk 'adaptasi yang berbagai-bagai. Bagi keperluan hidup dan keperluan sosialnya masyarakat Asia Tenggara telah menyesuaikan diri dengan alam sekitarnya. Mereka yang tinggal di pergunungan telah mewujudkan sistem bertanam padi huma dan mengekalkan sistem sosiopolitiknya yang tersendiri. Manakala mereka yang tinggal di tanah lembah pula telah menjalankan aktiviti bertanam padi sawah dan mempunyai sistem sosiopolitik yang berlainan. Penyesuaian ini bergantung kepada alam sekitar, pola-pola migrasi dan hubungan mereka dengan jiran tetangga mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa pada

akhir-akhir ini manusia telah berjaya mengawal alam sekitar yang pada suatu ketika dahulu alam sekitar ini dianggap merbahaya sebagai tempat tinggal mereka. Kemajuan sains mengawal alam sekitar dan kejayaan mereka di lapangan perubatan dan mengenai tubuh badan manusia telah merobah pandangan mereka terhadap pemilihan semula jadi (*natural selection*). Hasil dari penggunaan antibiotik dalam perubatan moden hari ini telah menyebabkan ramai manusia menjadi khayal dan menghadapi masalah-masalah lain iaitu reaksi daripada ubat-ubatan itu tadi.

### **Perubahan Kebudayaan**

Semua kebudayaan berubah dalam tempoh waktu yang tertentu. Perubahan ini mungkin akibat dari kedatangan kuasa-kuasa luar yang menyebabkan berlakunya modifikasi tingkah laku dan nilai-nilai kebudayaan itu tadi. Dalam kebudayaan kita hari ini fesyen pakaian berubah setiap waktu. Akhir-akhir ini fesyen yang mendedahkan sebahagian daripada badan di waktu berenang juga telah diterima oleh segolongan masyarakat kita. Lanjutan dari hal ini, terdapat masyarakat yang membenarkan tubuh badan manusia itu digambarkan terdedah. Perubahan sosial dan perubahan kebudayaan boleh membawa hasil yang tidak disangka-sangka dan kadangkadang akibatnya merbahaya dan mengecewakan. Masyarakat asli di Australia umpamanya telah menerima akibat yang buruk dengan menggantikan kapak batu, iaitu sejenis alat penting yang menjadi simbol metos mereka, dengan kapak yang dibuat dari besi waja. Kapak dalam masyarakat Year-Yuoron merupakan sebagai totem dan simbol kelakian. Akibatnya orang yang mempunyai kapak mempunyai kedudukan yang penting dalam sistem alam sekitar masyarakat itu. Tambahan lagi kapak merupakan satu objek penting bagi menyatakan sesuatu yang penting melalui pertemuan-pertemuan dalam kebudayaan suku bangsa itu. Kapak susah didapati dalam masyarakat Year-Yuoron. Hanya segolongan kecil orang-orang tua masyarakat ini mempunyai kapak. Tetapi beberapa dekad yang lalu ahli-ahli mubaligh Kristian telah memberikan kapak yang dibuat dari besi waja kepada anggota masyarakat ini. Akibatnya, terdapat banyak kapak dalam masyarakat Year-Yuoron, sehinggakan wanita dan kanak-kanak pun mempunyai kapak dari besi waja itu. Wujudnya kapak besi waja ini telah mengurangkan keperluan kepada

kapak yang dibuat dari batu. Akhirnya kapak batu yang dahulunya merupakan sebagai simbol kaum lelaki telah mula runtuh. Oleh sebab kapak yang diperbuat daripada batu boleh dihubungkan dengan totem masyarakat suku bangsa ini, keseluruhan sistem ideologi masyarakat Year-Yuoron telah berpecah. Perkumpulan yang biasanya diadakan setiap tahun antara suku bangsa ini semakin berkurangan kerana mereka tidak perlu bertukar-tukar kapak yang diperbuat daripada batu. Jelas diperhatikan bahawa kapak besi waja telah mengubah keseluruhan struktur masyarakat Year-Yuoron.

#### **6. Fungsi Kebudayaan**

Sesuatu kebudayaan itu tidak boleh berkekalan sekiranya ia tidak dapat memenuhi keperluan asas anggota-anggotanya. Sejauh mana kebudayaan dapat memenuhi keperluan ini, setakat itulah ia dapat menentukan tahap kejayaan masyarakat itu. Sesuatu kepercayaan boleh berubah melalui perubahan nilai masyarakat itu. Suatu kebudayaan perlu melahirkan sistem pengeluaran barang, sistem membahagikan barang serta perkhidmatan yang tertentu kepada anggota masyarakatnya. Melalui proses pembiakan mereka boleh menambah dan meneruskan bilangan masyarakatnya. Kebudayaan juga hendaklah mensosialkan anggota-anggota mereka yang baru supaya mereka boleh menjadi orang dewasa yang berfungsi dalam masyarakatnya. Kebudayaan juga perlu menjaga dan mengawal anggotanya dengan kawalan sosial, norma dan nilai masyarakat. Ia perlu meneruskan peraturan antara anggotanya dan di antara anggotanya dengan orang luar. Ia juga perlu memberikan perangsang kepada anggotanya untuk meneruskan masyarakatnya dan menggalakkan supaya mengambil bahagian dalam aktiviti tertentu untuk survival.

#### **7. Tumpuan Kebudayaan**

Setiap kebudayaan menekankan kepada anggotanya aktiviti yang tertentu. Dalam masyarakat Barat teknologi menduduki tempat yang paling tinggi kerana ia menjadi orientasi masyarakatnya. Penekanan seumpama ini ke atas aktiviti sesuatu kebudayaan disebut sebagai tumpuan kebudayaan. Tumpuan kebudayaan seumpama ini adalah penting kerana ia memastikan bekalan barang bagi keperluan individu. Untuk menyatakan kepada orang Melayu

supaya berhenti daripada membela ayam itik adalah sama juga seperti menyatakan kepada orang Amerika supaya meninggalkan teknologi dan penyelidikan yang berkaitan dengan pemasaran, pengangkutan serta pelaburan ke atasnya.

### **8. Relativisme Kebudayaan**

Adalah suatu perkara yang mengelirukan dan salah untuk menganggap kebudayaan kita lebih tinggi daripada kebudayaan orang lain. Dalam abad ke-19 orang Barat begitu megah mengatakan bahawa tamadun mereka melambangkan kemajuan yang tertinggi pernah dicapai oleh manusia. Beberapa orang ahli antropologi yang telah mengkaji pembangunan kebudayaan menyedari bahawa semua kebudayaan yang mereka kaji juga menunjukkan kemajuan yang tercapai secara tersendiri. Kemajuan seumpama ini dianggap oleh anggota masyarakatnya juga telah mencapai kemajuan. Mereka berbangga dengan diri mereka sebagai suatu golongan yang mempunyai identitinya sendiri. Kepercayaan bahawa kebudayaan masyarakatnya itu lebih baik daripada kebudayaan masyarakat lain disebut sebagai etnosentrisme. Untuk menilai tingkah laku orang lain mengikut pegangan atau ukuran etnosentrisme adalah amat mengelirukan. Apabila ahli antropologi mula tinggal bersama-sama dengan orang primitif mereka mendapati bahawa golongan yang dianggap sebagai 'orang luar' adalah merupakan sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat mereka sendiri. Hal inilah yang menyebabkan ahli-ahli antropologi cuba mengkaji setiap kebudayaan itu dengan menggunakan istilah yang terdapat dalam kebudayaan itu sendiri. Mereka lebih mementingkan sama ada kebudayaan itu memenuhi kehendak dan juga harapan masyarakatnya. Sekiranya masyarakat itu adalah masyarakat kanibal, soalnya ialah sama ada kebiasaan memakan daging orang itu diterima mengikut nilai yang terdapat di dalam masyarakat itu. Mengapa ia dianggap rasional perlu juga difikirkan. Seterusnya apakah alternatif yang terdapat dalam masyarakat itu. Idea bahawa suatu kebudayaan itu mesti diperhatikan dan dianalisis menurut ukuran kebudayaan itu sendiri diketahui dalam antropologi sebagai relativisme kebudayaan. Kita boleh mengatakan bahawa memakan daging orang itu hanya diterima oleh golongan kanibal, tetapi sebaliknya terdapat juga adat resam orang yang dianggap mempunyai kebudayaan yang tinggi dan

berfungsi seperti di dalam masyarakat Amerika tidak dapat diterima oleh kebudayaan lain, misalnya mendedahkan badan di khalayak ramai. Relativisme kebudayaan dan etnosentrisme mewakili dua pandangan yang bertentangan. Relativisme kebudayaan semata-mata menukarkan satu set ukuran yang subjektif dengan kenyataan dalam kebudayaan yang dikaji. Untuk menjadikan konsep kebudayaan itu sebagai ukuran yang objektif, ahli-ahli antropologi memerlukan ukuran untuk menilai bahawa kebudayaan itu bukan dilahirkan dari nilai kebudayaan perseorangan sahaja. Sesuatu kebudayaan merupakan sebagai suatu sistem untuk menentukan penerusan suatu sistem kumpulan manusia. Oleh sebab itu tujuan yang penting ialah untuk menguji sama ada kebudayaan itu boleh berubah apabila menghadapi suatu keadaan yang tertentu. Keupayaan sesuatu kebudayaan untuk meneruskan perwujudannya merupakan sebagai suatu ukuran yang boleh digunakan untuk menguji kejayaan atau kegagalan suatu kebudayaan itu.

Ahli-ahli antropologi Amerika dengan itu telah mendefinisikan disiplin mereka dengan menggunakan konsep kebudayaan, manakala ahli-ahli antropologi British pula telah mendefinisikannya dengan menggunakan konsep struktur.

## **9. Antropologi Budaya dan Sosial**

Pada awal abad ke-20 terdapat perpecahan antara antropologi di Amerika dan di Britain. Perpecahan ini ialah akibat daripada hasil dan kerja tiga orang ahli antropologi yang amat penting dalam sejarah. Mereka ialah Franz Boas, Bronislaw Malinowski dan Radcliffe-Brown.

Orang yang paling penting di Amerika ketika itu ialah Franz Boas seorang ahli sains jati yang cenderung kepada kajian mengenai masyarakat manusia selepas membuat lawatan kesesuatu kawasan. Tujuan asalnya ialah untuk projek kajian geografi (Harris 1968: 265; Malefijt 227). Harris amat tepat sekali apabila dia mengatakan bahawa latihan saintifik Boas menyebabkannya melihat dengan begitu skeptis terhadap teori-teori evolusi masyarakat dan juga mengenai difusi sesuatu kebudayaan (ibid: 265).

Apabila Boas berhijrah ke Amerika, antropologi di sana telah bertapak kuat dengan mempunyai empat bidang pendekatan. An-

tropologi fizikal, arkeologi, linguistik dan etnologi, kesemuanya termasuk ke dalam bidang antropologi Amerika. Dia menguatkan lagi pendekatan ini dengan menggalakkan pelajar-pelajarnya mengkaji semua aspek mengenai manusia. Dengan itu, jelas bahawa skop antropologi di Amerika amat luas sekali. Disiplin antropologi ini jelas mengambil kira tentang manusia daripada berbagai-bagai bangsa, pada semua masa, sejak lahirnya manusia di dunia ini sehinggalah ke hari ini (Herskovits 1965: 3-5; Beals and Hoijer 1965: 1-14). Ahli-ahli antropologi di Amerika cuba memperluaskan kajian mereka terhadap manusia dengan pendekatan perbandingan dan persejajaran. Orang-orang ini adalah terdiri daripada mereka yang mewarisi disiplin antropologi dari Tylor dan Boas.

Untuk memahami skop dan bidang antropologi budaya, seseorang itu mestilah berdampingan dengan disiplin kecilnya dan memerhatikan bagaimana disiplin kecil ini berhubungan antara satu dengan yang lain. Dari segi kandungannya, antropologi di Amerika boleh dibahagikan kepada dua iaitu antropologi fizikal dan antropologi budaya.

Antropologi fizikal sebagai satu disiplin kecil dalam antropologi, cuba memahami manusia sebagai satu organisma fizikal yang berkembang. Ia juga ingin mengetahui bagaimana dan mengapa penduduk manusia berbeza dalam bentuk fizikalnya (Poirier 1974: 265-277). Kecenderungan yang nyata dalam antropologi fizikal adalah berhubung dengan kelahiran manusia dan perkembangannya. Disiplin ini juga ingin mengetahui bagaimana dan mengapa manusia pada hari ini berbeza dari segi biologinya (ibid: 267-271).

Untuk membangunkan semula kelahiran dan evolusi manusia, ahli-ahli antropologi fizikal berganding bahu dengan ahli paleontologi manusia, mencari dan mengkaji fosil, (bahan-bahan tinggalan manusia dan bukan manusia yang telah terpendam menjadi keras). Ahli paleontologi telah menjalankan kajian mereka di beberapa tempat di dunia ini dan telah menggali tinggalan fosil makhluk seperti manusia yang hidup kira-kira dua juta tahun dahulu. Penemuan mereka telah membantu ahli-ahli antropologi fizikal untuk membuat anggaran bila manusia prasejarah mula berdiri tegak, mempunyai tangan yang fleksibel, dan kepala yang lebih besar (ibid: 89-97).

Sebagaimana yang telah disebutkan, seorang ahli antropologi

fizikal cenderung untuk memahami rentetan kejadian evolusi manusia. Dalam hal seumpama ini, beliau bukan sahaja menggunakan rekod mengenai fosil manusia, tetapi juga maklumat mengenai geologi dan urutan sejarah keadaan iklim, serta tumbuh-tumbuhan. Tambahan lagi, rekonstruksi mengenai manusia di masa yang lampau adalah berkait rapat dengan kecenderungan mereka mengenai kelakuan manusia.

Ahli-ahli antropologi fizikal cenderung untuk mengetahui bagaimana manusia menyesuaikan diri dari segi fizikalnya kepada keadaan alam sekitarnya. Adakah orang yang berkulit hitam mempunyai mekanisme yang lebih lengkap daripada orang lain untuk menahan dirinya daripada panahan cahaya matahari? Adakah kulit orang Eskimo mempunyai sesuatu mekanisme yang dapat memberikan mereka perlindungan yang khas daripada kesejukan yang amat sangat? Mungkinkah keupayaan jantung seseorang atau darahnya untuk membawa oksigen bertambah di kalangan penduduk yang mendiami di tempat-tempat yang tinggi? Kesemua soalan ini mendorong ahli-ahli antropologi untuk membuktikan bahawa manusia boleh menyesuaikan diri mereka dengan keadaan alam sekitarnya.

Seorang ahli arkeologi pula sebaliknya, bukan sahaja cenderung untuk membangunkan semula kehidupan sehari-hari serta membangunkan kembali adat resam di zaman prasejarah dan masyarakat yang telah luput dari muka bumi ini, tetapi juga cuba meninjau kembali perubahan kebudayaan dan memberikan penjelasan mengapa perubahan itu berlaku (Hole dan Heizer 1973: 11-12). Oleh kerana seseorang ahli arkeologi itu biasanya menjalankan tugasnya berdasarkan bahan-bahan yang tidak berekod, dia terpaksa membangunkan semula sejarah dari tinggalan kebudayaan manusia yang telah dijumpai (ibid: 308-309). Ahli arkeologi lebih menumpukan kajian mereka kepada penentuan rentetan kejadian. Mereka juga cuba memahami mengapa perubahan tertentu berlaku, dan bila serta di mana ia berlaku. Ahli-ahli arkeologi percaya bahawa untuk memahami hal masa kini, mereka hendaklah meninjau kembali keadaannya pada masa-masa yang lalu.

Selain daripada bidang arkeologi, antropologi linguistik juga merupakan satu bidang yang ditekankan dalam antropologi budaya. Kajian mengenai bahasa adalah berhubung rapat dengan disiplin-

disiplin kecil antropologi budaya. Bahasa memainkan peranan asas dalam pertumbuhan kebudayaan manusia (Burling 1970: 158), dan ia menjadi alat yang paling penting untuk menyampaikan adat resam dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Oleh sebab itu, disiplin antropologi cenderung untuk mengkaji bahasa kerana peranannya tadi.

Satu lagi disiplin kecil antropologi budaya ialah etnologi. Disiplin ini lebih menumpukan kepada pola-pola perlakuan seperti struktur persanakan, peraturan perkahwinan, sistem-sistem politik dan ekonomi, sistem kepercayaan, *folk-lore*, seni dan muzik. Ahli-ahli etnologi juga mengkaji kedinamisan sesuatu kebudayaan, serta interaksi berbagai-bagai kepercayaan dan amalan di dalam sesuatu budaya serta kesannya ke atas keperibadian seseorang (Herskovits 1955: 211-233). Pengertian istilah etnologi yang digunakan di dalam antropologi budaya Amerika adalah berbeza dengan penggunaannya di kalangan antropologi sosial British. Ahli antropologi sosial menganggap seorang ahli etnologi itu cenderung terhadap sejarah yang lalu dalam masyarakat tanpa sejarahnya, dan oleh sebab itulah, ia berkait rapat dengan arkeologi.

Pada hari ini antropologi fizikal, arkeologi, linguistik dan etnologi adalah sama-sama ditekankan di dalam bidang antropologi di Amerika. Sebaliknya bidang-bidang ini diketepikan oleh ahli-ahli antropologi sosial British. Inilah salah satu aspek yang membezakan antropologi di Amerika dengan di Britain. Ahli-ahli antropologi sosial British menganggap bahawa untuk memasukkan antropologi fizikal, arkeologi dan linguistik ke dalam disiplin antropologi mereka, akan menjadikan bidang ini begitu luas dan tidak mungkin seseorang itu dapat mendalami keseluruhannya (Mair 1965: 5). Misalnya, walaupun setiap ahli antropologi sosial itu diperlukan untuk bertutur dalam bahasa masyarakat yang dikajinya, mereka tidaklah diwajibkan untuk mengkaji dengan mendalam bahasa masyarakat itu tadi kerana aspek ini termasuk di dalam bidang linguistik.

Dari perbincangan di atas dapat kita perhatikan bahawa arkeologi, antropologi linguistik, dan etnologi secara langsung mempunyai hubungan dengan kebudayaan. Walaupun antropologi fizikal boleh dianggap sebagai satu cabang antropologi yang lain, ia sebenarnya dapat menyumbangkan kepada pemahaman mengenai

budaya. Oleh sebab itulah maka kebudayaan menjadi konsep terpenting kepada antropologi Amerika. Kebudayaan pada umumnya dirujuk kepada cara berfikir dan berkelakuan yang biasa untuk mencerminkan sifat sesuatu masyarakat (Herskovits 1955: 305; Beals dan Hoijer 1965: 265-6). Kebudayaan, oleh sebab itu merangkumi hal-hal seperti bahasa, pengetahuan, undang-undang, kepercayaan agama, bahan-bahan makanan yang biasa dimakan, muzik, kebiasaan bekerja, tabu dan sebagainya. Hal-hal inilah yang menjadi sebahagian daripada aspek-aspek yang dikaji dalam antropologi budaya.

Sebagaimana yang telah disebutkan, sejak awal kurun ke-20 lagi warisan antropologi di Britain mula berpisah dari warisan di Amerika. Di Britain pengaruh pemikiran sosiologi Perancis mula bertapak. Pengaruh ini mula mengarahkan pandangan keseluruhan ahli-ahli antropologi British kepada masyarakat sezaman dan meninggalkan arkeologi dan antropologi fizikal, yang sebelum itu menjadi sebahagian daripada bidang kajian mereka (Mair 1965: 23).

Ahli-ahli antropologi sosial menganggap bidang disiplin mereka sebagai satu cabang sosiologi yang disebut oleh Radcliffe-Brown sebagai sosiologi perbandingan (Radcliffe-Brown 1952: 189). Apa yang dimaksudkan oleh mereka ialah disiplin antropologi mereka itu ialah menumpukan perhatian untuk membuat generalisasi terhadap jenis masyarakat manusia. Mereka menganggap diri mereka sebagai peminat masyarakat dan warisan daripada intelektual Durkheim dan Radcliffe-Brown (Kupper 1973: 66). Ahli-ahli antropologi British cenderung terutama sekali kepada interaksi anggota masyarakat, dan bukannya kepada sifat keperibadian seseorang. Radcliffe-Brown mendefinisikan konsep 'struktur'nya sebagai 'semua hubungan sosial yang berlaku antara seseorang dengan seorang' (Radcliffe-Brown 1952: 191). Dia menjelaskan konsepnya dengan menggunakan struktur persanakan. Dalam mana-mana masyarakat struktur persanakan mengandungi beberapa hubungan timbal-balik, seperti hubungan antara ayah dengan anak lelakinya atau adik lelaki ibu dan anak lelaki kakak dan adik perempuannya. Beliau menggunakan contoh dari satu puak di Australia, di mana di dalam masyarakat itu keseluruhan strukturnya adalah berasaskan kepada jalinan hubungan seorang anggota dengan seorang anggota, yang ditentukan melalui pertalian geneologi.

## KAJIAN MENGENAI MANUSIA DAN KEBUDAYAAN

Di dalam struktur sosialnya Radcliffe-Brown menekan perbezaan di antara individu dan kelas dengan peranan sosial mereka. Beliau menyatakan dalam mana-mana masyarakat seseorang itu dapat melihat dengan jelas perbezaan kedudukan sosial di antara lelaki dan perempuan, di antara pembesar dengan orang kebanyakan, dan di antara pekerja dengan majikannya. Fakta sosial seumpama ini menentukan hubungan sosial di antara suku sama suku atau di antara ras (ibid: 191).

Konsep struktur Radcliffe-Brown telah menjadi konsep asas dalam karya-karya antropologi sosial. Dengan itu bererti bahawa mereka menekankan kepada masyarakat dan tidak pada budaya. Struktur dilihat sebagai bahagian yang diatur dengan rapi dalam masyarakat. Struktur boleh menjelaskan hubungan di antara manusia yang ditentukan oleh peraturan mengenai hak dan obligasi mereka. Dengan sebab itu, struktur sosial merupakan satu susunan anggota masyarakat manusia dalam hubungan mereka mengikut institusi yang telah ditentukan oleh mereka. Sesuatu institusi itu merupakan sebagai satu pola perlakuan yang diterima oleh masyarakat atau merupakan sebagai satu set pola berhubung dengan ciri kehidupan sosial sesuatu masyarakat. Radcliffe-Brown menjelaskan bahawa proses yang berhubung dengan struktur sosial itu ialah kehidupan sosial iaitu seperti interaksi dan tindak-tanduk anggota masyarakat manusia. Oleh itu, konsep fungsi mungkin boleh diertikan untuk menghuraikan hubungan yang terjadi di antara struktur sosial dengan proses dalam kehidupan sosial. Maka mengikut Radcliffe-Brown kehidupan sosial adalah ditentukan oleh struktur masyarakat itu. Struktur masyarakat itu sebaliknya dikekalkan oleh kehidupan sosial, atau ia mengalami modifikasi kerana kejadian yang berlaku dalam kehidupan sosial. Tugas institusi, adat resam atau kepercayaan, ataupun aktiviti biasa dalam sesuatu masyarakat seperti istiadat pengkebumian, atau pembicaraan atau hukuman ke atas sesuatu jenayah adalah terletak di dalam keseluruhan kompleks struktur sosial dan proses kehidupan sosial tadi (Beattie 1964: 60-2; Mair 1965: 34-5).

Sebagai orang yang berminat kepada masyarakat, seorang ahli antropologi sosial itu berminat dengan fakta sosial yang akan dikajinya sebagai "benda". Semua fakta sosial wujud bebas tanpa disedari oleh individu yang mewujudkan masyarakat itu (Durkheim

1938: 7). Mair mengelaskan fakta sosial Durkheim sebagai aturan tingkah laku, norma nilai biasa dan harapan yang terdapat pada anggota masyarakatnya. Dengan itu dia menekankan bahawa tiap-tiap anggota masyarakat itu mempunyai fakta sosialnya sendiri. Seseorang yang menjadi anggota sesuatu masyarakat terpaksa patuh kepada aturan, sebaliknya sekiranya ia melanggar aturan itu ia akan mengalami kesusahan.

Malinowski dan Radcliffe-Brown adalah dua orang ahli antropologi sosial British yang dipengaruhi oleh pemikiran sosiologi Perancis. Namun demikian, terdapat perbezaan kecenderungan di antara kedua-dua pelopor ini. Sementara Radcliffe-Brown menekankan interaksi anggota manusia di dalam masyarakat, Malinowski pula menumpukan pemerhatiannya kepada susunan sosial melalui keperluan biologi mereka.

#### 10. Bacaan yang Dicadangkan

- |                                     |  |
|-------------------------------------|--|
| <p>Beattie, J.H.M.<br/>1964</p>     | <p><i>Other Cultures: Aims, Methods and Achievements in Social Anthropology.</i> New York, Free Press. Sebuah buku antropologi sosial yang membincangkan konsep asas dalam antropologi dan bidang kajian dalam antropologi. Banyak contoh diambil daripada kajian di Afrika.</p> |
| <p>Burling, R.<br/>1970</p>         | <p><i>Man's Many Voices.</i> New York: Holt, Rinehart and Winston. Satu tinjauan mengenai faktor yang memberi kesan pada penggunaan bahasa seperti sistem persanakan dan kaitan kebudayaan yang lebih luas. Buku ini memberikan contoh yang banyak dari Asia Tenggara.</p>       |
| <p>deWall Malefijt, A,<br/>1974</p> | <p><i>Images of Man.</i> New York: Alfred A. Knopf. Buku ini membincangkan perkembangan antropologi dari awalnya hingga ke hari ini.</p>   |

KAJIAN MENGENAI MANUSIA DAN KEBUDAYAAN

- Durkheim, E.  
1961 *Moral Education: A Study in the Theory and Application of the Study of Education.* New York: Free Press. Teori-teori kebudayaan dan hubungannya dengan proses enkulturasi dibincangkan dalam buku ini.
- Harris, M.,  
1968 *The Rise of Anthropological Theory.* New York: Thomas V. Crowell Company. Satu kritikan teori-teori antropologi dibincangkan dengan mendalam dalam buku ini.
- Herskovits, M.J.  
1955 *Cultural Anthropology.* New York: Knopf. Sebuah buku teks asas mengenai antropologi budaya Amerika yang merangkumi semua aspek dalam disiplin ini.
- Hole, F dan Heizer, F.F.  
1973 *An Introduction to Prehistoric Archeology* (cetakan ketiga). New York: Holt, Rinehart and Winston.  
Sebuah tinjauan mengenai bidang arkeologi dengan menekankan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan arkeologi.
- Mair, Lucy.  
1965 *An Introduction to Social Anthropology.* Oxford, Clarendon Press.  
Buku ini membincangkan bidang antropologi sosial British seperti persanakan, sistem kepercayaan, ekonomi, politik dan organisasi sosial.
- Poirier, F. E.  
1974 *Search for Ourselves: An Introduction to Physical Anthropology.* Minneapolis, Minnesota.  
Sebuah buku teks yang membincangkan sejarah dan kaedah yang digunakan dalam antropologi fizikal.

ASAS-ASAS ANTROPOLOGI

- Radcliffe-Brown, A. R., 1952 *Structure and Function in Primitive Society*. Glencoe, Illinois: The Free Press. Konsep struktur dan fungsi yang menjadi batu tanda antropologi sosial British dibincangkan dengan meluas dalam tulisan ini.

# BAB 2

## PERKEMBANGAN DISIPLIN ANTROPOLOGI

### 1. Sejarah Perkembangan Antropologi

Antropologi sebagai satu disiplin ilmu yang saintifik masih muda usianya. Di Amerika mengikut Goldenweiser disiplin ini bermula dengan terbitnya *League of Iroquis* karya Morgan pada tahun 1815 (Goldenweiser 1941). Di Eropah pula disiplin ini bermula dengan penerbitan karya Darwin *Origin of Species* pada tahun 1859 (Penniman 1930). Walaupun pada hakikatnya tarikh yang digunakan oleh Goldenweiser dan Penniman itu adalah satu tarikh yang arbitrari, namun masa itu amat penting dari segi sejarah antropologi. Tarikh itu menandakan pertumbuhan disiplin antropologi yang membawa ke arah kedewasaannya hari ini. Sebelum tarikh ini pemahaman kita mengenai masyarakat "primitif" bergantung kepada pengembara, mubaligh agama Kristian dan pedagang.

Bab ini bertujuan untuk mengesan perkembangan disiplin antropologi sebagai satu sains kemanusiaan dan aktiviti manusia dan tarikh itu akan kita gunakan sebagai titik tolak perbincangan kita.

Tylor (1832-1917), Morgan (1818-1881) dan Frazer (1854-1941) adalah tiga orang sarjana yang boleh dikaitkan secara langsung dengan perkembangan antropologi sebagai satu disiplin yang saintifik. Mereka telah dianggap sebagai bapa kepada disiplin antropologi. Sumbangan Tylor yang paling penting ialah definisinya mengenai kebudayaan yang luas diterima. Mengikutnya kebudayaan ialah satu keseluruhan cara hidup yang termasuk di dalamnya pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat resam, dan beberapa lagi kemungkinan dan juga kebiasaan yang dipelajari oleh manusia sebagai anggota dalam masyarakatnya (Tylor 1871: 1).

Memang tepat sekali tanggapan Tylor yang mengatakan bahawa kebudayaan sebagai satu 'keseluruhan cara hidup', yang membawa erti bahawa termasuk di dalamnya keseluruhan perlakuan yang dipelajari. Definisinya kemudian diterima sebagai asas antropologi

budaya Amerika. Setiap segi kehidupan sosial itu memang perlu dikaji, kerana ia menyumbangkan satu pengetahuan untuk memahami manusia (Malefijt 1974:140). Konsep kebudayaan yang diberikan oleh Tylor itu telah menjadi petanda kepada antropologi di Amerika. Walaupun Tylor berasal dari Britain, pengaruhnya yang paling kuat ialah di Amerika dan bukannya di Britain. Sebagaimana ahli-ahli antropologi sezamannya yang lain Tylor cenderung kepada skema evolusi. Mengikutnya masyarakat telah berkembang melalui beberapa tahap iaitu daripada kebuasan (*savagery*), barbarisme dan zaman tamadun. Namun demikian Tylor tidaklah begitu dogmatik mengenai skemanya itu. Dia mengatakan perkembangan ini sebagai satu skema yang ideal, skema ini menunjukkan kemungkinan arah perkembangan evolusi. Kemajuan sesuatu masyarakat itu tidaklah seragam, dan evolusi boleh berlaku mengikut beberapa jalan (Tylor 1871: 1-6). Kejayaan Tylor yang paling besar sekali ialah menjadikan antropologi sebagai satu disiplin saintifik yang tersendiri di Eropah. Beliau telah menekankan betapa pentingnya data asli yang menjadi asas dalam bidang antropologi. Namun begitu beliau sendiri bukanlah seorang yang ahli sebagai penyelidik-luar, kerana untuk kajiannya beliau banyak bergantung kepada punca sekunder (Malefijt 1974: 145).

Tidaklah salah sekiranya ahli-ahli antropologi Amerika mengatakan bahawa disiplin mereka telah diperkembangkan oleh Tylor kerana pendekatan holistik empat bidang yang kuat sekali di Amerika pada hari ini memang telah lama wujud dalam karya Tylor. Pendekatan keempat bidang itu telah wujud dalam bukunya *Anthropology* yang terbit dalam tahun 1881. Semua aspek kebudayaan telah ditekankan dalam buku ini - teknologi, sosial, adat istiadat, ideologi dan kesenian. Beliau juga percaya bahawa keadaan masa kini berkait rapat dengan masa lalu. Oleh itu untuk memahami keadaan masa sekarang, kita terpaksa memahami masa yang lalu.

Berlainan dari ahli-ahli evolusi yang sezaman dengannya, Tylor percaya bahawa terdapat persamaan di antara masyarakat dari berbagai-bagai kebudayaan. Terdapat kesatuan kejiwaan di antara semua masyarakat, yang menyebabkan penemuan yang selari mengenai tret kebudayaan dan dengan itu lahir sejarah evolusi yang sama. Oleh itu, masyarakat yang berbagai-bagai selalunya memberikan cara penyelesaian yang sama (Harris 1968: 175-6). Sebaliknya,

Tylor juga memperhatikan bahawa tret kebudayaan mungkin menjalar dari satu masyarakat kepada satu masyarakat yang lain melalui proses difusi (ibid: 173).

Henry Morgan, seorang peguam di New York amat cenderung kepada masyarakat Iroquois (satu masyarakat Red Indian). Kecenderungannya itu telah menghasilkan *League of Iroquois* yang dianggap oleh banyak penulis sebagai 'pemerihalhan mengenai kaum dayak Indian yang pertama dan saintifik yang pernah disumbangkan kepada dunia, (Fenton 1962: XVIII dalam Malefijt 1974: 147). Dalam karyanya itu Morgan lebih menumpukan kepada organisasi persanakan Iroquois. Beliau telah menjalankan satu penyelidikan yang sistematik mengenai peraturan-peraturan perkahwinan dan sistem-sistem keturunan dari nisab sebelah ibu. Beliau kagum dengan sistem memanggil saudara mara yang beliau golongkan peraturan ini sebagai sistem pengelasan. Dalam sistem ini seorang anak memanggil semua saudara perempuan ibunya sebagai 'ibu' dan saudara lelaki bapanya 'bapa', semua adik-beradik neneknya sebagai 'nenek' dan adik-beradik lelaki datuknya sebagai 'datuk'. Beliau membezakan sistem ini dengan sistem masyarakat Amerika yang disebut sebagai sistem perihal (*descriptive*). Morgan juga merupakan salah seorang yang memperkenalkan evolusi kebudayaan dalam abad kesembilan belas. Morgan lebih dogmatik mengenai teori evolusinya. Beliau menggalurkan sejarah persanakan manusia bermula daripada kebebasan seks yang primitif dan terus melalui lima belas tahap evolusi sehingga ke tahap monogami di zaman moden. Analisis seumpama ini terdapat dalam bukunya yang terkenal, *Ancient Society*, diterbitkan dalam tahun 1877.

James Frazer pula dianggap dalam sejarah antropologi sebagai seorang yang mempopularkan disiplin antropologi. Tetapi Frazer tidak banyak memberikan sumbangan teori dalam disiplin ini kerana beliau sendiri percaya bahawa data adalah lebih menarik daripada teori (ibid: 156). Tetapi, anehnya beliau juga bukan seorang pengkaji luar. Sebaliknya beliau banyak mengumpulkan datanya dari punca yang terdapat daripada kesusasteraan klasik, etnografi, folk-lore dan linguistik. Sumbangannya yang paling penting dalam antropologi ialah penerbitannya bertajuk *Golden Bough* pada tahun 1890.

Tylor, Morgan dan Frazer telah dianggap sebagai orang terpenting dalam bidang antropologi pada abad kesembilan belas.

Kajian mereka banyak mempengaruhi ahli-ahli antropologi di Amerika dan di Britain. Sehingga pada akhir abad kesembilan belas jelas kelihatan ahli-ahli antropologi di kedua-dua buah negara itu cenderung dalam bidang yang sama, dan mereka menggunakan teori yang sama untuk mengkaji masalah yang sama seperti yang telah digunakan oleh Tylor, Morgan dan Frazer.

Pendekatan Tylor hampir selari dengan penulisan Herbert Spencer. Namun demikian tekanan yang diberikan oleh Spencer adalah berbeza. Dalam bukunya, *Principles of Sociology* (1896), Spencer cuba menguji semula teori yang menggalurkan evolusi perkahwinan dari poligami hingga monogami dan menekankan evolusi masyarakat ke arah pengkhususan yang kompleks. Seperti juga Morgan dan Tylor, Spencer melihat evolusi kebudayaan berlaku dengan nyata dan jelas.

Ahli-ahli teori evolusi abad ke-19 cuba membuktikan skema perkembangan bentuk kebudayaan. Dalam percubaan mereka untuk mencari hukum budaya, ahli-ahli teori evolusi berharap dapat menjelaskan persamaan dan perbezaan antara kebudayaan di dunia ini. Walaupun hasil yang dicapai oleh ahli-ahli evolusi boleh dianggap sebagai satu kejayaan ke arah mencari sebab perkembangan kebudayaan, tetapi pegangan mereka yang mengatakan semua kebudayaan melalui tahap-tahap perkembangan yang sama boleh menyebabkan mereka membuat generalisasi yang keterlaluan dan kesimpulan-kesimpulan yang dipermudahkan.

Konsep evolusionisme adalah satu aspek yang penting sebelum lahirnya teori Darwin. Dalam kurun ke-19 Eropah mengalami perubahan yang dinamis. Apabila sains dan industri berkembang dan negara-negara Eropah terus mengalami peperangan, pertelingkahan kelas, dan perubahan teknologi, pengkaji-pengkaji lebih cenderung untuk menumpukan kepada masalah masyarakat. Maka dengan itu difikirkan bahawa masanya telah sampai untuk memperluaskan ilmu sains kemanusiaan.

Salah satu kejadian penting dalam sejarah sains moden ialah lahirnya karya Darwin, *The Origin of Species*. Hasil Darwin ini mewakili pernyataan yang pertama dan formal mengenai teori evolusi. Walaupun Darwin sendiri lebih menumpukan kepada cara beberapa spesies berkembang melalui evolusi biologi, ideanya memberikan satu pandangan ke arah evolusi kebudayaan yang telah

diperkembangkan oleh ahli-ahli antropologi yang lalu. Walaupun Darwin menyentuh secara ringkas mengenai evolusi manusia, implikasi teori ini amat luas dan ia menjadi perdebatan yang hangat.

Ahli-ahli antropologi yang berpegang kuat pada teori evolusi percaya bahawa masyarakat dan kebudayaan berkembang dalam rentetan yang bertahap-tahap. Dengan mengkaji evolusi sosial, mereka berharap dapat memperkembangkan sains kebudayaan yang boleh membentuk hukum-hukum sejagat mengenai tingkah laku manusia dan perkembangan kebudayaan. Dalam usaha untuk mencari hukum-hukum itu, ahli-ahli teori evolusi cuba menekankan persamaan di antara kebudayaan tetapi kurang menekankan perbezaannya. Walaupun mereka tidak menolak keseluruhan pentingnya pertukaran tret kebudayaan di antara masyarakat, mereka percaya bahawa masyarakat yang terpencil cuba membentuk alat-alat dari institusi yang serupa secara berasingan. Proses di mana kebudayaan yang berasingan membentuk idea dan objek yang serupa tanpa pertukaran kebudayaan disebut sebagai *penemuan bebas* (independent invention).

Oleh kerana mereka berpegang kepada fahaman bahawa semua masyarakat melalui rentetan tahap ini, ahli-ahli teori evolusi percaya bahawa kebudayaan masyarakat primitif hari ini adalah lebih mirip kepada keadaan peringkat awal perkembangan kebudayaan seperti yang pernah dilalui oleh kebanyakan kebudayaan masyarakat. Antara mereka yang menguatkan kedudukan teori evolusi ini ialah Lewis Henry Morgan, Sir Edward Tylor dan Herbert Spencer.

Tetapi pada akhir abad ke-19, banyak ahli antropologi mula menolak kaedah serta hasil penemuan ahli evolusi. Sehingga ketika itu, amat sedikit terdapat data etnografi. Kesimpulan yang dibuat oleh Tylor dan Morgan pada umumnya adalah bergantung bukannya pada pengalaman yang asli, tetapi bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh pengembara, mubaligh Kristian dan pegawai penjajah. Tambahan lagi, ahli-ahli teori evolusi merasa mereka banyak melakukan kesilapan. Namun demikian mereka kerap kali berkeras menekankan kebenaran data yang tidak boleh dipercayai untuk melengkap skema yang telah mereka bentuk terlebih dahulu.

Di antara ahli antropologi yang menentang golongan "arm chair" itu tadi ialah Franz Boas. Beliau berpendapat bahawa amat penting bagi ahli antropologi memungut data sebanyak yang mung-

kin mengenai kebudayaan sesuatu masyarakat, sebelum hukum yang meliputi semua perkembangan masyarakat dapat dibentuk. Boas mencadangkan supaya ahli antropologi mengkaji sesuatu masyarakat itu dengan mendalam, sama ada dalam bentuknya yang ada sekarang atau bentuknya di zaman yang lalu. Boas menunjukkan pendekatannya dengan mengarahkan pandangan kepada kebudayaan masyarakat Red Indian yang mula malap dan sebelum luput sama sekali perlulah dikaji.

Semasa memungut data masyarakat *Red Indian* di Amerika, Boas menemui berbagai-bagai fakta yang jelas tidak sejajar dengan skema umum tentang tingkah laku kebudayaan seperti yang dihurairkan oleh ahli-ahli evolusi.

Beliau sebaliknya melahirkan satu tesis bahawa setiap kebudayaan mempunyai kerumitannya tersendiri dan oleh sebab itu persamaan di antara kebudayaan lebih baik dijelaskan dengan andaian bahawa pertukaran kebudayaan telah berlaku. Dengan tesis yang diketahui sebagai partikularisme sejarah, Boas menolak percubaan teori evolusi yang cuba untuk membuat satu skema yang meluas mengenai perkembangan kebudayaan tanpa memikirkan sedalam-dalamnya perbezaan kebudayaan manusia.

## **2. Antropologi Pada Awal Abad Kedua Puluh**

Disiplin antropologi dalam bentuknya yang ada pada hari ini merupakan satu disiplin yang baru. Disiplin ini lahir daripada kecenderungan manusia untuk mengetahui masyarakat dan kebudayaan mereka. Perkembangan antropologi boleh dirujuk sedikit sebanyak kepada teknologi yang dilahirkan oleh manusia. Sepanjang sejarah manusia, pergerakan mereka terbatas di kawasan alam sekitar mereka bagi menjalankan tugas-tugas mereka. Disebabkan kekurangan kemudahan untuk melihat tempat lain, untuk mengembara ke tempat yang lebih jauh maka perhatian mereka terhadap kebudayaan dan anggota-anggota masyarakat yang lain dari masyarakat mereka sendiri adalah susah. Perjalanan yang jauh selalunya merupakan satu keistimewaan kepada beberapa orang saja. Kajian mengenai kebudayaan asing tidak mungkin berkembang sehingga cara yang lengkap dalam bidang komunikasi dan pengangkutan wujud. Punca penting yang melambatkan perkembangan disiplin antropologi ialah kegagalan manusia Eropah untuk

## PERKEMBANGAN DISIPLIN ANTROPOLOGI

mengiktiraf persamaan manusia dan perkembangan kebudayaan masyarakat di tempat lain. Masyarakat yang tidak memberikan apa-apa sumbangan kepada nilai kebudayaan yang fundamental terhadap perkembangan kebudayaan masyarakat Eropah dianggap sebagai masyarakat buas (savage) atau barbarian. Hanya pada akhir abad ke-18 beberapa orang Eropah telah menganggap tingkah laku yang dahulunya dianggap aneh sebagai relevan. Untuk memahami diri mereka sendiri, kesedaran mengenai perbezaan yang melahirkan ketidakseragaman di kalangan manusia itu tidak lagi menjadi pokok perbincangan.

Banyak yang ingin mengetahui tentang adat resam orang lain, tetapi hanya dalam masa seratus tahun yang lalu saja hal ini dapat dipraktikkan apabila sistem pengangkutan dan komunikasi mula berkembang. Pada masa inilah kajian antropologi secara saintifik dipraktikkan. Banyak ahli pengembara ketika itu seperti Marco Polo dan Herodotus telah mencatatkan serta membuat komen mengenai cara hidup anggota masyarakat yang dilawatinya. Tujuan penting mengapa mereka melakukan hal yang demikian ialah untuk memberi perhatian dan menghiburkan teman-teman mereka. Ahli falsafah pula telah memberikan gambaran yang salah tentang masyarakat primitif. Namun demikian idea mereka telah diterima dan dihormati. Sejak seratus tahun yang lalu mereka yang cenderung mempelajari kebudayaan lain menyedari bahawa sekiranya mereka mahu melahirkan sesuatu yang bernilai saintifik maka mereka haruslah mengkajinya secara saintifik juga, iaitu dengan menggunakan cara-cara yang sistematik dan pemerhatian yang tidak berbelah bagi. Untuk menghuraikan sesuatu kebudayaan dengan tepat ahli antropologi mula tinggal bersama-sama dengan masyarakat tempatan, iaitu di kalangan orang yang mahu dikaji. Dengan cara yang demikian, mereka dapat memperhatikan dan juga mengambil bahagian dalam aktiviti yang biasanya dilakukan oleh masyarakat itu. Tambahan lagi penglibatan dan pemerhatian serta juga pensampelan yang tertentu mengenai adat resam itu tadi dapat dilakukan dengan secara teratur. Dengan lain perkataan ahli antropologi memulakan kajian mereka dengan membuat kajian luar untuk mendapatkan data empiri.

Untuk membincangkan perkembangan antropologi maka kita akan melihat beberapa nama terkemuka seperti yang telah disebut-

kan di awal bab ini, di samping itu kita juga akan melihat sumbangan mereka yang terpenting. Seterusnya dalam bab ini kita akan menjelaskan beberapa pendekatan dan teori dalam antropologi yang masih digunakan hingga ke hari ini.

### 3. Evolusi Masyarakat

Dalam perkembangannya yang awal antropologi lebih dikenal dengan penggunaan pendekatan evolusi. Pemikiran evolusi menekankan bahawa kebudayaan sesuatu masyarakat itu berkembang dalam bentuk-bentuknya yang tertentu mengikut tahap yang terdapat di dalam sejarah perkembangan masyarakat. Ahli-ahli teori evolusi menganggap bahawa kebanyakan masyarakat di dunia ini telah berkembang melalui beberapa tahap yang tertentu sehinggalah sampai kepada matlamat yang terakhir di dalam perkembangan masyarakatnya. Punca perubahan kebudayaan merupakan suatu perkara biasa yang tumbuh dalam kebudayaan. Oleh itu matlamat yang terakhir bagi perkembangan kebudayaan itu telah ditentukan mengikut tahap perkembangan masyarakat.

Dalam abad ke-20, terdapat dua orang ahli antropologi yang memberikan pandangan yang mewakili pandangan terhadap tahap tertentu evolusi yang dilalui oleh masyarakat iaitu Edward B. Tylor dan Lewis Henry Morgan (Malefijt, 1974). Edward Tylor (1832-1917) ialah seorang Inggeris yang dianggap sebagai ahli antropologi profesional yang pertama, dalam erti kata dia adalah orang yang mula-mula menduduki kerusi ahli antropologi di universiti. Tylor boleh dianggap mewakili pandangan ahli-ahli pemikir kurun ke-19 yang menolak pandangan bahawa kumpulan masyarakat Red Indian di Amerika itu merupakan sebagai golongan yang paling rendah kebudayaannya dibandingkan dengan golongan manusia yang bertamadun (Malefijt, 1974; Harris, 1968). Tylor berpendapat bahawa kebudayaan berputar dan bertukar daripada keadaan yang ringkas kepada keadaan yang lebih kompleks. Dengan cara ini maka semua kebudayaan melalui semua tahap yang terdapat di dalam perkembangan kebudayaan itu dari tahap liar (*savagery*), menjadi barbarisme dan seterusnya menuju ke tahap tamadun.

Keseluruhan perbincangan ini terdapat dalam bukunya *Primitive Culture*, diterbitkan pada tahun 1871. Berpegang kepada pan-

dangan ini Tylor mengatakan kemajuan perkembangan masyarakat manusia masa kini menggambarkan darjah yang berlainan daripada masyarakat yang telah lalu. Dia menyatakan bahawa masyarakat masa kini sebagai hasil tinggalan yang lalu di mana tahap-tahap yang dilalui oleh kemajuan manusia ini telah direkodkan dan dibukukan. Tylor juga telah melihat kembali kebiasaan tingkah laku dan adat istiadat masyarakat primitif yang terdapat hingga ke hari ini adalah merupakan kebudayaan mereka. Misalnya dalam pembuatan barang-barang tembikar sebagai satu penerusan kebudayaan yang dimaksudkan oleh Tylor itu. Masyarakat primitif membuat bahan kegunaannya daripada tanah liat kerana ia merupakan bahan yang banyak terdapat dalam masyarakat itu. Pada hari ini teknologi yang lebih maju telah melahirkan beberapa pilihan untuk menggunakan bahan-bahan yang lebih kuat dan tahan lama seperti kaca, besi dan plastik yang kuat. Dengan itu kegunaan tanah liat untuk membuat tembikar ini tidak lagi diperlukan. Namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa ia menjadi alasan yang logik untuk mengekalkan bentuk primitif ini tadi dengan cara yang lebih baik. Pada hari ini kita terus menggunakan bahan daripada tanah liat itu walaupun terdapat bahan-bahan yang lebih baik, kerana kita gemarkan bahan-bahan itu. Tylor juga menekankan wujudnya persamaan dalam beberapa aktiviti dan teknologi yang terdapat di dalam masyarakat yang berbeza-beza. Dia percaya bahawa terdapat suatu kesatuan pemikiran di antara anggota berbagai masyarakat dari tempat-tempat yang berlainan yang menghasilkan penemuan yang selari dalam beberapa tret kebudayaan. Oleh itu mereka melahirkan suatu sejarah evolusi yang pertama. Dengan lain perkataan oleh kerana terdapatnya persamaan idea di antara masyarakat-masyarakat itu tadi, maka masalah yang berlainan diselesaikan dengan cara yang sama secara bersendirian. Tylor juga telah menunjukkan bahawa tret kebudayaan mungkin sampai ke tempat lain dalam masyarakat lain melalui proses difusi yang ringkas, iaitu dengan cara peminjaman oleh suatu masyarakat terhadap tret kebudayaan yang mulanya dipunyai oleh satu masyarakat melalui konteks di antara kedua golongan masyarakat itu tadi.

Seorang lagi pengembang teori evolusi kebudayaan ini ialah Lewis Henry Morgan (1818-1889) - seorang peguam di New York yang kemudian menumpukan kajiannya terhadap kebudayaan orang-

orang Iroquois Indian (Malefijt, 1974). Sebagai seorang peguam beliau ditugaskan untuk melindungi hak-hak tanah kepunyaan orang *Red Indian* golongan Iroquois. Sebagai membalas budinya dia telah diterima sebagai seorang anggota masyarakat Iroquois. Dia telah mengambil peluang ini untuk mengkaji masyarakat Iroquois dengan lebih mendalam lagi. Dalam tahun 1851 Morgan menerbitkan sebuah buku mengenai orang Iroquois yang berjudul *League of Iroquois*. Akhirnya Morgan telah menumpukan perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap masyarakat Iroquois dan disiplin antropologi sehingga dia berhenti dari menjadi peguam.

Dalam tahun 1877, Morgan menerbitkan *Ancient Society*. Morgan telah membahagikan evolusi kebudayaan manusia kepada tiga tahap yang penting, sebagaimana juga yang telah diberikan oleh Tylor, iaitu savageri, barbarisme dan tamadun. Perbezaannya di sini ialah Morgan telah mengelaskannya dengan lebih terperinci. Dia bahagikan savageri dan barbarisme kepada kumpulan atas, menengah dan bawah, digambarkan tahap-tahap ini mengikut pencapaian teknologi. Menurutnya pembikinan barang tembikar merupakan pencapaian barbarisme peringkat rendah. Pertanian ataupun penanaman pokok dan menternak binatang menandakan masyarakat telah berada pada peringkat barbarisme menengah, manakala pembuatan barang-barang daripada besi merupakan pencapaian masyarakat yang berada dalam golongan barbarisme atas. Bagi Morgan sifat-sifat kebudayaan dalam tahap-tahap ini lahir daripada pemikiran asli masyarakat itu sendiri. Pandangan ini merupakan benih yang lahir daripada masyarakat yang masih berada di peringkat savageri lagi dan kemudiannya berkembang menjadi prinsip asas sesuatu masyarakat. Morgan (1877) menyatakan bahawa tahap-tahap teknologi mempunyai hubungan yang rapat dengan pola kebudayaan mereka. Misalnya beliau mengandaikan bahawa institusi famili berkembang mengikut enam tahap iaitu bermula dengan manusia tinggal bersama-sama tanpa perbezaan atau halangan melakukan hubungan seks. Pada tahap ini manusia tidak ada institusi persanakan yang jelas. Tahap kedua ialah apabila sekumpulan lelaki berkahwin dengan sekumpulan wanita yang membenarkan hubungan seks di antara abang dan adik. Pada tahap ketiga perkahwinan secara kumpulan dilakukan antara kumpulan lelaki dan kumpulan perempuan. Pada tahap ini perkahwinan di antara adik-beradik tidak

dibenarkan. Tahap keempat berlaku di peringkat barbarisme yang digambarkan dengan hubungan di antara lelaki dengan perempuan tetapi mereka masih melakukan hubungan seks dengan orang lain. Kemudian sampailah ke tahap suami menjadi ketua dalam keluarga dan ia dibenarkan mempunyai lebih daripada seorang isteri dalam waktu yang sama. Akhirnya sampailah kepada tahap tamadun yang digambarkan oleh Morgan dengan kumpulan keluarga yang mempunyai seorang suami dan seorang isteri sahaja, iaitu suami dan isteri mempunyai status yang sama. Morgan percaya apabila masyarakat manusia berkembang, unit persanakan mereka menjadi kecil dan menjadi unit yang penting. Andaian Morgan ini walau bagaimanapun tidak disokong oleh data yang banyak dipungut. Misalnya dalam masyarakat liar yang terdapat pada hari ini, tidak mempunyai kumpulan persanakan yang membenarkan perkahwinan di antara adik-beradik. Karl Marx amat tertarik dengan pandangan Morgan itu yang menyerupai teori persejarahannya. Dengan menggunakan pandangan Morgan itu Marx dan pembantunya iaitu Friedrich Engels telah melahirkan suatu ciri mengenai institusi mengenai monogami, hak individu dan negara dikatakan bertanggungjawab menindas dan menekan golongan pekerja dalam masyarakat industri moden (Harris, 1968). Marx dan Engels memperkembangkan lagi teori evolusi Morgan itu dengan memasukkan satu tahap lagi yang dapat menggambarkan masa depan evolusi kebudayaan di mana monogami, hak individu dan negara akan luput dari muka bumi dan institusi perkumpulan masyarakat primitif itu akan muncul semula.

Teori evolusi yang diperkembangkan dalam abad ke-19 oleh Tylor, Morgan dan lain-lainnya telah ditolak hari ini. Penolakan ini disebabkan beberapa alasan yang penting. Pada umumnya ahli evolusi ini tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan bagi menghuraikan persoalan seperti mengapakah masih terdapat pembangunan yang tidak sama berlaku di antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Misalnya mengapa sebahagian daripada masyarakat masih berada pada peringkat savageri atas manakala masyarakat lain telah sampai ke peringkat pemodenan. Tambahan lagi bukti-bukti menunjukkan bahawa sebahagian daripada masyarakat di dunia ini tidak berkembang menurut tahap seperti yang dinyatakan tadi. Sebahagian daripada masyarakat ini

sebaliknya mundur ke belakang manakala yang lain telah luput dari muka bumi ini. Di samping itu ada juga masyarakat yang maju dan mencapai kemajuan hingga ke tahap yang paling moden. Namun demikian sebahagian daripada mereka tidak pun melalui tahap-tahap yang telah dinyatakan itu tadi. Sekiranya perkembangan yang seumpama itu tidak dapat dielakkan, teori evolusi ini tidak dapat menentukan arah perkembangan masyarakat. Dengan yang demikian menurut Harris (1968) kira perlu mencari pendekatan lain untuk menjelaskan evolusi kebudayaan.

#### 4. Partikularisme Sejarah

Setelah berakhirnya era teori evolusi sebagai suatu teori yang penting dalam sejarah antropologi kebudayaan, timbul pula satu pandangan yang baru, iaitu partikularisme sejarah. Pendekatan partikularisme sejarah ini bertentangan dengan teori evolusi. Salah seorang ahli antropologi yang menentang hebat teori evolusi ini ialah Franz Boas (1858-1942). Boas telah menolak (Malefijt, 1974) tanggapan dan andaian Tylor dan Morgan yang menumpukan kepada hukum-hukum kebudayaan yang menguasai semua masyarakat. Dia menekankan bahawa ahli teori dalam kurun ke-19 tidak mempunyai data yang cukup untuk membuat generalisasi yang menyeluruh dan berguna. Kebanyakan maklumat yang digunakan oleh Tylor dan Morgan adalah catatan harian para pengembara, pedagang, mubaligh agama Kristian serta juga pelaut. Sedangkan mereka ini tidak boleh dianggap sebagai ahli antropologi jika diukur daripada pandangan saintifik hari ini (Harris, 1968).

Boas menekankan bahawa terdapat beberapa kebudayaan yang kompleks dan berbeza-beza. Berasaskan kepada alasan inilah dia percaya bahawa terlalu awal untuk membuat teori atau hukum-hukum yang sejagat. Boas menyatakan bahawa sesuatu tret kebudayaan itu harus dikaji dalam proses masyarakat di mana ia terjelma dan diamalkan. Pada tahun 1896 Boas telah menulis sebuah buku bertajuk *The Limitation of the Comparative Method of Anthropology*, yang menentang pendekatan evolusi. Dalam buku ini dia telah menyatakan bahawa ahli antropologi seharusnya tidak membuang masa melahirkan teori-teori mereka berasaskan kepada data yang tidak lengkap. Sebaliknya dia mencadangkan supaya mereka memu-

ngut data sebanyak yang mungkin dan setakat mana yang boleh sebelum sebahagian besar daripada kebudayaan masyarakat primitif ini luput dari muka bumi. Dia menekankan pada ketika ini sebahagian besar masyarakat primitif telah mula bertembung dengan masyarakat daripada negara yang lebih maju. Jika data seperti ini dapat dipungut dan kemudiannya diinterpretasi maka barulah beberapa teori boleh dilahirkan. Oleh itu Boas sendiri telah melakukan penyelidikan antropologi dengan pergi ke tempat-tempat yang lebih jauh seperti di kalangan orang Red Indian di Amerika dan juga di kalangan masyarakat di Pantai Pasifik Utara (Mair, 1969). Boas berharap pemungutan data yang banyak ini dapat melahirkan hukum-hukum mengenai perbezaan kebudayaan. Mengikut Boas isi pati tentang sains ialah supaya kita jangan mudah mempercayai semua yang diandaikan, tetapi sebaliknya mempercayai hakikat yang sebenarnya. Malah lebih baik kita bergantung kepada fakta yang dapat kita lihat daripada andaian yang belum tentu.

Kita menyedari bahawa tidak ada seorang pun yang boleh melihat ataupun mendapatkan semua fakta yang dinyatakan itu. Hal ini disebabkan fakta yang mereka kumpulkan itu, walaupun dilakukan dengan berhati-hati namun pemungutan data mereka bergantung kepada andaian dan perkara yang mereka anggap penting. Tanpa memikirkan sebarang teori atau gejala yang hendak dilihat kajiannya tidak memberi makna sama sekali (Beattie, 1964). Dalam proses pemungutan data mungkin mereka akan mengenyahkan fakta yang penting, sementara fakta yang kurang penting mereka rekodkan. Walaupun ahli-ahli antropologi bersetuju dengan pandangannya yang jauh dan kritis terhadap ahli-ahli teori yang digolongkan sebagai antropologi yang sedap duduk di kerusi malas (arm chair), pandangannya yang menumpukan kepada perkara yang terlalu luas tidak menggalakkan seseorang untuk menjelaskan perbezaan yang terdapat dalam masyarakat yang berbeza. Pada hal perkara ini menjadi kecenderungan ahli antropologi. Boleh dikatakan bahawa sekiranya seseorang itu tidak percaya kemungkinan penjelasan sebab akibat bagi kebudayaan yang berbeza, kemungkinannya ia tidak mencari dan mengkaji maklumat itu. Pandangan Boas tidak berorientasikan teori kerana beliau tidak menjelaskan kepada kita bagaimana kita boleh membuat sesuatu penjelasan. Namun demikian pandangan Boas ini telah disambut baik oleh ahli-ahli antropolo-

gi kerana beliau telah mengikis fikiran ahli-ahli evolusi yang melihat masyarakat lain sebagai masyarakat liar dan berkebudayaan rendah.

## 5. Difusi

Dalam abad yang sama sarjana-sarjana antropologi mencari jalan untuk menjelaskan perkembangan kebudayaan. Maka pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 iaitu semasa ciri-ciri evolusi kebudayaan yang dipopularkan oleh Tylor dan Morgan terus berkembang, satu golongan lain iaitu golongan difusionisme mula bertapak. Secara kasarnya terdapat dua golongan difusionisme ini. Golongan yang pertama ialah yang dipopularkan oleh golongan antropologi di Britain dan golongan kedua ialah kumpulan Jerman-Austria. Di kalangan ahli-ahli difusi British yang berpengaruh ialah G. Elliot Smith, William, J. Perry dan juga W.H.R. Rivers. Mereka menganggap bahawa aspek-aspek tamadun yang tinggi telah berkembang di Mesir di mana telah wujudnya satu kebudayaan yang lebih maju berasaskan pertanian. Kemajuan pertanian ini kemudiannya tersebar ke merata dunia melalui hubungan di antara orang Mesir dengan orang dari kebudayaan lain. Ahli-ahli difusi British merasakan bahawa evolusi yang selari iaitu perkembangan sesuatu tret kebudayaan dalam dua kawasan yang berasingan jarang sekali berlaku. Masyarakat manusia biasanya kurang mencipta tetapi mereka lebih suka meminjam daripada ciptaan kebudayaan asing. Pandangan seumpama ini tidak pernah diterima di dalam antropologi, kecuali di Amerika Syarikat (Malefijt, 1968). Banyak ahli antropologi yang menolak pandangan ini (Kupper, 1963).

Di kalangan Jerman-Austria, golongan difusi ini telah diketuai oleh Firtz Graebner dan juga Father Wilhelm Schmidh. Mereka berpegang kepada anggapan bahawa anggota masyarakat meminjam tret kebudayaan asing kerana pada asasnya anggota-anggota masyarakat tidak suka mencipta. Mereka menganggap bahawa tret kebudayaan boleh tersebar di dalam sesuatu kumpulan secara berkelompok-kelompok ataupun secara tersendiri dalam lingkungan kawasan yang lebih jauh. Schmidh dan Graebner mencadangkan bahawa sifat kebudayaan yang tertua dalam dunia ini boleh dibangunkan semula dengan melihatnya melalui tret yang sama dalam kehidupan masyarakat primitif.

Pemikiran mereka berbeza daripada pemikiran golongan difusi British. Golongan difusi British menganggap bahawa tret kebudayaan bermula dari satu tempat di Mesir dan kemudiannya ditapis melalui kebudayaan yang tertentu dan akhirnya sampai ke merata-rata tempat di dunia ini. Golongan Jerman-Austria ini sebaliknya pula menganggap bahawa wujud satu lingkungan kebudayaan (*culture circle*) atau dalam bahasa Jerman (*Kulturkreis*), iaitu kawasan-kawasan di mana tret kebudayaan yang sama-sama diamalkan dapat diperhatikan. Namun demikian seperti juga pandangan ahli-ahli difusi British, golongan *kulturkreis* ini tidak banyak memberikan dokumentasi bagi membuktikan hubungan sejarah yang mereka katakan itu.

Di Amerika dalam waktu yang sama lahir pula golongan difusi. Golongan ini diketuai oleh Clark Wissler dan Alferd Kroeber. Secara umumnya pandangan Wissler dan Kroeber ini selari dengan pandangan golongan Jerman-Austria, tetapi tekanannya adalah lebih sederhana (Harris, 1968). Ahli-ahli teori difusi Amerika menggambarkan kawasan kebudayaan sebagai satu kawasan yang menjadi pusat kebudayaan di mana terdapat tret kebudayaan yang mula berkembang di sini dan kemudiannya tersebar melalui proses difusi keluar daripada kawasan yang asal. Wissler membuat satu saranan yang menunjukkan wujudnya satu kawasan yang menggambarkan umur kawasan yang disebutnya sebagai prinsip pemusatan umur. Prinsip ini mencadangkan bahawa sesuatu kebudayaan yang tertentu berkembang keluar daripada pusat kebudayaan. Kemudian ia akan meluas dan terus berkembang merebak ke kawasan-kawasan kebudayaan lain di sekitarnya seperti dalam pusat kebudayaan yang lebih tua. Kebanyakan daripada ahli-ahli antropologi pada hari ini menerima pandangan penyebaran tret kebudayaan melalui proses difusi ini. Terdapat beberapa orang di antara mereka cuba membuat penyelidikan untuk menunjukkan aspek-aspek yang besar dalam perkembangan kebudayaan dan juga perbezaan daripada teori difusi itu tadi.

Satu perkara mengenai teori difusi ini dapat dilihat bahawa mereka menjelaskan sesuatu perkara itu misalnya persoalan bagaimana tret kebudayaan ini dipindahkan dari satu kebudayaan kepada satu kebudayaan yang lain dengan secara tidak mendalam (Harris, 1968). Kelemahan ini adalah satu kegagalan yang serius kerana

masalah yang penting untuk menjelaskan mengapa satu kebudayaan menerima, ataupun mengubahsuaikan kebudayaan dari kebudayaan yang asal, tidak pernah pun terjawab. Memang diketahui bahawa semua masyarakat tidak semestinya meminjam daripada jiran tetangganya tetapi mereka mungkin juga menciptanya secara bersendirian. Kebanyakan penjelasan ahli-ahli difusi membuntukan fikiran. Walaupun teori difusi dapat menjelaskan bagaimana dan mengapa suatu tret kebudayaan itu disebarkan keluar daripada pusat kebudayaan, teori ini masih belum dapat menjelaskan dengan memuaskan bagaimana dan mengapa tret kebudayaan berkembang di pusat-pusat kebudayaan tadi dan tidak di tempat lain dan teori ini belum juga dapat menjelaskan asal usul tret kebudayaan (Malefijt, 1974).

## 6. Fungsionalisme

Sebagaimana yang telah kita lihat beberapa golongan antropologi cuba melihat sesuatu kebudayaan itu sebagai tret yang terpisah-pisah. Salah seorang ahli antropologi yang menggunakan pendekatan fungsionalisme ialah Bronislaw Malinowski (1884-1942). Mendapat pendidikannya di Poland di dalam bidang matematik, dan kemudian mempelajari antropologi di England selama empat tahun. Dalam masa perang dunia pertama beliau tinggal bersama-sama dengan golongan masyarakat Pulau Trobriand. Dia memerhatikan cara hidup masyarakat ini dengan mengambil bahagian dalam aktiviti mereka setelah mengasingkan dirinya daripada orang Eropah yang terdapat di kawasan ini. Dia mempelajari dan memahami bahasa masyarakat Trobriand ini. Malinowski cuba melihat masyarakat primitif dari kaca mata mereka sendiri supaya dia dapat memahami kebudayaan masyarakat tempatan itu dengan tepat. Cara yang digunakan oleh Malinowski ini kemudian diketahui sebagai penglibatan dan pemerhatian, kemudiannya menjadi satu pendekatan yang digunakan oleh ahli antropologi dalam menjalankan kajian luar mereka. Malinowski menyarankan satu orientasi kritis yang diberi nama fungsionalisme. Teori ini menganggap bahawa semua tret kebudayaan adalah berfungsi dalam masyarakat yang mengamalkan tret kebudayaan seumpama itu. Pandangan fungsionalisme ini menegaskan bahawa semua pola adat resam,

tingkah laku, kepercayaan serta sikap merupakan sebahagian daripada kebudayaan yang mempunyai tugas atau fungsi asas dalam sesuatu kebudayaan. Malinowski menegaskan bahawa tugas sesuatu tret kebudayaan itu ialah keupayaannya untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan asasi dan keperluan sampingan golongan individu masyarakat itu. Keperluan asasi sesuatu masyarakat termasuklah makanan, pembiakan, keselesaan, keselamatan, kerehatan, pergerakan dan perkembangan. Sebahagian daripada aspek-aspek kebudayaan dapat memuaskan keperluan asas masyarakat. Apabila masyarakat memenuhi keperluan asas ini maka akan timbul keperluan sampingan yang harus dipuaskan oleh masyarakat. Tret kebudayaan yang memenuhi keperluan makanan akan melahirkan keperluan sekunder seperti bekerjasama untuk mengeluarkan barang makanan atau memungut bahan-bahan makanan. Maka anggota-anggota masyarakat itu akan melahirkan beberapa bentuk organisasi politik dan pengawalan yang menentukan anggota masyarakat itu dapat bekerjasama bagi mencapai matlamat masyarakatnya. Oleh sebab itu Malinowski menganggap bahawa kebudayaan akhir-akhirnya akan memenuhi kepuasan bagi keperluan asas anggota masyarakat itu. Malinowski percaya bahawa pendekatan fungsionalisme ini mempunyai nilai penting yang praktikal (Malefijt, 1968). Pengertian yang dapat diambil dari sini ialah fungsionalisme dapat digunakan untuk mengkaji masyarakat primitif, terutama sekali sebagaimana yang dijelaskan oleh Malinowski, bahawa nilai praktikal ini dapat mengajar kita kepentingan relatif terhadap adat resam yang berbagai-bagai.

Teori ini telah menunjukkan bagaimana tret kebudayaan ini bergantung antara satu dengan lain dan bagaimana ia telah digunakan oleh mubaligh, pentadbir penjajah serta ahli-ahli ekonomi yang menekan dan menindas perdagangan dan tenaga buruh dari kalangan masyarakat primitif. Penolakan teori fungsionalisme Malinowski ini ialah bahawa ia tidak dapat secara menyeluruh menghuraikan wujudnya perbezaan-perbezaan kebudayaan. Keperluan-keperluan yang ditunjukkan oleh Malinowski merupakan keperluan masyarakat untuk hidup dan wujud. Walaupun pendekatan fungsionalisme mungkin dapat menerangkan bahawa semua masyarakat perlu untuk menjalankan aktiviti memungut bahan makanan, ia tidak dapat menjelaskan mengapa anggota masyarakat yang berlain-

an menjalankan aktiviti yang berlainan dalam pemungutan makanan. Hakikat ini dapat kita lihat umpamanya fungsionalisme tidak mampu menjelaskan mengapa pola kebudayaan yang tertentu lahir dan berkembang, sedangkan keperluan sesuatu masyarakat mungkin dapat dipenuhi dengan cara yang lain. Namun demikian dapat dikatakan bahawa pendekatan fungsionalisme ini penting bagi menganalisis sesuatu kebudayaan tetapi ia tidak dapat dengan sendirinya memberikan gambaran mengapa kebudayaan yang berbeza-beza mempunyai tret kebudayaannya sendiri dan mengapa pula sesuatu kebudayaan itu mengalami perubahan (Harris, 1968).

## 7. Struktur Fungsionalisme

Seorang lagi ahli antropologi sosial British Arthur Reginold Radcliffe-Brown (1881-1955) telah mengutarakan teorinya mengenai tingkah laku masyarakat dengan menggunakan konsep fungsionalisme. Radcliffe-Brown (1952) menumpukan pandangannya untuk mengkaji masyarakat dan bukannya kebudayaan. Beliau menganggap dirinya sebagai seorang ahli sosiologi ataupun ahli antropologi sosial dan bukannya pengkaji budaya.

Teori yang dikemukakan oleh Radcliffe-Brown berbeza sedikit dari teori Malinowski di mana beliau menyatakan bahawa aspek tingkah laku sosial yang berbeza wujud untuk mengekalkan struktur sosial sesuatu masyarakat bukannya ia berkembang untuk memenuhi keperluan masyarakat. Struktur sosial sesuatu masyarakat merupakan satu jalinan masyarakat yang menyeluruh bagi memenuhi hubungan sosial yang wujud dalam masyarakat itu. Satu contoh yang diberikan oleh Radcliffe-Brown (1952) mengenai pendekatan struktur fungsionalisme ini ialah penjelasan daripada beberapa masyarakat yang berbeza-beza untuk menghindarkan ketegangan yang wujud di dalam masyarakat itu akibat perkahwinan. Untuk mengurangkan perasaan ketegangan antara ipar-iparnya, masyarakat boleh melakukan salah satu daripada dua cara. Pertamanya, mereka boleh membentuk satu aturan yang ketat bagi mengelakkan pertembungan atau mengurangkan interaksi secara persembukan di antara anggota keluarga ini. Dalam masyarakat Navajo anak menantu dikatakan jarang-jarang bertembung atau berinteraksi dengan ibu mertuanya. Cara kedua untuk mengurangkan perasaan

ketegangan ialah melalui hubungan gurau senda di antara anak menantu dan mertuanya, seperti yang berlaku di kalangan masyarakat Amerika. Dengan cara yang demikian mereka akan dapat mengurangkan ketegangan. Kedua-dua cara ini menghindarkan konflik di antara anggota-anggota di dalam keluarga tadi. Kedua-dua tret kebudayaan yang disebutkan itu, iaitu di kalangan aturan masyarakat Navajo dan hubungan gurau senda ini, telah melahirkan satu ikatan sosial yang kuat dalam masyarakat tadi.

Satu masalah yang timbul dari pendekatan struktur fungsionalisme yang sering diperdebatkan oleh sarjana-sarjana dalam sains sosial ialah sama ada sesuatu adat resam itu sebenarnya mempunyai peranan atau fungsi. Ertinya, bolehkah ia sebenarnya mengekalkan sistem sosial masyarakat. Hal ini susah hendak dibuktikan, tidak seperti dalam bidang biologi. Sesuatu organ dalam tubuh manusia yang diketahui tidak memberikan fungsi apabila dibuang ia tidak akan mengakibatkan sebarang mudarat pada manusia itu tadi. Tetapi ahli-ahli antropologi tidak dapat menentukan sama ada tret kebudayaan tadi mempunyai fungsi atau sebaliknya. Hal ini sering menimbulkan masalah yang berat dalam masyarakat iaitu sekiranya wujud anggapan bahawa sesuatu tret kebudayaan itu berfungsi tetapi sebenarnya ia tidak, maka ini akan menimbulkan akibat yang buruk pada masyarakat itu sendiri. Kita tidak boleh mengandaikan bahawa semua adat resam masyarakat itu berfungsi semata-mata kerana ia wujud dalam masyarakat pada ketika itu. Hanya yang boleh dilakukan oleh ahli antropologi ialah menilai sama ada sesuatu adat resam yang tertentu itu berfungsi. Namun demikian teori ini gagal untuk menjelaskan mengapa satu masyarakat memilih struktur sosial yang tersendiri dan berbeza daripada struktur sosial masyarakat lain (Harris, 1968).

## **8. Pendekatan Psikologi**

Pendekatan psikologi lebih mementingkan kepada pembentukan keperibadian anggota masyarakat. Hal ini wujud kerana kesedaran bahawa manusia dilahirkan dengan kebolehan untuk mempelajari kebudayaannya. Tetapi mereka tidak dilengkapi dengan kebudayaan semasa dilahirkan. Oleh sebab itu ahli antropologi cenderung untuk mengetahui cara-cara manusia mempelajari kebudayaannya

dan menyesuaikan diri dengan keperluan masyarakatnya. Di dalam sesuatu kebudayaan anggotanya perlu mempelajari kemahiran peninggalan supaya mereka dapat menjalankan sistem ekonominya dan mempelajari tingkah laku yang betul seperti yang diamalkan oleh masyarakat.

Sejak tahun 1920 beberapa orang ahli antropologi di Amerika mula cenderung mengkaji hubungan antara personaliti dan budaya. Salah satu aspek yang mereka kaji ialah sama ada pengalaman di waktu kanak-kanak memberikan kesan ke atas tingkah laku mereka apabila mereka dewasa. Pada mulanya ahli-ahli antropologi tidak memberikan tekanan yang serius terhadap aspek pendidikan kanak-kanak sebagai satu perkara yang penting dalam melihat sesuatu kebudayaan. Pengaruh Freud dan pengaruh ahli-ahli teori pendidikan telah menarik minat ahli-ahli antropologi untuk melihat aspek ini yang berlaku dalam alam kebudayaan kanak-kanak. Di samping itu mereka juga ingin melihat sama ada proses kedewasaan itu memainkan peranan penting bagi pembentukan personaliti waktu dewasa.

Ralph Linton dan Abraham Cardiner telah menimbulkan beberapa idea penting dalam beberapa seminar yang diadakan di Universiti Colombia pada tahun 1930-an dan 1940-an. Mereka menunjukkan bahawa ada hubungan antara personaliti dan kebudayaan. Satu perkara yang menarik sekali ialah pandangan yang diberikan oleh Cardiner bahawa semua ahli dalam sesuatu masyarakat mempunyai personaliti asas yang menjadi struktur personaliti mereka. Kanak-kanak melalui proses latihan asas yang hampir serupa seperti membuang air besar dan kecil serta mempelajari disiplin yang ketat. Mereka juga mengalami cara penyusuan dan penyapihan yang seragam. Oleh itu apabila mereka menjadi dewasa, mereka menunjukkan personaliti yang sama.

Keinginan untuk mengetahui kebudayaan dirasakan amat penting. Maka dalam perang dunia kedua orientasi personaliti dan kebudayaan ini telah digunakan bagi meninjau dan mengkaji masyarakat yang kompleks. Kebanyakan daripada kajian ini yang menumpukan kepada identiti nasional telah menemui tret personaliti yang berbeza di antara sebuah negara dengan sebuah negara (Barnow, 1963). Perbezaan ini ialah akibat dari pengalaman sosialisasi yang berbeza di waktu kanak-kanak. Satu kajian yang dilakukan oleh Gorer dan Rickman (1950), mengatakan bahawa orang Jepun

dewasa merupakan golongan yang bersifat kompulsif kerana semasa kecil mereka melalui latihan membuang air besar dan kecil yang ketat. Manakala sifat *manic-depressive*, iaitu perubahan emosi yang kerap berlaku di kalangan orang Rusia ialah disebabkan kanak-kanak Rusia dibedung dengan begitu ketat sekali. Pembedungan yang kuat menyebabkan kanak-kanak itu tidak boleh bergerak waktu tidur. Keadaan ini menimbulkan frustrasi di kalangan kanak-kanak yang akhirnya melahirkan suatu personaliti *manic-depression*.

Kajian ini dilakukan di waktu perang maka penyelidik tidak dapat pergi ke negeri Jepun dan Rusia mereka terpaksa memerhatikan secara tidak langsung ke atas masyarakat Rusia dan Jepun yang berada di Amerika. Penyelidik ini berjaya mendapatkan datanya melalui beberapa orang informan. Tetapi mereka mendapati kesimpulan yang dibuatnya adalah kurang memuaskan. Misalnya ahli-ahli antropologi yang mengkaji masyarakat Jepun mendapati bahawa latihan membuang air besar dan kecil yang dikatakan begitu ketat sebenarnya tidak benar. Oleh sebab itu kajian awal mengenai identiti nasional ini merupakan kajian yang tidak memuaskan. Pendekatan pengajian yang mereka gunakan merupakan suatu imaginasi tentang personaliti yang berbeza-beza di kalangan masyarakat kompleks.

Pendekatan psikologi telah berubah terutamanya dalam usaha untuk mengkaji perbezaan kebudayaan. Namun demikian mereka terus mengekalkan ciri-ciri Freudan dan hubungan antara latihan membuang air besar dan kecil dengan personaliti waktu dewasa. Beberapa orang ahli antropologi seperti Barry, Child dan Bacon (1959) telah menjalankan kajian-kajian mereka bagi menentukan hubungan kedua-duanya. Kajian perbandingan mereka telah mengutarakan pendapat bahawa bekalan bahan makanan di masa depan dalam masyarakat yang memternak binatang dan dalam masyarakat pertanian adalah lebih terjamin sekiranya mereka mengamalkan perkara biasa. Tetapi sekiranya aturan yang seumpama ini tidak diamalkan oleh anggota-anggota masyarakat, maka pengumpulan makanan masa depan akan berkurangan. Penghapusan atau pelanggaran aturan dalam masyarakat pemburu dan masyarakat nelayan, boleh mengganggu pengumpulan makanan sehari-hari. Akhirnya pegangan mereka kepada perkara sehari-hari tidak begitu penting. Inisiatif individu tidak diberikan tekanan. Barry, Child dan Bacon (1959) telah menunjukkan bahawa masyarakat pertanian lebih menekankan

kepada sifat taat-setia dan tanggungjawab semasa mendidik anak-anak mereka, sementara masyarakat pemburu dan masyarakat nelayan lebih menekankan kepada sifat bebas dalam pendidikan anak-anak mereka. Sifat-sifat seumpama ini telah dibuktikan daripada beberapa kajian sidang budaya. Ahli-ahli antropologi yang menggunakan pendekatan ini terus berusaha untuk menghalusi teori-teori yang mereka cipta.

Satu perkara yang dapat diperhatikan dari pendekatan ini ialah ia lebih banyak menekankan kepada cara pemeliharaan kanak-kanak yang berbeza-beza. Pada akhir-akhir ini terdapat kajian yang menekankan hubungan antara tret personaliti dan proses pembentukannya. Hujah yang mereka berikan ialah tret kebudayaan yang tertentu melahirkan sifat psikologi yang tertentu, dan sebaliknya ia akan menimbulkan tret kebudayaan yang tertentu. Ahli-ahli antropologi telah menekankan kepada pengaruh personaliti bagi menjelaskan hubungan kebudayaan dengan masalah penyakit. Mereka mengatakan bahawa hukuman yang berat dikenakan sewaktu kanak-kanak semasa mereka melalui proses pendidikan, akan menimbulkan sifat agresif apabila mereka dewasa. Hal ini merupakan suatu sifat psikologi yang akan melahirkan kepercayaan bahawa hal seumpama ini menyebabkan konflik dalam jiwa dan menimbulkan penyakit masyarakat. Hukuman yang terlalu berat di waktu kanak-kanak menjadikan mereka manusia yang agresif apabila mereka dewasa. Kelangsaan ini merupakan satu penyakit masyarakat.

## 9. Teori Evolusi Baru

Teori evolusi pada kurun ke-19 menekankan prinsip unilinear, iaitu kebudayaan pada umumnya berkembang dari tahap yang sama. Dengan itu kebudayaan dapat dikelaskan menurut kemajuannya dari savageri, barbarisme dan menuju ke arah tamadun. Tetapi pada hari ini kita tidak dapat menerima prinsip seumpama itu. Kajian etnografi moden tidak dapat menyokong saranan ini, tetapi sebaliknya menunjukkan terdapatnya berbagai-bagai pola dalam proses perubahan sosial. Dengan itu jelas bahawa pendekatan evolusi tidak berakhir dengan pandangan Tylor dan Morgan sahaja. Pada tahun 1930-an Leslie A. White telah mengenenipkan tekanan yang

diberikan oleh pengikut Boas ke atas partikularisme sejarah dan sebaliknya menggunakan pandangan evolusi ala-Morgan dan Tylor. Pandangannya dikenali sebagai evolusi baru. Namun begitu White telah menolak label yang diberikan kepadanya dengan menekankan bahawa pendekatannya tidak jauh berbeza daripada teori yang diperkembangkan oleh ahli-ahli evolusi pada kurun ke-19. Beliau terus menekankan bahawa beliau tidak mengubah pandangan Morgan dan Tylor, hanya setakat memberikan gambaran yang lebih terperinci, kerana beliau berjaya memungut data yang lebih banyak. Apa yang ditambah oleh White ke dalam teori evolusi klasik ini ialah suatu konsep kebudayaan sebagai suatu sistem penguasaan tenaga ataupun *energy capturing*. Pandangan asal teori evolusi kebudayaan mengatakan iaitu sekiranya faktor-faktor lain tidak berubah, kebudayaan berubah mengikut banyaknya tenaga kuasa yang dikeluarkan setiap tahun. Dengan perkataan lain apabila teknologi sesuatu masyarakat bertambah maju maka lebih banyak ia boleh mengawal penggunaan tenaga sama ada tenaga manusia, binatang, suria dan sebagainya. Maka dengan ini masyarakat dapat mengembangkan lagi kebudayaan masing-masing.

Bukan sahaja teori evolusi Tylor dan Morgan menerima banyak kritik, tetapi orientasi White juga telah dikritik oleh beberapa orang ahli antropologi. White seperti juga Tylor dan Morgan mengandai-kan bahawa evolusi adalah ditentukan oleh keadaan yang tertentu. Dalam hal ini perkembangan kebudayaan ditentukan oleh teknologi yang terdapat di dalam masyarakat. Dia dengan serius menolak kemungkinan alam sekitar dan juga pengaruh sejarah ke atas evolusi kebudayaan. Malangnya orientasi White ini tidak dapat menjelaskan kenapa hanya sebahagian daripada kebudayaan masyarakat berubah, sementara kebudayaan yang lain tidak berubah, tetapi sebaliknya terus mundur. White juga gagal untuk menjelaskan mengapa hanya beberapa kebudayaan dan tidak semua kebudayaan berjaya untuk mengumpul tenaga kuasa ini dan seterusnya mengubah kebudayaan mereka.

Seorang lagi ahli teori evolusi ala-Morgan ialah Steward. Pada tanggapan Steward, teori evolusi baru ini cuba mengelakkan diri daripada melihatnya secara uniliner. Dia telah membahagikan teori evolusi kepada tiga jenis iaitu umum, sejagat dan multilinear. Steward menganggap bahawa Morgan dan Tylor merupakan contoh

yang boleh digolongkan kepada pendekatan evolusi kebudayaan yang umum. Ia memberikan gambaran orientasi klasik kurun ke-19 dan meletakkan kebudayaan yang tertentu dalam tahap tertentu bagi peringkat-peringkat perkembangan kebudayaan. Ahli evolusi sejagat seperti White sebaliknya lebih menumpukan kepada pandangan yang lebih luas dan tidak kepada pandangan kebudayaan yang tertentu. Steward telah meletakkan dirinya sebagai golongan evolusi multilinear. Dia menganggap bahawa evolusi sesuatu kebudayaan tertentu dan pandangan yang dijelaskan secara berperingkat-peringkat bagi kebudayaan yang selari sahaja yang berubah di dalam kawasan yang berbeza. Steward lebih berpegang kepada huraiannya mengenai kebudayaan dan juga kritis terhadap pandangan White yang memberikan gambaran yang tidak jelas dan tidak memberikan pandangan yang mendalam kepada pengaruh alam sekitar ke atas evolusi. White sebaliknya menganggap bahawa Steward telah jatuh ke dalam perangkap partikularisme sejarah yang hanya menumpukan perhatian kepada kes yang tertentu.

Dua orang teman White dan Steward iaitu Marshall Sahlins dan Elman Service menggabungkan pendapat White dan Steward dengan menggolongkan evolusi kepada dua, iaitu evolusi khusus dan evolusi umum. Mereka merujuk evolusi khusus kepada aturan yang tertentu dan adaptasi masyarakat kepada alam sekitar yang tertentu. Manakala evolusi umum pula merujuk kepada kemajuan umum yang dicapai oleh sesuatu masyarakat iaitu teknologi yang lebih tinggi berkembang daripada teknologi yang rendah. Evolusi khusus adalah bentuk evolusi yang dinyatakan oleh Steward dan Sahlins, manakala evolusi umum sama seperti pandangan evolusi sejagat yang dikatakan oleh White. Walaupun pendekatan ini cuba menggabungkan dua pandangan, ia tidak menjelaskan mengapa perubahan-perubahan sosial berlaku. Pendekatan yang dibawa oleh evolusi baru ini hanya mengeneipkan pandangan predeterminisme. Tetapi pendekatan ini tidak pula menggantikannya dengan mekanisme yang lain yang boleh menentukan apakah yang akan berlaku dalam evolusi kebudayaan (Harris 1968).

#### **10. Strukturalisme Perancis**

Dalam usia kedewasaannya teori-teori antropologi menerima banyak penyesuaian dan interpretasi. Begitu juga dengan teori

strukturalisme, ia mendapat tekanan yang berlainan di Perancis. Teori strukturalisme Perancis ini dipopularkan oleh Levi-Strauss seorang pengembang pendekatan analisis kebudayaan yang mempunyai pandangannya sendiri dan berbeza daripada strukturalisme yang dipraktikkan oleh Radcliffe-Brown. Dalam kajian-kajian yang dilakukan oleh Radcliffe-Brown (1933, 1952) beliau lebih menumpukan kepada fungsi elemen di dalam masyarakat, manakala Levi-Strauss lebih menumpukan kepada asal usul sistem itu sendiri. Levi-Strauss melihat kebudayaan manusia itu sebagaimana yang dilambangkan di dalam kesenian, ritual dan pola kehidupan sehari-hari yang menggambarkan struktur di dalam pemikiran manusia. Contohnya simbol mengenai warna yang digunakan oleh anggota masyarakat seperti lampu isyarat yang memberikan pengertian yang tertentu. Warna merah melambangkan suatu keadaan yang merbahaya, kerana warna ini dikaitkan dengan darah, oleh sebab itu apabila lampu isyarat memancarkan warna merah kita mesti berhenti. Lampu hijau pula membawa erti benda-benda yang hidup dan warna kuning pula ialah merupakan warna perantaraan di antara bersedia untuk berhenti dan bersedia untuk berjalan (Leach, 1970).

Leach seorang ahli antropologi sosial British telah menganalisis kerja penyelidikan Levi-Strauss. Jelasnya Levi-Strauss lebih menumpukan kepada proses kognitif masyarakat primitif dalam analisis kebudayaan. Analisis ini ingin melihat bagaimana anggota masyarakat primitif mengelaskan objek dan perkara yang terdapat dalam kebudayaan mereka. Dalam bukunya *The Savage Mind* (Levi-Strauss, 1949) dan juga *The Raw and the Cooked* (1964) dia menekankan bahawa dalam masyarakat yang teknologinya primitif mereka membentuk satu sistem mengelaskan pokok dan binatang dengan amat terperinci bukan hanya untuk tujuan praktikalnya tetapi ialah untuk keintelektualan aktiviti mereka.

Ahli-ahli linguistik yang cuba menjelaskan pola pemikiran yang terdapat di sebalik bahasa ataupun ucapan mereka telah mempengaruhi pemikiran Levi-Strauss. Pendekatan ini digunakannya untuk menganalisis metos dengan tujuan untuk mengkaji pola sejagat yang terpendam di dalam legenda dan cerita rakyat. Dia juga telah menjalankan kajian yang mendalam dengan menghuraikan bagaimana kebudayaan sesuatu masyarakat itu terbentuk seperti yang dipraktikkan dalam sistem masakan mereka. Dia juga menjelaskan

bahawa jenis masakan secara memanggang merupakan cara menyediakan makanan yang primitif jika dibandingkan dengan cara merebus. Cara memanggang makanan iaitu cara memasak yang mudah hanya dengan meletakkan makanan ke atas bara api yang terbuka, sementara merebus memerlukan tempat untuk merebus.

Strukturalisme ala Levi-Strauss ini telah banyak dikritik oleh ahli antropologi sama ada dari Amerika atau dari kalangan British, kerana Levi-Strauss menumpukan perhatiannya kepada perkara-perkara yang sulit dan susah hendak difahamkan (Harris 1968). Dia juga menumpukan perhatiannya kepada analisis yang bercorak teoritis dan mengenyepikan bukti-bukti daripada pemerhatian etnografi yang tepat dan bererti. Banyak orang yang kurang mengetahui bagaimana strukturalisme itu digunakan untuk menginterpretasi sesuatu perkara dan bagaimanakah mereka sampai ke interpretasi yang tertentu. Pada kebiasaannya apabila sesuatu kajian tidak mempunyai data yang cukup untuk membuktikan sesuatu gejala, maka terpulanglah kepada pembaca untuk menentukan sama ada interpretasi yang diberikan itu munasabah atau tidak. Oleh itu, walaupun kajian Levi-Strauss dianggap mempunyai pandangan yang tinggi mutunya dan telah ditulis dengan begitu baik sekali tetapi kajiannya itu dianggap sebagai kabur dan tidak pernah diuji (Leach 1970).

## 11. Etnosains

Pendekatan antropologi terus berkembang hingga ke hari ini. Pendekatan Levi-Strauss mengenai strukturalisme mendapat perhatian yang kemudian melahirkan pendekatan etnosains. Pendekatan etnosains telah melahirkan aturan daripada analisis yang logikal bagi menganalisis data etnografi. Pendekatan ini cuba mengenyepikan pandangan pengkaji yang mempengaruhi pandangan sesuatu kebudayaan yang dikaji. Pendekatan etnosains ini hampir sama dengan pandangan Levi-Strauss. Kedua-duanya, iaitu pendekatan etnosains dan pendekatan strukturalisme ala Levi-Strauss adalah dipengaruhi oleh pendekatan linguistik struktural. Berlainan sedikit daripada cara pemungutan data yang biasa digunakan iaitu dengan menggunakan kategori antropologi yang telah wujud, ahli etnosains mencari jalan untuk memahami sesuatu fenomena alam itu daripada

kaca mata orang yang dikaji. Berdasarkan kepada perkara yang telah dijumpai mengenai masyarakat peribumi mengenai bahasa mereka, terutama sekali perkataan yang mereka gunakan untuk menghuraikan sesuatu, ahli etnosains cuba melahirkan satu aturan tingkah laku yang boleh diterima di dalam sesuatu kebudayaan, berdasarkan kepada aturan nahu yang melahirkan penggunaan bahasa yang betul. Ahli etnosains berpendapat, sekiranya mereka dapat melahirkan aturan yang boleh menunjukkan tingkah laku kebudayaan yang betul, maka mereka dapat menghuraikan beberapa aktiviti yang dilakukan oleh manusia dan seterusnya menjelaskan mengapa mereka melakukan aktiviti seumpama itu. Mungkin mereka juga dapat menjelaskan mengapa individu-individu bertindak mengikut fikiran yang terpendam dalam fikiran mereka. Aktiviti inilah yang dilahirkan oleh mereka akibat pemikiran yang biasa mereka lakukan dalam masyarakat. Dengan melahirkan aturan kebudayaan ini sedikit sebanyak kita dapat juga menjelaskan tentang tingkah laku kebudayaan masyarakat. Namun demikian kita masih perlu memahami mengapa sesuatu masyarakat itu mempunyai aturan kebudayaan yang tersendiri dan berbeza dengan aturan yang dilakukan oleh orang lain. Sebagaimana juga nahu tidak menjelaskan bagaimana sesuatu bahasa itu sampai ke peringkat yang ada dan bagaimana bahasa itu berubah maka begitu juga pendekatan etnosains ini tidak menjelaskan bagaimana sesuatu kebudayaan itu berubah dan bagaimana wujudnya kebudayaan yang berbeza-beza di muka bumi ini (Harris 1968).

## **12. Ekologi Budaya**

Ahli-ahli antropologi menyedari bahawa tidak dapat dinafikan alam sekitar mempengaruhi budaya. Tetapi, hanya pada akhir-akhir ini saja pengaruh alam sekitar ke atas kebudayaan dianggap sebagai faktor penting. Di waktu-waktu yang lalu banyak ahli antropologi melihat alam sekitar hanya mempunyai kesan negatif kepada kebudayaan, dengan menyatakan bahawa aktiviti yang tertentu terhindar oleh kerana wujudnya iklim yang tidak sesuai. Misalnya pertanian tidak boleh dijalankan di negeri-negeri yang terletak di khutub Utara seperti di kawasan Artik. Tambahan lagi pendekatan seumpama itu tidak dapat menjelaskan dengan mendalam pengaruh alam sekitar secara langsung ke atas kebudayaan.

Orang yang mula-mula menggunakan pendekatan ekologi budaya dalam kajiannya ialah Steward. Dia menekankan dalam kajiannya dari hubungan kebudayaan dengan alam sekitar bahawa penjelasan ke atas aspek-aspek budaya yang tertentu bagi menggambarkan perbezaan dalam budaya itu boleh dilihat melalui alam sekitar yang tertentu. Tetapi mungkin alam sekitar sahaja tidak dapat menentukan perbezaan kebudayaan. Oleh itu Steward menekankan, bahawa kita janganlah hanya membuat hipotesis mengenai alam sekitar sebagai faktor yang mempengaruhi kebudayaan, atau sebaliknya tetapi kita harus membuktikan pandangan yang dikatakan itu tadi. Walaupun begitu Steward masih merasakan bahawa ekologi budaya harus dipisahkan daripada ekologi biologi, iaitu suatu kajian melihat hubungan antara organisma dengan alam sekitar.

Kemudian Andrew P. Vayda dan Roy A. Rappaport (1968) pula menggunakan pendekatan ekologi budaya ini. Mereka menggabungkan prinsip ekologi biologi ke dalam kajian yang menggunakan pendekatan ekologi budaya. Tujuannya ialah untuk melahirkan suatu disiplin sains yang boleh digolongkan sebagai ekologi sahaja. Mengikut pandangan ini tret kebudayaan sebagaimana juga tret biologi bergantung kepada pilihan alam semula jadi dan boleh dianggap sebagai cara menyesuaikan kepada alam sekitar. Alam sekitar oleh itu termasuk kepada alam sekitar fizikal dan alam fizikal sosial yang memberi kesan kepada perkembangan tret kebudayaan. Individu ataupun penduduk yang mempunyai cara bertindak yang berbeza-beza mempunyai keupayaan, kemajuan atau pembangunan yang berbeza-beza bagi pembiakan dan survival diri mereka. Akhirnya ia juga memberi kesan dalam cara berfikir dan cara mereka bertingkah laku yang diturun-temurunkan dari satu generasi kepada suatu generasi yang lain.

Rappaport (1967) telah memberikan contoh bagaimana kebudayaan dan alam sekitar berinteraksi dari kajian yang dilakukan ke atas masyarakat Tsembaga, iaitu satu masyarakat "ringkas" di New Guinea. Menurut Rappaport masyarakat Tsembaga adalah masyarakat tani yang hidup menyara diri dengan hasil bercucuk tanam seperti ubi, keledak dan keladi. Di samping itu mereka juga berternak babi. Babi mempunyai fungsi yang tertentu dalam ma-

syarakatnya. Babi jarang-jarang dimakan oleh masyarakat Tsembaga, tetapi babi merupakan binatang yang membersihkan alam sekitarnya, kerana babi suka memakan benda-benda kotor yang terdapat di sekitar rumah mereka. Babi juga menolong untuk melembutkan tanah-tanah untuk ditanam dengan tanam-tanaman dan seterusnya tahi babi menjadi baja. Semasa bilangan babi itu kecil amatlah mudah untuk dijaga. Babi berkeliaran di sekitar kampung dan pulang ke kawasan rumah di waktu malam. Babi ini memakan apa juga jenis makanan yang terdapat seperti ubi dan keladi. Menurut Rappaport lagi masalahnya timbul apabila bilangan babi bertambah besar. Keadaan ini menyebabkan orang Tsembaga kekurangan makanan kerana babi telah memakan sebahagian daripada ubi dan keladi mereka. Akibatnya, manusia terpaksa bekerja untuk memberi makan babi. Jumlah babi yang besar ini pula merosakkan tanaman pula. Akhirnya, babi akan merosakkan hubungan antara anggota masyarakat dalam kumpulan itu, iaitu sekiranya babi ini merosakkan tanaman jiran tetangganya. Maka hal seumpama ini menimbulkan pergaduhan dan kadang-kadang pembunuhan. Pembunuhan bukan sahaja setakat membunuh babi tetapi kerap kali membunuh orang yang membela babi. Oleh kerana konflik berlaku dengan begitu mendadak sekali di dalam masyarakat Tsembaga akibat daripada bilangan babi yang besar, anggota masyarakat cuba memisahkan di antara babi ini dengan tempat mereka bercucuk tanaman. Untuk menyelesaikan masalah babi yang semakin bertambah bilangannya, masyarakat Tsembaga telah melahirkan suatu ritual yang diadakan setiap tahun dengan menyembelih babi yang berlebihan itu. Daging babi yang dianggap oleh masyarakat tempatan sebagai makanan yang berharga dibahagikan kepada teman mereka dan sebahagiannya dipersembahkan kepada roh nenek moyang mereka. Melalui upacara ini orang Tsembaga percaya bahawa roh nenek moyang mereka akan memberikan kekuatan dan kesabaran. Upacara memberikan daging babi ini dalam kebudayaan Tsembaga ialah suatu penyesuaian kepada alam sekitar, dan penyembelihan babi yang banyak dalam pesta ini mengurangkan konflik masyarakat.

Pendekatan ekologi budaya ini menunjukkan bagaimana alam sekitar mempengaruhi kebudayaan manusia. Pendekatan ini telah menarik minat ramai ahli antropologi.

### 13. Kesimpulan

Dalam abad kedua puluh, ahli antropologi telah mencapai kejayaan dengan melahirkan beberapa teori yang terus dibincangkan hingga ke hari ini. Setengah daripada teori ini telah mengalami perubahan dan penyesuaian. Bermula daripada teori evolusi hinggalah kepada teori ekologi budaya kita dapat melihat tahap perkembangan bidang antropologi ke hari ini. Teori dan pendekatan merupakan panduan bagi ahli sains sosial memahami masyarakat. Harus diingat bahawa teori bukannya ideologi atau kepercayaan. Teori evolusi yang banyak mendapat tentangan itu pada hari ini tidak lagi menekankan tentang asal usul manusia.

### 14. Bacaan yang Dicadangkan

- |                             |  |
|-----------------------------|--|
| Barnow, V,<br>1973          | <i>Culture and Personality</i> . Georgetown, Ontario. Irwin — Dorsey. Perbincangan yang menarik mengenai pendekatan dan teori kebudayaan dan personaliti. Perkembangan teori ini diuraikan dengan panjang lebar. |
| deWall Malefijt, A.<br>1974 | <i>Images of Man</i> . New York: Alfred A. Knof.<br>Sebuah buku yang membincangkan perkembangan antropologi (budaya dan sosial) dari awalnya hingga ke hari ini.   |
| Goldenweiser, A<br>1974     | "Recent Trends in American Anthropology". <i>American Anthropologist</i> , Jil. 17 m.s. 57-61.<br>Makalah pendek membincangkan arah perkembangan antropologi budaya Amerika.                                     |
| Harris, M.<br>1968          | <i>The Rise of Anthropological Theory</i> . New York: Thomas Y. Crowell.<br>Satu ulasan kritis mengenai sejarah antropologi dari tahun 1750 hingga masa ini. Penulis membincangkan hubungan                      |

PERKEMBANGAN DISIPLIN ANTROPOLOGI

- sosial serta personaliti yang terlibat dalam berbagai-bagai orientasi teori antropologi.
- Naroll, R. and Naroll, F. 1973 *Main Current in Cultural Anthropology*. New Jersey: Prentice — Hall.  
Membincangkan pemikiran antropologi budaya masa ini. Sebuah buku yang menarik untuk dibaca mengenai teori antropologi.
- Tylor, E.B. 1871 *Primitive Cultures; Researchers into the Development of Civilization*. London: J. Murray.  
Membincangkan perkembangan budaya dari tahap savageri menjadi barbarisme dan menuju ke arah tamadun.
- Tylor, E.B. 1878 *Anthropology: An Arbor*. The University of Michigan Press. Seluruh aspek antropologi budaya Amerika dibincangkan seperti teknologi, sosial, adat istiadat, ideologi dan kesenian.

# BAB 3

## TEKNIK PENYELIDIKAN ANTROPOLOGI

### 1. Teknik Kajian Luar

Sebagaimana yang telah disebutkan dalam bab yang lalu, rekod kita mengenai masyarakat 'primitif' bermula pada akhir abad kedelapan belas dan awal abad kesembilan belas, apabila pengembara, mubaligh Kristian dan pedagang mengumpulkan maklumat mengenai masyarakat yang mereka lawati. Harus juga ditekankan bahawa pada ketika itu tiada seorang pun di antara pemerhati yang disebutkan mempunyai sebarang latihan yang saintifik kerana kaedah penyelidikan mengenai orang primitif itu sendiri belum lagi berkembang. Kebanyakan dari pemerhati ini hanya memerhatikan aspek yang menarik perhatian mereka. Oleh sebab itu, kebanyakan daripada huraian mereka dianggap tidak tepat mengikut ukuran zaman ini.

Sains antropologi telah dibayangkan bermula pada akhir abad kesembilan belas apabila ahli antropologi, di bawah pengaruh teori evolusi Darwin mula memikirkan pengertian dan sejarah institusi sosial. Ahli antropologi ini pula, walau bagaimanapun tidak mempunyai pengalaman dalam bidangnya. Teori mereka adalah berdasarkan kepada pemerhatian yang kurang lengkap seperti disebutkan di atas.

Apabila Boas berhijrah ke Amerika, beliau menggalakkan penuntutnya untuk memungut sebanyak-banyak data yang boleh dari tempat kajian. Dia berpendapat bahawa teori tidak seharusnya disarankan tanpa data yang lengkap. Dengan sebab itu dia banyak menjalankan penyelidikan pada waktu mudanya. Dia mengkaji masyarakat Eskimo di antara tahun-tahun 1883-4, dan dari tahun 1897 sehingga tahun 1902 dia bertanggungjawab mengenai lawatan Jesup North Pacific. Boas percaya bahawa teori hanya sah dan bernilai apabila ia dikukuhkan dengan fakta yang sah diperhatikan.

Ahli antropologi sosial British pada ketika itu amat ghairah sekali menjalankan kajian luar di tanah jajahan mereka. Tradisi

kajian luar yang saintifik di Britain bermula dengan lawatan ke Selat Torres dan New Guinea pada tahun 1898 (Mair 1965: 25; Malefijt 1974: 164). Haddon, Seligman dan Rivers menumpukan kajian mereka di Asia. Di antara ketiga-tiga orang ahli antropologi ini dirasakan Rivers yang paling berjaya. Kajian luarnya adalah berpandukan satu set teori yang sistematik (Mair 1965: 26). Dia menginterpretasikan bahawa kebudayaan kawasan Melanesia bercampur aduk antara kebudayaan peribumi dengan kebudayaan pendatang iaitu hasil dari konteks sejarah budaya dan proses difusi (Bidney 1967: 207). Seperti beberapa orang ahli antropologi British yang lain, dia lebih cenderung untuk mengkaji tentang persanakan. Sejak itu banyak lagi ahli antropologi mengikut jejak langkahnya. Malinowski pergi ke pulau Trobriand dalam tahun 1914 dan Redcliffe-Brown pergi ke pulau Andaman di antara tahun 1906 hingga tahun 1908.

Darisejak itu kajian luar menjadi batu-tanda dalam antropologi baik di Britain mahupun di Amerika. Dalam hal ini kita melihat wujudnya satu persamaan antara dua aliran antropologi ini. Kedua-dua aliran ini menjalankan kajian luar mereka di dalam masyarakat buta huruf. Adalah menarik juga untuk diperhatikan sejak dua dekad yang lalu kedua-dua aliran telah menunjukkan minat mereka untuk mengkaji masyarakat kompleks dan lebih maju. Kaedah pemerhatian-penglibatan telah menjadi asas yang penting sebagai cara memungut data oleh kedua-dua aliran ini di Amerika dan juga di Great Britain.

Kajian luar merupakan sebagai suatu asas yang penting dalam antropologi moden. Kajian merupakan sebagai suatu cara di mana semua ahli antropologi mendapatkan maklumat atau data mereka. Kajian luar merupakan sebagai suatu makmal seperti dalam sains fizikal di mana ia memberikan data yang diperlukan untuk menjelaskan sesuatu teori ataupun mengubahnya. Dalam tradisi antropologi di Amerika, seseorang pelajar selalunya diperlukan untuk mendapatkan data di tempat kajian dan memberikan interpretasi kepada data itu tadi sebelum ia dapat dianggap sebagai seorang yang mahir dalam bidang antropologi. Pertanyaan yang penting mahu diutarakan di sini ialah apakah teknik kajian itu. Sebelum seseorang itu memulakan kajian luarnya, ia terlebih dahulu harus mengetahui keadaan tempat yang hendak dikaji melalui bahan bacaan yang ada. Dia juga

perlu mengetahui masalah yang menarik perhatiannya. Dalam mendapatkan bahan seumpama ini ahli antropologi perlu memahami asas kebudayaan yang mahu dikaji. Tugasnya tadi mungkin melahirkan idea ataupun kemungkinannya melahirkan teori, terhadap adat resam yang tertentu yang mana ia boleh membanding atau mengujinya di tempat kajian.

Ahli penyelidik mungkin boleh mendapatkan maklumat mengenai pola kebudayaan dengan dua cara. Pertamanya iaitu dengan pemerhatian dan keduanya dengan menemuduga. Seorang ahli antropologi boleh menggunakan salah satu daripada kedua cara ini tadi atau kedua-dua cara berganti-ganti bergantung kepada jenis maklumat yang hendak diperolehi dari tempat kajian. Temuduga sebagai suatu teknik kajian luar selalunya digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai tingkah laku yang biasa dilakukan oleh anggota masyarakat, sistem kepercayaannya dan juga nilai seperti yang didapati daripada individu yang bersedia untuk memberitahu kepada pengkaji. Ia boleh digunakan sebagai satu teknik untuk mendapatkan maklumat mengenai gerak-geri ataupun gejala yang mana ahli antropologi tidak dapat melihatnya secara langsung kerana hal atau gejala seumpama itu berlaku di waktu yang lalu ataupun kerana ahli antropologi tidak dibenarkan untuk bersama-sama menyaksikan aktiviti itu. Misalnya di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia tidak lagi mengamalkan sebahagian besar daripada adat resam tradisi mereka, maka ahli antropologi masih boleh mendapatkan maklumat seumpama itu, mengenai cara hidup di waktu-waktu yang lalu, dengan bertanyakan kepada orang tua dalam masyarakat Melayu yang masih ingat dan boleh bercerita hal seumpama itu. Temuramah seumpama ini akan berjaya sekiranya individu ini tadi bersedia untuk menceritakan atau menghuraikan sesuatu adat resam tingkah laku, ataupun sistem kepercayaan dan nilai masyarakatnya.

Pemerhatian sebaliknya merupakan sebagai suatu cara yang boleh digunakan oleh ahli antropologi untuk mendapatkan data mengenai perkara yang difikirkan tidak dapat diceritakan tetapi ia merupakan sebagai pola kebudayaan masyarakat itu. Anggota masyarakat tidak semestinya boleh menyatakan misalnya berapa jaraknya di antara seseorang itu berdiri dengan orang lain semasa bertutur. Tingkah laku seumpama ini hanya dapat diperhatikan.

Pemerhatian sebagai suatu teknik kajian luar juga menjadi satu cara untuk memastikan sama ada orang yang melakukan itu tadi sebenar-benarnya melakukan perkara yang biasanya dilakukan ataupun diamalkan setiap hari sebagaimana yang mereka katakan kepada penyelidik. Ahli penyelidik harus berwaspada tentang tingkah laku masyarakat yang mahu diperhatikan, kerana setiap kali mereka memerlukan maklumat daripada ahli masyarakat, masyarakat itu akan melakukan perkara yang tidak terdapat dalam masyarakat itu.

Penyelidik harus juga menyatakan berapa ramai dan dari golongan mana dalam masyarakat itu yang mereka hendak perhatikan dan menemuramah. Pada umumnya, atur cara biasa dilakukan untuk melihat pola kebudayaan dengan secara meluas hanya dengan memerhatikan atau menemuramah beberapa orang yang boleh mewakili kebudayaan itu. Tetapi sekiranya terdapat berbagai-bagai tret budaya di dalam masyarakat ini tadi, maka perlulah kita menemuramah atau memerhatikan sebahagian besar daripada individu masyarakat itu supaya apa yang kita perhatikan itu mewakili masyarakat yang dikaji. Misalnya, sekiranya ahli penyelidik memerlukan maklumat mengenai ketua atau orang yang dihormati di dalam sebuah kampung, ataupun penyelidik mahu mengetahui caranya yang lebih munasabah bagi menghormati orang tua ini tadi, maka bilangan yang ramai perlu ditanya. Tetapi jika ahli antropologi itu mahu mengetahui berapa banyak isteri yang dipunyai oleh ketua itu tadi, kita boleh bertanyakan kepada informan yang dipilih di antara dua atau tiga orang sahaja. Informan di sini dimaksudkan sebagai teman antropologi yang boleh dipercayai terhadap maklumat mengenai adat resam komuniti atau masyarakat yang dikaji. Tetapi sekiranya ahli itu menjalankan jenis kerja yang berlainan mereka hendaklah melakukan suatu kajian yang sistematik yang boleh mewakili golongan anggota itu tadi dengan harapan ia dapat membuat penilaian yang tepat.

Walaupun banyak latihan yang diberikan kepada bakal ahli antropologi sebelum penyelidikan dilakukan, dan sungguhpun terdapat banyak bahan bacaan mengenai kajian luar tetapi ahli-ahli penyelidik yang baru masih mengalami banyak kesulitan. Salah satu daripada masalah ini ialah latar belakang kebudayaan ahli-ahli antropologi yang berlainan. Oleh sebab itu dia tidak mengetahui

ataupun tidak dapat bertindak dengan betul apabila berada di dalam masyarakat yang hendak dikaji. Walaupun ia mengetahui bagaimana cara yang biasanya dituntut oleh kebudayaan itu supaya ia bertingkah laku dengan betul apabila ia berada di tempat kajian itu, selalunya ia menghadapi masalah. Hal ini menjadi suatu perkara yang sulit baginya untuk mengasingkan di antara perkara yang biasa dilakukan dalam kebudayaannya dengan perkara yang dituntut oleh kebudayaan di tempat kajian itu. Ahli penyelidik mungkin menyedari bahawa anggota masyarakat itu tadi, iaitu masyarakat yang dikaji, tidak menghargai masa sebagaimana mereka menghargai masa dalam masyarakat mereka. Namun demikian ahli antropologi seumpama ini masih juga merasakan kurang senang apabila informan mereka gagal untuk menepati masa yang telah mereka tetapkan. Satu lagi masalah yang sering timbul ialah ahli penyelidik mungkin bagi pertama kalinya menemui halangan tentang masalah untuk mendapatkan maklumat. Halangan yang sering berlaku ialah ahli-ahli anggota masyarakat itu tadi tidak mahu menjawab pertanyaan-pertanyaan yang diajukan kepada mereka. Ini harus diperhatikan kerana anggota masyarakat itu tadi mungkin tidak memahami mengapa seorang yang datang dari tempat yang jauh ke kampung mereka mahu semata-mata bertanyakan soalan tentang cara hidup masyarakat. Akibatnya ahli penyelidik selalunya dianggap sebagai orang-orang yang boleh disyaki ataupun mungkin ditakuti kerana dalam minggu-minggu yang pertama semasa berada di tempat ini seseorang itu belum boleh dipercayai lagi. Namun demikian pada kebiasaannya, ahli antropologi ini tadi akan dapat diterima sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat yang hendak dikaji itu. Dengan cara yang demikian dapatlah mereka mengadakan pertemuan setelah mereka diterima oleh orang tempatan yang mungkin menganggap mereka sebagai teman, dan sebaliknya mereka mempunyai keinginan yang tertentu. Walaupun seorang ahli antropologi ini tadi cuba memerhatikan sedaya upaya yang boleh tetapi beliau sebagai ahli penyelidik tidak mungkin dapat memerhatikan segala-galanya yang berlaku dan terdapat di dalam kebudayaan yang mahu dikaji itu. Oleh itu dia terpaksa menumpukan kepada beberapa aspek di dalam kebudayaan itu dan mengenenepikan aspek lain. Seterusnya ahli antropologi terpaksa tinggal beberapa lama di tempat kajiannya dan sekiranya dia telah membuat

kajian yang awal tentang masyarakat itu tadi, kemungkinannya ia tidak perlu melakukan hal yang seumpama itu secara rambang. Biasanya pendekatan yang mereka gunakan bergantung kepada orientasi yang mereka dapati dari institusi pengajiannya.

## 2. Kaedah Penyelidikan Antropologi

Metodologi perlu dibezakan dengan teknik penyelidikan. Teknik penyelidikan ialah alat penyelidikan yang merupakan cara untuk mendapatkan data dan bagaimana caranya untuk menganalisis data itu. Metodologi sebaliknya merupakan struktur logikal yang digunakan dalam satu-satu kajian. Dalam metodologi termasuklah pemilihan teknik penyelidikan bagi pengumpulan data, menentukan pensampelan, menentukan data relevan yang mahu dipungut dan seterusnya mengaitkan data ini dengan teori yang menjadi panduannya. Ringkasnya metodologi ini adalah satu cara kajian yang logikal digunakan dari awal hingga akhir bagi memenuhi tujuan sesuatu kajian. Oleh sebab itu ada berbagai-bagai kaedah penyelidikan yang boleh digunakan. Seseorang itu memilih sesuatu kaedah penyelidikan kerana ia memikirkan bahawa kaedah itu sesuai dengan tujuan dan objektif kajiannya. Jika ia menggunakan kaedah yang lain ia akan memesongkan keputusan kajiannya itu nanti.

Bidang antropologi telah mengalami proses perkembangan sehinggalah ke arah yang dicapai pada hari ini. Dua atau tiga dekad yang lalu kajian antropologi lebih mirip kepada laporan etnografi bagi menceritakan masyarakat di sesuatu tempat dengan terperinci. Kajian seumpama ini jarang-jarang menggunakan teori atau mengaitkannya dengan mana-mana teori. Tetapi kajian antropologi pada hari ini adalah kajian bercorak "*problem-oriented*."

Sesuatu kajian yang "*problem-oriented*" akan menentukan terlebih dahulu apakah teori yang hendak digunakan, konsep yang penting, hipotesis yang hendak diuji, andaian yang difikirkan penting dan seterusnya model yang sesuai.

Teori ialah alat yang paling penting bagi satu-satu disiplin. Tetapi apakah teori itu? Dalam antropologi apabila kita sebutkan teori maka kita akan teringat kepada teori besar (*grand theories*) seperti fungsionalisme, strukturalisme, difusinisme, evolusi, modenisasi, dan lain-lain. Sekiranya teori-teori ini yang terbayang di benak

kita, maka kita akan mencapai jalan buntu apabila memikirkan bagaimanakah agaknya kita dapat menggunakan teori besar tadi. Teori besar ini merupakan sistem hubungan antara konsep dan saranan yang cuba menghuraikan perlakuan manusia yang terlalu luas.

Teori yang dimaksudkan dalam menjalankan sesuatu kajian mengandungi beberapa konsep dan saranan. Misalnya apabila Swift mengkaji masyarakat Melayu di Jelebu dia menggunakan teori sederhana yang menyarankan bahawa kemasukan tanaman kewangan telah mengubah struktur sosial masyarakat. Saranan seumpama ini dapat diuji dengan melihat bentuk masyarakat Melayu sebelum dan selepas kedatangan tanaman kewangan.

Dalam kajian antropologi banyak konsep digunakan. Bahasa yang digunakan dalam antropologi, sebagaimana juga bahasa yang digunakan dalam kajian sains yang lain mengandungi konsep, saranan, model dan teori. Konsep adalah elemen-elemen asas, seolah-olah penyokong kepada rangka sesuatu penyelidikan. Konsep adalah keabstrakan daripada pemerhatian yang konkrit. Istilah kayu penugal misalnya adalah satu abstrak yang merujuk kepada berbagai-bagai jenis objek daripada kayu yang runcing hujungnya digunakan oleh peladang di merata-rata tempat bagi bercucuk tanam. Namun demikian istilah kayu penugal tidaklah begitu abstrak jika dibandingkan dengan istilah "agama" yang tidak merujuk kepada sebarang objek yang tertentu dan yang nyata, tetapi lebih menggambarkan sistem kepercayaan dan perlakuan yang berbagai-bagai.

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan konsep itu? Dari pembacaan kita dapatlah kita memberikan definisinya. Kerap kali kita bertemu dengan definisi yang bermacam-macam mengenai sesuatu konsep. Hal ini timbul kerana kecenderungan seseorang itu berlainan. Dengan itu selalunya seseorang pengkaji itu akan memberikan hujah mengapa mereka memilih definisi seperti itu. Alasan itulah yang menguatkan pendirian akademik seseorang itu.

Sesuatu penyelidikan yang bertaraf ilmiah itu mestilah dimulakan dengan rancangan penyelidikan. Rancangan penyelidikan merupakan sebagai pemandu atau petunjuk yang disusun secara logik dan sistematik. Biasanya pengkaji yang serius mengambil masa yang lama bagi menyusun rancangan penyelidikan mereka. Hal ini adalah

penting kerana selalunya pengkaji terlebih dahulu hendaklah mengetahui masalah yang hendak dikaji.

### **3. Ciri-ciri Dalam Antropologi**

Pada hari ini terdapat kebudayaan yang berbeza-beza di merata dunia telah dikaji dan dihuraikan oleh ahli antropologi. Maklumat yang banyak ini melahirkan juga masalah yang tertentu. Masalah yang paling besar sekali ialah bagaimana untuk menentukan bahawa maklumat seumpama ini adalah betul dan bagaimana pula kita mengelasnya. Bagaimana pula kita boleh menggunakan data antropologi untuk menghuraikan ataupun memahami tentang perbezaan kebudayaan itu. Cara yang telah dinyatakan oleh ahli antropologi untuk mendekati atau memahami persoalan ini bergantung kepada teori orientasi seseorang itu. Selalunya seseorang itu akan melihat sesuatu gejala itu dengan pendekatan yang berbeza-beza. Seorang yang berfahaman sosialis umpamanya akan memberikan sebab kemiskinan dengan memberikan faktor bahawa kaum pemo-dal menekan masyarakat. Begitu juga umpamanya seorang ahli antropologi boleh berpegang kepada pendekatan yang mengatakan bahawa alam sekitar dan kebudayaan mereka sendiri yang menekan. Dengan hal yang demikian kita akan dapat meletakkan ahli antropologi yang akan dibincangkan ini ke dalam kategori yang tertentu. Namun demikian apa yang akan dibincangkan terhadap kategori yang dimaksudkan itu akan dapat digunakan untuk melambangkan sikap dan pandangan ahli antropologi terhadap perkembangan antropologi.

Pendekatan yang mereka gunakan ini biasanya bergantung kepada maklumat yang mereka perlukan dan juga bagaimana mereka melengkap diri mereka untuk memberikan interpretasi kepada data mereka tadi. Sebab itulah maka kita akan gunakan kumpulan yang tertentu seperti fungsionalis dan etnosaintis yang akan memberikan gambaran kepada kita cara untuk membincangkan sikap yang berbeza tentang kumpulan antropologi yang mempunyai latar belakang yang berlainan. Namun demikian di dalam bidang antropologi sebagaimana juga di dalam disiplin yang lain, terdapat suatu arus perkembangan idea yang berterusan. Sesuatu orientasi teoritis akan lahir dan berkembang menuju ke arah

popularitinya sehinggalah ia menerima beberapa tentangan atau kritik daripada kumpulan yang lain.

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap orientasi teori ini mempunyai kekurangan yang tersendiri. Selalunya orientasi seseorang itu bermula dengan aspek yang tertentu bagi menjelaskan sesuatu masalah yang ingin digambarkan sebelum ia mengeneipikan pandangan orang lain. Pembangunan ciri antropologi menggambarkan suatu modifikasi tentang prospek pertukaran yang dinamik. Pertukaran idea antara pengkaji ini seolah-olah mereka sama-sama mencari penyelesaian kepada masalah yang sama. Dalam pemerhatian kita orientasi teoritis ini telah dibangun dan diperluaskan oleh pelopor antropologi semenjak timbulnya keinginan untuk menjadikan antropologi suatu profesion atau suatu disiplin. Kita telah menekankan tentang perkembangan sejarahnya serta penyelesaian masalah yang tertentu di dalam pembangunan antropologi yang menuju ke arah disiplin yang saintifik dalam bab yang lalu.

#### **4. Penggunaan Teori Antropologi**

Dalam bab yang lalu kita telah melihat beberapa teori antropologi yang boleh kita gunakan untuk memahami dan menganalisis masyarakat. Apabila seseorang itu telah mendalami sesuatu teori, maka ia mula menggunakan dan menumpukan kajiannya dengan menggunakan pendekatan seumpama itu. Seorang ahli antropologi menggunakan orientasi teorinya berdasarkan kepada teori yang mempengaruhinya bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Sebagai suatu contoh kita akan melihat pendekatan yang digunakan oleh beberapa golongan ahli antropologi untuk menyelesaikan beberapa masalah. Cuba kita lihat bagaimana caranya ahli antropologi ini menjelaskan persoalan mengapa setengah-setengah masyarakat mempunyai upacara khusus bagi kaum lelaki. Penjelasan mereka berasaskan orientasi teoritis yang mereka fikir paling sesuai untuk menjelaskan masalah yang dikaji.

Burton dan Whiting (1916) menjelaskan bahawa inisiasi lelaki terdapat di kalangan kanak-kanak lelaki yang biasa tidur dengan ibu mereka semasa kecil. Maka apabila menjelang dewasa mereka mengidentifikasikan diri kepada kaum wanita, iaitu ibunya. Akibatnya apabila kanak-kanak ini mengetahui kaum lelaki mempunyai

kuasa ke atas masyarakat mereka, maka mereka cuba pula mengidentifikasi diri mereka dengan golongan lelaki. Tetapi oleh kerana identifikasi awalnya ialah dengan kaum wanita maka lahirlah konflik dalam kehidupan dan perasaan mereka. Upacara inisiasi ini mengikut Burton dan Whiting memberikan identiti lelaki kepada kanak-kanak dan ini dianggapkan mengurangkan konflik identifikasi di dalam diri kanak-kanak itu nanti. Dalam penjelasan ini Burton dan Whiting telah menggunakan pendekatan psikologi. Manakala Young (1965) dalam kajiannya pula menyarankan bahawa upacara inisiasi lelaki ini adalah penting untuk meneruskan perpaduan kumpulan lelaki di dalam masyarakat yang mempunyai organisasi golongan lelaki. Pendekatan yang digunakan oleh Young ialah pendekatan fungsional. Dia menjelaskan bahawa upacara yang teratur bagi inisiasi ini bertujuan untuk menukar status seorang kanak-kanak lelaki menjadi seorang anggota golongan lelaki dewasa di dalam masyarakat, yang memerlukan nya bekerjasama dengan teman-teman lain dan orang yang lebih dewasa. Oleh kerana penekanan diberikan kepada golongan yang muda mengubah status mereka, kanak-kanak lelaki terus belajar peranan yang sering dimainkan oleh golongan dewasa. Dengan ini perpaduan dan kerjasama antara golongan lelaki itu membolehkan mereka bertindak sebagai pemburu, atau sebagai panglima. Seterusnya mereka mengambil bahagian sebagai ahli di dalam organisasi golongan lelaki dewasa tadi. Young menekankan bahawa dalam masyarakat yang mempunyai perpaduan golongan lelaki yang kuat, maka wujud upacara inisiasi yang lebih hebat dilakukan.

Contoh lain yang boleh memberikan gambaran bagaimana orientasi teoritis ini boleh melahirkan pendekatan yang berbeza bagi menjelaskan masalah yang sama, ialah dengan melihat hasil kajian mengenai persoalan mengapa masyarakat berbeza dalam pencapaian pembangunan ekonomi mereka. Meggers (1954) menggunakan pendekatan ekologi bagi menjelaskan masalah ini. Kajiannya di Amerika Selatan dan juga kajiannya mengenai sejarah Eropah menunjukkan bahawa tahap pencapaian sesuatu kebudayaan itu bergantung kepada alam sekitar pertanian itu sendiri. Mengikut Meggers ada empat jenis alam sekitar yang dimaksudkan, iaitu kawasan yang sudah mempunyai potensi pertanian, kawasan yang mempunyai potensi pertanian yang terhad, kawasan yang mempun-

nyai potensi pertanian yang lebih baik, dan kawasan pertanian yang mempunyai potensi yang amat luas. Jenis yang dikatakan tadi menentukan tentang tahap pencapaian ekonomi yang dicapai oleh anggota masyarakat.

Bagi Leslie White (1969), lain pula penjelasannya. Dia menekankan kepada teknologi yang dicapai oleh anggota masyarakat itu. White percaya bahawa kebudayaan berkembang dengan wujudnya tenaga yang lebih baik dan lebih banyak dikeluarkan di dalam masyarakat. Tenaga yang lebih banyak dikeluarkan dapat digunakan oleh masyarakat untuk mengeluarkan hasil ekonomi yang lebih tinggi. Contohnya kebanyakan daripada kebudayaan primitif mempunyai ekonomi yang tidak begitu produktif, kerana mereka bergantung kepada tenaga yang agak kecil iaitu tenaga manusia sahaja. Dengan wujudnya evolusi teknologi yang terdapat di dalam bidang pertanian termasuklah bertanam tanaman yang liar, berternak binatang liar, dan perkembangan dalam pengetahuan sains untuk melahirkan hasil yang sedia ada seperti minyak, gas, arang batu dan suria, maka tenaga yang banyak telah dapat dihasilkan dan digunakan dengan lebih sempurna. Dengan itu teknologi yang telah berkembang dapat melahirkan satu pembangunan ekonomi yang lebih tinggi.

Penjelasan yang diberikan oleh David C. McClelland (1961) berlainan pula dari penjelasan Meggers atau White. Dia mengatakan bahawa perbezaan pencapaian atau kemajuan ekonomi di antara masyarakat yang berbeza boleh dijelaskan bukannya semata-mata dengan menggunakan faktor luaran saja, tetapi ia perlu juga dijelaskan dengan menggunakan faktor psikologi seperti motivasi dan nilai mereka. Faktor ini merupakan faktor yang menentukan tahap pencapaian ekonomi mereka. McClelland telah memberikan pandangan dan teori yang menyatakan "*the need for achievement*" sebagai suatu kuasa penting di dalam kehidupan manusia yang dirujuk kepada bilangan pencapaian. Keinginan untuk mencapai kemajuan yang lebih tinggi bukan bertujuan untuk mendapatkan wang atau untuk mendapatkan pengiktirafan sosial ataupun untuk bermegah semata-mata, tetapi untuk mencapai kepuasan dalam diri sendiri. Oleh sebab itu, McClelland menyarankan bahawa masyarakat yang mempunyai banyak bilangan individu yang mempunyai pencapaian tinggi akan berjaya menghasilkan kadar pencapaian

ekonomi yang lebih tinggi. Dengan lain perkataan, perbezaan kebudayaan dalam tahap pencapaian ekonomi pada pandangan McClelland bergantung kepada motivasi psikologi iaitu keperluan untuk mencapai sesuatu.

### **5. Matlamat Penyelidikan Luar**

Huraian di atas menjelaskan bahawa orientasi teoritis penyelidik yang berlainan akan memberikan interpretasi yang berbeza tentang sesuatu kebudayaan. Suatu teori yang menjadi orientasi kepada seseorang antropologi ini merupakan suatu panduan ke arah mana dia cuba mendapatkan jawapan yang betul. Namun demikian, ia tidak semestinya menumpukan kepada jawapan yang dianggapnya sebagai penjelasan yang lebih baik, dan mengeneppikan kemungkinan yang lain.

Bagaimana cara seorang ahli antropologi melahirkan suatu teori yang boleh menjelaskan sesuatu fenomena kebudayaan, adalah amat sukar untuk dihuraikan. Pada umumnya untuk melahirkan sesuatu teori memerlukan suatu imaginasi yang kreatif. Tetapi belum ada penemuan terhadap cara yang boleh menentukan aktiviti kreatif ini. Di samping itu sekiranya seseorang itu bergantung kuat kepada sesuatu orientasi teori, hal ini juga akan merosakkan kajiannya. Oleh itu adalah lebih baik jika seseorang itu melihat kemungkinan yang lain. Satu faktor penting bagi melahirkan teori ialah dengan bergantung kepada andaian yang diberikan oleh ahli penyelidik itu sendiri. Seorang ahli antropologi yang percaya bahawa sesuatu itu boleh dijelaskan akan menentukan dengan mencari beberapa fakta yang tertentu dan mengingatkan semula sejarah yang lalu. Kesemuanya ini dapat menjelaskan masalah yang dihadapinya.

Bagi menolong ahli antropologi untuk menghuraikan fenomena kebudayaan, ada dua cara yang sering dilakukan:

- (i) seorang ahli antropologi itu mungkin dapat menganalisis sesuatu masyarakat tertentu di mana ia telah melakukan satu kajian kes.
- (ii) ia boleh melahirkan suatu teori hasil daripada kajian bandingan yang telah dilakukannya.

Dalam menganalisis sesuatu kajian kes itu tadi, seorang ahli antropologi yang cenderung menjelaskan tentang sesuatu adat resam boleh bertanya kepada informannya mengapa sesuatu gejala atau

sesuatu fakta itu dilakukan. Kadang-kadang pertanyaan seumpama itu boleh memberikan penjelasan yang berguna kepada kita. Tetapi selalunya, informan mungkin akan menjawab dengan mengatakan bahawa perkara seumpama itu adalah perkara biasa yang selalu dilakukan dalam masyarakatnya. Penyelidik mungkin akan mencari jalan untuk menjelaskan dengan cara yang lain. Misalnya dengan melihat bentuk masyarakat itu ataupun alam sekitarnya yang pada pandangannya boleh dikaitkan dengan adat resam untuk menjelaskannya. Ahli antropologi boleh juga mencuba dengan menggunakan fakta sejarah untuk melihat tentang adat resam yang baru muncul dalam masyarakat itu. Dalam keadaan ini ia perlu mengetahui keadaan sebelum ini untuk mencari kemungkinan yang boleh menjelaskannya.

Cara lain yang dilakukan oleh ahli antropologi untuk menghuraikan sesuatu fenomena ialah dengan membandingkan masyarakat yang berbeza di samping mengamalkan sifat yang sama sekiranya ia cenderung untuk menjelaskan hal seumpama itu. Ia juga boleh bertanya mengapa sesuatu masyarakat tidak mempunyai sifat tertentu. Sekiranya seorang ahli antropologi mendapati sifat yang selalunya terjelma dalam masyarakat itu berbeza dengan kebudayaan yang lain, mungkin ia boleh memberikan penjelasan mengapa sifat yang seumpama itu wujud.

Namun demikian penyelidik mungkin tidak dapat menjelaskan mengapa wujudnya sifat atau adat resam yang diamalkan di dalam masyarakat. Ahli penyelidik selalunya melihat hanya kepada tret yang difikirkan terdapat dan mempunyai hubungan yang jelas. Di sinilah bagaimana seorang ahli teori itu selalunya menggabungkan pendekatannya kerana orientasi yang seumpama itu selalunya menunjukkan sesuatu sifat atau faktor yang tertentu.

Untuk menjadi ahli antropologi profesional seseorang itu mestilah menjalankan kajian luar. Kajian luar merupakan suatu petanda kepada bidang antropologi. Kita juga telah melihat bahawa etnografi iaitu merupakan sebagai deskripsi ataupun analisis bagi sesuatu masyarakat tertentu dilakukan di dalam kajian luar. Kajian etnografi memberikan kesempatan mengumpul data asas bagi antropologi kebudayaan dan antropologi sosial. Untuk membuat perbandingan di antara masyarakat yang terdapat di sesebuah wilayah ataupun di mana-mana di muka bumi ini, memerlukan data

etnografi yang menjadi ciri-ciri tertentu menggambarkan kebudayaan tiap-tiap masyarakat itu tadi. Dalam usaha untuk mencapai sesuatu teori antropologi ahli etnografi yang mengkaji secara mendalam dan mengambil masa yang panjang memerhatikan sesuatu masyarakat dapat menghurai dan membuat kesimpulan datanya dengan lebih terperinci. Data ini pula menimbulkan keinginan bagi memikirkan semula bagaimanakah aspek yang berbeza dalam masyarakat itu wujud dan dapat digunakan untuk menghuraikan sesuatu masyarakat yang tertentu. Seorang ahli etnografi yang berada di tempat kajian dengan begitu lama mempunyai peluang untuk mengetahui sesuatu konsep atau adat resam secara menyeluruh dengan bertanyakan kepada anggota masyarakat yang dikajinya. Adat resam ini yang terdapat dalam masyarakat itu sahaja dapat dilihat dengan memerhatikan fenomena yang ada dan mempunyai hubungan antara satu dengan lainnya. Sekiranya seorang etnografi ingin menjelaskan sesuatu adat resam ia boleh menjalankannya dengan memungut maklumat-maklumat baru yang berhubungan dengan fenomena yang wujud. Dengan lain perkataan, tugas seorang ahli etnografi hampir sama dengan tugas seorang ahli perubatan yang ingin mengetahui mengapa seseorang itu mempunyai sistem yang tertentu. Seperti juga seorang ahli perubatan yang mendapatkan maklumatnya melalui gabungan fizikal seseorang manusia untuk mengetahui atau menjelaskan sesuatu penyakit, maka seorang ahli etnografi juga harus menyarankan sesuatu huraian dengan mencari data yang lebih banyak untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas.

Seorang ahli etnografi itu memang cenderung untuk melahirkan huraian yang mewujudkan teori. Tetapi tidak mungkin ia dapat menguji hipotesisnya dengan begitu mudah. Misalnya seorang ahli etnografi mungkin berfikir bahawa sesuatu masyarakat yang mengamalkan sistem poligini, iaitu seorang lelaki berkahwin dengan dua atau tiga orang wanita dalam suatu ketika kerana terdapat bilangan lelaki yang kecil jika dibandingkan dengan bilangan wanita. Ia tidak dapat menjelaskan dengan baik melainkan ia dapat membuat suatu kajian perbandingan dengan menggunakan beberapa contoh daripada masyarakat yang berlainan yang boleh menunjukkan gejala seumpama itu. Dengan lain perkataan ia perlu menunjukkan kadar yang tidak seimbang antara bilangan lelaki dengan bilangan

wanita yang boleh melahirkan institusi seumpama ini. Ia juga boleh menjelaskan dengan melihat sejarah yang dilalui oleh masyarakat itu. Sesuatu sistem boleh digunakan untuk menguji sesuatu hipotesis, sekiranya kajian kes itu boleh membuktikan atau menolak sesuatu hipotesis atau teori yang tertentu. Misalnya data dari kajian Margaret Mead (1961) mengenai orang Samoa, dalam bukunya *Coming of Age in Samoa*, adalah mencukupi untuk menolak teori yang mengatakan bahawa kanak-kanak pada tahap pencapaian kedewasaannya akan mengalami suatu ketegangan psikologi yang amat kuat.

## 6. Kesimpulan

Bab ini menekankan bahawa kajian luar itu amat penting bagi seseorang antropologi untuk memahami perilaku dan aktiviti masyarakat secara langsung. Ahli antropologi yang duduk “di kerusi malas” tidak mempunyai pandangan yang luas dan kurang mendapat pengiktirafan yang tinggi. Untuk menganalisis sesuatu data, ahli antropologi boleh menggunakan berbagai-bagai pendekatan yang boleh menjelaskan masalah yang hendak dikajinya.

## 7. Bacaan yang Dicadangkan

- |  |  |
|--|--|
| Freilich M. (Pg.)<br>1970                | <i>Marginal Natives: Anthropologists at work.</i> New York: Harper and Row. Kumpulan makalah membincangkan masalah penyelidikan luar.  |
| Manners, R.A dan D. Kaplan (Pg.)<br>1968 | <i>Theory in Anthropology: A Source-book.</i> Chicago: Aldine; Satu kumpulan bacaan teori antropologi yang berguna dipilih dari ahli antropologi di zaman dahulu dan yang ada pada hari ini.           |
| Naroll, R dan R. Cohen (Pg.)<br>1970     | <i>A Handbook of Method in Cultural Anthropology:</i> New York: Natural History Press 1970.<br>Beberapa orang ahli antropologi dan ahli sains behavioral menghuraikan bagaimana penyelidikan dirancang |

TEKNIK PENYELIDIKAN ANTROPOLOGI

dan dijalankan dalam antropologi budaya. Tajuk yang dimuatkan merangkumi proses penyelidikan luar hinggalah masalah yang dihadapi dalam penyelidikan perbandingan.

Pelto, P.J.  
1970

*Anthropological Research: The Structure of Inquiry*. New York: Harper and Row.

Satu pengenalan kepada cara yang digunakan untuk memungut data yang boleh dipercayai dalam antropologi budaya. Tekanan yang diberikan di sini ialah mengenai pemerhatian dan ukuran yang digunakan dalam penyelidikan.

Spindler, G.D. (Pg.)  
1970

*Being an Anthropologist: Field Work in Eleven Cultures*. New York: Holt, Rinehart and Winston. Satu laporan daripada 13 orang ahli antropologi yang menceritakan bagaimana mereka dan keluarga mereka menyesuaikan diri semasa menjalankan kajian dalam sebelas kebudayaan yang berlainan. Kertas yang dipilih di sini adalah berdasarkan kepada perbezaan teori dan kaedah yang digunakan serta perbezaan tempat dan jenis kerja luar.

Williams, T.R.  
1967

*Field Methods in the Study of Culture*. New York: Holt, Rinehart and Winston.

Satu pendekatan yang baik bagaimana antropologi mengkaji dan menghuraikan kebudayaan.

# BAB 4

## SISTEM EKONOMI DAN POLA PENYARAAN DIRI

### 1. Pengenalan

Ahli antropologi pada kebiasaannya mengkaji masyarakat yang tidak tahu menulis dan membaca. Dalam mengkaji ekonomi mereka kerap kali terkeliru kerana mereka sering memikirkan bahawa sistem ekonomi, mesti melibatkan pertukaran objek di pasar serta aktiviti yang melibatkan wang. Mereka akan memikirkan bayaran harga barang seperti makanan, susu dan pakaian serta bayaran perkhidmatan untuk bergunting rambut dan bayaran untuk menonton wayang. Seterusnya mereka akan terbayang dengan gedung, ladang dan kilang yang mengeluarkan barang serta perkhidmatan keperluan manusia moden. Tidak banyak orang yang mengetahui bahawa tidak semua masyarakat di dunia ini menggunakan wang sebagaimana yang kita gunakan hari ini. Sebaliknya, tidak dapat dinafikan pula bahawa semua masyarakat di dunia mempunyai sistem ekonominya sendiri, sama ada yang menggunakan wang ataupun tidak. Semua masyarakat mempunyai cara untuk memperolehi pengeluaran dan juga cara untuk memindahkan punca semula jadi itu bagi memenuhi keperluan mereka. Begitu juga semua masyarakat mempunyai cara untuk menyebarkan barang pengeluaran mereka dengan bertukar barang atau perkhidmatan.

### 2. Punca Pengeluaran dan Pembahagian Kerja

Setiap masyarakat mempunyai cara dan aturan mengenai jenis kerja yang dilakukan, siapa yang melakukan kerja itu, siapa yang mempunyai tanah dan alat pengeluaran dan bagaimana caranya kerja itu dilakukan. Tanah, pekerja, modal dan teknologi adalah punca pengeluaran penting. Cara penggunaan punca ini ditentukan oleh kebudayaan masing-masing.

Sudah diketahui umum bahawa tanah adalah punca penting bagi pengeluaran. Sama ada masyarakat itu masyarakat primitif atau masyarakat moden mereka memerlukan tanah untuk pengeluar-

an mereka. Semua masyarakat mempunyai hak untuk menggunakan punca pengeluaran semula jadi termasuk tanah, air, tanaman dan juga binatang serta hasil daripada tanah yang mereka diami. Setiap masyarakat juga mempunyai aturan untuk menentukan siapakah yang berhak untuk mengerjakan tanah itu. Dalam masyarakat Melayu umpamanya sistem menentukan hak untuk mengerjakan tanah atau hak seseorang di atas tanahnya itu telah wujud sejak beberapa kurun lamanya. Tanah dibahagikan menurut luasannya dan mengikut sempadannya. Aturan hak milik tanah menentukan siapakah yang boleh menggunakan tanah itu. Seterusnya terdapat juga aturan mengenai siapakah yang boleh menjualnya dan kepada siapakah pula penjualan itu boleh dilakukan. Misalnya, kawasan rezab Melayu tidak boleh dijual kepada orang bukan Melayu.

Sebidang tanah dan hasil daripada tanah itu boleh dipunyai oleh beberapa orang individu. Mereka boleh menggunakan tanah itu sebagaimana yang mereka suka. Bidang-bidang tanah yang lebih luas pula boleh dipunyai oleh beberapa orang. Agensi kerajaan mungkin juga menjadi tuan tanah yang boleh menggunakan tanah itu untuk membuat jalan raya, mendirikan bangunan kerajaan dan sebagainya.

Punca pengeluaran dari tanah seperti air, adalah susah untuk ditentukan hak miliknya kerana air mempunyai aturannya tersendiri. Dalam masyarakat industri, air yang digunakan oleh orang persendirian selalunya dikawal oleh kerajaan. Selalu ditanyakan siapakah yang harus menentukan penggunaan air di sungai atau di tasik. Umumnya, tenaga untuk menggunakannya adalah berbeza dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain. Walaupun secara umumnya terdapat perbezaan menentukan hak milik punca pengeluaran ini tetapi ada undang-undang yang menentukannya. Misalnya hak yang boleh dituntut oleh seseorang terhadap barang tadi. Di negara ini umpamanya, hak seseorang ke atas harta bendanya, membolehkannya memiliki secara mutlak ke atas punca yang terdapat daripada tanah ini termasuklah hasil daripada tanahnya. Orang yang mempunyai tanah ini boleh menjual, menghadiahkan ataupun memusnahkan punca pengeluaran semula jadi tadi. Sudah tentu hak yang diberikan kepada tuan punya tanah ini, iaitu hak mereka menggunakan punca ini dan hak untuk menjualkannya

bukannya hak yang mutlak, walaupun di dalam masyarakat yang bercorak demokratik. Kadang-kadang kita tidak mempunyai hak mutlak untuk menjualkan harta benda kita sebagaimana yang kita fikirkan. Tanah kita mungkin akan diambil oleh kerajaan untuk membuat jalan raya, membuat bangunan kerajaan dan sebagainya. Kita tidak boleh menghalang kerajaan daripada mengambil tanah kita. Oleh itu hak kita ke atas tanah itu bukan hak yang mutlak. Begitu juga kita tidak boleh membakar rumah kita sendiri, dan kita tidak boleh menggunakannya sebagai tempat yang dilarang oleh undang-undang. Dengan ringkasnya, walaupun dalam sesuatu masyarakat terdapat sistem untuk memiliki harta tetapi tidak bererti pula seseorang itu mempunyai hak yang sepenuhnya ke atas hartanya. Dalam masyarakat pemburu, masyarakat yang mengumpul bahan makanan, ataupun masyarakat yang baru mula bertani, idea memiliki tanah bersama dengan orang yang tidak ada pertalian darah adalah aneh sekali. Hakikat ini ialah disebabkan sejak dari zaman-berzaman lagi mereka memiliki tanah secara berkongsi dengan saudara-mara yang rapat melalui pertalian darah ataupun ikatan perkahwinan.

Masyarakat orang asli di pendalaman yang sebahagiannya adalah pemburu dan masyarakat mengumpul bahan makanan tidak mempunyai konsep hak pemilikan tanah. Ketiadaan konsep hak milik punca pengeluaran dalam masyarakat ini ialah kerana survival masyarakat ini bergantung kepada kesediaan bekerjasama untuk menjalankan usaha dalam kawasannya. Bagi golongan masyarakat pemburu dan masyarakat pengumpulan makanan, tanah itu tidak mempunyai nilai yang sebenarnya. Apa yang bernilai ialah benda yang boleh digunakan, binatang yang boleh diburu, atau tumbuh-tumbuhan yang boleh dimakan yang terdapat di tanah itu. Sekiranya binatang buruan berpindah ke tempat lain ataupun punca makanan telah berkurangan, tanah akan hilang nilainya. Oleh sebab itu kebanyakan daripada makanan yang didapati, tidak tetap, kadang-kadang banyak dan kadang-kadang sedikit. Dengan hal yang demikian masyarakat tidak perlu membahagi-bahagikan tanah itu. Sebaliknya, adalah lebih berfaedah sekiranya tanah itu dipunyai secara beramai-ramai. Dalam masyarakat pemburu umpamanya, mereka tidak memikirkan hak mutlak kepada tanah ataupun kawasan mereka. Setiap anggota dalam kelompok ini boleh membu-

ru ataupun mengumpulkan barang makanan dari kawasan itu dan boleh juga memasuki kawasan orang lain. Orang lain tidak boleh menghalangnya. Seorang pemburu atau seorang pengumpul makanan akan memakan apa juga barang yang dijumpai, selebihnya akan dibawa ke tempat kediamannya. Penentuan hak milik punca pengeluaran dan harta terdapat dalam masyarakat pemburu, masyarakat yang mengumpulkan makanan serta dalam masyarakat lain. Misalnya menuai hasil seperti memungut kacang dan sebagainya adalah ditentukan oleh tradisi. Hal ini dilakukan oleh orang di Pulau Andaman. Walau bagaimanapun seseorang itu tidak mempunyai pohon buah-buahannya sendiri. Sekiranya cuma ada sebatang pokok dalam kawasannya, secara tradisi hak hasil ini adalah hak semua orang dalam kelompok itu. Kaum keluarga bertanggungjawab untuk berkongsi hasil keluarga mereka supaya setiap anggota keluarga yang memungutnya sama-sama merasai hasil yang mereka perolehi.

Kebiasaannya, kawasan yang digunakan oleh pemburu dan pengumpul bahan makanan ialah di sekitar kawasan yang berhampiran dengan kawasan yang digunakan oleh komuniti yang lain. Masyarakat yang mengumpulkan makanan dan memburu, mempunyai hak milik tanah secara beramai-ramai. Mereka menentukan semua anggota golongan mereka boleh menggunakan tanah itu bersama-sama.

Masyarakat pemburu dan masyarakat yang memungut bahan hutan serta masyarakat bertani dan bercucuk tanam mempunyai sistem penentuan punca pengeluaran yang longgar. Hal ini terjadi bila tanah tidak lagi subur, maka tanah itu akan dibiarkan untuk beberapa waktu. Mereka akan berpindah ke kawasan yang baru. Dalam masyarakat yang bercucuk tanam, amalan sistem berpindah ini adalah penting kerana tanah mereka di tempat asal tidak dapat mengeluarkan hasil yang baik. Oleh sebab itu, sebagaimana juga golongan pemburu dan pengumpul bahan makanan hutan, mereka yang bercucuk tanam secara berpindah-randah memerlukan tanah yang luas dalam waktu-waktu yang tertentu. Bagi masyarakat yang teknologinya rendah, mereka tidak perlu memiliki tanah secara tetap kerana tanah tidak dapat digunakan selama-lamanya dan tidak mengeluarkan hasil yang memuaskan.

Dalam masyarakat bercucuk tanam pindah, individu mungkin

menentukan kawasan tanah untuk digunakan tetapi mereka tidak menggunakan tanah itu sebagaimana yang difahamkan dalam konsep tuan tanah pada hari ini. Pengertian konsep tanah ialah lanjutan daripada konsep suku bangsa sebagaimana yang digambarkan daripada keperluan dan tanggungjawab anggota masyarakat itu. Dalam suku bangsa anggotanya mempunyai tanggungjawab moral untuk menentukan bahawa setiap anggotanya mendapat makanan yang cukup. Oleh sebab itu, anggota sesuatu suku bangsa tidak akan melupakan keperluan orang lain sehinggakan mereka kebuluran.

Golongan nomad yang memelihara binatang memerlukan kawasan yang lebih luas daripada kawasan yang diperlukan oleh masyarakat bercucuk tanam. Keperluan harta benda mereka bergantung kepada pergerakan binatang ternakan dan kawasan berternak yang mempunyai air. Maka sistem ekonomi mereka adalah gabungan sistem masyarakat pengumpulan makanan dan masyarakat memburu, serta masyarakat yang bercucuk tanam. Sebagaimana orang yang memburu dan mengumpul bahan makanan, mereka harus mengetahui potensi wilayah yang diperlukan yang mungkin melibatkan kawasan berhektar-hektar luasnya supaya mereka dapat menentukan bekalan rumput dan air bagi binatang ternakan mereka. Sebagaimana juga golongan bercucuk tanam pindah, golongan penternak nomad selepas mereka memberi makanan binatang ternakan di sesuatu kawasan, mereka berpindah ke kawasan lain. Kawasan yang lama ditinggalkan supaya tumbuh-tumbuhan dan juga rumput baru hidup dan subur semula di kawasan itu. Begitu juga seperti orang yang bercucuk tanam pindah, golongan berternak binatang bergantung kepada makanan secukup hidup yang harus dimanipulasikan melalui punca-punca pengeluaran yang terdapat di kawasan itu dan hasil-hasil binatang ternakan mereka.

Tanah berumput yang digunakan untuk memberi makan binatang dianggap sebagai tanah kepunyaan bersama bagi orang nomad. Walaupun ketua mereka dianggap sebagai tuan tanah, tetapi hak miliknya merupakan sebagai suatu pernyataan simbolik sahaja. Sebenarnya kawasan ini ialah kawasan untuk golongan masyarakat yang berpindah-randah. Golongan ini perlu membuat dua perjanjian dengan orang luar bagi menentukan punca pengeluaran dari tanah tersebut. Pertamanya ialah untuk menentukan dengan golongan

yang berpindah-randah mengenai kawasan tanah yang mereka boleh gunakan untuk memberi makanan binatang ternakan mereka. Keduanya ialah menentukan dengan petani yang telah menetap untuk memastikan hak menggunakan tanah yang tidak ditanam sebagai kawasan untuk memberi makan binatang-binatang mereka.

Harta yang paling dihargai oleh masyarakat nomad ialah binatang ternakan. Jumlah bilangan binatang yang mereka punyai adalah penting bagi menentukan kewujudan persanakan mereka. Ia juga menunjukkan status keluarga itu suatu keluarga yang mempunyai binatang ternakan di bawah bilangan minimum dianggap sebagai suatu keluarga yang mempunyai ekonomi yang kurang memuaskan. Sekiranya ada golongan lain menghadiahkan binatang ternakan kepada mereka, maka mereka dianggap mempunyai kedudukan yang tinggi sebagai pemerintah. Satu keluarga yang bilangan binatangnya terlalu kecil akan meninggalkan cara hidup berpindah-randah dan akan mencari kehidupan yang baru. Biasanya mereka akan menetap di satu kawasan untuk beberapa lama sehinggalah mereka dapat membela binatang yang banyak seperti yang dikehendaki oleh masyarakatnya.

Konsep hak milik tanah persendirian termasuk hak untuk menggunakan segala punca pengeluaran tanah merupakan suatu perkara yang biasa berlaku dalam masyarakat pertanian. Bagi mereka tanah dianggap sebagai punca yang susah didapati setelah individu tertentu menuntut hak ke atas tanah. Tanah adalah suatu punca ekonomi. Oleh sebab itu ia merupakan sebagai satu hak politik yang mempunyai kuasa ke atas tanahnya dan seterusnya mematuhi aturan yang berkaitan dengan tanahnya.

Kuasa mutlak ke atas tanah ini semata-mata merupakan sebagai cara bagi membolehkan seseorang menggunakan tanah dan melarang orang lain menggunakannya. Mereka boleh mengerjakan tanah tetapi hak mutlaknya terletak kepada kerajaan. Suatu keluarga yang mempunyai tanah mungkin akan hilang hak ke atas tanah itu sekiranya kerajaan memerlukan tanah itu ataupun sekiranya ekonomi kebangsaan perlu membahagikan tanah pada ketika itu.

Satu lagi punca pengeluaran ialah teknologi. Sistem ekonomi sesuatu masyarakat bergantung kepada tahap pencapaian pengetahuan teknologi mereka. Dalam masyarakat celik akal, pengetahuan ini dikekalkan melalui buku. Dalam masyarakat yang belum tahu

menulis pengetahuan ini diingat oleh anggota-anggotanya melalui pengalaman mereka. Semua masyarakat mempunyai cara tertentu untuk mencipta alat-alat mereka. Mereka juga mempunyai tradisi sendiri dalam penggunaan alat itu. Alat itu akan disampaikan kepada anggota masyarakat yang lain dari satu generasi ke suatu generasi. Penggunaan alat dalam sesuatu masyarakat biasanya terhad dalam kehidupan mereka. Golongan masyarakat yang mengumpulkan makanan, golongan yang memburu serta golongan yang bertani mempunyai alat yang tersendiri. Alat ini mudah digunakan dan mudah pula dibawa. Walaupun kadang-kadang alat ini menghalang pergerakan mereka, golongan masyarakat yang telah menetap di kawasan tertentu boleh mengumpulkan alat yang banyak.

Golongan pemburu memerlukan senjata lembing dan anak panah, manakala petani memerlukan alat bercucuk tanam seperti cangkul manakala masyarakat yang mengumpulkan bahan makanan pula memerlukan bakul untuk membawa bahan yang mereka pungut. Orang-orang Asli di Malaysia menggunakan anak panah untuk memburu dan menangkap ikan. Golongan orang asli di Australia pula mencipta sejenis alat yang disebut *boomerang*. Alat ini diperbuat daripada kayu dan boleh digunakan untuk membunuh binatang. Alat ini boleh kembali semula kepada tuan punya setelah dilontar. Kanak-kanak menggunakan *boomerang* yang ringan sebagai alat permainan. Kadang-kadang digunakan bagi menghalau burung supaya masuk ke jerat yang mereka pasangkan. Golongan orang Semelai di Malaysia pula menggunakan sumpitan yang beracun dari pokok Ipoh. Orang Pygmy di Kongo pula memburu binatang seperti kerbau liar dengan menahankan jaring di kawasan pergunungan. Masing-masing masyarakat telah menggunakan tekniknya sendiri.

Di kalangan orang yang memburu, alat ini dianggap penting bagi mereka yang membuat alat itu. Tetapi dengan mempunyai alat itu, mereka tidak mendapat kedudukan yang istimewa, kerana punca untuk membuat alat mudah terdapat di kawasan yang sama. Anggota masyarakat boleh membuat senjata mereka sendiri. Kaum wanita pula membuat alat untuk bercucuk tanam. Cara untuk berkongsi alat digunakan juga oleh anggota masyarakat bagi mendapatkan makanan mereka. Sekiranya satu kumpulan memerlukan

kan alat seperti lembing dari orang lain maka orang yang mem-punyai harus meminjamkannya kepada kelompok yang mem-merlukannya. Namun demikian lembing masih dianggap sebagai senjata persendirian bagi orang yang membuat lembing. Sebagai balasanya orang yang membunuh binatang harus memberikan sebahagiannya kepada orang yang meminjamkan lembing tadi. Di kalangan orang Pulau Andaman pula, apa juga yang dilakukannya adalah menjadi haknya sendiri. Sekiranya orang lain membantunya untuk membuat senjata itu, ia tetap menjadi hak orang yang menciptanya. Seorang suami tidak mempunyai hak ke atas harta kepunyaan isterinya. Namun demikian barang yang diberikan sebagai hadiah boleh diterima oleh sesiapa juga.

Golongan yang bercucuk tanam, golongan orang yang memungut bahan makanan dan golongan pemburu mempunyai ciptaan dan penggunaan alat yang terhad, kerana mereka adalah golongan orang yang sentiasa berpindah-randah. Berbeza dengan golongan pemburu dan pengumpul bahan makanan, golongan yang bercucuk tanam menggunakan binatang ternakan untuk membawa hasil tanaman dan barang mereka. Setiap keluarga mempunyai alatnya sendiri. Binatang ternakan adalah punca tenaga kerja yang diperlu-kan. Golongan petani, selalunya memasarkan hasil barang ternakan mereka kepada penduduk kota. Di samping itu kelompok yang berpindah-randah pula memperolehi bahan keperluannya daripada masyarakat lain. Hanya sebahagian kecil saja yang mereka keluar-kan sendiri seperti bahan makanan. Golongan bercucuk tanam merupakan golongan secukup hidup. Parang yang digunakan untuk menebas atau menebang dan cangkul yang digunakan untuk meng-gali tanah dan alat lain merupakan alat asas untuk bertani. Alat ini selalunya mempunyai bentuk yang mudah. Setiap orang boleh membuat alat seumpama itu. Alat yang dibuat oleh seseorang itu menjadi hak miliknya sendiri tetapi ia bertanggungjawab pula untuk meminjamkannya kepada anggota keluarganya.

Sejak bentuk dan cara menggunakan alat ini menjadi lebih kompleks, maka alat ini terpaksa dibeli dengan menggunakan wang. Apabila orang yang bertani cuba mendapatkan cangkul yang diperbuat daripada besi, ia perlu mengeluarkan tanaman kontan yang boleh mereka jual dan kemudiannya membeli cangkul besi tadi. Anggota keluarga, yang memberikan tenaga kerja dalam pengeluar-

an tanaman kontan yang kemudian membeli alat pertanian, maka semua anggota keluarganya mempunyai hak untuk menggunakannya dan boleh menjualnya di kemudian hari.

Dalam sistem pertanian yang intensif, usaha membuat alat-alat ini merupakan aktiviti yang khusus. Mereka yang membuat alat dan mesin pertanian mungkin tidak tahu menggunakannya dan mungkin juga mereka tidak berpeluang melihat kawasan pertanian. Dalam masyarakat moden petani yang tidak ada modal untuk membeli mesin yang mereka perlukan boleh meminjam daripada bank. Dengan mesin ini ia akan mengeluarkan lebih supaya ia dapat membayar balik pinjamannya di bank, menjaga alat ini dan membaikinya sekiranya ia rosak. Dengan lain perkataan ia harus menggunakan alat ini dengan cekap bagi mendapatkan hasil yang tinggi. Ia juga boleh menyewakan alat itu kepada orang lain semasa ia tidak menggunakan alat itu. Masyarakat yang bertani secara besar-besaran kerap kali membentuk syarikat kerjasama untuk membeli mesin yang mahal kerana mereka tidak mampu membelinya secara bersendirian. Mesin yang dibeli menjadi hak milik setiap anggotanya.

Ada juga alat yang terlalu mahal untuk dibeli sendiri ataupun secara berkongsi. Oleh itu kerajaan terpaksa menyediakan alat itu dengan memperolehnya dari cukai yang dipungutnya. Kerajaan menggunakan pungutan cukai bagi membina lapangan terbang, jalan raya untuk kegunaan firma pengangkutan, ampangan air untuk kegunaan syarikat yang mengeluarkan kuasa dan sebagainya. Punca tenaga seumpama ini merupakan punca yang dipunyai oleh rakyat. Ia bergantung kepada aturan yang ada termasuk juga bayaran tambahan yang harus dikenakan dari masa ke semasa. Bahan punca pengeluaran yang lain dalam masyarakat industri seperti kilang, boleh dipunyai bersama di antara pemegang saham. Oleh itu sebahagian daripada anggota masyarakat itu adalah tuan punya perniagaan itu.

Satu lagi faktor pengeluaran yang penting ialah tenaga kerja. Setiap masyarakat mempunyai aturan yang menentukan pekerjaan seseorang. Organisasi pekerjaan berbeza dari satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Jenis masyarakat dan cara pengeluaran bahan makanan mempunyai hubungan yang rapat. Kedua-duanya amat susah untuk dibezakan. Namun demikian

organisasi pekerjaan boleh dilihat bergantung ke atas faktor yang tertentu, seperti jenis alat dan jenis pekerjaan. Jenis pekerjaan dalam sesuatu masyarakat melambangkan organisasi kerja. Misalnya sepuluh ekar tanah boleh dibajak oleh seorang pembajak dengan menggunakan sebuah traktor, ataupun ia boleh dikerjakan oleh beberapa orang, atau boleh menggunakan beberapa ekor kerbau dan lembu untuk membajak, ataupun sekumpulan orang lelaki dan perempuan boleh sama-sama bekerja dengan menggunakan cangkul sebagai alat yang biasa digunakan oleh masyarakat itu.

Pembahagian tenaga kerja di antara jantina adalah suatu sifat sistem ekonomi sejagat. Sejak kanak-kanak lagi mereka diajar untuk menjalankan kerja yang akan diberikan kepada mereka apabila mereka dewasa kelak. Dalam masyarakat Melayu pada hari ini kanak-kanak terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar selalunya menjalankan beberapa jenis kerja yang dilakukan oleh ibu bapa mereka. Anak-anak perempuan diberikan kerja untuk menyediakan diri mereka sebagai wanita. Mereka dilatih untuk membasuh dan menjemur baju, mencuci pinggan mangkuk dan mengemas rumah. Kanak-kanak perempuan belajar membantu tugas ibunya dalam usaha menjalankan kerja wanita seperti mengumpulkan bahan makanan, memasak dan juga mendirikan bangsal kecil bagi menyimpan kayu api dan sebagainya. Anak-anak lelaki pula diberikan kerja untuk menjadikan mereka sebagai anggota manusia lelaki yang bertanggungjawab dalam masyarakatnya. Mereka ditugaskan untuk memotong rumput, ataupun untuk membersihkan perkarangan rumah dan sebagainya. Kanak-kanak lelaki juga digalakkan untuk mempelajari kemahiran yang diperlukan seperti memburu. Jenis alat permainan mereka adalah buatan mereka sendiri, termasuk membuat permainan sebagai alat senjata yang boleh digunakan untuk menangkap binatang kecil.

Dalam semua masyarakat terdapat pola yang biasa bagi menentukan tugas antara kaum lelaki dan wanita. Umumnya kaum lelaki menjalankan kerja yang berat dan kerap kali terpaksa meninggalkan rumah mereka. Oleh sebab itu memburu, mengawal binatang ternakan yang besar, membersihkan ladang dan menenggalanya banyak dilakukan oleh kaum lelaki. Kaum perempuan sebaliknya diberikan kerja yang lebih ringan dan boleh dilakukan di sekitar rumah sahaja. Seterusnya kaum wanita dalam kebanyakan masyarakat

kat primitif yang mengumpulkan bahan makanan ditugaskan untuk mengangkut air ke rumah, memasak dan membersihkan kawasan tempat tinggalnya.

Terdapat alasan tertentu mengapa wujud pembahagian kerja antara kaum lelaki dan kaum wanita. Di antaranya ialah perbezaan biologi di antara kaum lelaki dan kaum perempuan. Oleh kerana lelaki pada umumnya adalah lebih kuat daripada kaum wanita, maka sudah tentu kaum lelaki dapat menjalankan kerja yang lebih berat dan meninggalkan kerja yang ringan kepada kaum wanita. Tambahan lagi kaum wanita melahirkan anak dan dipertanggungjawabkan untuk mendidik dan mengasuh anaknya. Kaum ibu selalunya memberikan susunya sendiri, maka dengan itu mereka memerlukan kerja yang tidak meninggalkan rumah tangga. Kaum lelaki sebaliknya adalah bebas menjalankan kerja yang jauh daripada tempat tinggal mereka. Pembahagian kerja di antara kaum lelaki dan kaum wanita menjadi lebih jelas dalam masyarakat di mana pembahagian kerja adalah berasaskan kerja yang berat dan perlu meninggalkan rumah, seperti memburu dan menternak binatang.

Walaupun pola seumpama ini masih wujud, pada umumnya perbezaan dalam organisasi pekerjaan berbeza daripada satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Dalam masyarakat industri pembahagian pekerjaan berasaskan perbezaan jantina ini mungkin tidak dapat ditentukan atas struktur fizikal dan pergerakan mereka seperti dalam masyarakat primitif. Dengan adanya mesin yang cekap tidak membataskan kekuatan fizikal dalam masyarakat perindustrian. Tambahan lagi kaum wanita dalam masyarakat industri ingin membebaskan diri daripada tanggungjawab menjaga anak. Mereka juga mahu mendapatkan ekonomi yang lebih tinggi. Oleh itu boleh dikatakan perbezaan kerja yang berbentuk tradisi antara lelaki dengan perempuan itu mungkin kurang jelas dalam masyarakat industri.

Umur juga menjadi faktor penting bagi pembahagian kerja. Kanak-kanak umpamanya tidak boleh menjalankan kerja yang dilakukan oleh orang dewasa. Bagaimanapun selalunya kanak-kanak memerlukan pertolongan daripada orang dewasa bagi menjalankan kerja mereka. Dalam kebanyakan masyarakat primitif, kanak-kanak lelaki dan perempuan menyumbangkan sebahagian besar daripada tenaganya untuk mendapatkan punca makanan jika

dibandingkan dengan kanak-kanak dalam masyarakat kita sendiri pada hari ini. Selalunya mereka membantu ibu bapa mereka untuk menjalankan kerja seperti menjaga adiknya, membersihkan rumput-rumpai dan memungut hasil tanaman.

Hubungan persanakan juga menjadi asas penting bagi organisasi pekerjaan dalam kebanyakan masyarakat primitif. Aturan untuk membantu keluarga merupakan sebagai sifat yang penting dalam masyarakat yang mengumpulkan makanan yang menetap di satu-satu kawasan. Dalam masyarakat petani seseorang lelaki mungkin memerlukan bantuan daripada anggota keluarganya untuk membersihkan ladang mereka. Sebahagian daripada anggotanya yang telah menggalikan lubang akan dijemput dan berkumpul beramai-ramai dengan kaum lelaki yang bersaudara dan teman rapat mereka. Jemputan seumpama ini tidak boleh ditolak, kerana ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab keluarga. Dalam masyarakat Melayu tradisi perkara ini adalah tanggungjawab adik-beradik dan teman karib yang tinggal berhampiran dengan tempat kediaman mereka. Dalam masyarakat yang membela binatang pula, organisasi pekerjaan yang bergantung kepada persanakan terdapat dengan meluasnya. Di kalangan orang-orang Somali umpamanya, kelompok yang memelihara binatang mungkin tergolong daripada adik-beradik, anak-beranak dan isteri mereka. Masyarakat yang memelihara binatang yang telah memutuskan untuk menetap di kawasan pertanian mereka juga menjadi golongan keluarga. Akibatnya semangat bekerjasama di kalangan orang yang berternak menjadi kuat. Ikatan bekerjasama di kampung bergantung kepada pertalian darah dan hubungan mereka dengan tanah yang terdapat di situ.

Kelompok persanakan sebagai suatu organisasi unit bekerja tidak begitu penting dalam masyarakat industri kerana mereka boleh mendapat tenaga yang diupah daripada anggota di luar institusi persanakan mereka. Persanakan yang besar bilangannya tidak lagi begitu penting dalam masyarakat industri. Selalunya kanak-kanak akan meninggalkan rumahnya dan mereka tidak menjadi punca pengeluaran keluarga atau punca kekayaan dalam masyarakat industri. Individu dalam keluarga boleh meneruskan pekerjaan mereka, tetapi apabila bilangan pekerja yang ramai diperlukan seperti di kilang, maka tenaga kerja tidak mungkin diambil hanya

dari orang yang mempunyai pertalian darah.

Dalam masyarakat yang teknologinya mudah tidak ada pembahagian tenaga kerja yang khusus. Kebanyakan pengetahuan dan kemahiran bagi sesuatu aktiviti dalam masyarakat adalah sama-sama diketahui oleh semua orang dewasa. Tetapi dengan kemajuan teknologi yang membolehkan masyarakat untuk mengeluarkan bahan makanan yang berlebihan, kebanyakan orang ini tidak lagi mengamalkan konsep pengeluaran secukup hidup. Dengan sebab itu mereka terpaksa mempunyai pengkhususan dalam kerja mereka. Misalnya ada orang yang hanya membuat perahu sahaja, ada orang yang menganyam tikar sahaja dan ada orang yang tugasnya hanya menjadi Imam, dan ada pula orang yang membuat alat-alat daripada tembikar. Anggota di dalam masyarakat yang mengumpulkan bahan makanan dan masyarakat pemburu melakukan kerja yang berbagai-bagai. Sudah tentu untuk menjalankan aktiviti seumpama ini mereka memerlukan kemahiran yang berbagai-bagai juga. Dalam masyarakat ini seseorang itu harus mengetahui untuk membuat perangkapnya sendiri, membuat senjata dan mereka sendiri perlu mengetahui menggunakan alat ini. Seorang wanita dalam masyarakat seumpama itu haruslah cekap menjadi seorang ahli biologi yang boleh mengidentifikasikan antara pokok yang boleh dimakan dengan pokok yang beracun. Pengetahuan mengenai bahan yang boleh dimakan, memasak, menari dan sebagainya harus diketahui oleh orang perempuan dalam masyarakat primitif, kerana kerja seharian adalah berbeza-beza.

Dalam masyarakat bertani pengkhususannya adalah lebih jelas jika dibandingkan dengan masyarakat pemburu atau masyarakat yang mengumpulkan barang makanan. Pengkhususan seumpama ini mungkin disebabkan adanya pengeluaran yang banyak. Dengan sebab itu anggota masyarakat bebas daripada aktiviti untuk mengeluarkan makanan mereka sahaja. Sebahagian anggota masyarakat akan mengkhususkan tugas-tugas dengan kemahiran mereka sendiri seperti bahan daripada tembikar, menganyam tikar, menenun kain, mendirikan rumah atau mengubat orang sakit. Sebaliknya untuk menjalankan kerja tadi, mereka akan diberikan barang makanan sebagai hadiah. Sebahagian daripada kelompok petani, anggota masyarakat di kampung mungkin mengkhususkan dalam pengeluaran yang tertentu. Bahan keluarannya akan dijual kepada

orang di sekitar perkampungan mereka. Dengan kemajuan yang meluas tercapai dalam bidang pertanian, pengkhususan bagi membuat barang tembikar, anyaman, tukang besi mula pula wujud. Dengan hal yang demikian kemajuan dalam pertanian melahirkan pengkhususan yang lebih tinggi. Begitu juga dalam masyarakat perindustrian pekerja yang mahir dalam bidang tertentu saja yang diterima bekerja.

Ada orang yang berpendapat bahawa pengkhususan pembahagian kerja menyebabkan banyak waktu terluang, kerana kita lihat seorang yang khusus dalam bidangnya hanya lebih berkesan dan pantas apabila ia menjalankan kerja yang dalam bidang pengkhususannya. Hal ini mungkin tidak betul kerana kalau kita lihat anggota masyarakat mudah yang teknologinya tidak khusus mereka juga mempunyai masa yang lebih banyak terluang. Hal ini berlaku mungkin kerana anggota masyarakat yang teknologinya mudah, aktiviti mereka adalah terhad terutamanya untuk mengawal alam sekitar masyarakat yang teknologinya kompleks adalah lebih luas lagi aktiviti mereka. Adalah tidak menguntungkan bagi golongan masyarakat yang memburu atau masyarakat yang mengumpulkan bahan makanan dari hutan untuk memburu binatang, mengumpulkan bahan dengan banyak kerana mereka tidak boleh memakan semuanya sekali dalam suatu waktu, dan mereka juga tidak boleh menyimpan lama bahan ini. Dengan memungut begitu banyak akan mengurangkan bekalan bahan makanan yang ada di hutan ataupun mengurangkan binatang buruan jika diburu dengan berlebihan. Tetapi dalam masyarakat yang kompleks teknologinya, seorang sudah tentu boleh mengeluarkan bahan makanan yang berlebihan. Teknologi yang kompleks ertinya pembangunan yang tinggi dan pengeluaran hasil tanaman yang berlebihan. Dengan menggunakan baja yang baik dan mesin yang lebih cekap petani dapat mengeluarkan hasil yang lebih banyak. Kemungkinan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi dengan pengeluaran yang lebih tinggi dan menyimpan barang lebihan mereka, sama ada dalam peti sejuk, ataupun menyimpannya dalam bentuk kewangan yang disimpan di bank telah menggalakkan manusia untuk bekerja dengan lebih kuat lagi. Akhirnya masa terluang yang dikatakan tadi semakin berkurangan dengan wujudnya teknologi yang lebih maju.

Setakat ini kita telah membincangkan jenis kerja yang dibuat

secara sukarela iaitu tugas untuk memenuhi tanggungjawab kita kepada keluarga. Pekerjaan seumpama ini tidak ada organisasi formal yang wujud untuk mengerah seseorang bekerja atau menghukumnya jika ia tidak mahu bekerja. Walau bagaimanapun latihan dan tekanan sosial menentukan seseorang itu bekerja. Namun demikian dalam masyarakat pemburu dan masyarakat pengumpul makanan serta masyarakat bercucuk tanam, seorang yang sanggup menerima sendaan daripada orang lain kerana kemalasannya, ia masih boleh mendapat makanan. Tidak ada hukuman yang dikenakan kepadanya kerana ia malas dan sebaliknya tidak ada cara untuk mengerahnya untuk bekerja.

Dalam masyarakat yang lebih kompleks, terdapat dalam organisasinya, cara untuk mengerah orang supaya bekerja bagi orang yang berkuasa, seperti raja, ketua ataupun negerinya. Suatu contoh yang boleh kita golongkan sebagai kerja kerahan ialah cara pembayaran cukai. Misalnya seseorang itu pada hitung panjangnya membayar cukai kira-kira 40 peratus daripada pendapatannya setahun. Maka ini bererti lebih kurang 4 bulan dalam setahun mereka bekerja untuk negerinya. Sekiranya mereka tidak mahu membayar cukai seumpama ini mereka boleh dibawa ke mahkamah dan akhirnya dihukum.

Kewangan adalah bentuk bayaran cukai dalam masyarakat perdagangan. Dalam masyarakat yang politiknya begitu kompleks tetapi bukan masyarakat yang menggunakan wang, bayaran dilakukan melalui tenaga kerja iaitu berapa hari dalam seminggu mereka ditetapkan bekerja untuk tuan mereka. Kerahan tenaga seumpama ini merupakan sebagai suatu peruntukan tenaga yang diperlukan oleh anggota masyarakat. Setiap anggota dalam sistem tenaga kerahan seumpama ini terpaksa menjalankan kerja yang khusus sama ada bekerja di kawasan tanah yang dipunyai oleh negaranya ataupun bekerja di tanah ketua mereka. Hasil yang diberikan kepada negerinya tadi adalah untuk memberi makanan kepada pembesar, tentera, ahli seni dan pentadbir negeri. Walaupun tenaga kerja menjadi begitu banyak, maka orang masih terus bekerja di situ. Ini disebabkan bahawa seorang pemerintah mempunyai kuasa untuk mengerahkan tenaga kerja supaya terus bekerja. Tambahan lagi untuk mencukupi makanan sesebuah negeri, setiap anggota dalam negeri itu tertakluk kepada bayaran cukai mengikut masa yang

ditentukan dalam sistem yang ada. Kaum lelaki terpaksa bertanggungjawab menjadi tentera, sebagai pembantu kepada golongan pembesar dan menjadi pekerja di dalam pentadbiran awam.

Di bawah sistem organisasi feodal pula, terdapat tuan tanah sesebuah kawasan yang boleh menerima sebahagian besar daripada pendapatan orang di bawahnya ataupun masanya untuk bekerja di tanah pembesar tadi. Seorang pembesar negeri boleh juga menjadikan seseorang itu sebagai tenteranya atau memerintahkannya menjalankan kerja lain. Sebagai seorang hamba ia tidak boleh meninggalkan tanah tuannya kerana ia telah dilahirkan di situ, maka ia menjadi hak kepada tanah tetapi tanah itu bukan haknya.

### **3. Pembahagian Barangan dan Khidmat**

Masyarakat di dunia ini mengamalkan sistem pembahagian barang-barang dan khidmat yang berbeza. Sistem itu boleh dikelaskan kepada tiga jenis. Pertama, ialah sistem pembahagian timbal balik, kedua ialah sistem pembahagian semula dan ketiga ialah sistem pertukaran di pasaran. Ketiga-tiga sistem ini selalunya wujud di dalam masyarakat. Sebelum sistem wang berjalan dengan lancar, telah wujud sistem pertukaran barang-barang dengan khidmat-khidmat. Maka akan berlaku misalnya seorang itu menukarkan seguni gandum bagi tujuan untuk menonton wayang pada sebelah malamnya. Di dalam masyarakat terdapatnya sistem pembahagian yang khusus. Sistem pembahagian merupakan satu sistem yang berhubung dengan teknologi pengumpulan makanan yang dicapai dan tahap pengeluaran makanan mereka.

### **4. Pertukaran Barang**

Pertukaran barang bermaksud pemberian dan penerimaan barang tanpa menggunakan wang. Ia merangkumi cara yang melibatkan pemberian semata-mata, atau pertukaran barang dengan barang atau pertukaran yang bertujuan untuk menipu. Pertukaran barang boleh wujud dalam tiga bentuk. Pertama, pertukaran barang secara umum, keduanya pertukaran barang seimbang dan ketiganya pertukaran barang dengan tujuan yang tidak baik. Tujuan untuk bertukar barang ialah apa yang diterima akhirnya akan dipulangkan semula. Barang yang mahu dipulangkan tidak semestinya diberikan

pada ketika itu, atau diberikan kepada orang yang sama, atau melibatkan pemberian objek yang sama ataupun khidmat yang sama. Pertukaran barang secara umum ialah pemberian yang tidak memerlukan balas dengan segera, atau memikirkan tentang pembalasannya. Sistem agihan seumpama ini diamalkan kerana terdapatnya pertukaran barang yang umum dan dilakukan secara tidak langsung di dalam masyarakat hari ini. Seorang yang memberikan sesuatu kepada orang lain tidak mengharapkan balasannya.

Pertukaran barang secara umum merupakan suatu bentuk pertukaran timbal balik yang melibatkan agihan barang dan khidmat dalam jangka panjang. Pemburu yang berjaya pada hari ini akan memberikan sebahagian daripada hasilnya kepada anggota dalam masyarakatnya. Dengan menyedari hakikat bahawa mereka tidak akan berjaya setiap hari, maka pemburu lain yang berjaya pada hari yang lain akan membalasnya atau memberikan hasil tangkapan mereka pula.

Pemberian timbal balik umumnya dilakukan dalam institusi persanakan semua masyarakat. Ibu bapa memberikan makanan kepada anak mereka bukan mengharapkan anak mereka akan membalasnya apabila mereka tua. Tetapi, pada kebiasaannya hal ini akan berlaku. Selalunya anak apabila dewasa kelak akan memberikan makan kepada kaum keluarga mereka terutama sekali ibu bapa mereka. Dengan hal yang demikian boleh dikatakan semua masyarakat mempunyai sistem pemberian timbal balik yang umum. Dalam masyarakat Melayu sekiranya anak yang telah dewasa tidak mahu membalas bakti pemberian ibu bapa mereka yang kini telah tua adalah dianggap tidak baik. Namun demikian tidak ada aturan dalam masyarakat yang memaksa mereka memberikan makanan atau melindungi ibu bapa mereka yang tua.

Lebih mudah bagi kita untuk melihat pertukaran timbal balik seimbang yang berlaku dalam jangka waktu yang pendek, di mana seseorang itu mengharapkan sesuatu akan dibayar balik atau dipulangkan dengan segera. Walaupun seseorang yang memberikan sesuatu mengharapkan supaya temannya memberikannya sesuatu yang tertentu misalnya pinggan mangkuk, apabila temannya hanya memberikannya sebilah pedang, ataupun anak panah, maka ia akan meminta supaya kawannya memberikan pinggan mangkuk kepadanya. Tetapi apabila beberapa bulan berlalu kawannya tidak juga

memberikan pinggan mangkuk kepadanya, pertukaran masih juga dianggap sebagai suatu pemberian dan ikatan persahabatan terus berkekalan. Dalam pertukaran seimbang ini, pertukaran berlaku disebabkan oleh keinginan untuk mendapatkan sesuatu objek yang tertentu.

Pemberian timbal balik bertujuan tidak baik pula merupakan suatu percubaan untuk mendapatkan keuntungan daripada orang lain bagi kepentingan diri sendiri. Kepentingan diri sendiri merupakan suatu perkara di luar keinginan biasa dalam sistem pertukaran biasa sehingga seseorang itu sanggup memiliki binatang seperti lembu dengan cara mencuri. Ia merupakan asas untuk mendapatkan sesuatu tanpa mempunyai modal. Mengikut Sahlins (1965), 3 jenis pemberian timbal balik ini iaitu yang umum, seimbang dan negatif melibatkan pertukaran yang berterusan dalam masyarakat primitif terutamanya di antara mereka yang ada hubungan persanakan. Pertukaran timbal balik umum merupakan suatu aturan dalam keluarga yang paling rapat. Pertukaran timbal balik seimbang merupakan cara yang selalu diamalkan di antara orang yang mempunyai hubungan yang tidak rapat. Seseorang yang memikirkan untuk mendapatkan pertukaran barang dengan keluarganya boleh juga menukarkannya dengan jiran tetangganya.

##### **5. Pembahagian Barang Lebihan**

Banyak masyarakat primitif yang mengamalkan sistem pertukaran barang secara timbal balik. Pertukaran timbal balik bererti pembahagian barang dan khidmat yang mempunyai tujuan ekonomi dan ikatan sosial. Dengan memberikan barang lebihan itu kepada orang lain ia dapat menghabiskannya dengan tidak membazir.

Kepentingan aktiviti pertukaran timbal balik umum di antara golongan pemburu dengan pemungut barang-barang makanan dari hutan mempunyai faedah yang tertentu. Dalam hal ini ia menguatkan lagi ikatan sosial. Dengan membahagikan barang lebihan yang tidak dimakan tidak merugikannya kerana jika tidak diberikan kepada orang lain ia akan menjadi busuk dan tidak boleh dimakan. Misalnya di kalangan orang asli di Australia (Gould, 1969) orang yang pergi memburu binatang kecil seperti arnab, tidak perlu mengongsi makanan tadi. Binatang buruan itu hanya cukup di-

makan oleh kaum keluarganya saja. Hanya binatang buruan besar saja yang akan sama-sama dikongsi oleh anggota masyarakat di kampung itu. Apabila bahan makanan lebih terdapat dalam masyarakat itu dan kesemua makanan tidak habis dimakan maka, anggota masyarakat tadi perlu membuat keputusan bagaimana barang makanan itu dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Satu cara yang paling baik ialah dengan mengadakan perniagaan dengan orang lain. Melalui perniagaan, suatu masyarakat boleh menjualkan barang lebihan tadi yang mereka tidak mahu gunakan untuk ditukarkan dengan barang lain yang susah didapati di tempat tinggal mereka. Oleh kerana perniagaan antara anggota masyarakat itu dengan masyarakat jirannya adalah penting kepada masyarakat mereka, maka adalah sesuai bagi anggota masyarakat ini mengekalkan hubungan baik di antara mereka. Beberapa masyarakat telah mewujudkan hubungan berbaik-baik seumpama itu. Orang Jakun di Malaysia umpamanya telah mewujudkan cara pertukaran barang secara senyap-senyap dengan orang Melayu yang menjadi tetamu dan jiran mereka. Orang Jakun meninggalkan barang keluaran mereka di suatu tempat dan mereka percaya dengan adanya hubungan baik dengan orang Melayu, maka mereka akan dapat barang yang mereka perlukan yang akan ditinggalkan pula di tempat yang sama berhampiran dengan kampung itu. Barang keperluan mereka ialah garam, barang manisan dan alat daripada besi. Orang di Pulau Trobraind pula mempunyai skema yang lebih besar bagi tujuan perdagangan barang dengan orang di sekitar perkampungannya Sahlins, 1965). Pertukaran barang seumpama ini melibatkan juga orang yang tinggal di pulau lain yang berjauhan. Orang yang datang dari jauh ini tidak dapat mengeluarkan barang makanan yang cukup bagi penduduknya. Dengan sebab itu mereka terpaksa mengeluarkan bahan lain seperti perahu, barang tembikar dan sebagainya. Orang di kepulauan yang lain pula mengeluarkan bahan makanan seperti keladi, ubi dan babi. Pertukaran seumpama ini dilakukan melalui konsep *kula ring*, yang pada pengertian asalnya sebagai satu pertukaran barang hiasan yang bernilai tinggi.

Masyarakat Malaysia, pula mempunyai cara tersendiri untuk membahagikan barang lebihan mereka tanpa perdagangan. Dalam masyarakat ini mempamerkan kekayaan merupakan satu perkara biasa (Thurnwald, 1934). Di samping melambangkan kekayaan,

babi menjadi punca protein penting dalam masyarakat itu. Cara menunjukkan kekayaan ini menjadi motivasi bagi sebahagian daripada masyarakat. Mereka akan menyembelih 50 hingga 100 ekor babi untuk dibahagi-bahagikan kepada anggota masyarakatnya. Perkara ini membuktikan kedudukan sosial dan status mereka yang kukuh dan tinggi.

Vayda, Leeds dan Smiths (1961) telah menyatakan bahawa kebanyakan pesta yang melibatkan penyembelihan babi yang banyak pada umumnya merupakan suatu pembaziran. Tetapi dalam kebudayaan yang kompleks seumpama itu, ia mempunyai pengertian yang tinggi dalam masyarakat. Sebagaimana yang telah diperhatikan oleh beberapa orang ahli ekonomi, sesuatu masyarakat tidak dapat memberikan makanan yang secukupnya kepada penduduknya dalam musim penanaman. Mereka juga tidak mungkin mengharapkan pengeluaran makanan yang secukupnya setiap masa. Oleh sebab itu, mereka harus mengawal bilangan penduduknya supaya tidak menjadi begitu ramai dan dengan itu bahan makanan yang dikeluarkan oleh mereka akan mencukupi. Tambahan lagi masyarakat hendaklah melebihi pengeluaran setiap tahun kerana pada musim kemarau, hasil berkurangan. Dalam musim yang baik penanaman di kawasan yang lebih luas akan mengeluarkan bahan makanan yang lebih. Orang Melanesia ini mempunyai cara untuk mengeluarkan hasil lebih dengan bertanam keladi dan keledak yang mengeluarkan hasil tiga kali setahun. Oleh kerana hasil tanaman seperti keledak dan ubi ini tidak boleh tahan lama, maka hasil lebih ini diberikan kepada babi. Hal ini menjadi suatu cara untuk menyimpan makanannya melalui babi tadi. Babi yang banyak ini dijadikan bahan makanan apabila diperlukan dalam masa bahan makanan daripada pertanian tidak menjadi.

Pengeluaran bahan makanan yang lebih ini dalam masa beberapa tahun akan menghasilkan babi yang banyak. Hal ini akan menjadi masalah pula kerana babi ini akan memakan bahan makanan yang diperlukan oleh masyarakat itu seperti ubi dan keledak. Penyembelihan babi yang banyak ini adalah usaha untuk mengurangkan bilangan babi yang terlalu banyak dan menjahanamkan tanaman mereka. Penyelesaian masalah lebih seumpama ini menstabilkan bahan makanan terutama sekali dalam masa pengeluaran makanan tidak mencukupi ataupun dalam masa pengeluaran berlebihan.

## 6. Penyeimbangan Pembahagian Barang

Dalam mana-mana masyarakat pengumpulan harta yang banyak di tangan beberapa orang anggota masyarakat ataupun pada suatu keluarga sahaja amat tidak disukai. Hal ini akan menimbulkan beberapa tanggapan yang tidak betul. Masyarakat tani menganggap seseorang yang mempunyai harta terlalu banyak disebabkan ia mempunyai kuasa luar biasa atau ilmu sihir. Dalam masyarakat tani Melayu mungkin orang ini dianggap mempunyai toyol. Harta yang dipunyai oleh orang ini tadi dianggap sebagai harta yang diperolehi dengan cara yang tidak baik, penipuan atau diperolehi dengan secara magis. Ada masyarakat yang merampas harta seseorang yang diperolehinya terlalu banyak. Harta-harta itu akan dibahagi-bahagikan kepada anggota masyarakat yang tidak mempunyai harta. Untuk mengelakkan harta mereka dirampas, seseorang yang kaya akan meminjamkan hartanya atau binatang ternakannya seperti kerbau atau lembu kepada anggota masyarakat yang tidak berharta. Pada praktisnya seolah-olah orang yang dipinjamkan tadi mempunyai harta, tetapi sebenarnya harta itu masih lagi kepunyaan tuan punya kerbau dan lembu tadi. Pembahagian ini menyamaratakan harta yang berlebihan supaya ia menjadi seimbang di antara golongan masyarakat itu.

Banyak masyarakat yang telah lama mewujudkan cara pembahagian timbal balik. Setengah cara pembahagian ini telah stabil, tetapi sebahagian cara yang lain masih lagi dalam keadaan yang tidak teratur. Namun demikian tujuan yang penting ialah mengelakkan supaya anggota masyarakat ini tidak mengumpulkan harta yang terlalu banyak di kalangan mereka. Dalam masyarakat tani Melayu umpamanya jiran tetangga akan menyatakan sesuatu yang kurang menyenangkan apabila ada jiran tetangganya yang menunjukkan kekayaannya dengan membeli barang yang mahal seperti emas, alat perhiasan moden, kelengkapan rumah dan sebagainya. Maka terdapat dalam masyarakat satu mekanisme untuk membahagikan harta kepada orang yang kurang bernasib baik, terutama sekali dari kaum keluarganya. Seseorang anggota keluarga dalam satu kampung mungkin mempunyai barang makanan yang berlebihan dalam suatu waktu. Walaupun ia mempunyai teknik untuk menyimpan bahan lebihan tetapi ia akan memberikan kepada saudara-maranya atau kepada iparnya dalam kampung yang sama, terutamanya mereka

yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makanan. Sebaliknya ia akan mendapat pertolongan yang sama apabila ia pula menghadapi kesulitan seumpama itu di belakang hari kelak. Apabila iparnya membawa barang makanan sebagai hadiah kepadanya ia pula akan memulangkan dengan hadiah atau pemberian yang lain. Oleh sebab itu pertukaran barang lebihan atau objek yang bernilai dengan iparnya menjadikan sebagai suatu perkara praktikal yang membolehkan seseorang itu menyimpan barang lebihannya dalam jangka waktu yang panjang. Sekiranya pertukaran seumpama ini berlaku di kalangan yang bukan keluarga maka ia boleh mendapatkan barang ini semula dalam bentuk yang lain seperti dalam *potlatch*. Dalam pesta *potlatch* ini sebahagian besar daripada bahan makanan dimakan dan sebahagian yang lain diberikan kepada orang yang berada di perkampungan yang sama. Pada masa yang lain pula, ketua, pembesar atau orang lain yang pernah menerima hadiah seperti dalam bentuk *potlatch* ini akan membalas balik dengan memberikan *potlatch*nya sendiri. Dengan hal yang demikian pemberian merupakan cara untuk menyamaratakan kekayaan yang terdapat dalam masyarakat. Hal seumpama ini diamalkan juga dalam masyarakat Melayu dengan memberikan zakat, dan orang yang kaya digalakkan supaya membantu orang yang kurang bernasib baik.

Sekiranya ia tidak mengindahkan perkara ini keadaan yang kurang menyenangkan akan timbul. Orang yang mempunyai harta yang banyak merasa takut untuk menunjuk-nunjukkan kekayaannya kepada anggota masyarakat ataupun jiran tetangganya. Ia akan menjadi bahan ejekan anggota masyarakat yang lain dan kemungkinannya ini akan menimbulkan perasaan cemburu, benci, dan akan mengurangkan hubungan baik-baik antara golongan anggota-anggota masyarakat ini. Maka terdapat dalam banyak masyarakat, terutama sekali dalam masyarakat primitif, atau masyarakat yang belum lagi mencapai taraf yang tinggi dalam bidang perdagangan akan mengekalkan sistem persamarataan (*egalitarian*) dengan menstabilkan keadaan orang yang mempunyai harta yang terlalu banyak dengan orang yang terlalu miskin.

## 7. Sistem Pembahagian Semula

Seseorang ketua atau wakilnya memungut hasil daripada pengikutnya dalam kawasan pemerintahannya. Barang yang dipungut

tadi akan dibahagikan semula kepada anggota masyarakat yang lain. Kerajaan Malaysia umpamanya memungut sebahagian daripada pendapatan bulanan yang diperolehi oleh anggota masyarakatnya dan membahagikan semula pendapatan itu kepada anggota masyarakat yang lain untuk membantu orang miskin, orang yang tidak berdaya dan orang tua, membayar gaji pegawainya dan membayar khidmat yang dilakukan oleh anggota masyarakat untuk tugas pembangunan dan keselamatan. Sebahagiannya lagi digunakan untuk membina sekolah, hospital, jalan raya, masjid dan sebagainya.

Pembahagian semula seumpama ini merupakan suatu mekanisme yang penting dalam masyarakat yang mempunyai hierarki politik yang tersendiri. Semua masyarakat, mempunyai sistem pembahagian semula, sekurang-kurangnya melalui sistem persanakan. Anggota dalam keluarga bekerjasama dengan menggunakan tenaga kerja anggota keluarga untuk mengeluarkan bahan makanan dan item lain yang kemudiannya dibahagikan semula kepada semua anggota keluarga tanpa mengira bilangan tenaga yang telah diberikan oleh keluarga tadi. Masyarakat yang mengumpul dan memburu serta masyarakat yang baru mula bercucuk tanam biasanya tidak mempunyai sistem politik yang khusus. Masyarakat ini kurang mengamalkan sistem pembahagian semula. Mekanisme penting untuk membahagi semula berbentuk timbal balik yang tidak dianggap sebagai pembahagian semula. Ia merupakan sistem politik untuk menyelaraskan pemungutan dan pembahagian balik. Sistem pemungutan hasil dan membahagi semula adalah suatu cara yang ideal yang memberi faedah pada keseluruhan masyarakat. Sistem ini memberikan tekanan kepada anggota masyarakat. Ketua mereka pula sebaliknya diberi kuasa. Mereka yang mempunyai pengkhususan pula ditanggung oleh ketua. Sebelum orang lain menerima pemberian ini, pegawai dan tanggungan ketua terlebih dahulu diberikan haknya. Faktor ini mempersoalkan keadilan yang sepatutnya. Dalam banyak hal selalunya ketua tidak memberikan bahagian kepada mereka yang berhak secara adil.

Di kalangan masyarakat Bunyoro di Uganda, raja mengagihkan sebahagian daripada harta yang dipungut bagi keperluannya dan keperluan keluarganya (Beattie, 1960). Raja memberikan kuasa kepada anggota masyarakatnya untuk menggunakan tanahnya sebagai punca pengeluaran. Sebaliknya raja akan mendapatkan hasil

daripada pengikutnya. Begitu juga semua orang dikehendaki memberikan sebahagian besar daripada hasil yang mereka perolehi kepada raja, atau memberikan khidmat yang diperlukan. Raja akan memberikan hasil atau khidmat yang diterimanya kepada pengikutnya yang lain. Oleh sebab itu Raja dianggap oleh rakyatnya sebagai orang yang paling pemurah, kerana pada teorinya raja memberikan hartanya kepada orang lain. Tetapi dalam banyak hal sebahagian besar daripada pendapatan yang dipungut oleh raja tadi tidak sampai ke tangan orang yang patut menerimanya, terutama sekali orang yang mengeluarkan hasil barang tadi. Sebahagian besarnya digunakan oleh raja, keluarga yang rapat dengan raja dan mereka yang memungut hasil tadi. Sebahagian yang lain diberikan kepada anggota keluarga raja yang hampir dengan raja. Manakala yang lain pula diberikan sebagai habuan kepada orang yang memberikan khidmat kepada raja terutamanya anggota tentera.

Sistem pembahagian semula ini berbeza dari satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Sistem ini bergantung kepada stratifikasi dalam masyarakat. Walaupun selalunya ketua memegang sebahagian besar daripada harta kekayaan tetapi pengikutnya juga sama-sama menggunakan kekayaan itu.

## **8. Pertukaran Barang Di Pasaran**

Pertukaran barang di pasar mudah diperhatikan dalam masyarakat moden hari ini. Perkembangan pertukaran pasaran melalui perdagangan dan pertukaran wang berlaku apabila teknologi mengeluarkan barang makanan telah maju dan menjadi begitu cekap yang membolehkan masyarakat mengeluarkan bahan makanan yang berlebihan. Bila bahan makanan lebih dikeluarkan oleh anggota masyarakat maka mereka perlu mempunyai cara untuk membahagikan bahan lebih ini kepada anggota masyarakat yang lain. Sistem yang lebih cekap daripada *potlatch* adalah diperlukan. Oleh sebab itu pasaran ataupun pertukaran barang perdagangan merupakan suatu cara untuk membahagikan semula bahan makanan dan khidmat dalam masyarakat yang sama ataupun di antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Apabila bahan makanan mula dikeluarkan dengan berlebihan, anggota masyarakat tidak perlu lagi mengeluarkan barang makanan secukup hidup,

tetapi mereka harus mengkhususkan dalam berbagai-bagai aktiviti yang tertentu misalnya menghasilkan kraftangan, mengkhususkan dalam bidang keagamaan, peperangan dan sebagainya. Sudah tentu pertukaran secara langsung dari bahan makanan dengan khidmat, ataupun barang makanan dengan kraftangan digunakan secara langsung terus wujud dalam masyarakat yang sistem ekonominya masih belum maju. Tetapi pertukaran barang ini merupakan sistem pertukaran yang berlaku pada peringkat personal antara dua golongan ataupun dua kelompok yang mengenali antara satu sama lain. Di antara mereka wujud penuh kepercayaan. Dalam sistem pertukaran timbal balik yang seimbang ini hanya boleh diamalkan sebagai suatu cara untuk membahagikan barang lebihan dan khidmat sekiranya kita dapat menentukan orang yang memerlukan barang yang kita keluarkan. Atau mungkin kita boleh mencari orang yang mengeluarkan barang yang kita perlukan untuk ditukarkan dengan barang yang lain. Beberapa masalah akan timbul dengan sistem ini. Apabila banyak barang kraftangan dan tenaga pengkhususan untuk ditukarkan, maka pertukaran akan mengambil masa dan menyulitkan. Dengan sebab itu pasaran ataupun pertukaran perdagangan yang melibatkan wang adalah lebih cekap dan lebih baik. Apabila sistem ekonomi berkembang, pengeluaran lebihan dapat diwujudkan. Barang lebihan ini boleh dijual untuk mendapatkan wang yang akhirnya dapat ditukarkan dengan barang lain.

Dalam kebanyakan masyarakat, wang tidak boleh digunakan sebagai sistem pertukaran seperti dalam masyarakat moden hari ini. Dalam masyarakat yang paras pengeluaran makanan tidak lagi mencukupi untuk memberi makan kepada sebahagian besar daripada masyarakat yang bukan mengeluarkan barang makanan selalunya wujud wang yang mempunyai tujuan yang khusus seperti objek yang bernilai, yang hanya boleh ditukarkan dengan barang atau khidmat di tempat itu atau melalui sistem pertukaran timbal balik yang seimbang.

Setengah-setengah masyarakat menggunakan kulit siput sebagai wang. Objek yang dianggap wang ini amat susah untuk diinterpretasi oleh ahli antropologi. Setengah-setengah daripada masyarakat mendefinisikan wang mengikut fungsi dan sifatnya. Mengikut definisi ini wang bertugas untuk menjadi sistem pertukaran, suatu ukuran nilai yang tertentu dan suatu cara pengumpulan

harta. Wang bukannya objek yang mudah rosak, tetapi sebaliknya ia adalah barang yang tahan lama. Ia boleh dipindahkan dan boleh pula dibahagi-bahagikan supaya ia dapat ditukarkan dengan barang yang hendak dibeli yang ditetapkan nilainya. Sekiranya definisi ini digunakan untuk wang yang kita gunakan pada hari ini, maka objek yang digunakan bagi tujuan yang tertentu dalam masyarakat lain, tidak boleh dianggap sebagai wang. Namun demikian, ada ahli antropologi yang berpendapat bahawa item yang digunakan untuk bertukar-tukar barangan itu tidak semestinya berfungsi dan mempunyai sifat seperti yang dinyatakan tadi. George Dalton (1965) telah menyatakan bahawa tujuan wang yang mempunyai pengertian yang khusus itu boleh dibezakan dalam erti kata untuk pertukaran ataupun sistem pembahagian semula, misalnya di dalam masyarakat yang tidak mempunyai sistem pasaran, masyarakat yang menggunakan pasaran secara longgar, atau mereka yang dikawal untuk menggunakan wang dengan lebih bererti, dan dalam pasaran masyarakat tani. Dalam masyarakat yang tidak mempunyai sistem pemasaran, pembahagian timbal balik dan pembahagian semula merupakan bentuk pembahagian barang dalam masyarakat. Wang yang mempunyai tujuan khusus seperti kambing, lembu, lembing, gading binatang, kulit kerang dan sebagainya mungkin selalu digunakan untuk tujuan yang tertentu sahaja seperti di waktu pengkebumian ataupun untuk memberikan hadiah di hari perkahwinan.

Masyarakat yang mempunyai sistem pemasaran yang longgar selalunya mengikut sistem pemasaran masyarakat yang tidak mempunyai pasaran yang formal. Tetapi mereka mempunyai kawasan yang disebut pasar dalam istilah hari ini, di mana sebahagian daripada barang dipasarkan. Wang yang mempunyai berbagai tujuan mudah untuk dibawa. Wang yang disimpan mudah untuk membeli barang jika dibandingkan dengan membawa berpuluh-puluh keping getah ataupun berpuluh biji kelapa untuk ditukarkan dengan benda lain. Sistem menggunakan buku cek adalah lebih mudah daripada membawa binatang seperti kerbau atau lembu untuk ditukarkan dengan barang yang diperlukan. Tambahan lagi wang seumpama ini boleh digunakan sebagai suatu cara untuk mengumpulkan harta. Sistem pertukaran barang di pasaran ini terdapat dalam masyarakat Melayu hari ini. Terdapat umpamanya

pasaran asas dilakukan seminggu sekali, dan ada masyarakat yang melakukannya 3 kali seminggu, dan terdapat juga masyarakat yang melakukannya setiap hari. Masyarakat luar bandar pula membawa barang perdagangan mereka seperti ubi kayu, pisang dan sebagainya ke pekan untuk dijual kepada orang pekan apabila diadakan pekan minggu. Di samping masyarakat tani, pertukaran di pasar juga dilakukan oleh masyarakat industri. Dalam masyarakat ini, pertukaran barang perdagangan berlaku dengan meluasnya. Harga dan juga gaji ditentukan dengan nilai wang. Hal ini sekurang-kurangnya memberi kesan kepada permintaan dan tawaran. Dalam masyarakat industri moden yang melibatkan pertukaran pasaran antarabangsa mereka menentukan harga pasaran dengan nilai wang bagi mendapatkan punca pengeluaran, alat, tenaga dan barang. Manakala hasil pengeluaran mereka dijual sama ada dengan wang yang disebutkan itu tadi ataupun melalui sistem pertukaran timbal balik. Pasaran seumpama ini adalah disebutkan sebagai pasaran secara longgar (*peripheral*) kerana ia hanya digunakan sebagai tempat untuk anggota masyarakat mengeluarkan barang mereka, tetapi tanah dan tenaga tidak pernah dijual atau ditukarkan di sini.

Masyarakat yang menggunakan wang seperti dalam pasaran masyarakat tani memasukkan tanah dan tenaga sebagai barang dan khidmat yang boleh dijual-beli. Anggota masyarakat tani bergantung kepada pasaran untuk menjualkan barang dan khidmat mereka bagi mendapatkan barang lain yang mereka perlukan sehari-hari. Dalam hal ini kita lihat bahawa masyarakat tani adalah berbeza dengan petani dalam masyarakat moden yang bergantung kepada tempat iaitu pasar untuk menukarkan barang mereka dengan khidmat yang mereka perlukan. Kebanyakan masyarakat tani selalunya menggunakan wang seperti yang kita gunakan iaitu sebagai cara untuk menentukan nilai barang dan khidmat yang mereka perlu tukarkan. Wang yang mempunyai berbagai-bagai tujuan merupakan suatu cara yang diterima, misalnya merupakan sistem pertukaran yang digunakan dalam perdagangan iaitu untuk membeli dan menjual. Begitu juga ia memudahkan pertukaran barang yang bukan berbentuk perdagangan seperti membayar cukai, membayar denda, perkhidmatan dan membayar barang yang bernilai tinggi. Pertukaran timbal balik adalah merupakan suatu pertukaran yang tidak ketara. Sistem pembahagian semula pula merupakan

suatu mekanisme yang penting untuk membahagikan semula kepada orang yang perlu menerimanya, untuk membayar cukai dan penggunaan barang yang dipungut oleh kerajaan dan kemudian dibayar balik kepada mereka yang berpendapatan rendah dalam bentuk kebajikan am, kawalan sosial dan rawatan kesihatan.

## **9. Pola Penyaraan Diri**

Untuk melihat sistem ekonomi yang dipraktikkan oleh masyarakat akan dibincangkan beberapa pola penyaraan diri seperti mengumpulkan barang makanan dan memburu. Di samping itu pula kita akan melihat bagaimana pencapaian teknologi mencari makan mempengaruhi perkembangan kebudayaan mereka.

## **10. Pengumpulan Bahan Makanan**

Pengumpulan bahan makanan merupakan bentuk teknologi sara diri bagi mendapatkan makanan yang bergantung kepada punca makanan di sekitar mereka, iaitu dari pohon hutan dan binatang liar. Sama ada punca yang penting bagi pengumpulan bahan makanan itu ialah memungut bahan makanan di hutan, memburu ataupun menangkap ikan, semua aktiviti ini bergantung kepada alam sekitarnya, gunung dan iklim di tempat tinggal mereka. Pemungutan barang makanan selalunya dibantu oleh pengeluaran makanan yang berbentuk pertanian dan ternakan. Jadi, kelompok masyarakat yang masih memungut dan mengumpulkan makanan pada hari ini tidak boleh dianggap sebagai bentuk teristimewa. Pada hari ini kelompok ini hanya terdapat di kawasan padang pasir, di kawasan Artik dan di kawasan perhutanan tropika yang sekitarnya belum lagi diterokai oleh teknologi moden.

Walaupun terdapat perbezaan alam sekitar, gunung-ganang, iklim dan juga teknologi menggunakan makanan didapati bahawa kesemua golongan yang memungut bahan makanan dan pemburu ini mempunyai pola kebudayaan yang sama. Kebanyakan daripada mereka mempunyai komuniti yang kecil yang bertaburan penduduknya dalam wilayah yang tertentu. Mereka mempunyai cara kehidupan berpindah-randah tanpa mempunyai perkampungan yang tetap. Bagi mereka tidak ada konsep memiliki tanah sendiri. Komuniti mereka tidak ada stratifikasi di antara anggotanya. Oleh sebab itu

tidak terdapat dalam masyarakatnya golongan politik yang mengkhususkan di bidang tertentu. Pembahagian kerja bergantung kepada umur dan jantina. Sekiranya punca pengeluaran makanan itu bergantung kepada memburu, maka orang lelaki akan menjalankan tugas itu. Sekiranya masyarakat itu adalah masyarakat pengumpulan makanan, maka kerja itu dipindahkan kepada kaum wanita.

## 11. Pengeluaran Makanan

Mengikut ahli-ahli arkeologi di antara tahun 9500-3500 S.M. terdapat beberapa kelompok dalam kawasan geografi yang berbeza-beza mengubah cara pengeluaran makanan dari memungut bahan makanan kepada bercucuk tanam dan memelihara binatang. Dengan adanya usaha untuk memelihara binatang dan bercucuk tanam, maka manusia telah mula dapat mengawal beberapa punca dan proses pengeluaran makanan seperti dalam hal pembiakan binatang dan juga pembaharuan benih yang membolehkan mereka untuk memilih waktu yang tertentu untuk bercucuk tanam dan bila bahan makanan itu diperlukan. Beberapa asas pembiakan dan penemuan benih baru telah mengatasi cara pengeluaran makan yang lama iaitu memungut buah-buahan dan hasil hutan sebagai cara hidup mereka. Pada hari ini kebanyakan daripada manusia di dunia ini bergantung kepada gabungan antara pemeliharaan binatang dan penanaman pokok untuk mendapatkan makanan mereka.

Salah satu cara sara diri ialah melalui sistem perkebunan (*horticulture*), yang dijalankan secara primitif. Bidang tanah yang kecil dikerjakan dengan menggunakan alat yang diperbuat daripada kayu. Mereka belum mencapai tamadun yang tinggi. Binatang belum digunakan untuk tenaga kerja dan sistem pengairan belum digunakan lagi. Ada dua jenis perkebunan yang sering dilakukan. Pertamaanya ialah pertanian pindah yang merupakan suatu kaedah di mana tanah dikerjakan bagi jangka waktu yang pendek. Kemudian tanah itu ditinggalkan selama beberapa waktu supaya ia dapat digunakan semula. Pertanian itu dilakukan secara menebang dan membakar. Setelah itu mereka terus menanam tanaman yang mudah hidup bagi jangka pendek. Kaedah yang lain ialah suatu bentuk pertanian yang lebih lama dengan menanam pokok yang tahan lama. Biasanya kaum lelaki bertanggungjawab bagi membersihkan tanah ladang

manakala kaum wanita akan menanam benih-benih. Segala tumbuh-tumbuhan dan pokok hutan ditebang dan kemudiannya dibiarkan untuk beberapa minggu baru dibakar. Selepas ini kawasan yang hendak ditanam itu ditugal dengan kayu penugal bagi membolehkan anggota masyarakat ini tadi menanam benihnya.

Perkembangan kebudayaan perkebunan ini bergantung kepada alam sekitar dan peluang untuk meminjam tret kebudayaan daripada masyarakat jiran tetangganya atau daripada masyarakat luar. Dalam kebanyakan masyarakat perkebunan, teknik bertani yang ringkas adalah lebih cekap untuk mendapatkan hasil makanannya daripada cara memburu. Akibatnya perkebunan pada umumnya merupakan sebagai suatu sistem yang lebih baik. Dengan itu sistem ekonomi perkebunan menampung penduduk yang lebih ramai. Cara kehidupan pada umumnya merupakan kelompok yang tidak tetap. Walaupun terdapat kelompok yang berpindah-randah, tetapi selepas beberapa tahun mereka kembali semula ke kawasan tanah mereka. Sistem perkebunan menunjukkan permulaan perkembangan sistem kelas. Perbezaan dalam masyarakat misalnya mula terdapat. Di dalam sistem ekonomi ini mula lahir orang yang khusus bagi mengeluarkan bahan kraftangan dan orang yang menjadi pegawai politik. Dengan cara ini terdapat pula anggota masyarakat yang mempunyai status yang lebih tinggi daripada orang lain.

Sara diri kedua ialah melalui sistem pertanian intensif. Pertanian secara intensif memerlukan teknologi yang tinggi. Seperti penggunaan binatang untuk menenggala baja, sistem perairan dan teknik menyimpan bahan makanan. Penggunaan teknologi yang tinggi ini tidak terdapat dalam sistem perkebunan.

Pertanian secara intensif ini terdapat di merata tempat di dunia hari ini. Satu contoh yang akan kita lihat di sini ialah sebuah kawasan luar bandar di Sungai Manik, Perak. Lembah ini mempunyai iklim tropika. Hujan di antara bulan Mei sehingga bulan November. Kawasan ini mempunyai sistem perairan yang baik.

Tanaman padi bendang merupakan pertanian asas. Sebagai aktiviti ekonomi di kalangan orang yang tinggal di kawasan lembah ini sawah padi merupakan sistem kompleks yang melibatkan tiga hubungan yang penting. Pertama ialah sistem perairan dan pengawalan air. Kedua ialah pengkhususan kepada alat dan mesin untuk menganginkan padi. Ketiganya ialah rangkaian hubungan yang

menunjukkan peranan sosioekonomi yang melibatkan tuan tanah, penyewa, buruh hinggalah kepada pengilang padi dan saudagar beras. Sistem pertanian padi di kawasan ini memerlukan kerjasama yang erat dan dengan ini ia memerlukan pola sosialisasi yang tersendiri.

Dalam musim panas, petani terpaksa memutuskan apakah jenis padi yang mereka hendak tanam; sama ada bertanam jenis 120 hari ataupun 90 hari; sama ada mereka mahu bertanam pulut ataupun memilih jenis tanaman yang tidak memerlukan modal. Pemilihan tanaman ini adalah bergantung kepada modal yang ada dan bergantung juga kepada harga baja, kawasan dan permintaan bahan itu tadi. Sawah tempat bertanam padi ini akan disediakan sebaik-saja hujan turun pada bulan Mei. Hujan ini melembutkan tanah yang mahu dikerjakan. Tanah ini akan dikincah beberapa kali, sekurang-kurangnya enam kali dalam masa dua hari, supaya mudah menanam benih padi.

Tanaman padi adalah suatu kerja yang cerewet dan rumit yang memerlukan pengkhususan dan ketangkasan untuk menjalankannya. Oleh sebab itu ia perlu dilakukan oleh tenaga lelaki. Tetapi kecekapan untuk menanam padi tidak menentukan pengeluaran hasil yang baik. Baja yang baik dan juga sistem pengairan yang baik adalah penting. Dalam usaha untuk mengairkan sawah mereka, beberapa cara harus diambil bagi menentukan bahawa paras air ini akan berada pada peringkat yang baik yang diperlukan oleh padi. Semua anggota masyarakat bekerjasama untuk mengairkan sawah mereka supaya dapat menghasilkan hasil yang sebaik-baiknya. Padi yang telah masak akan dituai, kemudian dibanting dan seterusnya dianginkan. Selalunya padi ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Sebahagian akan digunakan untuk keluarganya bagi tahun itu dan sebahagian lagi untuk pembayaran upah dan juga khidmat-khidmat lain yang diperlukan seperti pinjaman daripada bank pertanian, dan ketiganya ialah untuk dijual di pasar bagi mendapatkan wang. Anggota masyarakat ini juga menanam tanaman lain seperti sayur-sayuran. Di samping itu mereka juga menjalankan aktiviti seperti membela lembu, ayam dan itik serta menangkap ikan.

Jika dibandingkan pertanian intensif dengan sistem perkebunan, bahawa masyarakat yang mengamalkan sistem pertanian

intensif selalunya berjaya mendirikan bandar dan kota besar. Mereka juga mempunyai pengkhususan yang tinggi dan organisasi politik yang kompleks. Wanita dalam masyarakat yang mengamalkan pertanian intensif pada umumnya jarang bekerja di ladang jika dibandingkan dengan wanita yang mengamalkan sistem perkebunan. Mungkin kerana pertanian intensif memerlukan pembajak dan juga penggunaan binatang ternakan yang besar. Walaupun pertanian intensif selalu mengeluarkan bahan makanan yang lebih jika dibandingkan dengan perkebunan, tetapi masyarakat dalam pertanian intensif selalunya mengalami kekurangan makanan. Mungkin kerana pertanian intensif terutamanya di kawasan yang bukan tropika di mana hujan tidak tentu masanya menyebabkan mereka menghadapi musim kemarau yang panjang. Keadaan ini akan merosakkan tanaman mereka.

Di kawasan padang rumput pula sistem sara diri yang biasa dilakukan ialah mengembala. Mengembala boleh dikatakan sebagai suatu bentuk teknologi sara diri yang jarang dilakukan kecuali oleh golongan orang yang hidup berpindah-randah ataupun nomad. Mereka bergantung ke atas pemeliharaan binatang yang banyak bagi makanan mereka. Untuk menternak binatang mereka terpaksa bergantung kepada kawasan yang bergunung-ganang dan mempunyai padang rumput yang luas. Kawasan ini kebiasaannya mempunyai hujan yang rendah, yang menyebabkan tanaman tidak subur tanpa sistem pengairan. Di kawasan seperti ini selalunya terdapat padang rumput yang luas dan tumbuh-tumbuhan yang boleh memberi makanan kepada binatang ternakan. Contohnya, orang Lapps yang tinggal dengan binatang reindeer mereka (Itkonen, 1951). Sistem ekonomi mereka merupakan suatu bentuk kehidupan yang rumit di kawasan Artik kerana kawasan ini terlalu sejuk dan gelap beberapa bulan pada setiap tahun. Walaupun dalam kurun ke-20 orang Lapps ini telah bertembung dengan kebudayaan moden yang mempengaruhi mereka tetapi mereka masih meneruskan kehidupan kebudayaan mengembala untuk mendapatkan bahan makanan mereka. Orang Lapps ini sentiasa memerhatikan pergerakan ternakan mereka yang berpindah. Mereka tinggal bersama-sama dengan binatang ternakan mereka sepanjang waktu dan oleh itu mereka mengetahui bilangan binatang ternakan mereka dengan tepat.

Sistem pemeliharaan binatang dilakukan secara meluas. Di bawah sistem pemeliharaan yang pesat ini binatang reindeer dibiarkan berpindah mengikut iklim dan makanan yang terdapat dengan diperhatikan hanya oleh beberapa orang pemandu. Anggota masyarakat Lapps yang lain tinggal bersama-sama dengan binatang mereka hanya apabila binatang sampai pada suatu kawasan dan menetap buat beberapa waktu dalam musim panas ataupun musim sejuk. Pengurusan untuk pemerah susu dan urusan untuk membuat pagar bagi binatang reindeer ini merupakan sebagai suatu kerja yang berat. Pagar mestilah kuat kerana binatang ini agak ganas dan tidak jinak dengan manusia. Kaedah untuk mengembala binatang reindeer ialah dengan secara berkongsi dan ia adalah merupakan suatu sifat yang penting dalam sistem intensif. Anggotanya menentukan bila dan di mana mereka harus mendapatkan makanan untuk ternakan mereka. Kelompok binatang ini akan dibawa bersama mereka ke tempat baru selepas makanan di tempat lama tidak mencukupi.

Sistem intensif ini pada teorinya membenarkan orang Lapps untuk menjalankan sistem ekonomi sampingan seperti memburu dan menangkap ikan. Namun demikian reindeer masih juga merupakan aktiviti ekonomi yang penting dalam sistem mereka. Satu keluarga selalunya mempunyai kira-kira 1,000 ekor reindeer. Kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa satu keluarga biasanya mempunyai kira-kira 200 ekor reindeer. Bilangan ini adalah bilangan yang minimum yang diperlukan oleh suatu keluarga yang terdiri daripada empat atau lima orang dewasa.

Orang Lapps juga memburu dan mengumpul bahan makanan. Tetapi makanan yang penting ialah daging reindeer. Kaum wanita menjaga binatang ini bagi keperluan seumpama itu. Reindeer yang telah besar akan disembelih. Daging dan kulitnya dijual atau ditukarkan dengan barang keperluan makanan yang penting. Sistem pemeliharaan di kawasan alam sekitar yang tidak boleh digunakan untuk bertani ini telah lama dijalankan. Namun demikian kawasan ini boleh memberikan makanan kepada binatang ternakan mereka. Kawasan yang luas ini juga memberikan peluang aktiviti ekonomi sampingan seperti memburu dan memungut bahan makanan serta akar kayu.

Golongan penggembala yang merupakan golongan nomad, telah mula mewujudkan stratifikasi dan perbezaan sosial. Misalnya terda-

pat orang yang khusus membuat kraftangan dan golongan yang khusus memungut bahan makanan sahaja. Individu ataupun keluarga mempunyai harta benda terutama sekali binatang ternakan. Tetapi binatang ternakan ini selalunya disusun oleh kumpulan ataupun keluarga mereka. Terdapat juga hubungan timbal balik antara kelompok yang bercucuk tanam di kawasan itu. Hubungan ini melibatkan pertukaran barangan. Perniagaan memainkan peranan yang amat penting kerana golongan ekonomi penggembala ini selalunya merupakan golongan yang bukan secukup hidup. Golongan masyarakat yang berkebun dan mengembala secara intensif kerap menghadapi kekurangan makanan kerana kawasan alam sekitar yang tidak cukup untuk memelihara binatang ternakan atau tidak terdapat sistem perairan yang baik.

## 12. Perbezaan Sistem Sara Diri

Suatu perkara yang menarik ahli antropologi ialah mengapa masyarakat di dunia mempunyai cara mencari makanan yang berlainan. Bukti-bukti arkeologi menunjukkan bahawa kemajuan yang besar dicapai oleh manusia ialah kegiatan untuk mendapatkan makanan seperti memelihara binatang dan bercucuk tanam. Cara penyaraan diri ini tersebar daripada kawasan asal hinggalah ke tempat yang jauh. Walaupun terdapat penyebaran ilmu pengetahuan ini ke kawasan lain melalui proses migrasi, tetapi masih terdapat perbezaan dalam cara untuk mendapatkan makanan. Dengan sebab itu ahli antropologi turut berusaha untuk mencari penjelasan.

Beberapa faktor penting telah difikirkan. Pertamaanya ialah pengaruh alam sekitar. Beberapa kawasan dunia ini adalah tanah usang dan hutan tropika. Di kawasan lain pula tanahnya begitu subur seperti di kawasan Mediteranean. Di tempat-tempat lain terdapat kawasan hutan *boreal* dan kawasan sejuk di Kutub Utara dan Kutub Selatan. Kawasan tanah yang berbagai-bagai ini telah menyebabkan perbezaan cara untuk mencari makanan. Kita akan melihat alam sekitar dan hal lain satu persatu bagi menjelaskan perbezaan dan cara untuk mendapatkan makanan.

Alam sekitar dapat dikelaskan mengikut keadaan geografi. Dua kriteria penting yang mengelaskan alam sekitar ialah tumbuh-tumbuhan dan bentuk alam. Preston James (1966) telah membahagi-

kan kepada dua. Pertamanya ialah tanah usang seperti padang pasir, kawasan hutan tropika dan kawasan Mediteranean. Keduanya ialah kawasan yang ditumbuhi tumbuh-tumbuhan hutan yang bermacam-macam dan padang rumput serta hutan *boreal* dan tanah yang terdapat di Kutub Utara dan Kutub Selatan serta kawasan pergunungan.

Tanah usang dan tanah kering tidak berair adalah kawasan padang pasir yang terdapat di dunia. Kawasan ini meliputi seluas 18 peratus daripada jumlah tanah di muka bumi ini. Dari jumlah ini hanya 6 peratus sahaja yang diduduki oleh manusia. Selebihnya adalah kawasan yang tidak ada hujan dan kawasan yang berbatu-batu tidak didiami oleh manusia. Kawasan ini adalah kawasan yang dipenuhi dengan lumut, hanya sedikit rumput sahaja yang hidup. James telah mengelaskan tanah kering atau tanah usang ini kepada 5 kawasan yang luas. Pertamanya di Utara Afrika dan Asia yang termasuk padang pasir Sahara, kawasan padang pasir Arab, Turkistan dan padang pasir Gobi. Keduanya, di kawasan Utara Amerika termasuklah kawasan di Utara Mexico seperti di Arizona, New Mexico, dan juga California Selatan dan Wyoming. Ketiganya ialah kawasan di Amerika Selatan seperti padang pasir di Pantai Peru dan juga di kawasan Barat Argentina. Keempat ialah di kawasan Afrika Selatan termasuklah kawasan Namib dan padang pasir Kalahari. Kelima ialah kawasan padang pasir di Australia iaitu Great Sandy, Gibson dan kawasan padang pasir Great Victoria.

Oleh kerana kawasan ini kekurangan air maka pertanian tidak dapat dijalankan kecuali di kawasan oasis. Sebahagian masyarakat di kawasan ini menggunakan teknologi mudah untuk bercucuk tanam, terutamanya di kawasan perairan sungai. Sebahagian daripada tamadun silam bermula di kawasan sungai dan di kawasan padang pasir seumpama ini seperti di Mesopotamia dan di kawasan Lembah Indus. Bagi mendapatkan makanan di kawasan tanah kering tanpa oasis mereka membentuk teknologi mudah dan menitikberatkan pola kehidupan yang mudah. Di kawasan ini terdapat sistem ekonomi mengumpul dan memburu binatang. Orang Asli Australia, dan orang Bushman Kalahari masih berpegang dengan sistem ekonomi ini. Di kawasan yang mempunyai sistem pengairan, terdapat suatu bentuk pertanian intensif sebagaimana yang terdapat

di Israel. Selain daripada pengembalaan, perkebunan dijalankan di kawasan tanah kering.

Sepuluh peratus daripada kawasan tanah di muka bumi ini adalah kawasan hutan tropika. Daripada sejumlah ini kira-kira 8 peratus diduduki oleh manusia. Di kawasan ini terdapat banyak hujan. Walaupun kawasan ini kawasan yang menarik kerana terdapat berbagai-bagai tumbuh-tumbuhan, tetapi kerana ia merupakan kawasan hutan yang terlalu tebal, maka ia amat berat untuk diusahakan. Oleh kerana kawasan ini mengandungi banyak air sebahagian daripada baja telah dibawa oleh air yang mengalir dengan begitu pantas. Perkebunan dan juga pertanian pindah serta pertanian tebang dan bakar adalah aktiviti ekonomi golongan yang tinggal di kawasan ini pada masa yang lalu. Walau bagaimanapun pemburuan dan pengumpulan makanan merupakan sistem ekonomi yang terdapat dengan meluas di kawasan hutan tropika. Pada hari ini terdapat beberapa kawasan hutan tropika misalnya di Lembah Mekong telah digunakan bagi bertanam padi.

Hutan Mediteranean meliputi kira-kira 1 peratus daripada tanah di muka bumi ini. Daripada jumlah ini kira-kira 5 peratus daripadanya diduduki oleh manusia. Kawasan ini terdapat di kawasan gunung-ganang di pantai yang mempunyai hujan yang rendah, musim sejuk dan panas serta musim panas kering. Kawasan beriklim Mediteranean ini terdapat di Chile Tengah di antara Colombia dan Coquimbo Concepcion dan di kawasan Amerika Utara seperti Los Angeles dan Oregon. Semua kawasan ini baik untuk pertanian apabila manusia dapat mencipta teknologi yang tinggi.

Tanah hutan yang bercampur-campur berjumlah kira-kira 7 peratus dari jumlah tanah di muka bumi ini. Daripada jumlah ini 4 peratus diduduki oleh manusia. Kawasan-kawasan ini terdiri daripada hutan daun tirus dan pokok berdaun lebar serta hutan yang bergunung-ganang. Biasanya kawasan ini mempunyai tanah yang subur kerana terdapat lembah sungai. Di kawasan ini iklim di pantai adalah sederhana dan lebih panas di pedalaman. Sebahagian besar daripada kawasan ini terletak di Amerika Utara, Eropah, di kawasan Mediteranean, Korea dan Jepun. Sejak zaman prasejarah lagi, kawasan ini mempunyai penduduk yang kecil bilangannya. Sebahagian daripada penduduknya menggunakan teknologi dari batu

untuk membersihkan hutan. Kedatangan zaman gangsa dan zaman besi waja, hutan campuran ini mula dibersihkan dengan meluasnya. Maka dengan itu satu sistem ekonomi yang lebih baik perlu diwujudkan untuk menampung kehidupan penduduknya yang lebih ramai.

Kawasan padang rumput pula berjumlah kira-kira 19 peratus daripada kawasan muka bumi ini. Kawasan ini diduduki oleh kira-kira 10 peratus penduduk dunia. Kawasan ini termasuklah kawasan Steppes yang mempunyai rumput yang rendah dan kering. Manakala di kawasan Prairies pula mempunyai rumput yang tinggi dan baik kerana terdapat sistem pengairan yang lebih sempurna. Kawasan Savannas adalah tanah rumput di kawasan tropika. Kawasan padang rumput terdapat juga di utara Afrika, Mongolia, Manchuria, Rusia dan juga Amerika Utara. Sebagaimana juga di tempat lain, di kawasan padang rumput ini terdapat binatang buruan yang besar-besar dan ia memberikan peluang yang baik kepada golongan pemburu dan juga golongan pengembala. Dengan menggunakan mesin teknologi yang baik, kawasan ini boleh digunakan untuk bercucuk tanam seperti di Rusia dan Amerika Syarikat.

Terdapat kira-kira satu peratus kawasan tanah di dunia ini tergolong sebagai hutan boreal. Kawasan ini menampung kira-kira 10 peratus daripada penduduk di muka bumi. Di kawasan ini terdapat hutan daun tirus dan kawasan hutan tebal seperti di utara Kanada, Alaska, Siberia dan Scandinavia. Hujan di sini amat rendah, sebahagiannya menjadi kering semasa musim panas. Kawasan di lereng-lereng bukit pula susah untuk bercucuk tanam.

Di samping kawasan boreal ini, terdapat juga kawasan yang bersalji di Kutub Utara dan Kutub Selatan yang melingkupi kira-kira 16 peratus daripada kawasan muka bumi ini. Hanya satu peratus daripada penduduk dunia ini tinggal di kawasan ini iaitu di kawasan Tundra yang mempunyai musim panas yang terlalu singkat, kira-kira 6 minggu. Punca makanan bagi penduduk di kawasan ini bergantung kepada beberapa tanaman yang terdapat di situ, ikan dan binatang buruan.

Gunung-ganang pula meliputi kawasan kira-kira 12 peratus daripada muka bumi ini. Kawasan ini menampung kira-kira 3 peratus daripada penduduk dunia. James mengatakan bahawa dunia ini seolah-olah diikat dengan gunung-ganang yang terdapat di muka

bumi ini, dari Asia Tenggara hinggalah ke kawasan Asia dan Eropah ke Afrika Utara menerusi pantai Atlantik dan Afrika hinggalah ke kawasan Tibet melalui Negeri Cina, dan terus ke kawasan Utara dan Selatan Amerika dan Pasifik. Kawasan ini semuanya bergunungan-ganang. Kawasan gunung-ganang ini mempunyai iklim yang berbeza-beza mengikut tinggi rendah gunung tadi. Walaupun pada hari ini tidak terdapat kawasan pergunungan yang tidak diduduki oleh golongan pemungut makanan, tetapi masih belum jelas, sama ada kawasan ini pada masa yang lalu diduduki oleh manusia. Namun demikian pada hari ini kawasan gunung-ganang ini didiami secara meluas oleh penternak dan petani.

Pembahagian yang telah dilakukan oleh James ini telah menunjukkan bahawa pemungutan bahan makanan menjadi aktiviti penting di kawasan yang tertentu. Dengan perkataan lain golongan masyarakat yang memungut makanan dan memburu terdapat di kawasan yang berbeza-beza. Orang asli di Australia tinggal di kawasan tanah kering, golongan Copper Eskimo tinggal di utara Amerika, orang Mburti Pygmye tinggal di kawasan tropika dan di kawasan Afrika. Begitu juga pengeluar makanan yang lain terdapat di tempat yang berbeza-beza. Sebagaimana yang telah kita lihat terutamanya di kawasan hutan Peru, mereka bercucuk tanam dengan menggunakan sistem ekonomi tebang dan bakar. Di kalangan orang Iran pula mereka bercucuk tanam di kawasan tanah yang kering. Data menunjukkan kira-kira 80 peratus daripada masyarakat yang mengamalkan pertanian mudah tinggal di kawasan tropika, sementara 75 peratus mengamalkan sistem pertanian intensif terdiri daripada mereka yang tinggal di kawasan alam sekitar yang luar dari kawasan tropika. Hal ini disebabkan di kawasan tropika amat susah untuk menjalankan pertanian dan kerana air yang terlalu banyak pada musim hujan menimbulkan masalah untuk menjalankan pembangunan pertanian yang intensif. Penternakan tidak mungkin terdapat di kawasan tropika ini kerana susah untuk menjalankan ekonomi ini yang perlu untuk memindahkan binatang ternakan seumpama itu.

Daripada maklumat yang didapati, ahli antropologi pada umumnya bersetuju bahawa kawasan fizikal alam sekitar merupakan kawasan yang menentukan jenis makanan yang dihasil dan diperlukan oleh anggota masyarakat itu. Dengan perkataan lain

sebahagian alam sekitar mungkin tidak membenarkan jenis-jenis makanan yang dikeluarkan tetapi ia boleh mengeluarkan beberapa jenis barang makanan yang lain. Jenis hasil yang dikeluarkan dan cara untuk mengeluarkan makanan dalam sistem alam sekitar yang tertentu bergantung ke atas tahap perkembangan teknologi yang dicapai. Satu contoh ialah seperti di Lembah Empirical di California. Dengan menggunakan sistem pengairan yang kompleks, kawasan ini telah menjadi kawasan yang mengeluarkan hasil yang paling tinggi di dunia. Tetapi empat abad yang lalu, kawasan ini hanya boleh mewujudkan sistem ekonomi memburu dan mengumpulkan makanan daripada pokok liar.

### **13. Faktor Bukan-Ekonomi Dalam Sistem Sara Diri**

Pada awal-awal tadi telah disebutkan bahawa alam sekitar dan keadaan fizikal menentukan pengeluaran jenis makanan. Di samping itu masih belum ada keseragaman dalam menggunakan teknik pengeluaran, bahkan sebahagian daripada teknik pengeluaran makanan yang digunakan di sesuatu tempat tidak pula digunakan di tempat lain. Misalnya di setengah-setengah kawasan terdapat masyarakat yang memburu, di setengah-setengah kawasan mengumpulkan makanan, manakala yang lain bertani. Di kawasan pertanian pula selalunya dibantu dengan cara memungut makanan melalui bahan yang didapati di situ. Oleh kerana terdapat pertukaran barang pertanian maka penting bagi kita memahami keadaan masa kini untuk mendapatkan makanan.

Perkembangan penduduk telah memberikan tekanan ke atas masyarakat untuk melahirkan beberapa cara yang lebih berkesan untuk mendapatkan makanan mereka. Masyarakat pada setiap zaman memberikan tekanan kepada punca makanan terutama sekali kerana penduduk masyarakat yang sering bertambah. Maka tidak menghairankanlah jika kita lihat ada hubungan di antara tumpuan penduduk dengan jenis teknologi cara hidup mereka.

Kebanyakan masyarakat menghadapi masalah daripada tekanan penduduk yang semakin bertambah. Sebagai suatu contoh misalnya di Lembah Euphrates-Tigris pada tahun 8000 S.M. apabila penduduk berperang kerana berebut bahan makanan. Dengan itu sebahagian daripada kelompok ini terpaksa berpindah ke kawasan

lain untuk mendapatkan makanan. Dalam waktu yang sama golongan ini mewujudkan satu sistem memungut makanan dengan lebih sempurna bagi menentukan simpanan makanan yang berkekalan. Oleh kerana kawasan ini hanya mendapat makanan daripada penanaman gandum liar, maka satu jenis teknologi yang baru harus diperkenalkan. Satu bentuk sara diri untuk pengeluaran makanan telah diperkenalkan. Kemudian apabila jenis tanaman itu telah mengeluarkan hasil yang banyak, ia digunakan untuk memberi makanan kambing, lembu serta binatang lain yang dipelihara. Sementara itu krisis punca makanan melahirkan perkembangan yang selari bagi teknologi makanan di kawasan seperti barat daya India, Utara Cina, Mexico, Asia Tenggara dan juga Afrika Barat.

Pandangan yang mengatakan bahawa faktor-faktor demografi menyebabkan revolusi pertanian telah diterima oleh ahli antropologi pada akhir-akhir ini. Pada masa yang lalu mereka beranggapan bahawa pertambahan penduduk adalah hasil daripada kemajuan cara untuk mendapatkan makanan. Keadaan telah menunjukkan bahawa ada hubungannya antara teknologi dan demografi itu. Binatang ternakan, tanaman yang ditanam dengan menggunakan pembajak, sistem pengairan dan beberapa perkara lain telah diperkenalkan. Kesemuanya ini telah menambahkan lagi bilangan penduduk di kawasan seumpama ini.

Pertambahan penduduk telah menyebabkan kemajuan dalam bidang pertanian (Harnar, 1970). Mengikut Harnar apabila masyarakat pertanian berubah maka mereka akan membentuk struktur sosial yang tertentu. Pandangan ini telah menunjukkan keperluan punca makanan yang menghasilkan kepadatan kependudukan dan juga tahap teknologi dalam hubungannya dengan alam sekitar sebagai punca kepada perubahan kebudayaan. Dalam modelnya itu, perkara pokok yang diperkatakan ialah komuniti pengumpulan makanan telah menggunakan punca pengeluaran bagi keperluan mereka untuk sampai kepada tahap bilangan penduduk yang sesuai. Masyarakat itu juga seterusnya harus memberikan peluang atau cara mendapatkan makanan yang lain untuk meneruskan penghidupan mereka. Harnar telah menunjukkan wujudnya juga suatu kecenderungan yang selari dalam perkembangan organisasi sosial masyarakat. Dia mengatakan bahawa ada kemungkinan punca pengeluaran makanan menjadi lebih cekap dalam usaha memelihara binatang dan

bertanam pokok. Maka hal ini akan meninggikan lagi risiko bagi anggota masyarakat itu, apabila mereka menghadapi masalah kebuluran disebabkan oleh kegagalan untuk mencapai pengeluaran yang sepatutnya. Akhirnya bentuk organisasi lama perlu diteruskan iaitu dengan cara memburu dan mengumpulkan makanan. Beberapa unsur di dalam masyarakat akan wujud bagi memainkan tugas yang penting untuk meneruskan perkembangan yang tertentu. Sementara masyarakat bergantung kepada usaha bercucuk tanam ia telah menyebabkan masyarakat bergantung kepada golongan elit. Apabila sistem ini telah bermula maka amat susah sekali untuk menukarkannya kepada sistem yang asal. Harnar telah menunjukkan bahawa perubahan demografi mungkin menimbulkan masalah bagi perkembangan pertanian. Dia telah mengatakan bahawa seseorang petani itu boleh meluaskan aktiviti pertanian dengan mengikut profesion yang tertentu dan ini tidak akan memperbaiki keadaan alam sekitar dan sosial yang diperlukan bagi menghalang sistem yang lama.

Satu lagi pandangan yang menarik tentang masalah demografi ini telah dijelaskan oleh Richard B. Lee dan Robert Sussman (1972). Mereka menyarankan bahawa apabila masyarakat menetap di sesuatu kawasan, penduduk semakin bertambah sebab kaum wanita tidak lagi terpaksa membawa anak-anak mereka ke kawasan yang jauh. Dengan sebab itu mereka tidak lagi "menjarangkan beranak." Lee dan Sussman telah menunjukkan dan memerhatikan bahawa terdapat korelasi antara sistem penetapan tempat tinggal dengan bertambahnya kelahiran anak.

Walaupun kita telah memahami tentang pemeliharaan binatang tetapi kita perlu untuk menjelaskan mengapa ia selalunya terdapat golongan yang mengumpul bahan makanan sebagai cara hidup mereka. Kita tidak boleh menganggap golongan yang memungut mempunyai sistem pengeluaran makanan atau cara hidup yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan golongan yang memelihara binatang ataupun menanam pokok. Sebagaimana yang diketahui pemeliharaan tidak semestinya memberi makanan yang lebih baik daripada sistem memungut makanan dari hutan.

Penyebaran sistem pertanian mungkin dapat menghubungkan di antara pengembangan wilayah. Sebagaimana golongan yang

menetap, golongan pengumpul makanan juga telah bertambah bilangannya. Kadar beranak mereka juga bertambah. Begitu juga di kalangan nomad. Mereka mungkin lebih menekankan tentang perluasan kawasan. Sebahagian daripada kawasan wilayah ini mungkin tidak didiami tetapi sebahagian besarnya adalah didiami oleh golongan orang yang memungut bahan makanan. Walaupun pengeluaran makanan tidak merupakan suatu perkara yang penting jika dibandingkan dengan pengumpulan makanan, tetapi ia selalunya merupakan suatu sistem pengeluaran. Pengeluaran yang tinggi bererti lebih ramai orang yang boleh diberikan makanan di wilayah ini tadi. Dalam persaingan bagi mendapatkan tanah di antara orang yang lebih pantas mengeluarkan makanan dengan orang untuk mengeluarkan makanan, orang yang mengeluarkan makanan mungkin mempunyai keistimewaan yang lebih besar daripada orang yang memburu dan mengumpulkan makanan. Oleh sebab itu golongan tidak terdapat dalam golongan yang sama-sama bersaing. Sebahagian daripada kelompok ini mungkin telah menyesuaikan diri kepada sistem pertanian dan telah meninggalkan cara memburu dan mengumpulkan makanan sebagai cara hidup mereka. Kumpulan lain yang masih terus mengumpulkan bahan makanan mungkin terpaksa kembali ke kawasan lama mereka untuk bercucuk tanam. Pada hari ini sebilangan kecil daripada kumpulan pemburu dan pengumpulan makanan yang masih tinggal di kawasan ini belum lagi bercucuk tanam kerana belum dapat menyesuaikan diri.

#### 14. Bacaan yang Dicadangkan

- Barth, F  
1961 *Nomads of South Persia: The Basseri Tribe of the Kamseh Confederacy*. Universitets Etnografiske Museum, Oslo, Bulletin No. 8. Oslo, Norway: Oslo University Press.

Satu huraian dan analisa kelompok penternak yang berpindah-randah (nomad). Penulis membincangkan pertalian antara sara diri dan organisasi sosio-politik serta interaksi antara golongan

- penternak nomad dengan mereka yang telah tinggal menetap di kawasan itu.
- Bohanan, P, dan G. Dalton (Pg)  
1962
- Markets in Africa:* Evanston, Illinois, Nothern University Press.  
Sekumpulan makalah mengenai pembangunan dan kesan pasaran di dalam empat masyarakat di Afrika.
- Burling, R  
1965
- Hill Farms and Padi Fields: Life ini Mainland South East Asia.* New Jersey, Prentice-Hall.  
Sebuah buku yang membincangkan kehidupan suku bangsa yang tinggal di Asia Tenggara. Penulis telah mengklasifikasikan suku bangsa ini kepada golongan penanam padi huma dengan mereka yang bersawah.
- Dalton, G (pg.)  
1967
- Tribal and Peasant Economies: Readings in Economic Anthropology.* New York: Natural History Press.  
Buku ini adalah terdiri dari sekumpulan esei mengenai golongan suku bangsa dan ekonomi tani. Tujuan penting memilih esei ini ialah untuk menunjukkan pertelingkahan teori antara golongan yang mengatakan bahawa teori ekonomi tidak boleh digunakan untuk mengkaji masyarakat primitif dengan mereka yang merasakan teori ini boleh digunakan.
- Firth, R (pg)  
1967
- Themes in Economi Anthropology* New York: Tavistock. Dalam buku ini terdapat sepuluh buah makalah yang termasuk enam buah makalah yang bersifat teoritis membincangkan relevannya konsep ekonomi dan model untuk mengkaji antropologi ekonomi, 'serta

- empat buah makalah yang menghuraikan kajian kes.
- Kunstadter, P  
1967  
*Southeast Asian Tribes, Minorities and Nations*. New Jersey, Princeton University Press.  
Seluruh Kehidupan golongan suku bangsa di Asia Tenggara telah dibincangkan. Cara kehidupan mereka dan organisasi sosial mereka juga dihuraikan dengan mendalam. Buku ini mengandungi dua jilid.
- Leeds, A dan A.P.Vayda  
(Pg)  
1965  
*Man, Culture and Animals: The role of Animals in Human Ecological Adjustments*. Publication No. 78 of the American Association for the Advancement of Science. Washington D.C, American Association for Advancement of Science.  
Sekumpulan kertas yang membincangkan hubungan antara alam sekitar dan kebudayaan. Kertas ini membincangkan pola penyaraan diri yang amat luas, dari pemburu dan pengumpul makanan hinggalah penternak lembu. Semua penulis menyarankan bahawa kebudayaan berhubung dengan alam persekitaran.
- Nash, M,  
1969  
*Primitive and Peasant Economic Systems*. San Francisco: Chandler. Sebuah buku yang membincangkan kedudukan teori yang bertentangan terhadap antropologi ekonomi. Bidang dalam antropologi ekonomi termasuk skop antropologi ekonomi, sifat ekonomi tani, sistem ekonomi yang tidak melibatkan wang, serta kesan pemodenan ke atas ekonomi masyarakat primitif serta ma-

- syarakat tani dibincangkan dengan mendalam.
- Service, E  
1966  
*The Hunters* Foundations of Modern Anthropological Series. Englewood Cliffs, New Jersey, Prentice-Hall.  
Satu pengenalan kepada ciri pemburu dan pemungut bahan hutan sebagai cara hidup. Buku ini mengandungi satu lampiran etnografi yang menghuraikan beberapa kumpulan masyarakat pemburu dan pengumpul makanan.
- Wolf, E.R,  
1966  
*Peasants*. New Jersey: Prentice-Hall.  
Buku ini memberikan asas teoritis untuk mengkaji masyarakat tani. Tekannya ialah pada istilah masyarakat tani serta hubungannya dengan faktor ekonomi dan usaha yang berterusan diperlukan oleh kumpulan seumpama itu untuk menyeimbangkan punca pengeluaran yang sering bersaing dengan permintaan biologikal dan sosial.

# BAB 5

## PERKAHWINAN DAN FUNGSI PERSANAKAN

### 1. Fungsi Persanakan

Satu aspek penting yang menjadi bidang kajian antropologi ialah institusi persanakan. Persanakan adalah institusi sejagat yang terdapat dalam semua masyarakat di dunia ini. Persanakan lahir dari institusi perkahwinan yang membenarkan hubungan seks antara lelaki dan perempuan. Anak yang lahir dari perkahwinan ini diterima sebagai satu oleh masyarakat.

Walaupun perkahwinan merupakan institusi yang terdapat di seluruh dunia tetapi bentuk perkahwinan dan persanakan tidak serupa di dalam semua kebudayaan atau dalam semua masyarakat di dunia ini. Sebaliknya terdapat perbezaan yang nyata antara satu masyarakat dengan suatu masyarakat yang lain dalam membenarkan aktiviti seks sebelum perkahwinan, mahupun kegiatan seks di dalam atau di luar institusi perkahwinan. Bukan itu saja, terdapat juga beberapa perbezaan bagaimana caranya seseorang itu berkahwin, dengan siapa seseorang itu berkahwin dan beberapa ramai seseorang itu boleh mengahwininya. Terdapat satu pegangan yang merupakan kebudayaan sejagat mengenai aturan perkahwinan, iaitu manusia tidak dibenarkan berkahwin atau mempunyai hubungan seks dengan ibu bapa mereka, dengan saudara atau dengan anak mereka.

### 2. Institusi Perkahwinan

Umumnya setiap masyarakat mempunyai peraturan perkahwinannya sendiri termasuk membenarkan hubungan seks dan juga amalannya bagi pasangan yang berkahwin. Dengan lain perkataan melalui institusi perkahwinan hubungan seks dibenarkan secara sosial dan juga secara legalnya. Di samping itu institusi perkahwinan menekankan tanggungjawab ekonomi antara seorang lelaki dengan seorang wanita. Hubungan ini adalah hubungan yang berterusan.

Hasil daripada hubungan ini wujud aturan timbal balik dan juga tanggungjawab antara suami isteri dan antara mereka dengan anak mereka. Dalam kajian antropologi sosial, perkara yang paling penting dilihat dalam institusi perkahwinan ialah perkahwinan membenarkan hubungan seks antara lelaki dengan perempuan serta menjalinkan suatu hubungan ekonomi antara mereka. Hubungan seks tanpa tanggungjawab dan juga kerjasama ekonomi banyak berlaku dalam masyarakat. Terdapat juga hubungan antara lelaki dan perempuan yang melibatkan pembahagian kerja tanpa melibatkan hubungan seks, umpamanya di antara adik-beradik, dan di antara tuan dan setiausahanya. Institusi perkahwinan hanya wujud apabila tergabungnya hubungan ekonomi dengan hubungan seks di dalam satu ikatan yang melahirkan suatu keluarga.

Institusi perkahwinan itu dikatakan sebagai institusi sejagat kerana sebahagian besar masyarakat di dunia ini berkahwin, mengikut definisi tadi. Jelas bahawa perkahwinan tidak mungkin wujud di dalam semua masyarakat sekiranya ia tidak memberi faedah ataupun kebaikan kepada anggota masyarakatnya. Banyak ahli penyelidikan mengatakan bahawa institusi perkahwinan dapat menyelesaikan beberapa masalah di dalam masyarakat. Misalnya bagaimana anggota masyarakat dapat mengerjakan bersama-sama kerja yang memerlukan tenaga kaum lelaki dan tenaga kaum perempuan; bagaimana caranya untuk menjaga dan memelihara anak; dan bagaimana caranya untuk mengurangkan persaingan seks.

### **3. Faedah Ekonomi**

Dalam banyak masyarakat terdapat pekerjaan yang dibahagikan mengikut perbezaan seks. Misalnya dalam setengah masyarakat, lelaki adalah golongan yang memberi perlindungan dan makanan kepada keluarganya. Golongan lelaki memburu, menangkap ikan atau menjalankan aktiviti ekonomi yang lain. Sementara kaum perempuannya pula membantu mendapatkan bahan makanan dari tempat yang tidak terlalu merbahaya seperti mengumpul barang makanan yang terdapat di sekitar tempat kediaman mereka atau bercucuk tanam di sekitar kawasan rumah. Dalam setengah-setengah masyarakat kaum lelaki pergi jauh dari tempat tinggal mereka untuk memelihara binatang ternakan, pergi ke hutan untuk memo-

tong kayu, membuat rumah, bekerja di lombong ataupun menyediakan bahan daripada besi. Kaum wanita pula mungkin hanya bertugas mengangkat air, memasak, membuat pakaian, serta membuat bahan untuk digunakan di rumah.

Pembahagian kerja mengikut perbezaan seks ini boleh dilihat daripada biologi dan juga sistem mendapatkan makanan oleh anggota masyarakat dunia ini. Dari segi biologinya kaum wanita mempunyai struktur yang kurang cekap untuk menjadi pemburu atau berlari di hutan jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Sebaliknya kaum lelaki lebih cekap apabila ditugaskan untuk menjadi pemburu. Oleh kerana memburu merupakan amalan manusia yang selalunya memaksa seseorang anggota masyarakat untuk pergi berkilometer jauhnya, tugas yang susah seumpama ini tidak mungkin dapat dilakukan dengan berkesan oleh kaum wanita. Tugas yang lain seperti memelihara anak kecil, adalah lebih sempurna dilakukan oleh wanita jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Kaum wanita boleh juga mendapatkan bahan makanan tambahan yang tidak memerlukan tenaga yang banyak dan tidak perlu jauh dari rumah mereka seperti memungut bahan makanan dan memasaknya. Oleh kerana kaum lelaki selalu pergi memburu berjauhan dari rumah mereka kaum wanita terpaksa meneruskan tanggungjawab asas seperti memelihara anak mereka.

Pembahagian kerja seumpama ini bukannya khusus dalam sistem ekonomi memburu sahaja tetapi ia juga terdapat dalam masyarakat yang lain sistem ekonominya. Kaum lelaki selalunya mengerjakan kerja yang berat ataupun menjalankan kerja yang jauh dari tempat kediaman mereka seperti memelihara atau membawa binatang ternakan ke tempat yang mempunyai rumput yang sesuai dan banyak, ataupun pergi ke laut menangkap ikan di perairan yang dalam, atau menenggala tanah untuk bercucuk tanam. Sementara kaum wanita pula melakukan kerja ataupun aktiviti yang tidak memerlukan tenaga yang banyak yang kebiasaannya dilakukan di rumah atau di sekitarnya.

Pembahagian kerja telah menjadi satu institusi dan tradisi yang telah diterima oleh masyarakat. Oleh sebab itu penting bagi kaum lelaki dan perempuan berlaku adil membahagikan tanggungjawab yang sesuai kepada mereka. Institusi perkahwinan akan dapat menyelesaikan masalah seumpama ini. Tetapi tidak semestinya,

hanya institusi perkahwinan yang dapat menyelesaikan masalah ini kerana dalam masyarakat pemburu dan pengumpul bahan makanan, peraturan untuk berkongsi boleh juga digunakan untuk berkongsi hasil yang diperolehi oleh kaum lelaki dan kaum perempuan. Atau satu kelompok lelaki dan perempuan boleh bekerjasama dalam sesuatu aktiviti ekonomi. Oleh itu sementara perkahwinan mungkin dapat menyelesaikan masalah perkongsian ekonomi dari hasil yang diperolehi mengikut pembahagian tadi, pembahagian kerja di antara kaum lelaki dengan kaum perempuan tidak pula menjelaskan keperluan hubungan seks yang berterusan melalui institusi perkahwinan.

#### **4. Pemeliharaan Anak Terlalu Lama**

Kajian mengenai proses sosialisasi telah menunjukkan bahawa pemeliharaan bayi mengambil masa yang terlalu lama. Seorang anak memerlukan pemeliharaan yang begitu rapi sehingga ia menjadi kuat dan dewasa. Ia juga memerlukan pengetahuan tradisi, kemahiran, sistem kepercayaan, sistem nilai dan juga tingkah laku yang dituntut oleh kebudayaannya. Pemeliharaan anak yang memakan masa begitu lama meletakkan tanggungjawab yang paling berat ke atas bahu ibunya. Oleh sebab itu, dalam beberapa masyarakat ibu adalah orang yang mempunyai pertalian yang paling rapat sekali dengan anaknya. Tugas seumpama itu tidak membenarkan kaum wanita pergi memburu ataupun memelihara binatang ternakan atau pergi jauh daripada tempat kediaman mereka. Oleh yang demikian sudah wajarlah suami memberikan makanan kepada isteri dan anaknya. Perkahwinan cuba menyelesaikan masalah ini.

#### **5. Pengurangan Persaingan Seks**

Manusia berbeza dengan haiwan kerana wanita lebih bersedia menerima aktiviti seks. Beberapa kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa kesediaan hubungan seks yang berterusan menimbulkan masalah yang lebih serius kerana ia akan menyebabkan persaingan yang kuat di antara golongan lelaki untuk mendapatkan perempuan. Usaha telah dilakukan oleh masyarakat untuk mencegah persaingan seumpama itu, terutamanya untuk mengelakkan pergaduhan dan meneruskan kewujudan masyarakat. Dengan

cara demikian ia akan dapat mengurangkan konflik yang mungkin berlaku dalam masyarakat itu. Hubungan seks yang kekal dan berterusan dapat menyelesaikan perkara ini.

Namun demikian persaingan seks dapat diselaraskan oleh aturan kebudayaan yang lain, selain daripada institusi perkahwinan. Misalnya masyarakat boleh mengadakan peraturan yang menentukan kaum lelaki dan perempuan tinggal bersama-sama dalam tempoh waktu yang lebih panjang. Selepas itu mereka boleh bertukar pasangan. Sistem seumpama ini boleh juga mengurangkan persaingan seks. Tetapi masalah yang timbul ialah, sekiranya individu memerlukan individu yang lain, ada individu yang mungkin keberatan untuk melepaskan pasangannya yang telah mesra dengannya. Dia mungkin cemburu dengan hubungan seumpama itu. Oleh kerana kemungkinan adanya keinginan untuk memiliki seorang teman dan adanya perasaan cemburu, persaingan menimbulkan masalah. Oleh itu hubungan seks yang kekal merupakan suatu cara yang praktis untuk menyelesaikan persaingan hubungan seks antara lelaki dan perempuan. Di samping itu ia juga menentukan hubungan kerjasama dalam bidang ekonomi antara lelaki dan wanita.

## **6. Upacara Perkahwinan**

Cara bagaimana seseorang itu berkahwin adalah berbeza-beza antara sesuatu masyarakat dengan suatu masyarakat yang lain. Setengah-setengah kebudayaan tidak mempunyai upacara perkahwinan tertentu. Ada masyarakat yang mengamalkan upacara ataupun istiadat yang sederhana. Namun begitu ada juga masyarakat yang mengadakan istiadat yang lama hingga beberapa bulan. Hal ini timbul kerana perkahwinan dalam berbagai-bagai masyarakat melibatkan berbagai-bagai corak pertukaran ekonomi.

Dalam masyarakat Melayu, akad nikah merupakan sebagai suatu upacara yang paling penting dalam institusi perkahwinan. Dalam masyarakat Melayu tradisi, perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang wanita adalah ditentukan oleh ibu bapa mereka. Apabila ibu dan bapa bersetuju untuk mengahwinkan anak lelakinya, ia akan memikirkan siapakah yang paling baik untuk dijadikan jodoh untuk anak lelakinya. Selepas persetujuan di peringkat keluarga ini tercapai, adat peminangan akan diadakan.

Peminangan anak gadis ini akan dilakukan dengan suatu upacara yang sederhana di mana tepak sirih dihantar dan pertukaran cincin, makanan dan pakaian diadakan. Setelah pinangan diterima, hari perkahwinan akan ditetapkan oleh kedua ibu bapa kedua-dua belah pihak. Kenduri-kendara merupakan suatu istiadat yang biasa diadakan bagi membuktikan perkahwinan telah dilakukan. Kenduri-kendara tadi sebenarnya memberitahu kepada umum bahawa perkahwinan atau perhubungan antara dua keluarga ini telah dilakukan.

Dalam masyarakat Melayu hari ini, aturan perkahwinan yang diaturkan oleh kedua ibu bapa seumpama itu sudah kurang berlaku. Pilihan perkahwinan ataupun siapakah yang harus menjadi jodohnya adalah terpulang kepada pilihan masing-masing. Sistem pendidikan dan ekonomi moden hari ini telah mempengaruhi cara ataupun istiadat perkahwinan dalam masyarakat kita. Biasanya suatu upacara yang sederhana dilakukan. Ini tidak bererti pula masyarakat Melayu telah mengeneppikan aturan tradisi mereka.

## **7. Aspek Ekonomi**

Di dalam kebanyakan masyarakat pertimbangan ekonomi menjadi pendorong untuk berkahwin. Banyak anggota masyarakat berkahwin bukan untuk seks, kerana seks amat mudah dipuaskan, tetapi perkahwinan ialah disebabkan untuk mendapatkan tenaga kerja. Ada pula pendapat yang mengatakan perkahwinan menguatkan hubungan ekonomi. Di dalam masyarakat Jerman, terdapat ungkapan yang mengatakan bahawa bukannya orang lelaki yang mengahwini wanita tetapi adalah ladang mengahwini ladang atau kerbau lembu yang mengahwini kerbau lembu yang lain. Apa yang dimaksudkan di sini ialah dalam institusi perkahwinan sesuatu masyarakat, hubungan ekonomi turut sama terlibat. Namun begitu seseorang boleh menentukan bagaimana ia akan menentukan pilihan jodohnya dengan melihat kedudukan ekonomi jodohnya. Dalam banyak masyarakat terdapat satu pertukaran ekonomi berlaku sebelum ataupun sewaktu perkahwinan dilakukan. Pertukaran ekonomi seumpama ini boleh berlaku dalam beberapa bentuk.

Bayaran kepada bakal isteri (mas kahwin) adalah salah satu daripada bentuk itu. Pihak lelaki memberikan wang atau barang

kepada keluarga perempuan. Hal ini merupakan bayaran kepada bakal isteri. Pemberian ini menandakan tanggungjawab pengantin lelaki yang menunjukkan persediaannya untuk mengahwini wanita itu. Dalam kajian yang telah ditunjukkan oleh Murdock (1957) hampir 60 peratus daripada masyarakat yang dikajinya seperti yang terdapat dalam *World Ethnographic Sample*, kaum lelaki dan juga keluarganya diminta memberikan barang bernilai kepada keluarga bakal isterinya. Sementara dalam 40 peratus masyarakat yang lain pula terdapat jenis bayaran kepada pengantin perempuan dan keluarganya. Bayaran boleh dilakukan dengan berbagai-bagai cara dan dengan menggunakan bermacam-macam jenis bayaran. Binatang ternakan dan bahan makanan merupakan hadiah yang sering digunakan. Di kalangan masyarakat Swazi di Afrika Selatan bilangan lembu yang diberikan kepada keluarga wanita ini bergantung kepada status wanita itu (Kuper, 1966). Biasanya 12 ekor lembu diberikan kepada keluarga sebelah wanita golongan orang kebanyakan. Keluarga diraja mungkin diberikan 15 ekor lembu ataupun lebih. Bapa kepada pengantin lelaki perlu memberikan binatang ternakan ini dan menentukan perempuan ini menjadi isteri. Dalam masyarakat Ifugao di Filipina, babi diberikan kepada keluarga sebelah wanita yang melambangkan penerimaan anak perempuannya sebagai isteri (Frake, 1960). Bahan makanan yang lain pula biasanya diberikan. Dalam masyarakat Eskimo bayaran boleh diberikan dalam bentuk selimut tebal.

Beberapa kajian menunjukkan bahawa kaum Subanun di Filipina mengenakan bayaran yang tinggi kepada bakal isteri (Frake, 1960). Masyarakat Subanun mengira pendapatan tiap-tiap tahun yang diterima oleh pengantin lelaki dan menggandakannya beberapa kali dan dicampur 3 hingga 5 tahun khidmat yang diberi oleh pengantin perempuan kepada keluarga lelaki. Orang lelaki Manu yang mahu berkahwin perlu terlebih dahulu mempunyai suatu tabungan ekonomi yang teguh. Pada lazimnya abang ataupun bapa saudaranya menjadi orang yang bertanggungjawab untuk mendapatkan pembayaran ini (Mead, 1931). Ia akan diminta membayar balik pembayaran ini. Selalunya ia akan mengambil masa yang lama untuk membayar balik hutangnya bergantung kepada jumlah bayaran kepada bakal isteri yang ditentukan. Pembayaran kepada bakal isteri diselesaikan di hari perkahwinan atau boleh juga diteruskan

sehingga beberapa tahun selepas berkahwin.

Walaupun pertukaran seumpama ini berlaku di dalam banyak masyarakat, ini tidak bererti bahawa wanita itu menjadi hamba. Ditinjau dari segi sosiologinya pembayaran ini sebenarnya memberikan suatu martabat kepada wanita dan kaum keluarganya. Pertukaran ini dianggap sebagai ganti rugi kerana kehilangan khidmat yang boleh diberikan oleh anak perempuan ibu bapa mereka. Bayaran boleh dianggap sebagai suatu tanggungan, kerana sekiranya perkahwinan gagal disebabkan kesalahan kaum wanita, hadiah perlu dipulangkan kepada keluarga lelaki. Oleh itu kaum keluarga perempuan akan menentukan supaya perempuan yang dikahwini terus menjadi isteri kepada suaminya walaupun perempuan itu tidak bersetuju, tetapi kerana kaum keluarganya telah menerima bayaran kepada isteri yang sebahagiannya telah pun digunakan yang tidak mungkin dibayar balik kepada keluarga kaum lelaki.

Satu lagi bentuk pertukaran ekonomi ini ialah pemberian khidmat kepada bakal isteri atau golongan keluarga isteri. Daripada kajian yang telah dilakukan oleh Murdock (1957), 13 peratus daripada 565 masyarakat yang dikajinya dikatakan memberikan khidmat kepada bakal isteri atau keluarga isteri. Perkiraan ini boleh ditentukan sebelum atau selepas perkahwinan. Khidmat yang diberikan kepada keluarga isteri berbeza daripada satu masyarakat ke satu masyarakat. Dalam beberapa masyarakat khidmat ini berakhir selama beberapa bulan sahaja. Dalam masyarakat yang lain pula, khidmat ini akan mengambil masa yang lebih lama, kadangkala sehingga beberapa tahun. Di kalangan masyarakat Eskimo di Alaska seorang lelaki dikehendaki bekerja untuk bapa mertuanya selepas perkahwinan sebagai menyempurnakan tanggungjawabnya. Tugas ini mungkin untuk menangkap singa laut. Perkahwinan boleh dilakukan dalam masa seseorang itu menjalankan khidmatnya.

Pertukaran yang lain berlaku dalam bentuk pertukaran kaum perempuan. Hanya 3 peratus daripada sampel yang telah digunakan oleh Murdock (ibid, 1957) mempunyai sistem bertukar-tukar perempuan, iaitu adik perempuan atau saudara perempuan daripada keluarga lelaki akan ditukarkan dengan seorang lelaki dari pihak keluarga perempuan. Hal ini berlaku di kalangan masyarakat Tiv di Afrika Barat di mana wanita akan ditukarkan antara dua keluarga atau kelompok keluarga yang terlibat (Kuper, 1963).

Pertukaran hadiah merupakan satu lagi bentuk pertukaran yang sering dilakukan. Kira-kira 3 peratus daripada sampel Murdock (ibid, 1957) menunjukkan pertukaran hadiah dilakukan menerusi institusi perkahwinan. Dalam beberapa masyarakat terdapat misalnya dua kelompok keluarga yang terlibat dalam institusi perkahwinan ini bertukar hadiah yang nilainya hampir sama. Contohnya ialah orang-orang di Pulau Andaman - sebaik sahaja seorang lelaki menunjukkan keinginannya untuk mengahwini seorang wanita, kaum keluarga kedua-dua belah pihak akan bertemu dan memulakan pertukaran hadiah yang terdiri daripada makanan atau barang tertentu. Aturan seumpama ini berlaku sehingga berlangsungnya perkahwinan itu.

Mas kahwin pula merupakan pemindahan wang atau barang yang besar jumlahnya daripada keluarga sebelah wanita kepada keluarga lelaki yang mahu dikahwininya. Bayaran mas kahwin ataupun dowry adalah merupakan sebagai suatu institusi yang besar ertinya dalam masyarakat keturunan Sri Lanka. Jumlah bayaran mas kahwin ini ditentukan secara serius oleh golongan masyarakat yang menganuti adat seumpama ini. Di kalangan masyarakat Rajput di India mas kahwin dibayar oleh kaum perempuan dalam bentuk wang dengan kadar yang agak rendah sedikit jika dibandingkan dengan yang berlaku di Eropah pada zaman *Renaissance*. Barang daripada emas yang mahal, barang dapur, pakaian dan juga tempat tidur boleh menjadi barang yang hendak di hadiahkan. Bayaran mas kahwin merupakan perbelanjaan yang paling tinggi bagi keluarga perempuan. Biasanya ibu bapanya akan mula mengumpulkan hadiah sejak anak perempuannya dilahirkan. Mas kahwin dipamerkan untuk kepentingan kaum saudara perempuan sebelah pengantin lelaki. Mereka seterusnya akan memeriksa pengantin perempuan.

Hanya sebahagian kecil masyarakat yang mengamal bayaran ganti rugi kepada golongan keluarga lelaki. Dalam aspek ekonomi ini, boleh dikatakan semua bentuk hadiah adalah diberikan kepada pihak perempuan sebagai menggantikan khidmat yang patut diterima dan juga pertukaran kaum wanitanya. Murdock (1957) telah menunjukkan bahawa ganti rugi dilakukan apabila wanita yang dikahwini selalunya berpindah tempat tinggal dari tempat ibu bapanya ke tempat kaum lelaki. Dia mengatakan bahawa hal-hal ekonomi yang dipindahkan kepada golongan keluarga perempuan

adalah untuk menggantikan kerugian khidmat anak perempuan mereka yang sekarang ini telah dimiliki oleh kaum lelaki. Oleh kerana ia selalu berlaku di mana anak perempuan pergi ke rumah pihak lelaki, maka tidak menghairankan sekiranya perkahwinan melibatkan perpindahan bidang ekonomi kerana khidmat wanita itu telah berpindah ke sebelah lelaki.

## **8. Sumbang Muhrim**

Hampir semua masyarakat di dunia ini mewujudkan aturan yang disebut sebagai sumbang muhrim iaitu aturan yang melarang perkahwinan atau hubungan seks di antara anggota dalam keluarga terutamanya di antara ibu bapa dan anak-anaknya dan di antara adik-beradik. Peraturan sejagat ini telah menarik perhatian ahli antropologi. Ahli antropologi ingin menjelaskan mengapa sumbang muhrim amat ditakuti dan harus dijauhi.

Perkahwinan tidak hanya bergantung semata-mata kepada percintaan dan hubungan yang bebas antara seorang lelaki dan perempuan. Perkahwinan juga tidak berlaku kerana keperluan seks semata-mata. Walaupun percintaan dan seks menjadi faktor penting, aturan yang tertentu terdapat dalam masyarakat untuk menentukan siapakah yang harus dikahwini oleh seseorang dan siapakah pula yang tidak boleh dikahwini. Perkara yang menimbulkan peraturan seumpama ini ialah disebabkan oleh faktor ekonomi dan martabat dalam masyarakat. Yang paling penting lagi ialah aturan yang lebih khusus terdapat dalam semua masyarakat seperti hukum sumbang muhrim. Hukum sumbang muhrim mengharamkan hubungan seks ataupun perkahwinan di antara ibu dengan anak lelakinya, antara bapa dengan anak perempuannya dan di antara adik-beradik dalam sesuatu keluarga. Tidak ada satu masyarakat di dunia ini yang membenarkan hubungan seks antara keluarga asas, iaitu antara bapa, ibu dan anak. Namun demikian terdapat masyarakat di mana hukum sumbang muhrim ini dibenarkan, misalnya di dalam keluarga diraja. Golongan masyarakat Inca dan keluarga diraja di Hawaii adalah dua golongan yang melanggar hukum sumbang muhrim sejagat ini. Suatu contoh yang lagi ialah masyarakat Cleopatra. Tetapi soalnya timbul mengapa hukum sumbang muhrim ini perlu dikenakan dalam semua masyarakat.

(i) **Teori Familiariti Kanak-kanak**

Dalam tahun-tahun 1920-an terdapat pendapat yang mengatakan bahawa anggota masyarakat yang telah hidup dan tinggal dan besar bersama-sama sejak kecil lagi seperti adik-beradik tidak mungkin mereka akan tertarik untuk melakukan hubungan seks. Pendapat ini kemudian telah ditolak kerana terdapat bukti bahawa kanak-kanak juga selalunya ingin melakukan hubungan seks dengan ibu bapa mereka serta adik-beradik mereka. Namun demikian kajian yang baru telah menyarankan bahawa terdapat sesuatu di dalam teori Westermarck (1894) itu yang mungkin dianggap benar kerana individu kurang inginkan seks dalam kelompok mereka yang sama-sama dibesarkan. Kajian yang dilakukan oleh Talmon (1964) mengenai masyarakat Kibbutz mengatakan dalam masyarakat ini kanak-kanak tinggal dalam kelompok bersama-sama sejak kecil. Kanak-kanak yang tinggal sebagai anggota yang sama-sama dibesarkan mempunyai hubungan yang rapat di antara teman sepermainan dari sejak kecil lagi. Talmon telah menunjukkan bahawa dari 125 pasangan yang dikaji tidak terdapat pasangan suami isteri yang terdiri dari mereka yang hidup bersama-sama sejak masa kecil, walaupun ibu bapa mereka menggalakkan supaya mereka berkahwin dengan teman sebaya yang hidup bersama-sama sejak kecil. Begitu juga dengan hubungan seks. Alasan yang diberikan oleh golongan itu ialah mereka terlalu mesra dan tidak berminat mengadakan hubungan seks. Di dalam sistem keluarga Kibbutz yang besar mereka hidup bersama-sama. Kanak-kanak yang hidup dalam kelompok keluarga besar ini telah membuktikan bahawa mereka tidak cenderung terhadap seks di antara golongan mereka, tetapi sebaliknya mereka tertarik dengan orang yang baru datang ke tempatnya ataupun orang luar terutamanya mereka yang baru dikenali.

Kajian Arthur Wolfs (1970) mengenai orang Cina di Taiwan Utara menyokong teori yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang mesra sesama mereka melahirkan suatu perasaan yang kurang cenderung untuk melakukan hubungan seks antara mereka. Wolfs telah memusatkan kajiannya kepada suatu masyarakat yang mengamalkan adat istiadat Cina yang disebutkan sebagai "*daughter-in-law-raised from childhood*" iaitu apabila keluarga melahirkan sese-

orang anak perempuan ia selalunya akan diberi atau dijual setelah ia berumur beberapa minggu kepada golongan keluarga yang mempunyai anak lelaki yang akan menjadikannya sebagai anak menantunya. Wolfs telah menunjukkan bukti bahawa perkahwinan seumpama ini melahirkan kesulitan seks antara pasangan yang telah hidup bersama-sama sejak kanak-kanak. Informan telah mengatakan bahawa kemesraan melahirkan ketidakcenderungan seks yang menyebabkan kurangnya hubungan antara mereka.

Walaupun mungkin benar bahawa kanak-kanak yang dibesarkan bersama-sama tidak cenderung untuk melakukan hubungan seks antara mereka tetapi penjelasan ini masih belum memuaskan. Sekiranya kanak-kanak yang hidup mesra akan mengurangkan kecenderungan seks, mengapa masyarakat perlu mengadakan hukum sumbang muhrim dan tidak hanya bergantung kepada perasaan semula jadi terhadap ketidakcenderungan yang wujud.

**(ii) Teori Psikoanalitik Freud**

Satu lagi penjelasan teori, sumbang muhrim diberikan oleh Freud (1938). Freud menyarankan bahawa hukum sumbang muhrim adalah reaksi daripada keinginan melanggar hukum yang ada secara tidak disedari. Pada kebiasaannya anak lelaki tertarik kepada ibunya dan anak perempuan tertarik kepada bapa. Akibatnya timbul perasaan cemburu dan marah terhadap bapanya. Tetapi perasaan seumpama ini tidak dapat diteruskan kerana bapa akan bertindak. Oleh sebab itu mereka terpaksa menekan perasaan mereka. Selalunya perasaan mereka tertekan sehinggakan tidak menyedari perasaan itu terus wujud pada diri mereka. Perasaan yang menakutkan akibat sumbang muhrim adalah reaksi untuk melindungi perasaan mereka yang terpendam. Teori Freud ini menimbulkan perasaan yang menakutkan terhadap hukum sumbang muhrim, tetapi teori ini tidak menjelaskan asal usul pantang larang ini. Memang benar bahawa sumbang muhrim dihalang oleh masyarakat tetapi tidak ada alasan mengapa seseorang anak lelaki atau seorang anak perempuan menekan keinginan melanggar hukum sumbang muhrim.

**(iii) Teori Perpecahan Persanakan**

Teori ini mengatakan bahawa persaingan seks di antara anggota keluarga akan melahirkan pertelingkahan hubungan dan ketegang-

an dalam keluarga (Malinowski 1967). Akibatnya keluarga tidak boleh berfungsi dengan lebih berkesan. Untuk meneruskan kewujudan masyarakatnya maka masyarakat harus mengurangkan pertelingkahan dan persaingan di kalangan anggota keluarganya. Hukum sumbang muhrim itu diterima dengan tujuan untuk menentukan anggota di dalam keluarga itu terus bersatu.

Namun demikian tidak terdapat perseimbangan dalam pendekatannya. Masyarakat boleh juga membentuk aturan lain bagi mewujudkan hubungan seks dalam keluarganya dengan anggota keluarga yang lain di samping dapat mengurangkan persaingan yang akan menghancurkan kewujudan institusi persanakan. Walaupun selalu dikatakan bahawa hubungan seks di antara adik-beradik akan menghancurkan sesuatu keluarga, tetapi sebagaimana yang telah diketahui dalam sejarah, perkahwinan antara adik-beradik dalam masyarakat Mesir silam tidak menghancurkan keutuhan persanakan itu. Oleh itu jelas bahawa teori ini tidak memberikan gambaran yang sempurna mengenai asal usul hukum sumbang muhrim ini.

#### (iv) Teori Kerjasama

Teori ini menekankan nilai tentang pantang larang sumbang muhrim sebagai alat untuk meninggikan kerjasama antara kelompok keluarga. Dengan mengelakkan hubungan seks sesama sendiri, anggota masyarakat dapat terus kekal dalam sebuah masyarakat. Beberapa amalan kerjasama tertentu adalah perlu bagi kesejahteraan komuniti. Untuk mengurangkan perasaan curiga-mencurigai dan pertelingkahan antara kelompok persanakan serta untuk menjadikan kerjasama seumpama ini berjalan maka manusia dari awal-awal lagi melarang anggotanya melanggar aturan sumbang muhrim iaitu dengan menentukan individunya berkahwin dengan anggota keluarga yang lain. Hubungan ini dapat menguatkan lagi ikatan persanakan. Pantang larang sumbang muhrim memberikan pilihan kepada anggota masyarakat primitif sama ada memilih untuk berkahwin dengan keluarga lain ataupun mahu terus berbunuh-bunuhan. Walaupun terdapat kebaikan perkahwinan luar keluarga, tetapi belum tentu hukum sumbang muhrim itu dapat melahirkan kerjasama dengan golongan luar kelompok keluarga. Keluarga mungkin boleh menggalakkan anggotanya berkahwin dengan golong-

an luar sekiranya mereka memikirkan hal ini perlu untuk survival mereka, sebaliknya membenarkan perkahwinan yang melanggar hukum sumbang muhrim apabila hubungan kerjasama tidak diperlukan. Oleh itu walaupun pantang larang sumbang muhrim meninggikan kerjasama antara keluarga, teori keperluan kerjasama ini tidak menjelaskan wujudnya pantang larang tersebut dalam masyarakat, kerana adat resam yang lain juga boleh meninggikan perhubungan ataupun ikatan yang lebih bererti dalam keluarga.

**(v) Teori Pemiakan Sesama Sendiri**

Menurut ahli genetik pula kelonggaran pantang larang sumbang muhrim akan memberikan akibat yang buruk kepada keluarga itu sendiri. Teori ini menekankan iaitu orang dari keluarga yang sama, mungkin membawa suatu keturunan yang merosakkan dan pembiakan sesama sendiri ini akan melahirkan anak yang mungkin mati di waktu kecil atau anak yang terencat akal atau fizikalnya. Namun demikian teori ini telah ditolak kerana didapati perkahwinan sesama sendiri tidak semestinya merosakkan, sebaliknya ia adalah berfungsi. Di kalangan haiwan pembiakan sesama sendiri tidak pun melahirkan anak yang cacat sama ada dari segi akal atau fizikalnya. Begitu juga di kalangan keluarga diraja Hawaii, golongan Inca dan golongan Cleopatra.

Walaupun demikian, terdapat bukti mengenai manusia dan juga haiwan bahawa perkahwinan sesama sendiri ini umumnya merosakkan. Gen yang menyebabkan mutasi selalunya merosakkan dan dengan sebab itu anak yang lahir daripada keadaan ini akan mewarisi gen yang dua kali ganda besarnya yang akan merosakkan keturunan. Keadaan ini akan menimbulkan masalah genetik yang lain. Akhir-akhir ini suatu kumpulan ahli sains tingkah laku telah menunjukkan bahawa anggota yang menjarangkan kelahiran anaknya, pilihan semula jadi memilih mekanisme yang menghalang pembiakan sesama sendiri. Pemiakan daripada anggota yang sama adalah merosakkan di kalangan haiwan dan manusia. Bilangan anak yang selamat amat sedikit kerana kadar kematian yang tinggi berlaku. Dalam masyarakat manusia oleh itu pilihan semula jadi mungkin lebih menguntungkan dalam pantang larang sumbang muhrim kerana ia akan mempunyai kadar kelahiran yang lebih tinggi

dalam kelompoknya. Sama ada manusia memahami masalah yang menimbulkan kerosakan ataupun tidak akibat daripada sumbang muhrim ini, bukti demografi telah menunjukkan masalah seajagat terutamanya persaingan yang tidak menguntungkan. Berbeza dengan teori perpecahan keluarga dan juga ciri kerjasama, pantang larang ini hanya merupakan sebagai suatu cara bagi mengelakkan perkahwinan sesama sendiri. Keadaan ini juga memberikan peluang untuk mengelakkan pertelingkahan dalam keluarga sebaliknya memberikan kerjasama sosial di antara keluarga.

### **9. Pilihan Jodoh**

Perkahwinan jarang-jarang berlaku di antara mereka yang berstatus tinggi dengan yang berstatus rendah. Pilihan jodoh tidak ditentukan dengan mudah, bebas atau berlaku secara kebetulan. Selain daripada mengelakkan pantang larang sumbang muhrim tadi, masyarakat juga mempunyai aturan untuk menentukan perkahwinan di antara golongan anggota masyarakatnya. Setiap kebudayaan menentukan anggota masyarakatnya siapakah yang sepatutnya mereka kahwini dan siapa pula yang tidak boleh mereka kahwini.

Sehinggakan dalam masyarakat moden hari ini pula masih terdapat aturan seumpama itu. Walaupun dari segi teorinya mereka ini bebas untuk memilih jodoh tetapi mereka masih ditentukan oleh beberapa faktor yang tertentu. Berikutan dengan itu, terdapatlah peristiwa yang disebut sebagai kahwin 'paksa' atau perkahwinan yang diatur dan ditentukan oleh keluarga dekat atau orang perantaraan. Kadang-kadang pertunangan dilakukan semasa individu ini masih kecil lagi. Aturan perkahwinan seumpama ini menentukan tanggungjawab bersama antara golongan ini untuk membentuk suatu ikatan sosial dan ekonomi yang kuat bagi mengelakkan penindasan dan kucar-kacir dari perhubungan kasih sayang yang terlalu bebas. Perkahwinan yang diaturkan seumpama ini mempunyai aturan yang tertentu untuk mengekalkan martabat dalam masyarakat itu. Misalnya kajian yang telah dilakukan oleh Ford (1941) mengenai masyarakat Kwakiutl di British Colombia mendapati apabila seseorang itu mencapai umur dua puluh lima tahun ibu bapanya ataupun abang-abangnya akan mencarikan seorang wanita untuk menjadi isterinya, tanpa persetujuan darinya. Mereka akan

memilih isteri untuknya dan ia akan menerimanya tanpa banyak soal, kerana ini adalah suatu aturan masyarakatnya.

#### **10. Eksogami dan Endogami**

Satu lagi cara untuk menjelaskan nilai pantang larang sumbang muhrim ialah dengan mengkaji kesannya pada struktur sosial. Satu aspek yang berkait ialah aturan eksogami. Aturan ini menentukan pasangan yang menjadi jodoh ialah orang luar daripada kaum keluarganya ataupun luar daripada komuniti masyarakatnya. Dengan perkataan lain eksogami dimaksudkan perkahwinan luar daripada kelompok keluarga yang tertentu atau luar daripada kelompok kampung yang tertentu. Perkahwinan seumpama ini selalunya melibatkan pasangan yang datang dari tempat yang lebih jauh. Manakala perkahwinan berbentuk endogami, menentukan seseorang itu berkahwin dengan orang dalam kelompoknya sendiri ataupun dalam kelompok yang ditentukan oleh kebudayaannya. Kelompok kasta di India mempunyai aturan yang melarang perkahwinan luar kastanya. Golongan kasta ini percaya bahawa perkahwinan dengan golongan yang rendah kastanya akan mengotori atau mencemari sistem sosial mereka serta sistem agama mereka. Oleh itu perkahwinan seumpama itu diketepikan sama sekali. Perkahwinan yang membezakan kasta endogami ini terdapat di setengah-setengah tempat di Afrika. Di Afrika Timur, mereka yang dianggap sebagai pahlawan Masai tidak akan berkahwin dengan golongan yang bekerja sebagai kuli membuat besi waja. Golongan orang yang berpangkat tinggi tidak akan mengahwini golongan orang kebanyakan.

#### **11. Perkahwinan Sepupu**

Dalam sistem masyarakat Melayu terdapat golongan yang menentukan perkahwinan dengan sepupu yang tertentu. Dalam sistem yang lain, perbezaan yang jelas terdapat bagi menentukan sepupu yang tertentu untuk dijadikan pasangan mereka. Mereka akan menentukan sepupu yang mana yang boleh dikahwini ataupun dalam hal itu sepupu yang mana yang dipilih. Sebagai contoh, beberapa masyarakat membenarkan ataupun menentukan seseorang berkahwin dengan sepupu silangnya tetapi menegah per-

kahwinan dengan sepupu selari. Ada masyarakat pula melarang perkahwinan dengan semua jenis sepupu.

Sepupu silang adalah anak yang lahir daripada ibu bapa daripada jantina yang bertentangan, misalnya seorang kanak-kanak sepupu silang adalah merupakan sebagai anak kepada ibu sebelah bapanya ataupun anak kepada bapa saudara sebelah ibunya. Sepupu selari adalah anak daripada adik-beradik dari jenis jantina yang sama. Seseorang sepupu selari adalah anak kepada bapa saudara bapanya ataupun anak mak cik ibunya.

## **12. Levirat dan Sororat**

Levirat ialah adat yang menentukan seseorang lelaki mengahwini janda abangnya. Sororat pula, seorang wanita akan mengahwini suami kakaknya setelah kakaknya meninggal. Adat seumpama ini merupakan perkahwinan sekunder iaitu ia diamalkan setelah perkahwinan pertama berlaku tetapi terhenti kerana kematian salah seorang dari pasangan tadi sama ada suami atau isteri.

## **13. Poligami**

Kebiasaannya perkahwinan hanya berlaku di antara seorang lelaki dan seorang perempuan. Ini adalah sifat perkahwinan ideal yang disebut sebagai monogami. Tetapi dalam masyarakat yang tertentu, seorang lelaki dibenarkan berkahwin dengan beberapa orang wanita dalam satu waktu. Perkahwinan ini disebut sebagai poligami. Perkahwinan seorang wanita dengan beberapa orang lelaki dalam waktu yang sama disebut sebagai poliandri. Poligini dan poliandri merupakan dua jenis perkahwinan poligami, iaitu perkahwinan lebih dari seorang isteri atau suami dalam satu ketika. Perkahwinan berkelompok pula, berlaku di mana beberapa orang lelaki dikahwinkan dengan beberapa orang wanita dalam waktu yang sama. Keadaan ini pernah berlaku tetapi tidak diketahui dengan sah masyarakat mana yang mengamalkan sistem perkahwinan ini.

*Rajah menggambarkan sistem perkahwinan secara monogami, poliandri, poligini, dan berkelompok*

Bentuk Perkahwinan	Lelaki	Perempuan
Monogami	$\Delta =$	$O$
Poligini	$\Delta =$	$O + O$
Poliandri	$\Delta + \Delta =$	$O$
Berkelompok	$\Delta + \Delta =$	$O + O$

#### 14. Poligini dan Poliandri

Perkahwinan bentuk poligini ini merupakan bentuk perkahwinan yang terdapat di beberapa tempat di dunia. Murdock (1957) telah menunjukkan hampir 70% daripada sampel masyarakat yang dikajinya mengamalkan sistem poligini. Terdapat juga bukti yang cukup bagi mewujudkan latar belakang kebudayaan mereka. Kita telah mendefinisikan poligini sebagai perkahwinan di antara seorang lelaki dengan beberapa orang wanita. Perkahwinan jenis poligini adalah merupakan sebagai institusi perkahwinan yang secara sosialnya diterima oleh masyarakat, kerana mereka tinggal di tempat tinggal yang sama dan mempunyai sistem kerjasama ekonomi serta hubungan seks.

Poligini dalam kebanyakan masyarakat menandakan suatu status serta kekayaan yang tinggi, kerana pada umumnya hanya mereka yang kaya dan pemimpin yang berharta yang dijangka mempunyai isteri lebih daripada satu. Namun demikian dalam masyarakat lain di mana wanita adalah faktor penting kepada asas sistem ekonomi, kekayaan mungkin boleh dicapai dengan mempunyai isteri yang banyak.

Masyarakat Siwai, di Pasifik Selatan, mendapatkan statusnya melalui pemberian harta atau mengadakan kenduri-kendara (Murdock 1949). Oleh kerana daging babi merupakan makanan yang paling penting dalam pesta seumpama itu, golongan Siwai menghubungkan pemeliharaan babi tadi dengan martabat. Tambahan lagi babi merupakan binatang kesayangan orang Siwai. Apabila golongan Siwai memanggil babi dengan nama yang diberikan dan

gembira melihat babinya, ini menjadi pertanda bahawa ia cenderung untuk mendapatkan wanita yang ramai sebagai isterinya. Kerana dalam masyarakat Siwai, golongan wanitalah yang mencarikan makanan untuk babi. Ini bukannya merupakan suatu fenomena yang diada-adakan di mana poligami terdapat dalam golongan yang mempunyai babi yang banyak jika dibandingkan dengan orang yang mengamalkan monogami. Sebahagian daripada kaum lelaki berkahwin bagi kali yang kedua atau ketiga ialah dengan tujuan untuk membanyakkan lagi bilangan jumlah babi mereka. Di kalangan masyarakat Siwai, mempunyai isteri yang ramai tidak semestinya menunjukkan status tetapi merupakan satu usaha untuk menambah bilangan babi yang sebaliknya mungkin memberikan kedudukan dan martabat yang tinggi kepada seseorang itu.

Data dari *World Ethnographic Sample* (Murdock 1957) menunjukkan hanya 1% daripada jumlah sampel ini yang mengamalkan sistem poliandri ataupun perkahwinan seorang wanita dengan beberapa orang lelaki yang bersaudara. Poliandri boleh juga melibatkan mereka yang bukan dari kelompok saudara. Di kalangan masyarakat Tibet dan masyarakat Toda di India mereka mengamalkan poliandri seumpama ini. Aturan perkahwinan adalah tidak begitu jelas. Seorang isteri bagi kelompok adik-beradik adalah diterima sebagai isteri kepada semua kelompok adik-beradik lelaki itu tadi. Dikatakan juga bahawa adik lelaki yang baru dilahirkan selepas perkahwinan juga menjadi suami golongan ini. Bagi masyarakat Toda, paterniti tidak dikaitkan dengan ayah yang sebenarnya (bapa biologi), tetapi tinggal dengan ayah yang memeliharanya (bapa sosial), yang statusnya ditentukan dengan satu upacara dalam bulan yang ketujuh seseorang isteri itu mengandung. Pada umumnya keluarga tinggal di tempat tinggal yang sama, tetapi dalam masyarakat Tibet, setiap suami mempunyai bilik yang tertentu, sekiranya keluarga itu adalah merupakan suatu keluarga yang terkaya. Lelaki itu tadi boleh menentukan bila ia akan menziarahi isteri yang dikahwininya tadi. Ada dua penjelasan dapat diberikan kepada sistem poliandri. Pertamanya, dalam masyarakat ini terdapat pembunuhan bayi perempuan yang menyebabkan kurang bilangan kaum wanita. Kedua, keperluan masyarakat untuk menentukan sesuatu saiz ladang. Di kalangan masyarakat Toda dan Tibet, pembunuhan anak perempuan diamalkan dan poliandri mungkin merupakan

penyelesaian masalah kepada kekurangan perempuan jika dibandingkan dengan golongan lelaki. Di antara orang Tibet pula tanah bagi penduduk adalah begitu kecil dan pembahagian seterusnya tidak boleh dilakukan. Poliandri menjamin hubungan adik-beradik lelaki teruna berkekalan dan dengan demikian tanah yang ada tidak perlu dibahagi-bahagikan lagi.

### 15. Persanakan

Raymond Firth (1958) mengatakan sesuatu keluarga itu tidak lengkap sekiranya tiga unsur ini tidak wujud — bapa, ibu dan anak. Oleh itu keluarga ialah satu unit sosial yang sehabis kecil bilangannya mengandungi ibu dan bapa serta anak yang tinggal di dalam sebuah rumah yang sama. Keluarga sebagaimana yang kita definisikan adalah merupakan sebagai suatu institusi sejagat hasil daripada perkahwinan yang disebut sebagai keluarga asas. Anggota-anggota dalam sesebuah keluarga terutamanya ibu bapa dan anak mereka tinggal bersama-sama di sebuah tempat dan memberikan pengiktirafan yang tertentu kepada hubungan timbal balik dan juga obligasi yang tertentu terutama sekali dalam aktiviti ekonomi. Seseorang dalam hidupnya adalah dibesarkan dalam suatu keluarga iaitu keluarga orientasi iaitu keluarga seseorang itu dilahirkan dan dibesarkan. Selepas berkahwin seseorang itu akan membentuk keluarganya sendiri yang disebut sebagai keluarga prokreasi.

Keluarga memberikan keadaan alam sekitar yang sesuai untuk dipelajari oleh anak-anaknya. Namun begitu tiada suatu makhluk yang dapat memberikan segala-galanya kepada anak yang dilahirkan. Kanak-kanak harus mempelajari sesuatu melalui tahap yang begitu lama dalam kehidupan mereka. Hakikat ini disebabkan secara biologi manusia mengambil waktu yang lama untuk sampai ke peringkat kedewasaannya. Keluarga menjaga dan melindungi anak mereka sementara anak mereka mencapai tahap kedewasaan, mempelajari tingkah laku kebudayaan, kepercayaan dan nilai yang diperlukan supaya mereka hidup sempurna.

Walaupun kita selalu mendapati masyarakat moden hidup dalam keluarga asas, tetapi ia bukannya kebiasaan yang terdapat dalam semua masyarakat. Sebaliknya keluarga luas sering juga terdapat. Keluarga besar adalah meliputi dua ataupun lebih golong-

an keluarga yang monogami, poligami, poliandri yang dihubungkan dengan pertalian darah. Dalam keluarga luas yang biasa terdapat ialah sepasang suami isteri dan juga satu atau lebih daripada anak mereka yang telah berkahwin tinggal bersama-sama dengan mereka di rumah yang sama. Dalam keluarga asas tadi ikatan yang wujud ialah melalui ibu bapa dengan anak mereka. Walaupun demikian, keluarga luas kadang-kadang mengandungi juga hubungan melalui anak mereka. Hal ini yang membezakannya dengan keluarga gabungan. Keluarga luas mungkin mengandungi beberapa keluarga yang termasuk di dalamnya tiga generasi. Faktor ekonomi merupakan suatu faktor penting wujudnya keluarga asas dalam masyarakat moden dan masyarakat industri pada hari ini. Masyarakat industri sama dengan masyarakat pemburu dan masyarakat yang mengumpulkan makanan di mana mereka tidak perlu untuk menguruskan harta atau tanah dari satu generasi ke satu generasi yang akan datang.

## 16. Perceraian

Semua masyarakat memandang berat terhadap perceraian. Perkahwinan bukan hanya semata-mata merupakan aktiviti keagamaan tetapi ia juga mempunyai faktor ekonomi yang penting. Oleh sebab itu aturan perceraian boleh dilakukan atas beberapa alasan yang tertentu bergantung dari suatu masyarakat kepada suatu masyarakat yang lain. Dalam masyarakat Islam seorang yang tidak boleh melahirkan anak mungkin menjadi alasan yang penting untuk bercerai. Di kalangan masyarakat yang lain pula, perceraian tidak digalakkan selepas seorang suami isteri itu mempunyai anak, dan selalunya pasangan ini terus dinasihatkan supaya menyesuaikan diri mereka dengan masalah yang dihadapi. Dalam masyarakat Melayu yang beragama Islam, perceraian agak mudah dilakukan. Ini menimbulkan beberapa masalah yang tersendiri. Walaupun perceraian berlaku, namun demikian anak mereka terus dijaga oleh kaum keluarga mereka sama ada keluarga sebelah ibu atau sebelah bapa bergantung kepada pola perkahwinan dalam masyarakat itu tadi.

17. **Bacaan yang Dicadangkan**

Fox, R.  
1968

*Kinship and Marriage: An Anthropological Perspective*, Baltimore: Penguin.  
Buku ini memperkenalkan kepada pembaca masalah dan teori dalam perkahwinan dan persanakan.

Geiger, H.K (Pg)  
1968

*Comparative Perspectives on Marriage and the Family*. Boston, Little Brown.  
Buku ini merupakan satu kumpulan makalah yang menggunakan pendekatan budaya silang yang berbagai-bagai dalam kajian perkahwinan dan keluarga. Dalam pengenalannya Geiger telah membincangkan kestabilan perkahwinan dan keluarga sejagat.

Murdock, G.P.  
1949

*Social Structure*. New York: Macmillan.

Sebuah buku klasik yang menganalisis budaya silang dalam berbagai-bagai organisasi sosial. Hal pokok seperti keluarga asas, bentuk-bentuk keluarga, aturan hubungan jantina dan pantang larang sumbang muhrim, dibincangkan dengan mendalam.

Stephens, Williams N,  
1963

*The Family in Cross-Cultural Perspectives* New York: Holt, Rinehart and Winston.

Buku ini menghuraikan keluarga, perkahwinan, batasan seks, pilihan jodoh dan berbagai-bagai topik yang lain.

# BAB 6

## POLA KEDIAMAN DAN PERSANAKAN

### 1. Pola Kediaman Selepas Berkahwin

Sistem ekonomi masyarakat Melayu moden pada hari ini telah melalui perubahan yang pesat iaitu daripada sistem bertani secara tradisional kepada sistem industri. Di samping itu masyarakat Melayu telah menerima unsur pendidikan moden Barat. Akibatnya ramai di antara anggotanya yang mula tinggal di bandar. Dengan itu pola kediaman mereka selepas berkahwin berbeza dari masyarakat tradisional. Pada hari ini pasangan muda, selepas berkahwin selalunya berpindah ke tempat kediaman yang berlainan, jauh daripada tempat kediaman ibu bapa atau kaum keluarga suami atau isteri. Orientasi kediaman masyarakat Melayu moden pada hari ini menunjukkan suatu pola yang disebutkan sebagai pola neolokal, iaitu pasangan yang muda mendirikan tempat kediaman baru, yang berasingan daripada tempat kediaman ibu bapa dan keluarga mereka. Oleh kerana orang muda mempunyai pendidikan Barat mereka mempunyai jenis pekerjaan yang berbeza daripada keluarga mereka. Ramai di antara mereka berpindah dan tinggal di bandar, tidak lagi menetap di kampung. Maka dengan itu mereka mempunyai pola tempat kediaman yang berbeza selepas berkahwin. Namun demikian, pasangan yang baru berkahwin mempunyai kediaman yang disebut sebagai neolokal itu tadi sering menemui kaum keluarga mereka di tempat asal mereka berada sekurang-kurangnya tiga atau empat kali setahun. Hubungan antara mereka dengan kaum keluarga yang tinggal di kampung masih berterusan melalui surat ataupun kiriman wang. Pola kediaman neolokal ini boleh dianggap sebagai suatu pola yang baru terjelma dalam masyarakat Melayu, akibat daripada perubahan sistem ekonomi, pendidikan dan juga perubahan yang dibawa melalui proses organisasi yang baru. Perubahan yang seumpama ini jelas tidak banyak sedikit juga mengubah pola sistem kediaman kekeluargaan selepas berkahwin.

Pola neolokal seumpama ini memang tidak asing lagi dalam masyarakat Barat yang sering kita lihat melalui wayang gambar dan sebagainya. Pola kediaman yang berasingan dari kaum keluarga mereka ini telah mula wujud lama sebelum mereka berkahwin lagi. Namun demikian, dalam banyak masyarakat termasuk masyarakat Melayu terdapat juga pasangan yang baru berkahwin terus tinggal buat beberapa waktu dengan kaum keluarga ataupun dengan ibu bapa mereka di tempat asal mereka. Oleh kerana semua orang muda dalam semua masyarakat dikehendaki memilih jodoh dari orang di luar keluarga asas mereka, dan oleh kerana pasangan ini tinggal bersama-sama selepas mereka berkahwin, kecuali dalam beberapa masyarakat saja, maka tidak mungkin semua masyarakat mengamalkan sistem di mana anak mereka terus tinggal dengan ibu bapa atau kaum keluarga selepas berkahwin. Oleh sebab itu, anak mereka terpaksa tinggal di tempat asing dan meninggalkan rumah ibu bapa mereka selepas berkahwin. Tetapi terdapat juga dalam masyarakat di mana anggota masyarakatnya terus tinggal di rumah pesaka ataupun rumah asal mereka selepas berkahwin. Umumnya terdapat pola penting di mana pasangan yang berkahwin ini tinggal dengan ibu bapa ataupun tinggal berhampiran dengan kaum keluarga mereka.

Ada lima pola kediaman yang akan dibincangkan di sini iaitu patrilokal, matrilokal, bilokal, avunkulokal dan neolokal.

### **Patrilokal**

Pola kediaman patrilokal ialah pola yang paling meluas sekali terdapat mengenai kediaman selepas berkahwin. Murdock (1957) dalam kajiannya mendapati 67 peratus daripada masyarakat yang dikajinya mengamalkan sistem kediaman patrilokal ini. Suami akan membawa isterinya ke tempat kediaman rumah bapanya dengan mendirikan tempat kediaman berhampiran rumah bapa atau keluarga bapanya ataupun menjadikannya sebagai anggota keluarga luas. Di kalangan orang Tiv di Nigeria Utara, apabila seorang anak lelaki berkahwin, isterinya selalunya akan tinggal bersama-sama dengannya dalam kawasan perumahan bapa sebelah suaminya iaitu dengan membentuk suatu keluarga luas berbentuk patrilokal. Istilah kediaman ini kerap kali juga diketahui sebagai virilokal.

### **Matrilokal**

Dalam pola kediaman berbentuk matrilokal ini, seorang suami akan tinggal bersama-sama dengan keluarga sebelah ibu mentuanya atau ia boleh memilih untuk mendirikan rumah berhampiran dengan rumah keluarga sebelah isterinya. Bentuk kediaman ini merupakan suatu pola kediaman yang terdapat di kalangan orang Melayu yang menganuti adat Minangkabau di Negeri Sembilan dan Melaka. Istilah kediaman ini kadang-kadang disebut sebagai uksorilokal.

### **Bilokal**

Dalam kebanyakan masyarakat, termasuk masyarakat Melayu, pola inilah yang amat meluas sekali. Dalam bentuk kediaman bilokal ini, kebanyakan daripada pasangan baru tinggal bersama-sama kaum keluarga mereka ataupun mereka mendirikan rumah berhampiran dengan kaum keluarga sama ada sebelah ibu bapa suami atau sebelah isteri.

Pola ini dikatakan paling banyak terdapat dalam masyarakat Melayu masa dahulu. Di perkampungan seumpama ini, kita lihat sebuah rumah besar dikelilingi oleh beberapa rumah kecil yang lain. Rumah besar itu ialah rumah yang didiami oleh ketua keluarga bagi keluarga luas. Rumah yang kecil terdapat berhampiran dengan rumah besar tadi, tiap-tiap satunya didiami oleh pasangan yang baru ataupun pasangan yang mempunyai anak sebagai anggota daripada keluarga luas tadi. Sebagaimana yang kita katakan tadi, pasangan yang baru berkahwin mungkin tinggal bersama-sama, sama ada dengan keluarga sebelah suaminya ataupun keluarga sebelah isterinya bergantung kepada mana mereka boleh mendapatkan tapak rumah dan juga tanah untuk keperluan ekonominya. Sebahagian daripada keluarga luas di kampung tadi adalah berbentuk patrilo-kal, yang lain pula berbentuk matrilokal. Sebahagiannya merupakan sebagai bilokal iaitu di mana kedua-dua abang, kakak dan adik mungkin tinggal bersama-sama dengan keluarganya. Dengan itu sama ada anak lelaki atau anak perempuan akan tinggal di rumah asalnya selepas berkahwin, keluarga luas merangkumi gabungan adik-beradik yang telah berkahwin dan juga keluarga asas.

### **Avunkulokal**

Ada beberapa masyarakat yang mengamalkan sistem kediaman

avunkulokal, iaitu mereka yang tinggal bersama-sama dengan kaum keluarga bapa saudara sebelah ibu suami. Walaupun pola seumpama ini menghairankan pengkaji Barat tetapi apabila mereka melihat dengan lebih mendalam lagi mereka akan memahami bahawa masyarakat yang mempunyai pola kediaman avunkulokal ini selalunya mempunyai kelompok kekeluargaan di mana abang ataupun adik lelaki sebelah ibu suami adalah merupakan orang yang mempunyai banyak autoriti dalam mentadbirkan keluarganya. Selalunya dalam masyarakat yang membentuk kediaman avunkulokal ini, seorang anak lelaki mula meninggalkan tempat kediaman ibu bapanya dan tinggal dengan bapa saudaranya sebelum mereka berkahwin lagi. Misalnya dalam masyarakat orang Haida, British Colombia seorang anak lelaki akan pindah ke rumah bapa saudaranya sebelah ibunya apabila mereka mencapai umur lebih kurang sepuluh tahun. Bapa saudaranya adalah orang yang bertanggungjawab untuk melatihnya menjadi seorang nelayan atau pemburu dan ia bertanggungjawab untuk mengajar segala kemahiran seperti membuat perahu, berperang dan sebagainya. Bapa saudaranya juga bertanggungjawab terhadap masalah kekeluargaan dan akan menghukumnya apabila ia melakukan kesalahan. Sebelum kanak-kanak itu besar dan berkahwin dia adalah di bawah jagaan bapa saudaranya tadi. Dalam masyarakat Haida ini seseorang lelaki akan membawa isterinya tinggal bersama-sama dengannya di rumah keluarga lelaki sebelah ibunya. Dalam masyarakat lain yang berbentuk avunkulokal ini, suami dan isterinya akan tinggal berhampiran dengan keluarga sebelah ibu iaitu abang atau adik lelaki ibunya.

### **Neolokal**

Pola ini telah dijelaskan sebagai suatu pola kediaman yang baru dalam masyarakat kita. Di Barat pola ini merupakan suatu bentuk kediaman yang meluas. Pada umumnya sebahagian besar daripada pasangan yang telah berkahwin dalam masyarakat Barat tinggal berjauhan daripada kaum keluarga sebelah ibu atau sebelah bapa mereka. Dalam pola ini pasangan suami isteri yang baru meninggalkan rumah ibu bapanya dan membentuk satu kediaman baru di tempat lain berasingan dari tempat kediaman ibu bapa atau keluarga suami atau isteri.

## 2. Faktor Perbezaan Tempat Kediaman

Banyak ahli antropologi menjelaskan sebab mengapa pasangan yang baru berkahwin dalam setengah masyarakat di dunia ini tinggal berasingan daripada kaum keluarganya, sementara dalam masyarakat yang lain pula tinggal berhampiran atau bersama-sama dengan keluarganya. Salah satu penjelasan itu ialah pola kediaman yang berbentuk neolokal banyak terdapat dalam masyarakat yang sistem ekonominya mengkhususkan pada sistem ekonomi kewangan dan ekonomi perdagangan. Pendapat ini mengatakan bahawa apabila manusia boleh menjualkan tenaganya ataupun apabila hasil keluarannya untuk mendapatkan wang, mereka boleh membeli barang keperluan untuk kehidupan mereka tanpa memerlukan pertolongan kaum keluarga untuk menampung keperluan hidup mereka. Wang merupakan barang yang tidak mudah rosak. Maka ia boleh disimpan untuk ditukarkan dengan barang lain pada bila-bila masa. Oleh itu keluarga yang bergantung kepada sistem ekonomi kewangan boleh mengumpulkan wang dan menggunakannya apabila mereka tidak mempunyai pekerjaan, sakit atau sebagainya. Hal yang seumpama ini tidak mungkin berlaku dalam masyarakat yang tidak menggunakan wang sebagai sistem ekonomi mereka. Mereka perlu terus bergantung kepada keluarga mereka untuk mendapatkan bahan makanan dan keperluan lain apabila mereka sakit atau tidak mempunyai pekerjaan. Terdapat bukti bahawa kajian silang budaya yang telah dilakukan oleh Murdock menunjukkan bahawa kediaman neolokal ini berlaku dalam masyarakat yang mengamalkan sistem perniagaan dan pertukaran barang di pasaran. Manakala masyarakat yang tidak menggunakan sistem kewangan akan terus tinggal berhampiran dengan kaum keluarga atau tinggal bersama-sama dengan keluarga mereka sendiri.

Kebanyakan anggota masyarakat di dunia ini mempunyai sistem tempat kediaman setelah berkahwin sama ada tinggal berhampiran dengan keluarga suami ataupun tinggal bersama-sama dengan kaum keluarga isteri. Sebab mengapa pasangan yang baru berkahwin itu tinggal bersama-sama dengan keluarga sebelah suaminya, manakala masyarakat yang lain pula tinggal bersama-sama dengan keluarga sebelah isterinya itu bergantung kepada sama ada dalam masyarakat ini kaum lelaki adalah orang yang memberikan keperluan ekonomi atau kaum perempuan yang memberikan se-

bahagian besar sumbangan kepada keperluan kehidupan ekonomi mereka. Namun demikian data kajian silang budaya tidak pula menyokong andaian seumpama ini. Terdapat umpamanya di mana kaum lelaki memberikan sumbangan ekonomi yang besar, tempat tinggal tidak semata-mata berbentuk patrikokal tetapi matrilokal, sementara di mana kaum wanita tidak banyak menyumbangkan kepada ekonomi, tempat tinggalnya berbentuk matrilokal dan bukan patrikokal.

Faktor lain yang mungkin boleh menentukan tempat tinggal selepas berkahwin, sama ada matrilokal ataupun patrilokal, ialah keperluan tenaga sekiranya berlaku peperangan dalam masyarakat tadi. Banyak masyarakat yang bermusuhan-musuhan dengan komuniti yang tinggal berhampiran perkampungan mereka. Peperangan serius berlaku di antara kelompok yang bertutur bahasa yang sama. Dalam masyarakat yang lain pula, peperangan berlaku bukannya sesama kelompok yang bertutur bahasa yang sama tetapi dengan orang daripada kelompok yang menggunakan bahasa yang berlainan. Pola peperangan yang seumpama ini disebut sebagai pola peperangan luaran. Dalam masyarakat di mana peperangan merupakan peperangan dalaman, tempat tinggalnya lebih bercorak patrilokal daripada matrilokal. Bentuk peperangan seumpama ini memerlukan anak lelaki tinggal bersama-sama atau berhampiran dengan tempat tinggal ibu bapa bagi membantu mereka dalam masa peperangan. Oleh kerana kaum wanita selalunya tidak memberikan sumbangan tenaga peperangan, anak lelaki yang tinggal bersama-sama di rumah selepas berkahwin akan membantu mereka bagi mengekalkan keutuhan. Apabila tenaga mereka diperlukan, dengan pantas boleh didapati. Sebaliknya tempat kediaman boleh bercorak matrilokal dan jarang-jarang patrilokal apabila bentuk peperangan ini adalah peperangan luaran. Dalam keadaan yang demikian selalunya kaum keluarga tidak takut peperangan atau serangan daripada jiran tetangga ataupun orang yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Oleh itu tidaklah begitu penting bagi anak lelaki tinggal bersama-sama atau berhampiran dengan rumah mereka selepas berkahwin. Sekiranya masyarakat itu mengalami peperangan berbentuk luaran tadi, dan kaum wanita bekerja bagi mencapai keperluan ekonomi, kaum keluarga mungkin memerlukan anak perempuan tinggal bersama mereka selepas berkahwin. Oleh sebab

itu mereka akan membentuk tempat kediaman matrilokal. Apabila berlakunya peperangan bentuk dalaman dan keperluan yang bergantung kepada keperluan tenaga untuk pekerjaan yang terus dilakukan oleh keluarga itu anak lelaki perlu tinggal di rumah asal selepas berkahwin. Apabila peperangan dalaman jarang-jarang berlaku, maka tumpuan ialah kepada keluarga perempuan bagi mendapatkan tenaga kerja dan kediaman yang dibentuk ialah kediaman matrilokal.

Dalam masyarakat yang lain pula pasangan yang baru berkahwin tinggal bersama-sama keluarga sebelah suami atau keluarga sebelah isteri. Dalam sistem kediaman bilokal, pasangan yang telah berkahwin akan tinggal bersama-sama dengan kaum keluarga sebelah suami ataupun keluarga sebelah isteri. Kediaman bilokal mungkin wujud dalam masyarakat yang sebahagian besar daripada anggota penduduknya baru mati kerana wabak penyakit dan sebagainya (Elmen Service, 1962). Jika sekiranya pasangan ini perlu tinggal bersama-sama dengan kaum keluarganya untuk mendapatkan keperluan ekonomi dalam masyarakat yang tidak mempunyai sistem perdagangan, mereka hanya akan tinggal dengan kaum keluarga yang masih hidup. Dalam masyarakat seumpama itu umumnya anggota masyarakatnya tidak boleh mengekalkan tempat kediaman yang satu ataupun *unilokal* seperti matrilokal, patrilokal ataupun avunkulokal, tetapi sebaliknya mereka akan mengekalkan bentuk kediaman bilokal yang kadang-kadang adalah merupakan sebagai gabungan daripada dua atau lebih daripada pola unilokal ini tadi. Interpretasi seumpama ini disokong dengan data kajian silang budaya. Akhir-akhir ini telah dapat dikesan iaitu bentuk masyarakat yang ramai anggota masyarakatnya mati disebabkan wabak penyakit telah mewujudkan tempat tinggal bilokal. Selalunya masyarakat yang tidak menghadapi masalah kekurangan penduduk akan terus mengekalkan bentuk unilokal.

### **3. Struktur Persanakan dan Keturunan**

Setiap masyarakat mempunyai pola kediaman yang tertentu sama ada tinggal bersama-sama atau berhampiran dengan kaum keluarga mereka. Gambaran ini menunjukkan bahawa hubungan persanakan adalah perkara yang amat penting dalam masyarakat. Dalam masyarakat yang ekonominya bukan perdagangan, hubung-

an persanakan yang mereka bentuk akan mengekalkan kehidupan ekonomi mereka. Banyak ahli antropologi mengandaikan bahawa struktur persanakan dibentuk atas dasar punca ekonomi dan jenis ikatan politik yang seterusnya membentuk komuniti dalam kawasan yang lebih luas. Kerap kali juga kita dengar bahawa struktur persanakan menentukan siapakah yang mejadi pilihan jodoh. Institusi persanakan oleh itu mempunyai aturan yang amat penting, sama ada semasa hidup ataupun selepas mati.

Bagi menentukan siapakah yang boleh diperisterikan oleh seseorang itu selalunya faktor ekonomi, status, serta kedudukan politik mereka dalam masyarakat memainkan peranan yang penting. Golongan dari status atasan pada umumnya tidak akan mengahwini mereka daripada golongan status yang rendah. Tetapi peranan ekonomi bukanlah peranan yang paling penting menentukan ikatan perkahwinan seseorang itu.

#### 4. Jurai Keturunan

Telah dikatakan bahawa institusi persanakan ialah fenomena yang penting dalam masyarakat, terutamanya dalam masyarakat yang ekonominya bukan perdagangan. Persoalan masih juga timbul iaitu keturunan keluarga manakah seseorang itu harus bergantung. Sekiranya kita menyusuralurkan persanakan kita, akan kita dapati suatu ikatan jalinan persanakan yang begitu luas. Oleh itu dalam semua masyarakat terdapat aturan untuk menentukan hubungan persanakan. Ikatan keluarga yang kecil dapat memberikan gambaran yang jelas dan menunjukkan ikatan yang lebih kuat daripada ikatan keluarga yang besar. Aturan yang mengikat individu melalui hubungan persanakan yang tertentu disebut sebagai jurai keturunan. Dengan mengetahui jurai keturunannya, dengan cepat seseorang itu mengetahui siapakah yang boleh memberikan pertolongan kepadanya dalam masa kecemasan, siapa pula yang akan membantu kerja hariannya, pada hari perkahwinan, kematian dan sebagainya.

Ada lima sistem keturunan persanakan di dalam masyarakat, iaitu dwinisab (*bilateral*) nisab bapa (*patrilineal descent*), nisab ibu (*matrilineal descent*), ambilineal atau kognatif dan nisab kedua-dua belah ibu dan bapa (*double descent*) yang pertama dari nisab di mana ego menganggap sama berat sama ada sebelah ibu atau sebelah bapa

yang kedua ialah keturunan nisab bapa. Dalam sistem keturunan ini kita lihat hubungan individu dengan keluarganya sama ada lelaki atau perempuan adalah melalui keluarga sebelah bapanya. Bentuk yang ketiga ialah sistem keturunan nisab-ibu iaitu seorang individu melihat keturunannya dari nisab sebelah ibu. Di sini kita lihat seseorang individu dikaitkan dengan keluarganya melalui hubungan sebelah ibunya. Setiap generasi kita lihat anak mereka adalah dihubungkan dengan keluarga sebelah ibunya sahaja. Bentuk yang keempat ialah ambilineal ataupun kognatif. Dalam bentuk keturunan ambilineal ataupun kognatif ini, seseorang individu itu dihubungkan dengan keluarga melalui keluarga sebelah bapa atau keluarga sebelah ibu. Dengan perkataan-perkataan lain seseorang itu tadi boleh menghubungkan individu itu tadi dengan keluarga melalui persaudaraan sebelah bapa dan sementara yang lain melalui sebelah ibu. Kelompok keturunan ini menunjukkan hubungan sebelah perempuan dan sebelah lelaki melalui jurai keturunan mereka. Bentuk yang kelima ialah keturunan nisab kedua-dua belah ibu dan juga bapa yang disebut sebagai keturunan dua jurai. Dalam bentuk persanakan ini individu menghubungkan ikatan persanakannya, sama ada kelompok sebelah ibu atau sebelah bapa dengan tujuan yang tertentu. Oleh sebab itu keturunan dua jurai ini tiap-tiap satunya menggalurkan dengan keturunan sebelah ibu atau sebelah bapa yang mana ego dianggap lebih penting.

Di bawah ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut lagi tiap-tiap satu daripada sistem keturunan persanakan yang terdapat dalam masyarakat di dunia.

### **Keturunan Dwinisab**

Jurai keturunan dwinisab ini menunjukkan hubungan individu yang sama rapat di antara keluarga sebelah bapa ataupun keluarga sebelah ibu. Keturunan persanakan ini tidak ada aturan yang menekankan kepada mana-mana keluarga untuk dikaitkan, baik sebelah ibu atau sebelah bapa. Pada praktisnya aturan dwinisab ini mengaitkan seseorang itu hanya kepada keluarga yang lebih rapat kepada keluarga tertentu. Dalam masyarakat Melayu kita boleh fikirkan kelompok yang lebih rapat dengan kita termasuk saudara kita yang mungkin kita jemput pada hari-hari perkahwinan, kemati-


an ataupun kenduri-kendara. Keluarga yang lain tidak begitu jelas kedudukan mereka dalam kelompok ini. Seorang yang merancang kenduri perkahwinan akan membuat suatu senarai nama yang panjang dengan menumpukan kepada kaum keluarga yang hendak dijemput dan mengeneipkan golongan lain. Sempadan persanakan ini selalunya tidak begitu jelas. Tidak ada seorang pun yang begitu pasti bahawa keluarga ini yang paling rapat dan perlu dijemput sementara seorang lain dianggap keluarga jauh dan harus diketepikan. Masyarakat yang menganuti sistem dwinisab ini berbeza dengan definisi keluarga jauh dan keluarga dekat. Oleh itu adalah sulit bagi mereka untuk benar-benar menggalurkan keturunan keluarga mereka. Dalam masyarakat Melayu di mana institusi persanakan merupakan suatu perkara yang amat penting, semua kaum keluarga dimasukkan ke dalam senarai persanakan ini tadi.

Yang paling jelas dalam sistem persanakan berbentuk dwinisab ini ialah selain daripada adik-beradik mereka tidak ada orang yang dianggap daripada keturunan yang sama. Persanakannya mengandungi anggota keluarga yang amat luas sekali termasuk ikatan keluarga sebelah bapa dan sebelah ibu. Tetapi anggota dalam persanakan ini tadi hanya dihubungkan melalui hubungan ego. Oleh sebab itu pertalian dengan ego ini merupakan ikatan yang paling penting untuk menentukan kaitan persanakan mereka. Oleh kerana setiap orang mempunyai ibu dan bapa yang berlainan, sepupu silang yang mempunyai keluarga yang berlainan akan mempunyai hubungan persanakannya yang sendiri. Misalnya kita mungkin akan memasukkan nama bapa saudara dan emak saudara kita sebagai kaum keluarga kita, tetapi anak kita menganggap bapa saudara dan emak saudara kita yang menjadi nenek dan datuk mereka tidak begitu rapat kepada mereka, maka mereka tidak memasukkan nama ini dalam senarai keluarga mereka. Oleh kerana hubungan persanakan bergantung kepada ego ini maka ia berbeza daripada seorang dengan seorang lain. Persanakan ini tidak selalunya berterusan, iaitu ia tidak semestinya terus-menerus wujud seumpama itu selepas berlakunya kematian orang yang dianggap sebagai fokal, atau ego. Dalam masyarakat kita hubungan persanakan seumpama ini lahir daripada hubungan yang tertentu. Persanakan seseorang itu akan berterusan walaupun ego itu meninggal dunia.

**Keturunan Satu Jurai**

Jurai keturunan sama ada keturunan nisab sebelah ibu atau sebelah bapa adalah dianggap sebagai keturunan satu jurai atau unilineal. Dalam sistem ini seseorang individu itu dihubungkan dengan kelompok keluarganya melalui keturunan dari sebelah bapa ataupun sebelah ibu sahaja.


Rajah 1.  
Keturunan Nisab Bapa



Dalam rajah 1 ditunjukkan sistem keturunan berbentuk nisab bapa iaitu anak daripada setiap generasi adalah keluarga daripada sebelah bapa. Bapa mereka sebaliknya datang daripada kelompok sebelah bapanya, dan seterusnya dalam rajah itu tadi seorang individu dihubungkan melalui kaitan persanakan daripada sebelah lelaki saja. Walaupun anak lelaki dan anak perempuan adalah anggota daripada kelompok yang sama, ikatan persanakan yang dipindahkan hanya bagi anak lelaki kepada anaknya yang akan datang. Dalam

Rajah 1, D dan E iaitu anak A dan B keturunannya digalurkan dengan keluarga sebelah bapa. Begitu juga anak perkahwinan C dan D. Tetapi anak E dan F bukan keturunan sebelah bapa tadi kerana jurai keturunan mereka (bapanya) dari kelompok lain, walaupun ibu L dan N dari keturunan ayah yang sama, tetapi ia tidak boleh meneruskan jurainya.

Dalam sistem nisab sebelah ibu sebaliknya dapat digambarkan seperti dalam rajah 2.



Anak dalam setiap generasi tergolong dalam kelompok sebelah ibu. Keturunan adalah digalurkan melalui jurai sebelah ibu. Walaupun anak lelaki dan anak perempuannya adalah anggota dalam keturunan yang sama hanya anak perempuan saja yang boleh meneruskan keturunan nisab ibu kepada anaknya. Dalam Rajah 2, D dan E iaitu anak dari A dan B, keturunannya digalurkan dengan keluarga sebelah ibu. Begitu juga anak perkahwinan E dan F, tetapi anak C dan D bukan keturunan sebelah ibu tadi kerana jurai keturunan mereka (sebelah ibunya) dari kelompok lain.

Aturan keturunan menggalurkan seseorang individu dengan kaum keluarganya. Oleh kerana hubungan persanakan seumpama ini dikaitkan melalui keluarga lelaki atau perempuan maka sebahagian daripada keluarga yang rapat akan terkeluar daripada kelompok ini. Misalnya dalam sistem nisab bapa, ibu kita dan juga ibu kepada ibu kita tidak dianggap sebagai keluarga dalam keturunan nisab bapa tadi. Tetapi bapa kita dan bapanya adalah tergolong dalam hubungan ikatan jurai bapa. Sebahagian daripada keluarga yang rapat bukannya anggota daripada kelompok kita. Dalam generasi kita sebahagian ataupun beberapa orang daripada suku akan terkeluar daripada keluarga. Dalam generasi anak kita pula mungkin mereka akan terkeluar daripada senarai yang dianggap sebagai anak saudara tadi.

Aturan satu nisab ini berlainan dengan aturan dwinisab. Aturan satu nisab boleh membentuk hubungan antara anggota keluarga yang dapat dianggap sebagai unit penting yang boleh berterusan bertindak seperti itu selepas kematian anggotanya. Dari rajah 1 dan 2, kita dapat melihat bahawa individu yang digambarkan dengan hitam tergolong dalam kelompok yang tertentu. Seorang individu dalam generasi yang keempat tergolong dalam kelompok itu sebagaimana individu dalam kelompok generasi yang pertama. Dalam masyarakat Barat sekiranya seseorang itu menggunakan nama Brown maka ia akan dikenal sebagai Brown di dalam kelompoknya. Sekiranya ia bukan Brown, maka ia tergolong dalam kelompok lain. Hakikat ini amat penting sekiranya kelompok persanakan tadi hendak diiktiraf sebagai suatu kelompok tertentu dan bukannya sebagai unit yang bertindak lapis. Adalah susah bagi seseorang untuk bertindak bersama-sama kecuali mereka mengetahui dengan jelasnya siapakah yang harus bekerjasama dengan mereka. Mereka lebih mudah untuk bertindak sebagai suatu kelompok sekiranya mereka tahu siapakah kelompok mereka. Dalam sistem dwinisab, sebagai perbandingan, bukan sahaja sempadannya tidak jelas, tetapi seseorang individu itu mempunyai hubungan dengan beberapa persanakan yang berlainan. Kelompok keluarganya sendiri dan kelompok lain seperti anaknya dan sepupunya adalah hal formaliti saja. Masyarakat dari hubungan satu jurai ini sebaliknya mempunyai kelompok unilineal yang bertindak untuk jangka panjang. Kadang-kadang mereka sama-sama berkongsi di atas sekeping

tanah, kadang-kadang mereka menjalankan upacara bersama dan kadang-kadang mereka sama-sama menghadapi ancaman dari luar.

### 5. Kelompok Keturunan Satu Jurai

Anggota dalam masyarakat keturunan satu jurai selalunya dirujukkan sebagai kelompok yang bergantung kepada kepercayaan bahawa mereka mempunyai keturunan sama ada dari keluarga sebelah ibu ataupun sebelah bapa. Keturunan satu jurai ini ada beberapa jenis seperti zuriat, suku, fratri dan moiety.

Dalam istilah antropologi zuriat ialah satu set persanakan yang anggotanya menggalurkan keturunannya dari nenek moyang yang sama menurut pertalian yang diketahui oleh mereka. Di dalam masyarakat mungkin terdapat zuriat pihak ibu atau zuriat pihak bapa bergantung sama ada pertalian itu dapat digalurkan melalui keluarga sebelah bapa ataupun keluarga sebelah ibu sahaja. Zuriat ini selalunya dikaitkan dengan nama nenek moyang yang sama.

Suku yang sering diketahui sebagai sib atau seketurunan merupakan persanakan yang anggotanya percaya bahawa mereka adalah berketurunan dari nenek moyang yang sama. Namun demikian mereka menghadapi masalah kerana pertalian mereka dengan nenek moyang mereka tidak begitu nyata, dan kerap kali tidak diketahui langsung.

Sesuatu suku selalunya dihubungkan dengan binatang ataupun pokok. Hubungan seumpama ini dalam antropologi disebut sebagai totem, memberikan pengertian yang tertentu bagi kelompok itu. Totem itu memberikan identifikasi kepada suatu persanakan. Oleh itu sekiranya seseorang itu menyatakan ia dari kelompok beruang, serigala atau penyu, maka orang lain mengetahui sama ada orang itu adalah anggota suku mereka.

Walaupun agaknya aneh kepada kita sesuatu suku itu mengaitkan binatang atau pokok menjadi simbol kelompoknya. Tetapi ini sebenarnya tidak menghairankan kerana setiap negara pada hari ini pun mempunyai lambangnya tersendiri. Penggunaan totem bagi melambangkan suku ataupun sib itu sering terdapat dalam masyarakat dari nisab satu jurai keturunan. Istilah totem datangnya dari masyarakat Ojibwa di Amerika yang menyebutkannya sebagai 'ototemant' yang bererti "ia adalah keluarga saya". Anggota ma-

syarakat ini sering dikenakan pantang larang terhadap totem sukunya. Kerap kali suku ini tidak dibenarkan membunuh atau memakan totemnya. Tetapi tidak semua masyarakat melakukannya begitu. Mengapa sesuatu masyarakat memilih binatang atau pokok menjadi lambang sukunya adalah menarik perhatian ramai ahli antropologi. Levi-Strauss mengatakan bahawa sesuatu sifat yang penting pada binatang itu menjadi imaginasi kepada mereka. Sifat gagah, langsung ataupun cekap yang terdapat pada binatang itu sering menjadi identifikasi mereka.

Fratri pula ialah keturunan daripada satu nisab yang tergolong daripada satu suku atau sib yang berhubungan. Sebagaimana suku, hubungan keturunan dalam fratri juga tidak jelas. Manakala moiety pula merupakan kumpulan masyarakat yang dibahagi kepada dua kelompok keturunan satu jurai yang besar. Orang dari setiap moiety percaya diri mereka berketurunan dari nenek moyang yang sama. Walaupun pada umumnya mereka tidak dapat mengatakan bagaimana hubungan itu berlaku.

Sungguhpun terdapat beberapa jenis kelompok keturunan dari satu nisab, ini tidak pula bererti bahawa semua keturunan dari satu nisab hanya mempunyai satu kelompok nisab. Banyak masyarakat mempunyai dua jenis atau lebih daripada satu gabungan, misalnya setengah masyarakat mempunyai zuriat dan suku, yang lain tidak mempunyai zuriat tetapi mempunyai suku atau fratri, manakala yang lain pula mungkin mempunyai suku dan moiety tetapi tidak mempunyai fratri ataupun zuriat.

### **Organisasi Nisab Bapa**

Satu contoh organisasi nisab bapa ialah keturunan masyarakat Kapauku di Pulau Papua (Pospisil, 1963). Kelompok Kapauku ini merupakan masyarakat nisab bapa yang terdiri dari berbagai-bagai kelompok keturunan. Bagi Kapauku susunan persanakan yang dihubungkan dengan sebelah keturunan sistem patrilineal memainkan peranan penting dalam hidupnya. Semua Kapauku adalah ahli zuriat nisab sebelah bapa, nisab suku yang termasuk zuriat, dan patriarki sukunya.

Anggota kaum lelaki nisab bapa, iaitu saudara-mara kaum lelaki yang boleh menggalurkan hubungan mereka yang sebenarnya

melalui warisan sebelah lelaki dari nenek moyang yang sama, menjadi anggota dari keturunan kaum lelaki sesebuah kampung atau beberapa kampung yang berhampiran. Dengan ini bermakna anggota keturunannya merupakan suatu nisab dari suatu unit wilayah. Anggota daripada kaum lelaki tinggal bersama-sama menurut aturan keturunan nisab bapa yang merupakan satu pola tempat tinggal yang stabil. Seorang anak lelaki membawa isterinya tinggal bersama-sama ibu bapanya atau berhampiran dengan rumah ibu bapanya, sementara anak perempuannya pula meninggalkan rumahnya dan tinggal dengan suaminya. Beberapa lama kemudian, sekiranya kelompok lelaki itu tinggal di satu tempat, mereka akan membentuk sebuah wilayah. Sekiranya golongan keturunan itu besar, ia akan dibahagi-bahagikan pula kepada keturunan yang kecil. Anggotanya menggalurkan keturunannya dari salah seorang keturunan nenek moyangnya. Anggota dari keturunan yang sama saling hormat-menghormati dan hidup dengan penuh kasih sayang. Mereka bersama-sama mengekalkan aturan yang ada, yang dikawal oleh seorang ketua. Membunuh salah seorang anggotanya merupakan kesalahan yang amat berat. Sekiranya pergaduhan berlaku dengan anggota keturunan yang sama mereka hanya dibenarkan menggunakan kayu. Mereka dilarang menggunakan senjata daripada besi seperti lembing. Sebaliknya, zuriat kecilnya bertanggungjawab terhadap kesalahan yang dilakukan oleh anggota keluarganya. Sekiranya salah seorang daripada keturunannya melakukan kesalahan, semua anggota dianggap bertanggungjawab dan hartanya akan dirampas. Sekiranya zuriat kecilnya membunuh orang lain, maka anggota daripada keturunannya akan dibunuh sebagai membalas kesalahan yang telah mereka lakukan.

Golongan Kapauku ini mempunyai totemnya sendiri. Sebagai suatu suku yang tersendiri, anggotanya tidak dibenarkan memakan totemnya. Mereka juga tidak boleh berkahwin dengan anggota dari keturunan yang sama iaitu yang berasaskan totem yang sama kerana ini akan merosakkan sukunya.

Kaum lelaki dari keturunan yang sama dengan masyarakat Kapauku ini tidak tinggal bersama-sama di sebuah wilayah tetapi tempat tinggal mereka adalah bertaburan. Oleh itu keturunan nisab bapa merupakan keturunan persanakan yang paling besar sekali dalam masyarakat Kapauku ini.

### Organisasi Nisab Ibu

Organisasi nisab ibu selalunya dianggap bertentangan dengan organisasi nisab bapa. Namun demikian ia mempunyai suatu perbezaan yang nyata, iaitu mengenai orang yang mempunyai autoriti dalam sistem nisab ibu. Dalam sistem nisab bapa, warisan diteruskan melalui pihak lelaki dan kaum lelakilah yang mempunyai autoriti dalam kelompok keluarganya. Akibatnya dalam sistem nisab bapa, perkahwinan melibatkan autoriti keturunan. Dalam sistem nisab ibu pula walaupun warisan selalunya melalui pihak perempuan, namun demikian pihak perempuan jarang-jarang mempunyai autoriti masyarakatnya, tetapi sebaliknya autoriti terletak kepada kaum lelaki. Agak susah hendak difahami mengapa kaum perempuan jarang-jarang mempunyai autoriti politik walaupun dalam sistem keluarga nisab ibu. Oleh kerana kaum lelaki yang mempunyai autoriti dalam sistem persanakan, bapa saudara sebelah ibu menjadi orang yang paling penting dan mempunyai autoriti atau kewibawaan dalam sistem nisab ibu. Hanya adik atau abang kepada ibu sahaja yang paling rapat dalam sistem nisab ibu bagi meneruskan generasi yang menggabungkan persanakan itu tadi. Ayah kepada ibu bukannya anggota kelompok dari sistem keluarga nisab ibu kerana seseorang itu diperlukan berkahwin di luar daripada sukunya. Oleh itu ia tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam kelompok itu tadi.

Perbezaan autoriti dan warisan dalam sistem nisab ibu mempunyai kesan ke atas organisasi dan sistem perkahwinan di dalam masyarakat itu. Kebanyakan masyarakat nisab ibu membentuk tempat tinggal jenis matrilokal, iaitu anak perempuan akan tinggal di rumah selepas berkahwin dan mereka membawa suami mereka tinggal bersama-sama dengan mereka. Anak lelaki terpaksa meninggalkan rumah untuk tinggal bersama-sama isteri mereka. Tetapi anak lelaki yang terpaksa meninggalkan rumah ini akan menjadi orang yang menjalankan autoriti dalam keluarga asal mereka. Hal ini menjadikan suatu perkara yang menimbulkan masalah. Sekiranya anak lelakinya berkahwin di tempat yang jauh dari tempat tinggalnya, maka susah baginya untuk menjalankan autoriti dalam sistem keluarganya. Tambahan lagi dengan sebab kaum lelaki berpindah ke tempat tinggal isterinya bererti dia susah untuk membuat keputusan kerana tempat tinggal yang berpecah-pecah.

Satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah walaupun anak lelaki yang beristeri terpaksa berpindah, mereka tidak berpindah jauh daripada tempat tinggal ibu bapa mereka. Kerap kali mereka beristerikan orang daripada tempat tinggal yang berhampiran. Oleh sebab itu masyarakat nisab ibu mengamalkan sistem eksogami bukan hanya dari luar kampung mereka tetapi dari kampung yang sama, sementara dalam masyarakat nisab bapa mereka mengamalkan perkahwinan eksogami secara tempatan.

Organisasi masyarakat nisab ibu dari golongan Minangkabau boleh memberikan gambaran pola autoriti dalam sistem masyarakat ini. Orang Minangkabau mempunyai sistem zuriat nisab ibu dan juga suku sebelah ibu. Dalam sistem nisab ibu ataupun zuriat sebelah ibu menunjukkan bahawa harta yang dipunyai merupakan harta yang dikumpulkan oleh golongan keturunan sebelah perempuan. Anggota dari keturunan sebelah ibu dan juga suami mereka menduduki tanah yang berhampiran ataupun tanah suku ibu mereka. Harta bagi kelompok suku ini ditadbirkan oleh abang yang tertua sekali dalam kelompok itu. Dialah yang menentukan tentang pembahagian harta atau hasil daripada harta ini. Dia yang mengarahkan supaya adik-adiknya menjalankan kerja yang biasa dilakukan dalam masyarakat. Abang yang tertua sekali menyelesaikan sesuatu masalah dengan ketua kelompok atau orang luar. Dia haruslah terlebih dahulu berunding dalam semua perkara dengan keturunannya.

Dalam keluarga asas masyarakat nisab ibu, ayah dan ibu bertanggungjawab bagi mendidik serta mendisiplinkan anak mereka. Namun demikian apabila seseorang kanak-kanak itu meningkat umur akil baligh ayahnya tidak lagi mempunyai tanggungjawab kepada anaknya. Tanggungjawab ini berpindah kepada mamaknya, bapa saudara sebelah ibu. Abang atau adik ibunya akan bertanggungjawab dalam hal seumpama itu. Namun demikian, ibu terus memainkan peranannya bagi mendisiplinkan anaknya. Kebiasaannya kaum lelaki berkahwin dengan sepupunya tetapi tinggal berhampiran dengan tempat tinggal ibu bapanya. Hal ini penting kerana tempat tinggal matrilokal ini memerlukan orang lelaki berpindah ke tempat isterinya. Oleh itu, kebanyakan daripada mereka terpaksa mengahwini wanita yang tinggal berhampiran dengan tempat tinggal ibu bapa mereka.

Walaupun terdapat beberapa perbezaan di antara sistem nisab

bapa dan sistem nisab ibu, terdapat juga persamaan yang nyata. Dalam kedua-dua sistem ini, fratri dan moiety serta gabungan kesemuanya iaitu kelompok dalam masyarakat nisab ibu atau masyarakat nisab bapa, boleh menjalankan berbagai-bagai fungsi. Mereka akan mengaturkan aturan perkahwinan, berbincang bersama-sama untuk mendapatkan pengeluaran ekonomi yang lebih baik, menyelesaikan masalah politik ataupun menjalankan sistem kepercayaan yang sama.

#### **6. Fungsi Kelompok Keturunan Satu Jurai**

Umumnya kelompok keturunan satu jurai mempunyai sistem kebudayaan yang sederhana kompleksnya. Masyarakat kelompok satu jurai mengamalkan sistem ekonomi secukupnya hidup. Namun demikian kelompok ini mempunyai sistem yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan masyarakat yang mempunyai sistem pengeluaran makanan secara memungut bahan makanan di hutan. Masyarakat yang mempunyai sistem ekonomi perdagangan dan sistem perindustrian serta masyarakat yang mengeluarkan makanan daripada bahan yang dipungutnya tidak lagi mengamalkan sistem kelompok satu jurai itu. Dalam masyarakat kebudayaan yang sederhana ini keturunan satu jurai selalunya mempunyai kepentingan bersama dalam bidang sosial, ekonomi, politik serta keagamaan.

Masyarakat satu jurai mempunyai aturan perkahwinannya yang tersendiri. Dalam masyarakat ini seorang dilarang berkahwin dengan orang dari kelompok jurai yang sama. Sekiranya ia melakukannya juga bererti ia melanggar pantang larang sumbang muhrim terhadap anggota kelompok yang sama, sama ada daripada kelompok zuriat, suku, fratri ataupun moiety. Dalam masyarakat yang mengamalkan sistem satu jurai ini, perkahwinan dibenarkan dalam kelompok persanakan yang khusus tetapi dilarang dengan kelompok keluarganya. Dalam masyarakat yang lain pula perkahwinan dalam kelompok ini kadang-kadang digalakkan. Tetapi pada umumnya pantang larang sumbang muhrim dalam masyarakat satu jurai dipanjangkan kepada semua keluarga dalam sistem keturunannya. Misalnya di kalangan orang-orang Minangkabau yang mempunyai sistem suku ibu dan juga zuriat sebelah ibu, seseorang itu

dilarang oleh aturannya berkahwin dengan orang lain dalam suku nisab ibu. Oleh kerana zuriat ibu termasuk di dalam suku nisab ibu, aturan mengenai kelompok ini merupakan sebagai perkahwinan eksogami yang selalu diamalkan dalam sistem masyarakat ini.

Ahli antropologi melihat bahawa setiap keluarga itu mempunyai fungsinya, misalnya fungsi ekonomi, politik dan keagamaan. Begitu juga fungsi ini dapat diperhatikan dalam keturunan satu jurai. Kekuatan ekonomi berasaskan kerjasama yang menjadi tulang belakang kepada sistem persanakan selalunya akan menjadi renggang sekiranya anggota masyarakat dalam sistem persanakan ini tinggal berjauhan. Oleh sebab itu anggota sebuah rumah yang sama atau dari satu zuriat yang sama dikehendaki memihak anggotanya dalam masa pergaduhan, atau perkahwinan. Ia dikehendaki membantu anggotanya berjaya dalam kehidupan ekonominya sama ada ini memerlukan mereka memberikan binatang ternakan. Ia juga perlu untuk memberikan hadiah perkahwinan ataupun denda yang dikenakan kerana kesalahan anggotanya. Ia juga perlu membantu anggota-anggotanya dalam masa kesusahan seperti kematian, beranak, perkahwinan dan berbagai-bagai aktiviti yang lain.

Bantuan tenaga kerja selalunya menjangkau kerjasama dalam bidang ekonomi atau kerja harian. Anggota daripada zuriat yang sama adalah tuan punya bidang tanah secara bersama-sama. Sebagai contohnya tapak rumah dan ladang dipunyai bersama-sama oleh anggota dalam suku seperti dalam masyarakat Minangkabau.

Sistem persanakan ini juga mempunyai fungsi politik. Politik di sini boleh dihubungkan dengan autoriti ataupun hak untuk memberikan kuasa kepada seseorang untuk bekerja di tanahnya ataupun merupakan suatu perkara yang simbolik. Seseorang ketua berkuasa untuk menyelesaikan sesuatu masalah seperti pergaduhan antara anggota di dalam sukunya. Walaupun dia selalunya tidak mempunyai kuasa mutlak untuk penyelesaian masalah pergaduhan antara orang yang tergolong dalam keturunan itu tadi. Salah satu daripada fungsi politik yang penting dalam sistem satu jurai ini ialah peranannya dalam peperangan sama ada menyelesaikan peperangan dalaman atau peperangan dengan orang luar dari masyarakat mereka.


Satu lagi fungsi keluarga keturunan satu jurai ini ialah dalam bidang keagamaan. Suatu suku ataupun sesuatu zuriat, mempunyai

sistem kepercayaan, keagamaan serta amalan yang sama. Semua bentuk sistem kepercayaan, sistem keagamaan dan cara mereka mengamalkannya, merupakan suatu usaha yang bertujuan untuk mengukuhkan struktur masyarakat mereka. Sistem satu jurai memainkan peranan yang penting dalam organisasi masyarakat. Tetapi tidak semua masyarakat mempunyai sistem keturunan satu jurai. Masyarakat yang mempunyai sistem organisasi yang kompleks, sistem politik memainkan peranan yang penting dan mengambil alih peranan yang dimainkan oleh institusi persanakan seperti dalam organisasi pekerjaan, peperangan dan menentukan pendidikan kak-kanak.

**7. Sistem Keturunan Ambilineal**

Keturunan ambilineal menjalinkan seseorang individu dengan keluarganya melalui sebelah lelaki ataupun sebelah perempuan. Rajah 3 menjelaskan struktur keturunan ini di mana sebahagian daripada anggota dalam masyarakat menggalurkan keturunan mereka dari zuriat bapa.

**Rajah 3**  
**Keturunan Ambilineal**



Yang lain pula melalui zuriat ibu mereka. Akhirnya kelompok keturunan seumpama ini merujukkan jurai keturunan daripada pihak lelaki dan daripada pihak perempuan. Masyarakat dengan kelompok keturunan ambilineal seumpama ini tidak banyak terdapat jika dibandingkan dengan masyarakat yang mempunyai sistem satu nisab ataupun sistem dwinisab. Namun demikian, masyarakat ambilineal mempunyai sifat yang hampir serupa dengan sistem satu jurai keturunan. Misalnya anggota daripada satu kelompok ambilineal ini percaya bahawa mereka adalah keturunan daripada nenek moyang yang sama, walaupun umumnya mereka tidak mengetahui jurai keturunan mereka. Keturunan kelompok ini menggunakan nama atau mengidentifikasi dengan sesuatu totem. Metos dan juga amalan keagamaan selalunya digabungkan dengan kelompok ini. Perkahwinan selalunya diselaraskan oleh anggota dalam kelompok ini sebagaimana juga dalam sistem satu jurai. Walaupun kelompok ini mengamalkan perkahwinan eksogami, tetapi ia jarang-jarang dipatuhi seperti dalam sistem satu jurai keturunan. Masyarakat ambilineal sama dengan sistem satu jurai dalam tahap-tahap dan jenis-jenis kelompok keturunan mereka. Masyarakat ambilineal mempunyai zuriat dan aturan yang lebih tinggi dalam keturunan mereka yang ditentukan oleh aturan jurai terhadap kelompok yang lebih khusus.

Satu contoh mengenai masyarakat ambilineal ini ialah masyarakat Samoa di Lautan Pasifik Selatan (Ember 1959). Masyarakat Samoa ini mempunyai dua jenis keturunan kelompok ambilineal yang hampir serupa bentuknya dengan suku dan suku kecil dalam masyarakat satu nisab. Kelompok ambilineal merupakan kelompok yang disebut sebagai kelompok eksogami. Mereka berhubung antara satu sama lain dengan kelompok suku ambilineal melalui seorang atau beberapa orang ketua. Nama kelompok ini dikaitkan dengan nama ketua kelompok. Suku yang kecil selalunya mempunyai dua kelompok dari ketua yang lebih rendah. Kaum lelaki yang selalunya menjadi ketua ataupun pemangku ketua dipilih oleh anggotanya dalam satu persidangan.

Perbezaan di antara masyarakat ambilineal di kalangan orang-orang Samoa digalurkan dengan kelompok ambilineal melalui nisab bapa atau nisab ibunya. Ayah dan ibu sebaliknya boleh dikaitkan dengan kaum keluarga kelompok ibu bapanya. Terdapat berbagai-

bagai kelompok ambilineal yang boleh dimasuki oleh seseorang itu. Ikatan dalam kelompok ini adalah pilihannya dan seseorang itu secara teorinya bergabung dengan sesiapa saja dengan kelompok ambilinealnya yang ia mempunyai hubungan, sama ada dengan ayah atau ibunya. Pada praktiknya seseorang itu bergabung dengan satu kelompok. Oleh kerana seseorang dalam masyarakat Samoa itu menjadi anggota kepada beberapa kelompok dalam masyarakat ini, maka masyarakat tidak dibahagi-bahagi mengikut kelompok kekeluargaannya secara berasingan berbanding dengan masyarakat keturunan satu jurai di mana setiap orang menjadi anggota kepada satu keturunan saja. Akibatnya anggota asas dalam masyarakat kelompok ambilineal ini tidak boleh hidup bersama-sama sebagai mana dalam masyarakat satu nisab keturunan, kerana setiap anggota menjadi anggota lebih daripada satu kelompok dan sudah tentu mereka tidak boleh tinggal di beberapa tempat dalam satu ketika.

Namun demikian, tidak semua masyarakat ambilineal menggalurkan keturunan yang banyak seperti dalam masyarakat Samoa. Dalam masyarakat ambilineal yang lain seseorang itu hanya menjadi anggota kepada satu kelompok. Dalam hal seumpama itu, masyarakat boleh dibahagikan kepada beberapa kelompok yang berlainan dan tidak bertindan lapis.

## **8. Istilah Persanakan**

Banyak tulisan antropologi yang telah membincangkan istilah yang digunakan bagi memanggil anggota keluarga. Istilah ini dianggap penting dalam antropologi kerana ia menunjukkan cara untuk mengelaskan anggota dalam sesebuah keluarga. Morgan menekankan bahawa dengan memahami istilah seseorang itu dapat melihat perkembangan kebudayaan masyarakat. Dari segi praktiknya seseorang itu mempunyai ramai saudara mara. Dalam masyarakat kita, seperti juga dalam masyarakat lain, kita merujuk kepada beberapa orang anggota keluarga kita dengan istilah yang tertentu yang digolongkan sebagai istilah pengelasan. Istilah persanakan ini merupakan sebahagian daripada istilah yang kita gunakan sehari-hari. Namun demikian ramai di antara kita tidak pernah terfikir mengapa kita menamakan anggota keluarga kita begitu rupa. Misalnya mengapa adik atau abang kepada ibu dan

abang serta adik kepada bapa kita dan suami adik atau kakak kepada ibu dan suami adik atau kakak kepada bapa kita panggilan dengan menggunakan istilah bapa saudara. Bukan saja kita tidak dapat membezakan antara adik kepada ayah ataupun adik kepada ibu ataupun kita tidak mengetahui perbezaan tentang pertalian darah (consanguin kin) dan pertalian melalui perkahwinan (afinal), tetapi jelas tidak begitu penting untuk kita membezakan di antara bapa saudara yang berbagai-bagai jenis itu dalam kehidupan sehari-hari.

Walaupun dalam sistem persanakan masyarakat pengelaskannya adalah perkara biasa, tetapi beberapa kajian yang dilakukan oleh ahli antropologi jelas menunjukkan bahawa masyarakat yang berbagai-bagai itu menggolong dan membezakan anggota persanakan mereka dengan istilah yang tertentu. Sistem mengelaskan kaum keluarga yang berbeza-beza merupakan suatu perkara yang menarik minat ahli antropologi. Sistem seumpama ini memberikan gambaran tentang berbagai-bagai cara masyarakat mengaturkan diri mereka terhadap persanakannya. Ada beberapa istilah persanakan yang digunakan oleh antropologi iaitu sistem Omaha, Crow, Iroquois, Hawaii dan sistem Eskimo. Secara ringkasnya kita akan membincangkan satu persatu istilah-istilah itu.


### **Sistem Omaha**

Mengikut sejarahnya, sistem Omaha ini telah disesuaikan daripada penggunaan istilah masyarakat Indian Omaha di Amerika Utara. Namun demikian sistem ini terdapat juga dalam berbagai masyarakat yang lain di dunia, terutama sekali dalam masyarakat yang mempunyai keturunan nisab sebelah bapa.

Rajah di atas merujuk secara langsung jenis persanakan yang digolongkan sebagai sistem Omaha. Rajah ini juga menunjukkan ayah, abang dan adik kepada ayah yang dilambangkan dengan huruf B dan C dirujuk dengan istilah yang sama. Keadaan ini berbeza dengan cara orang Barat mengelaskan persanakan mereka, di mana tidak ada istilah yang digunakan kepada golongan asas (ayah, ibu, abang, adik, kakak) seperti yang digunakan kepada keluarga lain. Sebab mengapa orang Omaha ini menggolongkan kesemuanya ini dengan suatu istilah ialah kerana semua masyarakat yang mempu-

POLA KEDIAMAN DAN PERSANAKAN

Rajah 4  
Persanakan Sistem Omaha



nyai sistem seumpama ini mempunyai kelompok persanakan nisab bapa. Abang atau adik ayah serta ayah semuanya merupakan sebagai generasi sebapa dalam sistem keluarga nisab sebelah bapa. Mereka bertindak serupa dengan orang yang disebut ego. Abang ataupun adik kepada ayah selalunya tinggal bersama-sama atau berhampiran dengan ego. Oleh kerana masyarakat nisab bapa mempunyai tempat tinggal patrilokal, istilah bagi ayah dan juga abang dan adik kepada ayah boleh diidentifikasi dengan anggota kaum lelaki dalam generasi ayahnya.

Sekali pandang kelompok satu lagi kelihatan sebagai kelompok ayah dan adik-beradik ayah merupakan sebagai adik ataupun kakak kepada ibu sebagaimana yang digambarkan dalam rajah 4 iaitu D dan E. Kedua-duanya menggunakan istilah yang sama. Tetapi yang menghairankan ialah anak perempuan abang yang dilambangkan dengan huruf P juga digolongkan sebagai istilah yang sama. Sekiranya kita fahamkan pengertian ini dengan erti kata bahawa anggota keluarga sebelah ibu dalam mana-mana generasi, maka istilah ini mempunyai erti yang jelas. Selaras dengan pandangan ini, semua anggota dari kelompok lelaki sebelah ibu dan generasi iaitu adik atau abang ibu iaitu F sepupu lelaki daripada sebelah ibu seperti yang dilambangkan dengan huruf O adalah dirujuk dengan istilah yang sama.

Dengan itu jelas bahawa dalam sistem ini anggota dari sebelah bapa dikumpulkan dalam satu kelompok dan dibezakan dengan

kelompok sebelah ibu. Bagi anggota kelompok saya, iaitu semua anggota keturunan bapa kepada ibu disatukan dalam golongan lelaki atau golongan perempuan tanpa memikirkan generasinya. Tetapi bagi ahli anggota ayah saya, saya panggil dengan panggilan yang berbeza-beza. Golongan lelaki dan golongan perempuan dipanggil dengan istilah yang berlainan. Murdock menyatakan bahawa masyarakat mengelompokkan tiap-tiap generasinya, tetapi tidak membezakan penggunaan istilah mereka, di mana terdapat banyak persamaan daripada perbezaannya.


Dari prinsip ini disedari bahawa masyarakat yang menggunakan sistem Omaha selalunya ialah masyarakat nisab bapa, maka saya harus tinggal dengan kelompok keluarga bapa saya untuk memenuhi obligasi dan tanggungjawab saya. Saudara-mara daripada generasi ayah saya akan bertindak berbeza-beza terhadap saya jika dibandingkan dengan saudara-mara dari generasi saya. Anggota daripada kelompok nisab bapa dalam generasi bapa saya akan memaksakan autoritinya ke atas saya. Saya perlu menghormati anggota kelompok nisab bapa dalam generasi saya, sebagai seorang anak saya harus berbaik-baik dengan mereka. Oleh sebab itu dalam sistem nisab bapa anggota keluarga daripada sebelah bapa dari generasi yang lain jelas dibezakan. Tetapi sebaliknya keluarga ibu saya tidak begitu mustahak kepada saya dalam sistem nisab bapa kerana saya tidak tergolong dalam kelompok bapa ibu. Misalnya saya adalah keturunan daripada bapa saya dan oleh kerana tempat tinggal berbentuk patrilokal, saudara-mara ibu saya tidak tinggal berhampiran dengan tempat tinggal saya. Oleh sebab itu sebagaimana kaum keluarga sebelah bapa tidak begitu penting dalam sistem seumpama itu, ia terkumpul dalam suatu kelompok. Akhirnya dalam sistem Omaha saya merujuk kepada sepupu selari iaitu anak lelaki kepada adik ataupun abang kepada ayah yang dilambangkan dengan huruf I dan juga anak lelaki ibu, adik atau kakak kepada ibu yang dilambangkan dengan huruf Q dengan menggunakan istilah yang sama dengan memanggilnya adik-beradik. Saya merujuk kepada sepupu selari iaitu anak perempuan adik ataupun abang ayah iaitu J dan juga anak perempuan adik dan kakak ibu pada L sebagai adik ataupun kakak saya. Abang ataupun adik kepada bapa iaitu bapa saudara dan juga adik atau kakak kepada ibu iaitu emak saudara sudah digolongkan dengan istilah

yang sama dalam pengertian ayah dan ibu. Maka tidak menghairankan sekiranya kelompok ini menyebutkan sepupu dengan adik-beradik dan menyebutkan anak ibu ataupun anak bapa selain daripada saya sebagai abang, adik dan kakak dan dengan itu anak selain daripada saya harus disebut sebagai adik, abang dan kakak juga.

**Sistem Crow**

Menurut ahli antropologi sistem Crow ini adalah dipadankan daripada pengertian yang digunakan oleh golongan masyarakat Red Indian yang prinsipnya adalah bertentangan dengan sistem Omaha. Prinsip yang sama digunakan untuk menggabung dan menggalurkan serta mempraktikkan jenis persanakan yang sama kecuali sistem Crow yang mengaitkan dengan sistem nisab ibu, individu daripada golongan zuriat sebelah ibu yang menjadi nama keluarga tidak membezakan generasi yang berlainan. Sementara individu dalam golongan nisab ibu sebelah bapa digolongkan ke dalam beberapa generasi. Dari rajah 4 dan rajah 5 kita dapat membandingkan bahawa pengelompokan dan pemisahan jenis persanakan ini hampir serupa, kecuali ia cuba menggabungkannya dengan beberapa generasi dalam sistem Crow yang kelihatan pada pihak sebelah bapa dan bukan sebelah ibu. Saya panggil ibu dan adik serta kakak ibu dengan istilah yang sama, saya panggil ayah dan juga adik ataupun abang saya dan

Rajah 5  
Persanakan Sistem Crow




sepupu daripada sebelah bapa dengan istilah yang sama (semua keluarga sebelah lelaki dari nisab ibu dari semua generasi). Saya panggil kakak, adik perempuan ayah saya serta anak perempuan kakak dan adik ayah saya dengan istilah yang sama. Saya gunakan istilah yang sama apabila saya memanggil sepupu selari atau abang dan kakak saya.

**Sistem Iroquois**

Sistem Iroquois ini hampir serupa dengan sistem Omaha dan sistem Crow di mana saya merujuk keluarga dalam generasi saya iaitu bapa saya dan adik ataupun abang lelaki bapa saya dengan satu panggilan yang sama. Ibu saya dan adik atau kakak ibu saya dipanggil dengan menggunakan istilah yang sama. Namun demikian, sistem Iroquois berbeza dengan sistem Omaha dan sistem Crow berhubung dengan generasi saya. Dalam sistem Omaha dan sistem Crow sepupu silang digolongkan dengan istilah persanakan dalam generasi yang tersebut tadi. Dalam sistem Iroquois tidak begitu, tetapi kedua-dua jenis sepupu silang dirujuk dengan panggilan yang sama, hanya dibezakan oleh jantina masing-masing iaitu anak kepada abang atau adik ibu. Anak perempuan kepada adik atau kakak ayah dirujuk dengan istilah yang sama juga. Begitu juga anak lelaki abang atau adik kepada ibu dan anak lelaki adik perempuan ataupun kakak ayah dirujuk dengan istilah yang

Rajah 6

Persanakan Sistem Iroquois



sama. Sepupu selari selalunya mempunyai istilah yang berbeza daripada sepupu silang dan kadang-kadang tidak dipanggil dengan istilah yang sama sebagai adik atau abang kita sendiri. Dari segi penyebarannya sistem persanakan Iroquois ini amat luas digunakan yang merangkumi berbagai-bagai sistem keturunan.


**Sistem Hawaii**

Sistem Hawaii ini penggunaannya terdapat meluas di kawasan Malayo-Polynesia. Ia merupakan sistem yang kurang kompleks kerana sistem ini tidak banyak menggunakan istilah. Apa yang ditekankan ialah perbezaan antara generasi. Dalam sistem ini semua keluarga daripada jantina yang sama dan generasi yang sama dipanggil dengan menggunakan istilah yang sama. Oleh sebab itu semua sepupu perempuan saya adalah dirujukkan dengan menggunakan istilah yang sama sebagai kakak atau adik dan semua sepupu lelaki adalah dirujukkan sebagai abang atau adik saya. Seseorang itu mengetahui bahawa ia berhubung atau bersaudara dengan saya melalui generasi bapa saya dengan menggunakan suatu istilah, sekiranya perempuan, dan dengan istilah lain termasuk ibu saya, sekiranya lelaki termasuk ayah saya.

Pada umumnya sistem Hawaii ini berkait rapat dengan keturunan ambilneal di mana seseorang itu dihubungkan dengan kelompoknya melalui nisab ibu ataupun nisab bapa. Dengan cara ini

Rajah 7

Persanakan Sistem Hawaii




maka adik-beradik sebelah bapa, atau adik-beradik sebelah ibu tergolong dalam kelompok keluarga kita. Ini melibatkan persamaan antara adik-beradik ibu bapa saya dan mungkin menggabungkan anggotanya di dalam generasi ibu bapa. Begitu juga sekiranya anggota keluarga itu berhubung dengan saya dalam generasi bapa saya mereka dipanggil dengan istilah yang sama, maka semua anak mereka akan dirujukkan dengan istilah yang sama sebagaimana yang saya gunakan kepada abang dan adik saya. Oleh kerana sesiapa juga yang menjadi sepupu saya adalah tergolong dalam keluarga ambilineal, mereka juga akan dipanggil abang atau adik.

**Sistem Eskimo**

Sistem persanakan yang terakhir sekali ialah sistem Eskimo. Simbol dan pengertian sistem ini diambil daripada masyarakat Eskimo iaitu sebagai suatu sistem untuk memanggil anggota keluarga seperti yang terdapat dalam masyarakat Amerika dan beberapa masyarakat lain. Dalam sistem ini semua sepupu digolongkan dengan satu istilah yang membezakannya daripada abang dan adik dan semua bapa saudara dan emak saudara adalah umumnya digabungkan atau digolongkan dengan istilah yang sama dan dibezakan daripada ibu dan ayah. Berbeza dengan sistem lain yang telah disebutkan tadi dalam sistem Eskimo, tidak ada keluarga lain yang dirujukkan dengan istilah yang sama bagi anggota dalam

Rajah 8

Persanakan Sistem Eskimo



keluarga asas iaitu bapa, ibu, adik dan kakak. Istilah persanakan Eskimo selalunya tidak terdapat di dalam kelompok satu jurai ataupun ambilineal, sebaliknya ia terdapat di dalam sistem persanakan dwinisab. Persanakan dalam sistem persanakan bilateral berpusatkan kepada ego. Walaupun anggota keluarga bagi keluarga nisab bapa dan nisab ibu adalah penting, tetapi keluarga yang paling penting kepada saya ialah yang terdekat sekali, iaitu mereka yang paling rapat dengan saya. Hakikat ini berlaku dalam masyarakat kita hari ini, di mana keluarga asas hidup bersendirian dan berasingan dan selalunya tidak melibatkan keluarga lain kecuali dalam upacara tertentu. Oleh kerana keluarga asas adalah yang paling penting, maka jenis persanakan dalam keluarga asas yang paling penting dibezakan istilahnya daripada anggota keluarga yang lain. Oleh kerana keluarga sebelah bapa dan sebelah ibu sama penting, maka jelas mengapa kita menggunakan istilah yang sama kepada bapa saudara, emak saudara dan sepupu bagi kedua-dua keluarga ini.

### Penutup

Di dalam perbincangan mengenai istilah persanakan, hanya beberapa aspek sahaja yang dapat dibincangkan. Perbincangan mengenai persanakan juga telah diberikan dengan begitu ringkas. Oleh sebab itu diakui bahawa perbincangan mengenai sistem persanakan dan istilah persanakan tidaklah begitu terperinci. Perbincangan yang meluas mungkin memerlukan sebuah buku tersendiri, oleh sebab itu bab ini perlu dilihat sebagai perbincangan secara sepintas lalu sahaja.

### 9. Bacaan yang Dicadangkan

- |                 |  |
|-----------------|--|
| Fox. R.<br>1968 | <i>Kinship and Marriage: An Anthropological Perspective</i> , Baltimore, Peguin.<br>Buku ini membincangkan hubungan biologi antara ibu dan anaknya dan menjelaskan satu proses di mana seorang suami yang dianggap sebagai penceroboh dalam kelompok asas. |
|-----------------|--|

- Goode, W.J.  
1963 *World Revolution and Family Pattern*  
Glencoe, Illinois, Free Press.  
Buku ini membicarakan beberapa perubahan penting dalam bentuk persanakan pada abad dua puluh hasil daripada transformasi proses sosial seperti industrialisasi, perubahan sosial dan stratifikasi sosial.
- Goodenough, W.H.  
1970 *Descriptive and Comparison in Cultural Anthropology*, Chicago, Aldine.  
Di dalam buku ini pengarang telah mengkaji bentuk perkahwinan, persanakan, persaudaraan, suku, adik-beradik dalam struktur sosial.
- Goody, J,  
1969 *Comparative Studies in Kinship*, Palo Alto, California. Stanford University Press.  
Persanakan dan perkahwinan dibincangkan dalam konteks silang budaya. Buku ini juga membicarakan klasifikasi keturunan dua jurai, waris dan perubahan sosial. Data empiri dan statistik banyak digunakan.
- Needham, R (Pg.)  
1972 *Rethinking Kinship and Marriage*, London, Tavistock.  
Buku ini merupakan kumpulan esei yang membicarakan dan mendefinisi persanakan dan adat istiadat perkahwinan. Kajian dibincangkan secara silang budaya mengenai amalan dan ritual dan kaitan perkahwinan dengan keseluruhan struktur sosial.
- Schusky, E.L,  
1972 *Manual For Kinship Analysis*, New York, Holt, Rinehart and Winston.  
Buku kecil ini membicarakan konsep asas seperti keluarga asas, keluarga besar, hubungan perkahwinan serta istilah yang berkaitan dengan persanakan.

# BAB 7

## ORGANISASI POLITIK

### 1. Pengenalan

Perkataan politik mempunyai pengertian yang berbagai-bagai. Ia mungkin dimaksudkan sebagai satu cara pentadbiran kerajaan yang melibatkan hierarki dari Perdana Menteri, ahli dewan negara dan ahli dewan rakyat hinggalah sampai kepada peringkat rakyat, atau unit yang paling kecil sekali iaitu keluarga. Termasuk juga dalam istilah ini ialah sistem pentadbiran pada peringkat persekutuan, jabatan dan agensi kerajaan di peringkat daerah. Perkataan ini boleh juga membawa erti penglibatan parti politik dan golongan yang cenderung kepada pemerintah dengan melibatkan diri dalam aktiviti politik yang biasa seperti mempengaruhi pemerintah, berkempen dan mengundi.

Maka dalam masyarakat Malaysia apabila orang menyebut sistem kehidupan berpolitik mereka akan ternampak suatu proses yang kompleks untuk memberikan autoriti yang tertentu yang melibatkan penggubalan dan pelaksanaan dasar awam. Kehidupan berpolitik mempunyai pengertian yang luas, sama ada di Malaysia ataupun di negara lain. Ia juga boleh membawa erti mengenai cara untuk mengelakkan daripada masalah kekecuaan ataupun konflik di dalam masyarakat itu atau di antara masyarakat itu dengan masyarakat negara lain. Dalam masyarakat yang kompleks seperti masyarakat Malaysia pada hari ini, kita mungkin juga menggunakan sistem perundingan untuk menyelesaikan masalah dalaman seperti penyelesaian masalah pertelingkahan industri. Kuasa polis digunakan untuk mengelakkan jenayah dan mencari orang yang membuat kesalahan. Mahkamah juga digunakan sebagai suatu sistem untuk menentukan sama ada orang yang disyaki itu bersalah. Jika ia bersalah mahkamah akan menghukumnya, jika tidak mahkamah akan membebaskannya. Masalah konflik yang lain, juga diselesaikan di mahkamah.

Mahkamah pula ada berbagai-bagai macam: ada mahkamah

syariah yang menyelesaikan undang-undang agama Islam; ada mahkamah hukum adat yang menyelesaikan undang-undang hukum adat: mahkamah sivil pula menyelesaikan kes jenayah yang lain. Pada peringkat antarabangsa sesebuah negara menghantar dutanya ke negara lain yang ada hubungan ekonomi, politik dan kebudayaan. Kadangkala sesebuah negara terpaksa menggunakan tenteranya bagi mengawal dan mengusahakan kestabilan negara atau bagi menyelesaikan masalah dalaman atau luaran. Kesemuanya ini adalah merupakan sebagai organisasi politik yang menunjukkan aktiviti dan mekanismenya. Organisasi politik dalam masyarakat kompleks berfungsi untuk mengekalkan perlembagaan dan mengurangkan masalah penjenayahan di dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun ada juga masyarakat yang tidak mempunyai sitem pentadbiran politik, mahkamah ataupun ketenteraan. Kadang-kadang masyarakat seumpama itu tidak mempunyai individu ataupun agensi formal yang bertanggungjawab untuk menjalankan dasar ataupun untuk menyelesaikan pertelingkahan. Tetapi ini tidak bererti bahawa mereka tidak mempunyai sistem politiknya. Sekiranya kita maksudkan kehidupan berpolitik sebagaimana yang kita ketahui dalam masyarakat kita yang moden pada hari ini, maka jawabnya sudah tentu masyarakat yang kita katakan tadi tidak mempunyai sistem politik. Tetapi sekiranya kita lihat lebih jauh lagi, dengan melihat institusi formal yang ada dan apakah fungsinya, maka kita akan mendapati bahawa semua masyarakat mempunyai undang-undang, aturan, adat resam ataupun cara untuk membentuk dasar yang boleh menyelesaikan konflik dan perselisihan faham. Semua ini bertujuan untuk mengurangkan konflik, dan menstabilkan serta mengekalkan aturan sosial dalam masyarakat ini.

Definisi tentang politik bukanlah suatu perkara yang mudah dan dapat digunakan bagi semua masyarakat. Definisi ini dibuat bagi tujuan untuk memahami sistem politik yang berlainan bagi organisasi politik yang berbeza-beza dalam masyarakat dunia hari ini. Pada umumnya, politik boleh dirujuk sebagai tingkah laku yang biasa, merupakan kepercayaan dan sikap yang ditumpukan untuk menggubal dasar dan melaksanakannya termasuk menjaga keamanan, mententeramkan dan mengekalkan aturan sosial dan menyelesaikan sebarang konflik yang berlaku. Aturan ini diusaha-

kan oleh masyarakat dalam sesuatu kelompok tertentu dan melibatkan semua golongan masyarakat.

## 2. Jenis Organisasi Politik

Organisasi politik ialah cara yang dijadikan panduan oleh masyarakat untuk mengekalkan peraturan sosial dan mengurangkan pertelingkahan. Dengan yang demikian organisasi itu mempunyai berbagai-bagai bentuk. Elman Service (1962) menyarankan bahawa masyarakat boleh dikelaskan kepada empat jenis organisasi asas iaitu kelompok nomad (*bands*), puak, wilayah pembesar kerajaan (*chiefdoms*) dan negara (*states*).

### Kelompok Nomad

Dalam masyarakat asli kita masih bertemu dengan kelompok nomad, iaitu segolongan masyarakat yang kecil bilangannya dan hidup berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat. Umumnya golongan nomad ialah kelompok pemburu dan pengumpul makanan hutan. Setiap kelompok nomad adalah satu kelompok sara diri secukup hidup dan berautonomi. Kelompok nomad ini juga selalunya merupakan suatu kelompok politik yang terbesar bertindak sama sendiri. Oleh kerana kebanyakan masyarakat mengumpulkan bahan makanan yang terdapat pada hari ini disusunkan melalui kelompok *band*, sebahagian daripada ahli antropologi mengatakan bahawa organisasi ini mempunyai sifat seperti masyarakat yang wujud sebelum sistem pertanian maju hinggalah kira-kira 10,000 tahun lalu. Organisasi *band* mungkin berbeza daripada satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Alam sekitar yang berbeza dan juga jenis teknologi untuk mendapatkan bahan makanan menjadikan suatu kelompok nomad itu berbeza dengan kelompok nomad yang lain sama ada dalam aturan di dalam struktur masyarakat itu ataupun luar masyarakatnya. Suatu kelompok nomad mungkin mempunyai bilangan anggota yang lebih ramai dari kelompok nomad yang lain. Kelompok nomad yang lain mungkin tinggal bersama-sama. Oleh sebab itu antara mereka terdapat satu hubungan yang rapat. Tetapi mungkin terdapat beberapa jentera yang hampir sama dengan kelompok nomad itu. Pertamanya, bahawa kelompok nomad ini selalunya merupakan golongan yang

menjalankan kehidupannya secara memburu atau mengumpulkan barang makanan di hutan. Teknologi mereka masih rendah dan mereka jarang-jarang tinggal menetap di satu tempat. Ini berarti mereka harus mendapatkan makanan sama ada bahan makanan yang terdapat di sekitarnya, dari pohon di hutan, di laut, ataupun memburu binatang. Akibatnya, boleh dikatakan semua golongan kelompok nomad ini merupakan sebagai kelompok berpindah-randah. Mereka berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan mengikut pola di sekeliling, pola kuasa di sekitarnya dan juga pola perpindahan binatang buruan yang hidupnya bergantung kepada musim.

Ahli antropologi telah memperhatikan iaitu kelompok nomad merupakan sebagai masyarakat yang mempunyai kepadatan penduduk yang amat rendah. Julian Stewards (1955) telah menganggarkan bahawa kepadatan penduduk kelompok nomad ini adalah di antara 5 orang hinggalah kepada 50 orang dalam satu batu persegi. Faktor penting yang menyebabkan kelompok nomad itu adalah hasil pengeluaran, jenis makanan dan teknologi pemungutan makanan yang mereka gunakan. Di kalangan orang Jakun di Malaysia, golongan kelompok nomad yang terkecil ialah kira-kira 50 orang, manakala golongan Guayaki di Amazon ialah kira-kira 20 orang. Saiz kelompok nomad selalunya berbeza mengikut musim dan iklim di sekitar kediaman mereka. Kelompok nomad ini akan berpecah dalam waktu yang tertentu dan bertemu semula dalam musim yang lain. Di kalangan masyarakat Eskimo dalam musim sejuk bilangannya amat kecil kerana dalam musim ini mereka susah untuk mendapatkan makanan. Pada musim panas, di mana makanan mencukupi, kelompok nomad ini menjadi besar semula.

Satu hal yang menarik mengenai masyarakat kelompok nomad ini ialah sifat egalitariannya iaitu semua individu dari jantina yang tertentu mempunyai status dan punca pengeluaran yang sama. Konsep harta secara persendirian dalam masyarakat nomad ini hanya dalam bentuk tanah yang mereka boleh gunakan bersama-sama. Oleh sebab itu di kalangan masyarakat yang memburu dan mengumpulkan barang makanan, mereka sama-sama berkongsi punca pengeluaran mereka. Semua anggota di dalam kelompok nomad ini berkongsi dan membahagikan sama rata barang yang diperolehi dan binatang yang diburunya. Tidak semua anggotanya

dituntut menyumbangkan tenaga dalam aktiviti ekonomi.

Organisasi politik kelompok umumnya berbentuk informal. Dalam kelompok nomad ini tidak terdapat satu kehidupan politik yang nyata, tidak ada kerajaan, tidak ada sistem undang-undang sama ada yang kecil ataupun yang sederhana, dan tidak ada autoriti yang formal. Apa yang kita lihat ialah autoriti informal di kalangan masyarakat yang dikuasai oleh ketua keluarga dan juga ketua yang mereka anggap tidak kekal. Autoriti informal yang sederhana yang wujud di kalangan kelompok nomad boleh dilihat dalam cara mereka membuat keputusan yang melibatkan keseluruhan kelompok itu tadi. Oleh kerana ketua mereka tidak mempunyai kedudukan yang formal dan tetap, keputusan seperti di mana khemah hendak dipindahkan bagaimana pemburuan hendak dijalankan, bila upacara amal harus dilakukan ataupun bagaimana hubungan antara mereka dengan jiran tetangganya adalah diputuskan oleh semua anggota dalam komuniti ini yang dianggap sebagai anggota yang mempunyai taraf yang sama bergantung kepada aktiviti dan perkara yang perlu dirancangan. Tugas ketua apabila ia dijalankan oleh seorang individu, tidaklah merupakan sebagai orang yang mengarah ataupun membuat keputusan bagi keseluruhan masyarakat itu. Setiap kelompok nomad mungkin mempunyai ketuanya yang informal ataupun di kalangan pemburu yang menjadi ketua ialah orang yang mahir ataupun merupakan orang tua yang mengetahui tentang upacara amal yang tertentu. Ia mungkin merupakan orang yang sama iaitu orang yang pandai memburu dan orang yang boleh melakukan upacara amal. Tetapi ia tidak mempunyai status yang tinggi kerana kemahirannya ataupun kerana kebijaksanaannya itu. Dalam masyarakat ringkas selalunya seorang yang dianggap ketua ialah seorang yang tua dan berpengalaman dalam aktiviti ekonomi seperti memburu, murah hati atau kerana ia tidak mudah memarahi orang lain. Oleh sebab itu ketua dalam masyarakat kelompok nomad ini lahir bukannya daripada pengaruh kedudukannya sebagai seorang ketua tetapi kerana ia mempunyai personaliti yang tertentu. Kekurangan kekuasaan yang tertentu merupakan sebagai suatu sifat organisasi politik pada peringkat kelompok nomad ini. Seseorang tidak mungkin mendapat ataupun mengekalkan pengaruhnya kecuali ia mempunyai kebolehan yang tertentu yang dianggap penting oleh anggota di dalam kelompoknya itu.

## Puak

Satu lagi bentuk organisasi politik yang tidak dipusatkan ialah puak. Sifat puak adalah hampir serupa dengan nomad, yakni keduanya adalah masyarakat egalitarian. Puak tidak mempunyai hierarki politik, kelas yang jelas ataupun ketua yang informal. Teknologi masyarakat puak ini walau bagaimanapun adalah lebih maju jika dibandingkan dengan masyarakat kelompok nomad. Sistem ekonomi mereka adalah sistem pertanian. Oleh kerana golongan masyarakat ini teknologinya lebih produktif maka kepadatan penduduknya selalunya lebih tinggi dan tempat tinggal mereka pula lebih tetap. Golongan puak berbeza daripada golongan kelompok nomad kerana ia mempunyai ikatan dengan suku set umur, dan juga dengan golongan ketenteraan serta keagamaan yang pada umumnya boleh mengintegrasikan suatu kelompok tempatan serta menjadikannya satu kelompok yang lebih besar. Integrasi beberapa organisasi politik tempatan seumpama itu walau bagaimanapun bukanlah tetap dan formal dalam erti kata ia tidak diketuai oleh ketua politik. Selalunya ikatan seumpama ini perlu untuk memainkan peranannya bagi menyelesaikan masalah ancaman dari luar masyarakat itu. Apabila ancaman tidak ada lagi kelompok ini wujud dalam kelompok mampu diri. Satu golongan puak tidak mempunyai kuasa politik yang kekal, kecuali apabila situasi timbul memerlukan kerjasama antara anggota dalam kelompok tetapi dalam keadaan lain mereka memerlukan ikatan yang berlainan.

Banyak ahli antropologi yang keliru apabila menghuraikan golongan puak ini. Tidaklah tepat untuk mengatakan bahawa puak sebagai suatu kelompok yang sementara ataupun satu kelompok yang merupakan sebagai golongan nomad. Puak boleh dianggap sebagai suatu kelompok yang mudah berpecah, tetapi ia boleh dibandingkan sebagai suatu negara atau suatu negeri. Ia mempunyai hubungan khas yang mengintegrasikan dengan golongan tempatan serta kepada golongan politik yang lebih besar. Keadaan seumpama ini tidak wujud dalam masyarakat *bands*.

Selalunya, semua ikatan puak bergantung kepada ikatan per-sanakan. Suku selalunya merupakan sebagai suatu kelompok per-sanakan yang biasa. Dalam setengah-setengah masyarakat, ketua suku mempunyai hak untuk menyelesaikan masalah atau per-

telingkahan di antara anggota suku mereka ataupun menghukum sesiapa yang bersalah terhadap golongan sukunya. Tambah lagi ikatan persanakan selalunya cuba untuk menyatukan anggotanya bagi menyelesaikan masalah ikatan persanakan yang sama dalam masa peperangan. Dalam banyak masyarakat organisasi peperangan merupakan sebagai tanggungjawab semua keluarga ataupun suku masyarakat itu. Sebahagian daripada sistem jurai merupakan sebagai integrasi semua puak yang bergantung kepada persanakan. Walaupun penyebaran geografi sesuatu ikatan sistem ini terhadap kepada ikatan persanakan, keseluruhan masyarakat puak ini tergolong daripada sebahagian besar daripada golongan yang mempunyai fungsi dan strukturnya sendiri. Apabila masyarakat mula berkembang dan maju ia melahirkan beberapa kelompok yang kecil. Tiap-tiap kelompok tempatan menjadi anggota kepada ikatan hierarki zuriat mereka. Setiap kelompok tempatan dapat dilihat kembali kepada jurai keturunan mereka. Semakin rapat kelompok-kelompok jurai ini semakin rapat hubungan mereka. Dalam masa pertelingkahan antara anggota dari kelompok yang berlainan, anggota yang rapat selalunya mempunyai hubungan yang rapat antara satu dengan yang lain.

Di dalam masyarakat nomad dan puak terdapat ikatan yang disebut sebagai set seumur. Set seumur merupakan segolongan orang yang mempunyai umur dan jantina yang sama yang tahapnya berubah bersama-sama, melalui tahap yang dilalui bersama-sama dalam hidupnya. Set seumur ini adalah ikatan semua puak di mana umur dan bukannya persanakan menjadi asas untuk organisasi politik mereka. Masyarakat yang mempunyai sistem set seumur menaikkan taraf seseorang anggotanya itu dengan memberikan upacara yang harus dilalui sama ada pada masa dilahirkan ataupun pada masa ia meningkat umur baligh. Seseorang yang tidak sampai ke tahap set seumur ini dianggap sebagai orang yang masih belum dapat diterima sebagai anggota dalam masyarakat itu dan ia tidak boleh mengambil bahagian untuk membuat keputusan politik yang penting. Satu set kelompok umur ini selalunya mempunyai kedudukan dan autoriti untuk menggantikan set seumur sebelumnya dan apabila mereka terpaksa berhenti atau telah sampai masanya mereka akan digantikan oleh set seumur golongan yang lain. Anggota dalam set yang tua memberikan kuasa dan kerjasama kepada anggota

golongan yang telah diberikan kuasa kerana mereka adalah sebahagian daripada golongan yang sama-sama memegang autoriti bagi pihak keseluruhan puak itu tadi.

Pada lazimnya set seumur yang lebih tua, mewakili puak keseluruhannya dan individu di kawasan tempatan mereka. Mereka menjalankan kuasanya dalam hal peperangan, pentadbiran dan upacara amal keagamaan. Sebagaimana dalam hal zuriat segmen masa yang tertentu dalam menghadapi krisis mereka akan sama-sama bekerjasama dengan anggota golongan kelompok umur yang sama. Setelah situasi ini reda kembali kelompok ini akan mewakili golongan kelompok tempatannya itu saja. Selalunya seorang ketua politik dipilih melalui orang yang tua. Mereka tidak dilantik tetapi sebaliknya mereka mendapatkan kekuasaan ini melalui kedudukannya secara informal. Selalunya kedudukan latar belakang seseorang itu dan juga kebolehannya yang ditunjukkan dalam golongan masyarakatnya tadi mungkin meletakkannya sebagai anggota yang boleh dianggap memberikan idea dan buah fikiran kepada anggota masyarakatnya dan juga jiran tetangganya. Orang ini akan menjadi ketua dalam masyarakat ini. Tugasnya ialah untuk membuat penjelasan ataupun hebahan kepada anggota masyarakatnya, apakah cara ataupun tindakan yang harus diambil dalam sesuatu situasi yang tertentu untuk memulakan sesuatu aktiviti dan juga menyelaraskan aktiviti yang mahu dijalankan. Walaupun seorang jurucakap bertindak sebagai seorang yang membuat keputusan dalam majlis, ia tidak bererti akan membawa keseluruhan keputusannya itu tadi. Ia hanya merupakan sebagai seorang perunding dan ia akan melihat keseluruhan anggota masyarakatnya tadi sama ada sesuatu perkara itu perlu diselesaikan. Kebanyakan ketua politik menjalankan kekuasaannya dalam kawasan tempat mereka tinggal dan ini merupakan masyarakat pengembala ataupun masyarakat secukup hidup. Tetapi kadang-kadang seorang ketua ini mendapat status sebagai seorang ketua agama atau 'nabi' maka ia akan mendapat penghormatan dan taat setia daripada golongan puaknya itu. Ia akan dijemput untuk menjalankan upacara korban, juga upacara amal yang lain. Namun demikian, walaupun ia sebagai seorang ketua agama yang mempunyai martabat yang tinggi dan kuasa ini tidak bererti ia akan mempunyai kedudukan sebagai seorang pemimpin ataupun tuan.

### **Wilayah Seorang Pembesar**

Sesebuah wilayah pembesar (chiefdom) berbeza daripada sebuah kawasan kepuakan. Dalam sesebuah wilayah pembesar anggotanya mempunyai kedudukan yang berperingkat-peringkat. Status seseorang ditentukan oleh keturunannya. Mereka yang lebih dekat dengan pembesar lebih tinggi statusnya.

Sesebuah kawasan kepuakan mempunyai hubungan yang boleh menyatupadukan secara informal beberapa buah komuniti. Sebuah wilayah pembesar mempunyai bentuk struktur autoriti yang formal bagi menyatupadukan beberapa komuniti politik ataupun beberapa unit politik. Pada umumnya penduduk bagi sebuah wilayah pembesar adalah lebih ramai daripada bilangan masyarakat kepuakan. Komuniti ini lebih kekal dan stabil bentuknya kerana hasil daripada pengeluaran ekonominya yang lebih tinggi. Kedudukan seseorang pembesar selalunya merupakan suatu warisan berkekalan yang memberikan kedudukan status yang tinggi kepadanya. Sebuah wilayah pembesar mempunyai masyarakat yang mempunyai kedudukan yang berhierarki. Di atas sekali ialah pembesar dan keluarganya, mereka mempunyai martabat yang tinggi diberikan oleh pengikutnya. Tetapi setengah-setengah wilayah pembesar pula membentuk sistem kepuakan yang mudah yang berhubung rapat dengan pembesar yang mempunyai punca ekonomi yang agak tinggi dan boleh mentadbir wilayahnya.

Tanggungjawab yang penting dimainkan oleh kebanyakan pembesar ialah untuk menjadi ejen membahagikan hasil ekonomi. Barang dan juga khidmat yang dihasilkan oleh masyarakat itu selalunya dikumpulkan oleh pembesar yang kemudiannya dibahagikan semula kepada rakyat jelatanya. Umumnya pembesar menjadi penyelaras bagi semua aktiviti untuk merancang dan menggunakan tenaga buruh yang dapat memberikan hasil ekonomi yang tinggi. Beliau mungkin menjadi pegawai bagi pesta keagamaan yang selalunya memerlukan kedudukan status yang tinggi. Ia juga mempunyai tanggungjawab bagi mempertahankan masyarakat dan menggalakkan aktiviti ketenteraan.

Kerajaan Melayu Melaka mempunyai suatu sejarah peperangan yang panjang di mana pembesarnya menyelaraskan angkatan tentera darat dan laut bagi mempertahankan wilayah mereka.

Masyarakat Melaka pada ketika itu digolongkan kepada dua peringkat. Pertama ialah golongan pembesar yang dipercayai mempunyai daulat, kedua ialah bilangan rakyat biasa yang mempunyai status yang rendah. Dalam sistem feodal dilihat bahawa stratifikasi sosial adalah lebih jelas terbentuk. Setiap golongan mempunyai kelasnya tersendiri. Terdapat umpamanya golongan pembesar di antara kelas itu tadi. Di bawahnya adalah golongan biasa yang mungkin dapat mencapai pengaruh politik dengan menunjukkan keberanian mereka di dalam peperangan dan juga memberikan pengetahuan dalam undang-undang ataupun hukum adat.

Pembesar ini mempunyai tanggungjawab yang amat luas. Biasanya mereka juga digelar sebagai raja yang mengetahui keseluruhan wilayah ini tadi. Beliaulah yang membuat keputusan dalam semua dasar awam termasuklah untuk mengawasi masalah dalaman dan juga masalah hubungan dengan orang luar. Pembesar adalah bertanggungjawab bagi menyelesaikan masalah rakyatnya dan mengadili orang yang teraniaya dan juga menghukum mereka yang membuat salah. Dalam banyak hal, pembesar mempunyai hak ataupun kuasa membuat undang-undang yang baru bergantung kepada penerimaan raja ataupun pembesar yang lain. Tanggungjawab yang lain termasuk pengawalan pembahagian tanah. Di samping itu mereka juga memutuskan bilakah tanaman harus ditanam dan bila pula seharusnya dipungut hasilnya. Mereka juga menyusun bagi memungut bahan makanan yang diperlukan oleh anggota masyarakat keseluruhannya.

### **Negara**

Sesebuah negara merupakan organisasi politik yang formal dan dipusatkan. Mengikut definisinya yang mudah negara adalah suatu unit politik yang berautonomi merangkumi beberapa komuniti dalam wilayah. Sesebuah negara mempunyai sebuah kerajaan pusat dengan kuasa untuk memungut cukai, untuk mengerahkan orang berperang dan juga memerintah dengan menggunakan undang-undang yang ada. Masyarakat yang termasuk di dalam sesebuah negeri ini mempunyai satu struktur politik yang berpusat dengan keluasan institusi yang banyak dan mempunyai aturan, undang-undang pentadbiran dan juga fungsi institusi yang seterusnya

melibatkan juga unit birokrasi. Ekoran daripada definisi negeri tadi ialah konsep mengenai kuasa yang sah untuk menjalankan dasar sama ada bagi masyarakat dalaman ataupun dengan orang luar. Rakyat dalam sebuah negeri harus mempunyai tanggungjawab kepada kerajaan. Sebaliknya kerajaan mempunyai monopoli ataupun kuasa yang tertinggi untuk mengerahkan rakyat seperti mengerahkan mereka dalam pembangunan yang formal dan mengerahkan mereka untuk menjadi tentera, polis dan sebagainya. Sudah tentu raja di dalam negeri itu tidak mengamalkan suatu aturan sosial dengan menyerahkan sahaja kepada rakyatnya tetapi orang ramai mesti percaya sekurang-kurangnya kuasa yang ada pada raja itu adalah merupakan sebagai haknya untuk memerintah dan menjalankan aktiviti negaranya. Sekiranya rakyat berfikir sebaliknya mengenai rajanya, maka sudah tentu ini akan mengurangkan kuasa raja itu tadi dan akhirnya raja tidak akan dapat mengawal keamanan negerinya. Tambahan lagi pada masyarakat yang mempunyai sifat politik seumpama itu, maka akan berlaku segregasi kelas. Masyarakat di sebuah negeri selalunya disokong oleh suatu sistem pertanian yang meluas iaitu satu sistem pengeluaran yang tinggi di mana ia memberikan peluang untuk memberi makanan kepada rakyat sama ada di luar bandar ataupun di bandar. Hasil pengeluaran yang tinggi daripada sistem ekonominya melibatkan pembahagian barang dan juga khidmat serta pertukaran barang dengan negara lain. Pada peringkat kampung, aturan dan undang-undang dipegang oleh ketua kampung ataupun lembaga kampung itu sendiri. Perselisihan faham yang kecil-kecil dan juga hak mahkamah yang selalunya diserahkan kepada lembaga di kampung. Tetapi masalah yang agak serius selalunya diselesaikan oleh raja.

Sebagaimana yang disebutkan pada awal-awal tadi, raja atau pembesar mempunyai kuasa untuk mengenakan cukai kepada semua rakyat jelatanya. Bayaran boleh dilakukan dalam bentuk wang ataupun dalam bentuk pemberian hasil makanan seperti padi, beras, ayam, itik dan sebagainya. Sebahagian besar daripada harta yang dipungut ini akan disimpan oleh pembesar dan selebihnya diberikan kepada rakyatnya dan pembesar yang lain. Sebagai balasan rakyat jelata diberikan perkhidmatan dan keselamatan oleh pembesar ini daripada serangan orang luar ataupun serangan jiran tetangga mereka.

### 3. Perkembangan Organisasi Politik

Kita telah mengelaskan masyarakat kepada kelompok nomad, puak, kawasan pembesar dan juga negeri. Klasifikasi ini menunjukkan suatu arus evolusi daripada satu keadaan yang rendah kepada bentuk yang tinggi dalam organisasi politik iaitu daripada satu autonomi tempatan yang kecil hinggalah kepada suatu keadaan wilayah yang paling besar. Daripada satu organisasi yang kecil yang tidak kekal dan bentuk politik yang informal kepada bilangan yang lebih besar, dan lebih kompleks sistem politiknya. Ahli-ahli pegawai politiknya pula berkembang daripada satu bentuk yang tidak mempunyai kuasa politik kepada suatu keadaan yang mempunyai monopoli dengan suatu pentadbiran yang mempunyai kuasa yang muktamad. Ahli antropologi telah menyarankan bahawa evolusi dalam institusi politik ini boleh dihubungkan dengan satu arus yang selari dengan bidang sosial yang lain seperti teknologi daripada cara memungut bahan makanan, memburu dan juga mengumpulkan bahan makanan kepada suatu cara pengeluaran makanan yang luas dan intensif dengan menggunakan pertanian dan perternakan binatang. Dalam bentuk kependudukan pula, daripada satu golongan yang kecil berbentuk tempatan kepada golongan yang lebih luas yang melibatkan komuniti yang banyak daripada suatu kadar kependudukan yang rendah hinggalah kepada kadar kependudukan yang tinggi. Dalam status sosialnya pula, daripada masyarakat yang sama taraf dari segi statusnya iaitu masyarakat egalitarian kepada satu masyarakat yang berperingkat-peringkat ataupun berstratifikasi dan akhirnya kepada golongan kelas yang berbeza-beza. Akhirnya dalam sistem pembahagian ekonomi, penekanan yang besar ialah ke atas pembahagian timbal balik dalam bentuk pengagihan semula barang dan juga khidmat kepada cara membagi balik dan akhirnya pemasaran dan pertukaran barang dagangan dengan menggunakan kewangan dan perantaraan pertukaran yang lain.

Wujudnya hubungan seumpama ini telah dibuktikan oleh data daripada kajian budaya silang. Berhubung dengan hubungan antara tahap teknologi secukup hidup dan sistem politik yang kompleks, kajian budaya silang yang telah dijalankan dalam beberapa masyarakat telah membuktikan bahawa semakin tinggi pencapaian sistem ekonomi, maka semakin besar bilangan penduduk. Akibatnya sistem

politiknya menjadi penting untuk disatukan dan sebahagian besar daripada anggota masyarakat itu sendiri melibatkan diri sebagai pegawai politik. Telah dibuktikan bahawa dalam masyarakat yang menggunakan sistem pertanian yang luas dan pemimpin yang luas kuasanya, mewujudkan suatu organisasi negeri yang lebih teratur. Sebaliknya anggota masyarakat yang tidak mempunyai institusi politik tempatan meneruskan sistem ekonomi sebagai pemburu, pengumpul bahan makanan dan menangkap ikan secara persendirian. Sehubungan dengan saiz komuniti itu pula, semakin besar masyarakat komuniti ini, semakin ramai pula pegawai politik dalam masyarakat itu. Textor (1967) juga telah memberikan gambaran yang hampir serupa iaitu dalam masyarakat yang mempunyai organisasi kerajaan dan negeri menunjukkan keadaan yang lebih tersusun dalam membentuk dan membangunkan bandar besar dan juga pekan. Sementara mereka yang hanya mempunyai organisasi politik tempatan selalunya mempunyai komuniti yang penduduknya tidak lebih daripada 200 orang. Kajian budaya silang telah membuktikan perkara yang sama di mana masyarakat dengan tahap integrasi politik yang tinggi merupakan masyarakat yang menunjukkan perbezaan sosial yang tinggi terutama sekali dalam perbezaan kelas.

Bukti yang disebutkan tadi menunjukkan bahawa terdapat perbezaan politik di dunia. Oleh itu beberapa orang ahli antropologi telah mencadangkan beberapa teori. Mula-mula kita lihat teori yang disebutkan oleh Morton Fried (1967) yang diwakili oleh ahli teori yang mengatakan bahawa kemajuan yang dicapai dalam masyarakat teknologi pengeluaran makanan akhirnya meninggikan tanggungjawab yang bertambah kepada penduduk di wilayah itu. Fried mencadangkan bahawa kependudukan yang tinggi ini menunjukkan tekanan ke atas punca ekonomi. Akhirnya akan wujud stratifikasi sosial. Tekanan yang kuat terletak kepada kekurangan tanah yang menjadi punca untuk bertani, dalam kawasan alam sekitar yang bergunung-ganang, laut dan padang pasir yang menyulitkan seseorang itu bertani dan bercucuk tanam. Oleh kerana tanah pertanian kurang di kawasan yang seumpama itu, maka peperangan kerap berlaku dan ini akan menyebabkan beberapa unit politik akan hancur dan akhirnya mereka yang kuat saja kekal hidup di kawasan itu. Akibatnya alam sekitar kawasan itu tadi akan disatukan di

bawah satu pentadbiran yang disifatkan mempunyai keluasan politik yang satu yang menjadikannya lebih kompleks yang kita definisikan sebagai negeri. Hal ini mengakibatkan pemusatan pentadbiran yang menukarkan struktur politik dalaman yang melahirkan sebuah negeri. Oleh kerana orang yang ditawan harus dijaga dan ditadbirkan dengan baik, satu kelompok yang lebih khusus iaitu golongan pentadbiran bertanggungjawab harus diwujudkan. Mereka juga ditugaskan memungut cukai, menyusun tenaga buruh untuk membuat jalan raya dan sebagainya. Akhirnya pentadbiran ini serta juga pembesar dan tentera golongan atasan menggunakan cukai yang dipungut. Orang yang ditawan pula menyokong mereka untuk mengekalkan suatu sistem yang telah dicapai.

#### **4. Penyelesaian Konflik**

Selain daripada menentukan perjalanan dasar pentadbiran, cara menggubalnya dan cara menjalankannya organisasi politik juga menyelesaikan konflik, sama ada dengan cara melaksana hukuman atau cara untuk membincangkan bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan tekanan sosial yang lain. Tetapi sekiranya cara seumpama itu gagal ataupun tidak mungkin dijalankan oleh kerana kekurangan cara untuk menyelesaikannya, maka pertelingkahan akan berlaku dan ini akan melibatkan satu konflik yang lebih besar. Apabila peperangan atau pergaduhan berlaku di dalam unit politik itu tadi, selalunya kita akan mengatakan keganasan ini sebagai suatu kejahatan. Apabila keganasan ini berlaku di antara kelompok ini dari unit politik yang berbeza, kelompok antara mereka yang tidak mempunyai cara yang berkesan bagi menyelesaikannya, telah menyebabkan peperangan. Kebanyakan masyarakat moden seperti masyarakat industri membentuk institusi formal dan agensi seperti tentera, polis, pegawai undang-undang, mahkamah dan juga sistem formal yang lain bagi menyelesaikan masalah dan konflik yang timbul dalam masyarakat itu. Kesemua institusi ini tadi berjalan menurut undang-undang yang disediakan iaitu satu aturan yang tertulis. Oleh itu pembesar dan pegawai tadbir dapat menentukan bagaimana perkara itu harus dilakukan dan dijalankan. Hasil daripada peraturan seperti ini yang melibatkan individu memberikan hak kepada sesebuah negeri untuk mengambil tindakan kepada mereka sama ada tindakan itu merupakan sebagai suatu amaran ataupun tekanan dengan

melibatkan institusi yang ada. Oleh sebab itu, sesebuah negeri memonopoli pentadbiran undang-undang dengan menekankannya kepada masyarakat kerana ia saja yang mempunyai hak untuk mentadbir undang-undang kepada rakyat jelatanya dan dengan sebab itu suatu aturan ataupun adat resam menjadi aturan mereka. Namun demikian terdapat sebahagian daripada masyarakat di dunia masih belum mempunyai aturan atau agensi bagi mentadbirkan masalah konflik seperti ini. Sebaliknya, jika undang-undang itu ada, terdapat kekurangan dalam undang-undang mereka. Namun demikian setiap masyarakat mempunyai caranya tersendiri untuk menyelesaikan sesuatu pergaduhan ataupun pertelingkahan. Dalam setiap negeri, anggota masyarakatnya mempunyai sistem untuk mengawal sosial kecuali beberapa negeri yang mundur mempunyai sistem pengawalan yang tidak begitu kompleks dalam masyarakatnya. Ahli antropologi melihat undang-undang sebagai sebahagian daripada sistem kebudayaan masyarakat itu tadi. Ia merupakan sebagai suatu aspek yang digunakan untuk mengawal organisasi masyarakat itu dan juga menentukan individu menjalankan tugasnya sebagaimana yang sepatutnya dijalankan dan mereka akan dihukum sekiranya mereka melanggar norma dan aturan yang biasa. Oleh sebab itu satu keputusan bukan sahaja menentukan penyelesaian satu masalah tetapi ia juga merupakan suatu penentuan dan mewakili satu cara ideal bagi anggota masyarakat yang lainnya. Undang-undang sama ada yang berbentuk informal iaitu undang-undang dalam masyarakat ringkas ataupun formal sebagaimana dalam masyarakat kompleks memberikan cara untuk menyelesaikan pertelingkahan sama ada ia merupakan sebagai konflik yang besar ataupun konflik yang lainnya. Satu cara yang melibatkan tindakan daripada masyarakat ini keseluruhannya ialah dengan cara menyelesaikan pertelingkahan itu melalui tindakan masyarakat itu sendiri. Tindakan masyarakat ini melibatkan organisasi sosial yang agak mudah dalam masyarakat yang mempunyai kelompok tempatan dan ikatan persanakan yang mengawal anggota masyarakatnya ia juga bertindak sebagai suatu unit autonomi untuk menyelesaikan masalah tertentu.

Konflik berlaku di mana-mana dan ia harus diselesaikan. Oleh sebab itu terdapat prinsip yang akan digunakan sebagai panduan untuk masyarakat itu menyelesaikan masalah yang timbul. Sese-

orang yang melanggar larangan ataupun melanggar aturan terpaksa keluar daripada kawasan itu, kerana masyarakat ini tidak boleh menerima orang yang seumpama itu dalam perkampungannya. Seseorang yang gagal untuk bekerjasama bagi mendapatkan barang secara sukarela, barang mereka akan dirampas. Begitu juga dalam perkampungan Melayu umpamanya orang yang tidak mahu bekerjasama, bergotong-royong dalam menjalankan usaha tempatan seperti membuat jalan raya, orang ini akan dipulaukan ataupun dipencilkan oleh anggota masyarakatnya.

Tindakan masyarakat ini tadi bukan merupakan cara bagaimana anggota masyarakat yang tidak mempunyai undang-undang menyelesaikan pergaduhan, menyelesaikan pertelingkahan mereka. Setengah daripada masyarakat ini mempunyai undang-undang yang informal yang digunakan untuk menyelesaikan masalah pergaduhan dan aturan yang mempunyai kuasa yang informal perlu ditekankan. Dalam masyarakat Nuer iaitu masyarakat yang menternak binatang dan masyarakat yang juga bercucuk tanam yang tinggal di kawasan dalam kelompok nomad, setiap bahagian ini mempunyai sistem unit politik yang informal dengan satu sistem yang boleh menyelesaikannya sendiri (Evans-Pritchard, 1940). Sekiranya sebahagian anggota dalam masyarakat yang tinggal dalam kawasan yang luas gagal menyelesaikan masalah ini maka pergaduhan akan berlanjutan dan ini akan menyebabkan peperangan besar akan berlaku.

Walau bagaimanapun pertelingkahan dalam satu komuniti itu mudah diselesaikan dengan menggunakan undang-undang informal yang terdapat dalam masyarakat tersebut. Orang yang menjalankan undang-undang ini seperti seorang pembesar boleh menjadi seorang perantara yang akhirnya dapat menyelesaikan masalah ini tadi. Hal seperti penyelesaian dalam kecurian kerbau atau lembu selalunya diselesaikan di peringkat ketua saja. Tetapi sekiranya pembunuhan berlaku, orang yang terlibat akan menyerah diri kepada pembesar ini tadi. Sekiranya orang yang membunuh orang lain ini takut ia akan dibunuh oleh orang lain sebagai membalas dendam, maka ia akan tinggal di rumah pembesar itu untuk mendapatkan perlindungan daripadanya. Pembesar bertindak sebagai orang tengah yang cuba menyelesaikan masalah yang timbul. Dia tidak punya kuasa untuk menekan sama ada pihak ini boleh menyelesaikan masalahnya dan dia juga tidak mempunyai kuasa untuk menyelesaikan masalah atau

penyelesaian yang timbul daripada pihak ini tadi. Walau bagaimanapun dia mempunyai keistimewaan bagi menyelesaikan masalah ini kerana orang ini adalah merupakan golongan daripada komuniti yang sama dan ini akan mengelakkan pergaduhan yang melibatkan pertumpahan darah. Mereka selalunya bersedia untuk menyelesaikan masalah ini dengan menggunakan aturan yang sedia ada.

Satu lagi cara untuk menyelesaikan masalah konflik dan juga pertelingkahan ini ialah melalui hukum berat dan sumpahan. Sumpahan dan juga hukuman berat melibatkan kuasa luar biasa. Suatu sumpahan misalnya menyebabkan seseorang itu memanggil kuasa luar biasa seperti "tuhan" untuk mewakili dan menjadi orang tengah untuk mengatakan ia tidak bersalah. Sementara hukuman berat bererti penggunaan sesuatu cara bagi menentukan sama ada orang itu bersalah atau sebaliknya. Dengan meletakkan orang yang dianggap bersalah ini pada benda dan kepada ujian yang merbahaya dan menyakitkan supaya ia dapat dipercayai oleh orang ramai dan di bawah kuasa *super-natural* yang sebenarnya yang ia tidak bersalah. Sumpahan merupakan sebagai suatu perkara yang digunakan dalam masyarakat moden dan sebagainya. Hukuman berat ini ialah suatu hukuman yang harus dilalui oleh seseorang yang bersalah. Sebagaimana yang pernah kita dengar ialah cara-cara yang dilakukan oleh beberapa masyarakat misalnya seseorang yang dianggap bersalah, mula-mula ia akan diperiksa sama ada ia sebenarnya telah bersalah, jika ia dianggap tidak bersalah, ia akan terselamat daripada hukuman yang dilalui dengan memasukkan tangannya dalam air panas. Dan begitu juga terdapat dalam masyarakat Iban umpamanya jika seseorang yang dianggap bersalah tetapi tidak mengaku bersalah, ia terpaksa menyelam di dalam air. Sekiranya ia tidak bersalah ia akan timbul, tetapi apabila ia tidak timbul untuk beberapa ketika, bererti ia bersalah dan kemungkinan besar ia akan mati lemas daripada hukum yang dilaluinya itu tadi.

##### **5. Undang-undang Bertulis dan Mahkamah**

Masyarakat moden pada hari ini menggunakan undang-undang bertulis dan mahkamah sebagai suatu cara untuk menyelesaikan pertelingkahan. Namun demikian mekanisme seumpama itu bukan saja terhad kepada masyarakat moden atau masyarakat industri.

Dari segi sejarahnya masyarakat Ashanti di Afrika Barat dikatakan telah membentuk suatu sistem politik yang kompleks dan mendalam dengan menggunakan aturan perundangan sejak kurun ke-17 lagi (Evans-Pritchard, 1940). Orang-orang Ashanti adalah golongan tentera yang mempunyai aturan perundangan yang luas mewakili sebahagian besar daripada tamadun zaman lalu. Suatu aturan menghukum orang yang bersalah yang berkesan dalam masyarakat Ashanti, aturan yang diasaskan kepada aturan natural yang kompleks dan aturan semula jadi. Mereka percaya bahawa tidak ada aturan yang prinsipnya dilakukan oleh pembuat undang-undang tetapi mereka harus menjalankan aturan semula jadi dari tuhan. Kesalahan dan juga pelanggaran aturan keagamaan dianggap sebagai kesalahan yang besar terhadap roh nenek moyang mereka terutama sekali hal seperti membunuh orang lain, memaki atau memarahi pembesar, penakut dan juga orang yang membuat ilmu sihir. Di kalangan masyarakat Ashanti, caranya ialah ketua akan memeriksa dan menyoal balik mereka yang mewakili kedua-dua pihak. Terdapat juga peguam profesional dan ia boleh juga meminta dibicarakan semula sekiranya ia tidak berpuas hati.

Diandaikan bahawa punca yang menyebabkannya ada masyarakat yang mempunyai aturan bertulis di mahkamah, sementara masyarakat lain tidak mempunyai aturan yang seumpama itu, ialah disebabkan dalam komuniti yang kecil dan rapat hubungannya tidak ada keperluan aturan yang formal dan undang-undang seumpama itu. Tambahan lagi tidak mungkin orang berani melanggar aturan masyarakat ini. Masyarakat ringkas tidak memerlukan aturan yang kuat kerana selalunya sedikit sahaja hal pergaduhan mengenai masyarakat mereka dan oleh kerana pada umumnya anggota kelompok ini cukup mengetahui di antara satu sama lain dan memahami aturan yang tertentu. Masyarakat selalunya menggunakan kekerasan apabila aturan yang tertentu tidak dapat untuk menyelesaikan sesuatu konflik. Apabila kekerasan berlaku antara golongan politik seperti masyarakat dalam sesebuah daerah atau wilayah, peperangan akan berlaku. Peperangan ini sebenarnya bertujuan untuk menyelesaikan kedudukan kekuatan dan memberikan kuasa bagi menunjukkan bahawa suatu kelompok itu kuat daripada yang satu lagi iaitu dengan membalas dendam seperti membunuh dan akhirnya mendapatkan makanan dari orang lain

dan mengambil harta benda masyarakat tadi.

Jenis peperangan juga berbeza bentuknya, dari satu kelompok masyarakat ke satu kelompok masyarakat lain. Kadang-kadang perbezaan ini adalah dalam bentuk pergaduhan kekeluargaan (kesumat), pengambilan barang orang lain atau pencurian dan konfrantasi besar-besaran. Kesumat merupakan salah satu cara pergaduhan antara keluarga atau kelompok keluarga, selalunya ini disebabkan oleh keinginan untuk membalas dendam kepada perkara yang telah mereka jalankan. Dan ini selalunya melibatkan pergaduhan dan juga menyakitkan orang lain dan kadang-kadang hingga berlaku pembunuhan. Suatu sifat yang kita lihat tentang kesumat ini bahawa tanggungjawab untuk membayar balik dilakukan oleh semua anggota dalam kelompok persanakan ini tadi. Pembunuhan seorang anggota dalam golongan yang lain itu digalakkan atau dilakukan oleh kelompok yang satu lagi. Di mana tidak ada suatu autoriti yang dikekalkan untuk menyelesaikan masalah ini dalam masyarakat ringkas sistem kesumat akan terus berlaku. Satu lagi ialah mencuri dan merampas ataupun merompak di mana ia boleh kita definisikan sebagai suatu cara jangka pendek untuk mendapatkan secara kekerasan perkara yang objektifnya dirancangan dengan lebih awal selalunya adalah untuk mendapatkan makanan, binatang ternakan dan harta daripada komuniti yang lain. Merompak selalunya merupakan perkara yang dilakukan oleh masyarakat yang menternak binatang. Binatang seperti kerbau, lembu, kuda dan sebagainya boleh diambil daripada golongan yang lain bagi menambahkan bilangan kuda ataupun harta mereka. Seperti yang disusun oleh ketua tertentu. Merompak berbeza daripada kesumat kerana ia adalah suatu cara yang sementara dan sebagai suatu perkara yang diterima oleh masyarakat keseluruhannya. Kesumat dan merompak selalunya melibatkan golongan yang kecil ataupun kelompok manusia yang selalunya dilakukan dengan cara mendadak. Oleh kerana mereka selalunya cuba menyerang tanpa memberi amaran, maka orang yang diserang selalunya merupakan orang yang tidak bersedia mempertahankan diri mereka. Konfrantasi secara besar-besaran sebaliknya melibatkan dua kelompok masyarakat yang keduanya mempunyai strategi yang dirancangan bagi menyerang orang lain dan bagi mempertahankan orang lain serta mempertahankan diri sendiri. Peperangan pula merupakan sebahagian daripada

konfrantasi besar-besaran yang selalunya dilakukan dalam masyarakat petani ataupun dalam masyarakat industri. Bagi masyarakat seumpama ini mereka mempunyai sistem teknologi yang maju bagi memperkuatkan strategi dan kekuatan tentera mereka. Oleh yang demikian konfrantasi besar-besaran tidak saja bergantung kepada masyarakat yang tersendiri. Di kalangan masyarakat yang kecil peperangan seumpama ini juga dilakukan.

Pada akhir-akhir ini, ahli antropologi cenderung untuk mengkaji hubungan di antara jenis peperangan dan organisasi politik, misalnya dalam kajian budaya silang mereka mendapati bahawa semakin tinggi sistem politik semakin tinggi pula darjah ketenteraan yang sofistikated (Otterbein, 1970). Sistem pentadbiran di negara moden memerlukan ketenteraan yang kompleks dengan orang yang diupah untuk pergi berperang. Dengan organisasi politik yang kompleks selalunya bilangan orang yang terbunuh di dalam peperangan adalah lebih tinggi. Dengan peperangan cara ini ia memberikan suatu kawalan politik ke atas kelompok mereka. Namun demikian, sistem politik yang tinggi memerlukan ketenteraan yang sofistikated tetapi kadar peperangan ini hampir sama, baik dalam masyarakat yang kompleks mahupun dalam masyarakat nomad.

## 6. Bacaan yang Dicadangkan

- |   |  |
|---|--|
| Cohen, R dan Joh Milton<br>(Pg)<br>1967           | <i>Comparative Political System</i> Garden City, New York: Natural History Press.<br>Dua puluh kajian yang telah dilakukan di dalam masyarakat praindustri telah dipilih dan dimuatkan dalam buku ini. Di antara pengkaji itu ialah Levi Strauss, S.F. Nadel, Marshall Shalins dan S.N. Eisentadt. |
| Fortes M dan E.E. Evans<br>Pritchard (Pg)<br>1961 | <i>African Political Systems.</i> New York, Oxford University Press.<br>Buku yang mempersembahkan kajian mengenai sistem politik di Afrika yang pada masa dahulu dijajah oleh Inggeris. Asas pokok dalam antropologi politik dibincangkan dalam buku ini.  |

ORGANISASI POLITIK

- Fried, M.H  
1967  
*The Evolution of Political Society* New York, Random House.  
Pengarang cuba menggalurkan evolusi politik masyarakat melalui satu kajian mengenai masyarakat egalitarian.
- Swartz, M.J. Turner, Victor  
dan Anthur Tuden  
1966  
*Political Anthropology*, Chicago; Aldine Press.  
Buku ini cuba menggalurkan perubahan dalam bidang antropologi politik sejak penerbitan buku Fortes dan Evans-Pritchard, *African Political Systems* pada tahun 1961. Makalah dalam buku ini telah membincangkan cara yang berbeza daripada klasifikasi struktur politik dan fungsi terhadap pemahaman proses politik yang lalu.

# BAB 8

## SISTEM-SISTEM KEPERCAYAAN DAN MAGIS

### 1. Pengenalan

Dalam mengkaji sistem kepercayaan sesuatu masyarakat, apa yang ditumpukan oleh ahli antropologi ialah masyarakat yang menganut agama itu. Mereka cuba memahami fungsi agama dan mengetahui tujuan sesuatu aktiviti agama itu dilakukan oleh masyarakat. Apa yang dikaji dalam disiplin antropologi ialah mengenai manusia dan semua perkara yang dilakukan oleh manusia; dalam hal ini termasuklah idea, (fikiran) serta objek yang menjadi simbol dalam kehidupan mereka. Manusia mempunyai tret yang tidak terdapat pada haiwan lain, iaitu kebolehan untuk membentuk dan memahami simbol. Apa yang terdapat dalam simbol ialah erti yang diberikan oleh penganutnya kepada benda secara arbitrari. Bentuk yang penting dalam hal simbol ini ialah bahasa. Manusia dengan secara arbitrarinya telah memberikan erti kepada jenis kejadian fizikal yang disebut pertuturan, iaitu kejadian yang belum mempunyai sebarang erti sebelumnya. Bentuk simbol lain yang tidak kurang juga pentingnya ialah tulisan, isyarat, mimikan muka seseorang, sistem dalam ilmu hisab, dan bentuk seni lukisan. Dalam hal ini manusia adalah ganjil jika dibandingkan dengan makhluk yang lain kerana manusia menentukan dan mengawal keselamatan keturunannya, dengan menggunakan teknik yang bergantung atas kebolehan simbol ini yang tidak dipunyai oleh makhluk lain. Dengan lain perkataan manusia sahaja yang mempunyai kebudayaan dan dalam masyarakat primitif agama itu adalah sebahagian daripada kebudayaan mereka.

Satu daripada sikap ini yang berhubungan rapat dengan antropologi keagamaan sebagai satu cabang antropologi kebudayaan ialah sifat *etnosentrik*. Etnosentrisme ini ialah pandangan dan nilai tinggi yang melampau-lampau diberikan kepada kebudayaan sesuatu masyarakat, sehingga menjadikan adat resam orang lain daripada kebudayaan yang berlainan amat rendah dan menjadi

bahan tertawa, dan tidak diberikan pertimbangan, dianggap tidak bermoral atau disamakan seperti sifat-haiwan. Kita semua adalah sedikit sebanyaknya *etnosentrik*. Contoh etnosentrisme ini mudah sekali kita berikan. Misalnya kita menganggap bahawa agama kitalah yang terbaik, tinggi dan teragung. Orang beragama lain pula menganggap agama mereka yang terbaik, tinggi dan teragung. Satu bentuk etnosentrisme yang lumrah ialah menganggap orang daripada rumpun bangsa lain sebagai rumpun bangsa yang rendah tanpa mempunyai asas yang saintifik.

Ahli antropologi selalunya menyebut agama sebagai satu kebudayaan sejagat, iaitu salah satu daripada beberapa perkara yang termasuk aspek sebagai cara hidup masyarakat seperti perkahwinan, halangan sumbang muhrim, famili dan organisasi sosial. Tidak ada satu masyarakat yang pernah dikaji yang tidak mempunyai agama. Tidak kira bagaimana “ganjil”nya sesuatu kebudayaan itu ia tetap mempunyai unsur ini. Orang primitif sendiri sering menganggap agama dan perkara yang bukan agama dengan menggunakan ukuran perkara yang dianggap suci dan yang tidak suci. Tret agama yang nyata terletak atas sikap yang diberikan kepada idea, objek dan perlakuan tertentu. Dari segi psikologi tidak semestinya semua ini timbul daripada rasa takut atau kagum kerana perkara yang timbul dari perasaan atau emosi tidak menjadikan perkara itu sebagai objek yang boleh dianggap sebagai agama. Ramai orang takut pada bom nuklear, sehinggakan kerajaan Australia dan New Zealand mengemukakan protes kepada mahkamah dunia terhadap sikap kerajaan Perancis yang terus membuat ujian bom nuklear di Lautan Pacific. Dari segi psikologinya baik orang Australia mahupun orang lain di dunia ini memang takut kepada bom nuklear ini. Tetapi kita belum mendengar unsur nuklear ini menjadi satu perkara yang dikaitkan dengan agama. Begitu juga sikap takut akibat dari pencemaran belum pun menjadikannya sebagai asas agama. Tetapi pada satu pihak yang lain, istiadat pengebaran bendera, nyanyian lagu kebangsaan menimbulkan satu keadaan emosi yang menggambarkan keadaan psikologi yang berkait dengan agama. Jadi sekarang timbul masalah kepada kita yang manakah perkara agama dan yang bukan agama?

Satu ukuran yang boleh digunakan untuk melihat sama ada sesuatu itu dianggap agama atau bukan agama dalam antropologi

ialah dengan melihat perkara itu sebagai semula jadi (natural) atau luar biasa (supernatural). Boleh dikatakan ramai orang membuat perbezaan antara objek, kepercayaan, dan kejadian sehari-hari sebagai perkara biasa. Dengan menggunakan perbezaan ini, sebagaimana yang telah dilakukan oleh ahli antropologi lain, kita akan mendefinisikan agama sebagai idea, sikap, kepercayaan dan perlakuan terhadap *supernaturalisme*, sama ada ia adalah kuasa halus, dewa, roh, hantu, jin atau kuasa-kuasa lain yang digambarkan oleh anggota sesuatu masyarakat, sebagai luar biasa, menakjubkan dan tidak terhurai dengan perkataan biasa. Oleh kerana luar biasa, menakjubkan dan tidak dapat dihuraikan dengan perkataan biasa, maka supernatural ini mungkin mempunyai beberapa lagi sikap yang lain. Ia boleh dikaitkan dengan perasaan yang menakutkan, perasaan hormat, atau mengkagumkan. Perasaan inilah yang dianggap oleh ramai orang sebagai permulaan agama.

Sepanjang yang kita ketahui, semua masyarakat, baik apa juga peringkat yang mereka capai, mempunyai kepercayaan mereka sendiri. Semua kepercayaan ini kita golongkan dengan istilah agama. Harus diingati sebagaimana agama itu berbeza dari satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain, maka begitu juga kepercayaan itu berbeza daripada satu kebudayaan dengan satu kebudayaan yang lain. Bahkan ia juga berbeza daripada satu masa ke satu masa yang lain.

Untuk memudahkan pemahaman kita tentang fenomena di dunia ini kita bahagikannya kepada dua: iaitu "natural" dan "supernatural". "Supernatural" mempunyai kuasa yang tidak boleh dilakukan oleh manusia dan ia pula tidak tertakluk kepada aturan alam. Ia berbeza daripada satu masyarakat dengan satu masyarakat. Perbezaan ini disebabkan oleh konsep "supernatural", yang berbeza dalam masyarakat. Setengah daripada perbezaan ini selalunya dipastikan oleh masyarakat sebagai aturan semula jadi. Misalnya setengah penyakit dianggap oleh masyarakat disebabkan oleh akibat semula jadi, iaitu disebabkan oleh kuman. Masyarakat lain pula percaya bahawa penyakit disebabkan oleh kuasa "supernatural", dan oleh itu ia menjadi sebahagian daripada kepercayaan agama. Kepercayaan mengenai perkara yang tidak ada hubungan dengan kuasa "supernatural" juga berbeza di dalam satu masyarakat pada satu ketika. Kejadian air bah, tanah runtuh, letupan gunung berapi

dan serangan wabak penyakit pada hari ini dipercayai adalah semata-mata bencana alam yang biasa. Namun demikian ada sebahagian masyarakat menganggap kejadian ini sebagai satu kuasa luar biasa. Oleh itu kita lihat bahawa garis pemisahan antara “natural” dengan “supernatural” berbeza mengikut keadaan dan kepercayaan masyarakat mengenai sebab sesuatu benda dan kejadian di dunia ini. Dalam banyak kebudayaan yang telah dikaji oleh ahli antropologi apa yang mereka anggap “keagamaan” adalah juga meresapi dalam aspek kehidupan manusia sehari-hari. Apabila sesuatu masyarakat mengatakan bahawa amat susah untuk mengasingkan agama daripada aspek kebudayaan lain, itu sebenarnya bukan perkara baru. Ahli antropologi yang mengkaji kebudayaan masyarakat ringkas telah menunjukkan tidak terdapat sebarang pengkhususan dalam masyarakat ini. Oleh itu berbagai-bagai aspek kebudayaan yang mereka kaji tidak menunjukkan sebarang pemisahan dan tidak mudah dipastikan sebagaimana kebudayaan masyarakat yang kompleks dan moden.

“Supernatural” selalunya dipercayai sebagai suatu kuasa yang tidak mempunyai sifat yang terdapat pada manusia. Kuasa “supernatural” yang impersonal disebut sebagai *mana*. Perkataan *mana* ini ialah pinjaman daripada perkataan yang digunakan oleh masyarakat Polynesian. *Mana* ini ialah sebagai satu kuasa ghaib yang terdapat pada objek dan manusia tertentu. (Tidak semua objek atau manusia mempunyai *mana*). Seseorang penjudi itu percaya bahawa ada setengah bajunya ataupun seluarnya mempunyai kuasa ghaib. Dengan sebab itu sekiranya ia memakai baju atau seluar tadi tentu ia akan beroleh kemenangan. Sebaliknya baju dan seluar yang lain tidak mempunyai kuasa seumpama itu. Jadi baju dan seluar tadi dianggap mempunyai kuasa *mana*. Begitu juga dalam masyarakat, ada objek yang dianggap mempunyai *mana* manakala objek yang lain tidak. Dalam setengah-setengah masyarakat Melayu sendiri umpamanya mereka percaya bahawa kelapa gading itu mempunyai *mana*, ia boleh digunakan sebagai ubat, manakala kelapa yang biasa tidak. Ada setengah petani di Polynesia meletakkan ketul batu di sekitar ladangnya dan diharapkan hasil tanamannya akan menjadi. Maka oleh itu ketul batu tadi dianggap oleh masyarakat itu mempunyai *mana*. Tetapi dalam bulan tertentu batu tadi akan kekurangan *mananya*, maka hasil tanamannya akan berkurangan.

Orang Melayu juga mempercayai batu akik mempunyai *mana*.

Setengah-setengah manusia juga dipercayai mempunyai *mana*, sebagaimana wali, bahkan raja pun dianggap mempunyai *mana* iaitu kuasa daulat. Namun demikian kuasa seumpama itu tidaklah akan tetap selama-lamanya pada seseorang. Ketua perang yang gagal di dalam peperangan dikatakan bahawa dia telah kehilangan kuasa *mananya*. *Mana* adalah berbeza dengan pantang larang. Wallace telah membuat perbezaan ini. Katanya, benda yang mempunyai *mana* boleh disentuh manakala benda yang mempunyai pantang larang tidak seharusnya dipegang. Sekiranya ia dipegang atau disentuh, kuasa tadi akan membahayakan, menjadikan seseorang itu sakit, jatuh dari tempat yang tinggi dan sebagainya. Barang makanan yang mempunyai pantang larang tidak boleh dimakan, tempat tidak boleh dimasuki, binatang yang mempunyai pantang larang tidak boleh dibunuh, manusia yang mempunyai pantang larang tidak boleh dipegang. Seseorang yang menjadi mangsa kecelakaan pantang larang ini mungkin dengan tidak sengaja telah melanggar pantang larang tadi. Dalam masyarakat India umpamanya, mereka yang mengamalkan sistem kasta, tidak boleh menyentuh atau memegang orang dari kasta yang lebih rendah atau lebih tinggi. Apabila pantang larang kasta telah dilanggar, umpamanya apabila seseorang tukang gunting rambut menggunting rambut orang dari kasta yang lebih tinggi, maka dari segi upacara amal orang ini tidak bersih, tidak suci, sehingga ia membersihkan diri dengan satu upacara agama.

“Supernatural” boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertamaanya iaitu yang asalnya bukan manusia seperti dewa, roh dan jin. Keduanya yang berasal daripada manusia, hantu dan roh nenek moyang. Dewa adalah bentuk “supernatural”. Dewa ini selalunya *anthropomorphie*, yang digambarkan dalam bentuk manusia, walaupun kadang-kadang mereka diberikan bentuk binatang atau cekrawala alam seperti matahari dan bulan. Mereka jarang sekali digambarkan dengan bentuk pokok kayu, bunga, batu atau benda yang tidak bernyawa. Mereka mempercayai dewa mewujudkan diri sendiri, setengah daripada mereka kemudiannya mewujudkan dewa yang lain pula.

Dewa yang mewujudkan alam setelah mewujudkan sesuatu, mereka mengundurkan diri. Setelah menjadikan dunia ini bergerak,

mereka tidak lagi cenderung dalam perjalanannya sehari-hari. Dewa pencipta alam yang lain terus cenderung dalam kebajikan manusia. Sama ada sesuatu masyarakat itu mempunyai dewa pencipta atau tidak, tugas untuk mengawasi dan menjaga segala ciptaan tadi terletak pada dewa yang kurang penting. Orang Maori di New Zealand misalnya mengiktiraf tiga dewa yang mereka anggap penting: dewa penjaga laut, dewa penjaga hutan dan dewa pertanian. Mereka akan mendampingi satu demi satu dewa tadi bagi mendapatkan pertolongan dan juga untuk sama-sama menikmati pengetahuan bagaimana alam ini bertugas.

Di peringkat kedua dalam golongan "supernatural" ini, ialah golongan roh. golongan ini lebih rapat kepada manusia. Setengah roh ini menjadi penjaga pada manusia. Misalnya jin penjaga rumah, dan sebagainya. Di samping itu terdapat juga roh yang jahat.

Kepercayaan pada hantu dan roh nenek moyang adalah kepercayaan animisme, iaitu kepercayaan bahawa setiap kehidupan itu mempunyai roh atau semangat. Semangat ini terus wujud selepas seseorang itu mati. Setengah masyarakat percaya bahawa roh si mati tinggal terus bersama-sama keluarganya kerana ia masih cenderung kepada kaum keluarga yang masih hidup.

Swanson telah membuat kajian perbandingan ke atas 50 kebudayaan masyarakat dan dia mendapati bahawa kepercayaan pada roh nenek moyang wujud dalam masyarakat di mana anggota keluarga merupakan kelompok yang membuat keputusan penting. Kelompok keluarga merupakan inti pati yang wujud setiap masa, walaupun ada individu yang mati. Si mati merasa bertanggungjawab atas nasib, martabat dan kewujudan kelompok persanakan sebagaimana mereka yang hidup. Dalam hal ini kita harus memahami bagaimanakah masyarakat terus mengekalkan hubungan mereka: nenek moyang kita adalah keturunan kita, mereka adalah bapa keturunan kita, mereka adalah bapa kita dan kita adalah anak mereka. Roh mereka yang telah meninggal dunia, terus tinggal hampir dengan rumah dan oleh itu mereka harus diberi makan dan dihormati.

Terdapat dalam kebanyakan masyarakat mempercayai bahawa jika ada orang lain yang cuba menyakiti, menyusahkan dan menghinakan seseorang individu dalam keluarga si mati, maka orang itu akan menerima hukuman daripada si mati. Begitu juga sekiranya seorang

wanita bergaduh dengan suaminya, memukulnya, maka ia akan diganggu oleh roh keluarga yang telah mati.

Mengapa dewa dan roh dalam satu-satu kebudayaan tertentu digambarkan dengan sifat yang berlainan dengan sifat dalam kebudayaan lain? Kajian telah menunjukkan bahwa sifat “supernatural” mungkin ada hubungan dengan cara pengasuhan kanak-kanak. Spiro (1952) mengatakan hubungan dewa dengan manusia adalah satu proyeksi hubungan ibu bapa dengan anak. Dalam masyarakat di mana ibu bapa sebagai pengasuh akan wujudnya “tuhan” pengaruh. Misalnya kanak-kanak menangis, merontaronta, dan menggerakkan anggota badannya. Apabila mereka dewasa mereka akan menjalankan upacara amal yang serupa menadahkan tangan dan menari apabila mereka mengadakan upacara sembahyang.

## **2. Teori Asal Usul Agama**

Beberapa teori telah dikemukakan oleh ahli antropologi yang mengkaji hubungan agama dengan anggota masyarakat. Setengah daripada teori ini mengambil nama ahli antropologi yang mencipta teori itu, seperti Teori Tylor, setengahnya mengambil nama benda yang menjadi identifikasi teori itu, misalnya teori semangat, teori totem dan sebagainya. Bagi memudahkan pembahagian ini kita kelaskan kepada tiga bahagian: psikologi, sosiologi dan kombinasi antara psikologi dengan sosiologi.

Teori yang bercorak psikologi umumnya menjelaskan bahawa agama sejagat sebagai satu cara untuk mengurangkan perasaan kecemasan atau sebagai satu cara bagi manusia untuk memahami dunia yang penuh dengan perkara yang tidak dapat mereka jelaskan. Teori yang bercorak sosiologi umumnya menggambarkan agama sejagat sebagai satu refleksi masyarakat dan keadaan hidup masyarakat itu.

### **Teori Bercorak Psikologi**

Teori asal usul agama yang bercorak psikologi cuba menghuraikan agama sebagai satu cara untuk mengurangkan perasaan kecemasan dan perasaan was-was yang dirasai oleh individu dalam masyarakat. Salah satu daripada teori ini ialah teori yang telah dikemukakan

oleh Malinowski. Teori itu mengatakan bahawa wujudnya agama itu ialah sebagai satu tindak balas atau penentangan kepada kecemasan dan was-was yang dirasakan oleh seseorang individu. Kecemasan dan was-was itu jika tidak diatasi akan menghancurkan keutuhan sesuatu kelompok sosial. Satu angkara besar yang boleh memusnah dan menghancurkan keutuhan kelompok sosial tadi ialah apabila berlakunya kematian di antara anggota dalam masyarakatnya. Manusia percaya bahawa mati bukannya hal yang muktamad atau terakhir. Sesungguhnya manusia diberikan dengan personalitinya sendiri sehingga selepas dia mati, masih terdapat kuasa yang dipengaruhinya untuk kepentingan dan kebajikan manusia.

Dalam hidup manusia terdapat berbagai-bagai kecelakaan lain, misalnya kemarau dan wabak penyakit. Semua gejala ini menyebabkan manusia mewujudkan upacara amal yang cuba menentukan kesatuan sosial mereka apabila menghadapi gangguan sosial dengan cuba mengawal kuasa "supernatural" yang telah mereka wujudkan.

Malinowski, dalam kajiannya telah memerhatikan bahawa masyarakat Trobriand sebelum pergi ke laut mereka mengadakan upacara bagi mendapatkan pertolongan daripada "supernatural". Upacara itu akan menentukan supaya "supernatural" tadi akan menjaga, mengawal dan memberikan rezeki semasa mereka menjalankan tugas mereka di laut. Pemerhatian Malinowski telah menunjukkan bahawa manusia menjalankan upacara amal ialah untuk mengurangkan perasaan kecemasan dan was-was. Begitu juga dalam masyarakat Melayu mereka mengadakan upacara puja pantai atau semah desa, kerana mereka kurang yakin kepada kebolehan mereka.

Freud menganggap agama sebagai satu keperluan manusia yang luar biasa, tetapi akan meninggalkannya apabila mereka mula matang fikirannya. Di satu pihak yang lain ada tanggapan bahawa agama sebagai satu ubat yang dapat menyembuhkan penyakit. Menyedari bahawa manusia menghadapi gejala kecemasan yang disebabkan oleh pengalaman sosialisasi mereka, maka agama memberikan pertolongan untuk menyelesaikan konflik jiwa. Oleh sebab itu kita selalu mendengar orang yang sakit jiwa dinasihatkan supaya banyak beramal-atau melakukan amalan agama untuk menenangkan fikirannya.

Amalan sistem kepercayaan diwujudkan daripada fikiran ma-

nusia, secara intelektual dan bukannya berbentuk emosi, dan amalan agama ini juga merupakan interpretasi falsafah yang awal tentang alam ini.

### **Teori Bercorak Sosiologi**

Teori bercorak sosiologi menganggap bahawa agama bermula daripada masyarakat dan keperluan dalam masyarakat. Emile Durkheim (1971) menyedari bahawa masyarakatlah yang membezakan antara perkara kudus/suci dengan yang tidak kudus/tidak suci. Sebenarnya tidak ada apa-apa di dalam sesuatu objek, ia hanya seketul kayu, batu atau sebuah patung, tetapi mengapakah ia dianggap suci? Ini adalah masalah yang harus difikirkan oleh pelajar antropologi “keagamaan”. Ia dianggap suci kerana sebilangan besar anggota masyarakat itu percaya objek itu kudus. Tetapi mengapa masyarakat percaya batu, kayu atau patung tadi kudus, sedangkan kita katakan bahawa batu, kayu atau patung tadi sama saja dengan batu, kayu atau patung yang lain. Jawabnya ialah kerana batu, kayu dan patung tadi melambangkan sesuatu, dan dikuatkan pula dengan kepercayaan adanya *mana* atau pantang larang pada benda tadi iaitu wujudnya kuasa “supernatural” pada objek ini tadi.

Soalnya di sini ialah apakah yang dilambangkannya? Durkheim mengatakan bahawa sesuatu objek yang dianggap kudus melambangkan fakta sosial yang dianggap oleh masyarakat sebagai suci. Dengan lain perkataan, agama ialah artifak sosial yang melambangkan perkara yang dianggap oleh masyarakat sebagai suci dan “benda” yang paling suci pada sesuatu masyarakat itu ialah masyarakat itu sendiri. Durkheim memberikan contoh tentang penggunaan totem oleh satu puak di Australia Tengah di mana agama melambangkan masyarakat. Manusia disusun mengikut puak, setiap puak mempunyai totem, yang menjadi lambang puaknya. Totem ialah satu upacara amal keagamaan puak dan menjadi simbol sesuatu puak dan simbol tuhan yang menjadi pusat upacara amal masyarakat. Di dalam sesuatu masyarakat puak atau masyarakat seluruhnya menjadi tempat mereka bergantung untuk keselamatan dan kesejahteraan, dan tempat mengidentifikasikan diri mereka. Masyarakat menjalankan kuasanya ke atas perbuatan dan fikiran anggota masyarakatnya yang mewajibkan mereka melakukan upacara amal yang diamalkan bersama-sama dalam masyarakat.

Swanson (1969) seorang ahli antropologi keagamaan telah menerima dan menyokong teori Durkheim yang menekankan bahawa keadaan tertentu dalam masyarakat melahirkan tindakan yang disebut sebagai keagamaan. Lebih jelas lagi, Swanson mengatakan bahawa kepercayaan kepada roh dilahirkan daripada jenis kelompok "yang berkuasa" dalam sesuatu masyarakat. Kelompok yang berkuasa ini ialah mereka yang mempunyai kekuasaan yang asal misalnya kuasa untuk membuat keputusan ke atas bidang kehidupan manusia dalam keluarga, suku, kampung atau negeri. Kelompok yang berkuasa dalam sesuatu masyarakat seperti roh atau dewa tidak kelihatan, tetapi mereka hidup lebih lama daripada manusia, dan mempunyai tujuan dan matlamat yang melebihi tujuan dan matlamat seseorang individu. Dilihat daripada pandangan seseorang individu, kelompok sosial menentukan tingkah laku seseorang. Seseorang itu dilahirkan di dalam suatu keluarga, menjadi anggota sesuatu kelompok persaudaraan, menjadi anggota dalam satu-satu masyarakat dan mengalami pengalaman yang dilalui oleh masyarakat tadi. Maka melalui institusi inilah terdapat tekanan yang tidak kelihatan untuk bertindak mengikut norma sosial baik yang dinyatakan atau tidak. Swanson menganggap bahawa dunia kedewaan atau roh yang telah dicipta oleh manusia adalah dijelmakan dalam bentuk keluarga dan dalam kelompok lain yang telah membuat keputusan yang didapati dalam masyarakat dan yang mempunyai kuasa ke atas manusia. Manusia mengalami keperluan sesuatu kelompok, mereka menerima tujuan sesuatu kelompok, dan manusia mencipta semula bentuk kelompok dengan dewa atau roh mereka.

### **Cabangan Teori Psikologi dan Sosiologi**

Teori asal usul keagamaan yang lain menggabungkan pendekatan psikologi dan sosiologi. Teori ini menganggap bahawa agama adalah satu jawapan kepada ketegangan yang dirasakan oleh individu iaitu hasil daripada kejadian dalam masyarakat. Lantas, apabila sesuatu masyarakat itu stabil, mungkin untuk beberapa ratus tahun, maka tenaga masyarakat digunakan untuk mengekalkan kestabilannya. Tetapi apabila kestabilan sesuatu masyarakat itu terancam, sama ada oleh ancaman dari kuasa luar atau pertelingkahan dari dalam, maka masyarakat akan memberikan kuasa baru dengan

berbagai-bagai cara, mungkin melalui satu pemujaan baru, sekta, atau mazhab baru. Umumnya penafian (deprivation) dari segi ekonomi atau sosial adalah sebab ketidakpuasan hati yang melahirkan gerakan agama baru. Wallace (1966) mengatakan bahawa ancaman yang memecahkan masyarakat memaksa anggotanya untuk mencari jalan baru untuk *survive*. Mereka berharap mereka mendapat faedah daripada cara baru ini, tetapi penafian bukannya merupakan ancaman yang paling besar, kerana manusia boleh hidup untuk beberapa abad menghadapi penafian ini. Keadaan yang menekan ini akan memandu mereka untuk memberikan semangat baru kepada masyarakat mereka.

Walaupun pada umumnya kita dapat mengelaskan teori asal usul agama itu kepada tiga, perkara pokok yang penting dalam kajian antropologi keagamaan, terutama sekali dalam kurun ke-19, ialah untuk meninjau daripada perkembangan teori evolusi. Teori ini diasaskan daripada idea tentang kemajuan yang dicapai, yang mempercayai bahawa kemajuan lahir bersama-sama dengan kedewasaan sesuatu masyarakat.

Salah seorang ahli teori evolusi keagamaan yang terkenal di abad ke-19 iaitu Tylor (1971) telah menghuraikan teorinya dalam bukunya *Primitive Culture*. Dia telah mengemukakan satu hipotesis yang menarik iaitu tentang asal usul kepercayaan beragama. Tylor memberikan satu rentetan evolusi agama: pertamanya ialah percaya pada roh; selepas itu animisme iaitu percaya pada semangat, termasuk juga roh dan akhirnya konsolidasi doktrin animis kepada pemujaan dewa yang mengandungi dewa yang berkuasa dan berpengaruh dan ini memuncak dengan percaya pada satu tuhan atau satu dewa sahaja.

Pandangan Tylor mengenai asal usul kepercayaan pada roh terus diterima hingga ke hari ini, tetapi rentetan evolusi yang telah diberikannya telah banyak dikritik. Marett (1909) mengatakan iaitu sebelum daripada wujudnya kepercayaan pada roh telah wujud peringkat yang dipanggil "*animatism*", iaitu memberikan nyawa pada semua objek. Kepercayaan ini dipengaruhi oleh konsep *mana*. Marett mengatakan secara logiknya kepercayaan masyarakat ringkas didahului oleh kepercayaan animisme. Ini adalah kepercayaan bahawa di dunia ini terdapat kuasa tak dapat dilihat dan *impersonal*. Kuasa ini dapat dibandingkan dengan kuasa elektrik yang mana

sekiranya ia disalahgunakan akan membahayakan si pengguna tetapi sekiranya ia dikuasai dan digunakan dengan sempurna ia akan memberi kesejahteraan kepada manusia sejagat.

Andrew Lang (1898), sebaliknya mengatakan bahawa setengah daripada masyarakat primitif percaya wujudnya dewa yang tinggi yang merupakan kepercayaan pada tuhan yang satu. Akhirnya dapatlah kita katakan bahawa walaupun pandangan Tylor mengenai asal usul agamanya adalah nyata, tetapi evolusi agamanya diselaputi dengan ketidaktentuan terhadap peristiwa kejadian yang sebenarnya.

### 3. Fungsi Keagamaan

Agama merangkumi sistem kepercayaan dan amalannya sekali. Setiap amalan agama mempunyai fungsinya tersendiri yang kebanyakannya dikaitkan dengan pandangan sejagat masyarakatnya.

Pengkaji antropologi keagamaan telah menekankan kajian mereka kepada sistem kepercayaan masyarakat yang mengandungi perasaan berani, hormat dan takut yang dianggap oleh manusia terhadap alam ini selain daripada objek dan pengalaman secara langsung.

Anggota masyarakat tidak ditanya sama ada dengan “meme-gang” semua rukun agama; apa yang penting ialah mereka melakukan upacara amal yang ditetapkan oleh agama itu. Pendapat ini, banyak memberikan sumbangan ke atas pembentukan teori keagamaan yang dikemukakan oleh Durkheim dalam karyanya, *Elementary Forms of the Religious Life*. Durkheim juga menghujahkan bahawa agama orang Yunani dan Rumawi lahir selari dengan perkembangan organisasi sosial mereka. Ini bermula dengan tiap-tiap keluarga menyembah datuk nenek masing-masing, kemudian apabila sebilangan besar penduduk hidup berkelompok di bandar pemujaan kaltus bertambah dengan menjangkau ke kawasan yang lebih luas berasaskan keturunan dan pemujaan ini untuk menyatukan penduduk berasaskan dengan amalan yang sama. Pembahagian penduduk seperti ini ialah atas asas keturunan yang sama. Di sinilah mula timbulnya konsep “totem”.

Durkheim, mengasaskan semua kajiannya tentang institusi sosial atas prinsip bahawa masyarakat dapat dihuraikan hanya dari

segi sosial. Dengan perkataan lain, seseorang itu tidaklah seharusnya mencari huraian institusi sosial dari apa yang dilakukan oleh seorang individu kerana dalam tiap-tiap masyarakat institusi adalah sebahagian daripada alam ini di mana individu itu dapat mengalaminya. Mereka haruslah menganggap institusi ini sebagai perkara semula jadi, dan mereka menjadikan keperluan institusi ini yang mana manusia sebagai makhluk sosial yang hidup mengikut sistem dan aliran yang tertentu. Oleh kerana itu Durkheim menolak interpretasi yang mengatakan bahawa agama sebagai satu jawapan kepada spekulasi terhadap mistri alam ini, dan sebaliknya ia telah menumpukan perhatian ke atas hubungan antara aktiviti sosial yang lain. Upacara amal ialah suatu perbuatan yang ditentukan oleh sesuatu masyarakat, perbuatan yang diulang-ulang yang mana penentuan ini menjadi isbat pada agama.

Durkheim menghujah bahawa penganut agama itu tidak bertanya bagaimana agama itu wujud tetapi ialah bagaimana cara melakukan sesuatu dengan cara yang betul. Cara pemikiran begini masih terus diterima oleh penganut agama yang lebih moden, iaitu mereka melihat agama itu sebagai satu panduan moral, bimbingan moral, dan tidak sebagai teori yang menjelaskan sesuatu. Dalam masyarakat mudah secara ringkasnya memang inilah fungsi upacara amal itu, walaupun adakalanya terdapat upacara amal itu tidak ada hubungan dengan tekanan kod moral yang nyata kerana masyarakat primitif menganggap upacara amal itu sendiri adalah sebagai satu pernyataan yang dianggap tinggi bagi manusia yang hidupnya saling bergantung dalam sesuatu masyarakat. Dia menghuraikan kod moral ini sebagai keperluan mereka sebagai masyarakat, tetapi menolak pendapat bahawa masyarakat yang mencipta kod moral atau “agama” itu. Seterusnya ia mengatakan, sekiranya upacara amal ini disembahkan kepada “personified being” ini tidak lain daripada masyarakat itu sendiri.

Jadi apa yang dapat dipelajari dari teori Durkheim ini ialah lambang keagamaan selalunya terikat kepada kelompok sosial, yang mana apabila seseorang itu mempelajari struktur sesuatu masyarakat, seseorang itu mestilah bertanya kelompok apakah yang membentuk unit upacara amal dan apabila seseorang itu mengkaji upacara amal seseorang itu mestilah bertanya bagaimanakah status

orang atau kelompok itu dijemlakan dalam peranan yang diberikan kepada mereka.

Pada Durkheim, agama adalah aspek yang berhubung dengan perkara yang suci. Dengan ini Durkheim memberikan definisi agama sebagai satu sistem kepercayaan dan amalan yang digemblangkan, yang berhubung dengan benda yang suci, iaitu benda yang dihormati menjadi sistem kepercayaan dan perbuatan yang menyatukan individu ke dalam satu komuniti. Semua orang yang menganut kepercayaan dan perbuatan yang sama tadi adalah orang yang datang dari kelompok yang sama. Durkheim mengatakan tidak mungkin wujud agama tanpa ada kelompok yang menganut agama.

Bagi Durkheim di sinilah terletaknya perbezaan antara agama dan magis. Katanya magis tidak ada gereja atau perkumpulan agama — magis dilakukan oleh individu untuk kepentingan individu yang lain. Manakala agama ialah satu tenaga sosial yang menyatukan penganut dalam melakukan sesuatu upacara amal kerana sentimen yang terdapat pada orang yang mempercayainya; magis adalah anti sosial, ia dilakukan oleh individu untuk kepentingan sendiri. Sebagaimana juga Tylor, Durkheim lebih menekankan kepada keburukan daripada kebaikan magis itu.

Sementara Durkheim mengenyepikan magis itu dari bidang yang suci, Malinowski (1954) pula menganggap bahawa magis mempunyai banyak persamaan dengan agama. Malinowski menolak pendapat bahawa magis dan agama tumbuh daripada spekulasi. Sebaliknya menekankan bahawa di luar dari bidang yang diketahui oleh manusia melalui pengalaman praktisnya, apa yang dilakukan oleh manusia ialah mereka tidak mempersoalkan apa-apa yang mereka lakukan.

Magis dan agama mengikut pendapat Malinowski, timbul dari kehendak emosi. Magis dan agama adalah cara manusia menghadapi situasi yang tidak dapat mereka kawal. Magis menambahkan teknik, misalnya menyebabkan sampian mudik lebih laju. Atau ia menyelesaikan masalah di mana tidak terdapat teknik tertentu, misalnya bagaimana seorang muda menggunakannya untuk menjadikan kekasihnya sayang padanya. Magis mempunyai tujuan yang khusus. Agama sebaliknya memberikan dalam perlakuan agama, kepentingannya sendiri; ia meneguhkan hati manusia dalam menghadapi alam yang tidak dapat dikuasai ini. Malinowski melihat asal

usul agama dari keperluan manusia untuk mengatasi ancaman yang dihadapi oleh masyarakat apabila salah seorang dari anggotanya meninggal dunia. Sebenarnya apabila Malinowski berkata bahawa upacara keagamaan memenuhi tujuannya dengan perasaan yang dilahirkan, Malinowski tidaklah berbeza daripada Durkheim. Walaupun dia berpendapat yang penting ialah perasaan percaya pada diri sendiri, bagi Durkheim ialah perasaan tanggungjawab sosial. Kepada Malinowski agama memenuhi apa yang disebutnya keperluan integratif manusia dalam masyarakat. Durkheim tidak memasukkan magis ke dalam lapangan keagamaan, sementara Malinowski pula memasukkannya. Mengikut Durkheim, dalam agama Kristian doa itu ialah sejenis upacara amal, tetapi menolak bahawa perbuatan magis itu sebagai upacara amal. Manakala Malinowski pula berulang kali menegaskan bahawa unsur yang penting dalam magis itu sebagai upacara mentera dan keadaan si pelaku. Amalan stereotaip yang tidak ada hubungan dengan keagamaan biasanya disebut istiadat. Oleh itu pertabalan yang di-Pertuan Agong dianggap sebagai upacara, tetapi apabila Yang di-Pertuan Agong membuka sesi parlimen (walaupun dibacakan) itu dianggap sebagai satu istiadat. Apa yang terdapat daripada kata ini ialah andaian bahawa upacara dan istiadat tidak mempunyai kesan yang praktis. Kesannya hanya dapat dirasakan oleh orang yang melakukan upacara ini, iaitu mereka yang telah menjalankan kewajibannya.

Leach (1965) dan beberapa orang lain menemui kerumitan dalam membuat klasifikasi ini. Sementara ahli antropologi, dengan latihan saintifik mereka, tahu bahawa tidak ada satu pun daripada aktiviti ini mempunyai kesan apa-apa melainkan dalam fikiran pelaku. Pelaku mungkin tidak menerima kesan yang sama; mereka mungkin percaya misalnya, bahawa magis menyebabkan perahu laju sebagaimana juga mereka percaya dengan menggunakan kayu yang betul perahu boleh timbul.

Beberapa fungsi agama yang akan dibincangkan ini mungkin juga sesuai bagi masyarakat yang lebih maju dan kompleks. Pertamanya agama bertindak sebagai *kawalan sosial* dan agama bertindak untuk mengekalkan perpaduan sosial. Malinowski dalam bukunya *Magic, Science and Religion and Other Essays* (1948) dan Radcliffe — Brown dalam bukunya *The Andaman Islanders* (1922), telah menunjukkan bagaimana agama memainkan peranannya

untuk mengekalkan perpaduan sosial serta untuk mengawal kelakuan individunya.

Dalam masyarakat primitif, hubungan antara individu dengan individu yang lain begitu rapat sekali. Dalam bidang pengeluaran misalnya walaupun pengeluaran ini secara kecilan atau secukup hidup dalam masyarakat ringkas terjelma kerjasama yang erat. Seheinggakan semasa mereka memburu dan memungut buah-buahan pun mereka harus bersatu kerana tujuan tertentu. Hanya kekuatan semangat kerjasama mereka itu mungkin berbeza-beza. Tidak ada masyarakat yang kita ketahui yang tidak mempunyai bentuk kerjasama kerana tidak ada manusia yang boleh hidup sendirian. Ikatan kerjasama dalam lapangan ekonomi mungkin membentuk asas kehidupan sosial. Refleksi seperti ini telah membimbing ahli antropologi sosial untuk menimbang beberapa jenis kerjasama yang berbeza-beza. Analisis pertama yang sistematis telah dilakukan oleh Durkheim. Dia ingin melihat apakah kuasa atau pengaruh yang mengikut individu bersama-sama di dalam sesuatu masyarakat; apakah faktor yang menjelmakan perpaduan sosial ini? Dalam analisisnya ini dia telah membuat kesimpulan iaitu perpaduan sosial boleh dicapai dengan dua cara. Pertama, melalui apa yang disebutnya sebagai perpaduan mekanis. Perpaduan mekanis terjelma pada semua atau sebahagian besar anggota masyarakat yang bekerjasama itu, baik mereka masyarakat pemburu, penternak binatang, petani atau apa juga corak kehidupan, mereka menjalankan tugas yang sama. Keseragaman ke atas aturan yang sama dan nilai yang utama ini pada tanggapan Durkheim tercapai disebabkan oleh takutkan balasan atau hukuman, sama ada hukuman yang dikenakan oleh anggota masyarakat atau hukuman yang dikenakan oleh kuasa tuhan. Cara kedua bagaimana perpaduan sosial dapat dicapai melalui perpaduan yang disebut sebagai perpaduan organik. Dalam hal ini faktor ikatan bukannya terletak pada keseragaman ke atas aturan, tetapi terletak pada pengkhususan individu atau pengkhususan sesuatu kelompok, supaya dengan cara ini ada orang yang mengeluarkan beberapa jenis barang dan khidmat manakala orang lain pula perlu mengeluarkan barangan dan khidmat yang lain pula. Dengan cara yang demikian ia dapat melahirkan pertukaran timbal balik dalam masyarakat, jadi sebagaimana bahagian sesuatu organisma, maka kita lihat setiap manusia adalah bergantung kepada

aktiviti manusia lain. Kesemua aktiviti mereka bertujuan untuk melicinkan perjalanan seluruh masyarakat itu. Durkheim berpendapat bahawa dalam sistem seumpama itu hukuman yang menekan ke atas anggota masyarakat digantikan dengan ganjaran. Pemenuhan obligasi seumpama ini dan bukannya penentangan ke atas aturan ini yang bertindak untuk mengikat anggota masyarakat bersama-sama.

Dalam masyarakat primitif perpaduan sosial tercapai dengan ikatan kerjasama yang kuat dan hidup berkelompok dengan rapat. Misalnya institusi makan bersama dalam masyarakat primitif yang diadakan dalam upacara tertentu seperti upacara beranak, berkahwin dan mati serta juga upacara korban terus mengekalkan perpaduan sosial.

Perpaduan sosial pula adalah sistem yang digunakan oleh masyarakat untuk memelihara aturan, kestabilan dan keharmonian masyarakat. Perpaduan sosial merupakan reaksi masyarakat ke atas cara kelakuan yang sama ada akan diterima atau ditolak oleh masyarakat. Secara ringkasnya, apabila cara kelakuan mereka diterima oleh keseluruhan masyarakat ia merupakan tekanan positif, sekiranya ditolak ia merupakan tekanan negatif. Contoh tekanan positif ialah seperti pemberian hadiah, memberikan gelaran, dan memberikan kepujian kepada jiran tetangga dengan ikhlas. Semua ini merupakan apa yang patut dilakukan oleh masyarakat. Tekanan negatif merupakan kelakuan yang sepatutnya tidak dilakukan oleh masyarakat. Kelakuan ini selalunya akan diikuti dengan idea bahawa sesuatu yang tidak diingini akan berlaku, seperti mengenakan hukuman ke atas seseorang. Tekanan yang positif merupakan galakan yang penting terhadap kelakuan yang diterima. Tetapi biasa berlaku dalam masyarakat pada keseluruhannya anggota masyarakat cenderung untuk berkelakuan sebagaimana yang sepatutnya mereka lakukan kerana takutkan akibat yang kurang menyenangkan sekiranya mereka tidak melakukannya, dan jarang mereka lakukan kerana mereka akan mendapat ganjaran sekiranya mereka lakukan. Namun demikian, walaupun terdapat tekanan positif dan negatif dalam kebanyakan masyarakat tekanan yang diberikan adalah pada aspek yang negatif.

Dalam aspek agama, tekanan yang lahir daripadanya merupakan satu institusi bagi mengawal kelakuan individu dalam masyarakat. Ada empat kemungkinan bagaimana untuk mengkaji hubungan

antara agama dan moral. Pertama moral tidak dapat dipisahkan daripada agama, tetapi moral merupakan perkara kedua dalam hal agama. Kedua, moral dan agama mempunyai hubungan yang rapat tetapi moral adalah aspek yang lebih awal terjelma dalam sejarah masyarakat. Ketiga, moral dan agama bukan sahaja berhubung rapat, tetapi kedua-duanya adalah serupa. Keempat, agama dan moral adalah terpisah dan tidak ada kaitannya. Tiap-tiap konsep ini merupakan pernyataan yang bercampur aduk tentang nilai dengan pernyataan tentang fakta. Agama dan moral, boleh dikaji berasingan, tetapi jelas sekali bahawa kedua-duanya adalah saling berhubungan dalam setiap masa dan setiap tempat.

Etika dan kod moral iaitu aturan kelakuan hidup manusia dalam hubungan mereka dengan manusia lain, wujud dalam semua masyarakat kerana ini adalah perlu sekiranya masyarakat itu hendak terus wujud. Sekiranya manusia dikenakan supaya berkelakuan seperti haiwan untuk memenuhi keperluan dan kehendaknya tanpa memikirkan kebudayaan, manusia tidak akan sampai ke peringkat seperti sekarang ini.

Dalam masyarakat yang menganuti agama-agama besar di dunia ini, aturan etika atau kelakuan moral diperkuatkan oleh agama. Sekiranya seseorang itu menjalankan kehidupannya dengan baik, ia akan mendapat ganjaran daripada Tuhan. Sekiranya kelakuannya buruk ia akan menerima hukuman daripadanya. Dalam masyarakat primitif cara hubungan antara etika dan agama yang tumbuh adalah lemah, dengan sebab itu kedua-dua aspek ini berkait di sana sini dan tidak pada keseluruhannya.

Agama mungkin juga bertugas dalam cara lain dengan secara tidak langsung untuk memberikan sokongan terhadap kod moral. Dalam masyarakat di mana dikatakan kesejahteraan manusia adalah dihubungkan dengan raja yang mewakili tuhan atau pelindung kepada sesebuah negara, kepercayaan "supernatural" mungkin menyokong undang-undang yang ditetapkan oleh raja dan adat yang mereka pegang.

Daripada kajian antropologi yang telah dijalankan oleh Malinowski dan Radcliffe-Brown wujud beberapa larangan "supernatural" terhadap orang yang melanggar aturan etika. Aturan yang sama juga terdapat dalam masyarakat lain, baik primitif mahupun moden. Larangan terhadap "supernatural" sungguh banyak sekali dalam

kepercayaan agama primitif, tetapi kesalahan yang berlaku selalunya adalah perbuatan yang kita lihat agak tidak munasabah melanggar etika, dan seringkali kesalahan ini adalah perbuatan yang tidak diberikan kepentingan moral oleh masyarakat primitif itu sendiri.

Pantang larang yang dikenakan kepada masyarakat primitif, melibatkan tekanan “supernatural”; sesiapa yang melanggar pantang larang dalam masyarakat primitif dipercayai akan mendapat akibat yang buruk dari “supernatural”. Perbuatan itu tidak jauh bezanya dengan konsep etika dalam masyarakat Barat dan dalam masyarakat kita, iaitu kerap kali ditujukan ke atas hubungan manusia dengan manusia. Dalam hal ini banyak contoh, dapat diberikan misalnya memakan makanan tertentu dan kesalahan kerana meninggalkan atau salah melakukan sesuatu upacara amal. Perbuatan lain yang mempunyai larangan “supernatural” dalam masyarakat primitif agak rapat sekali hubungannya dengan konsep etika. Sumbang muhrim selalunya akan menerima hukuman “supernatural”, tetapi membunuh orang, berzina, mencuri dan kesalahan sosial seumpama itu yang dianggap serius oleh anggota masyarakat yang terlibat biasanya akan terlepas tanpa menerima hukuman dari “supernatural”.

Hukuman “supernatural” selalunya dikenakan dalam masyarakat primitif dalam bentuk “sumpah” oleh individu yang telah membuat janji dengan “supernatural”. Semua ini melihatkan perkara etika. Beberapa puak terpaksa bersumpah dahulu dan menyatakan segala kesalahannya supaya merasa tidak berdosa sebelum mereka pergi ke medan peperangan.

Hukuman “supernatural” yang sering diterima oleh masyarakat primitif selalunya dalam bentuk penyakit, kematian, kekurangan makanan dan lain keperluan hidup. Kepercayaan pada ganjaran selepas mati, kurang dipegang. Dalam masyarakat primitif hukuman kerana melakukan kesalahan yang selalu ditekankan dan jarang disebutkan tentang ganjaran. Ada hukuman selepas mati, di mana letaknya roh seseorang bergantung atas status sosial mereka; roh golongan elit akan ditempatkan pada tempat yang lebih baik daripada roh pengembala lembu biasa. Atau mungkin bergantung secara langsung kepada upacara pengkebumian iaitu upacara yang

dilakukan secara besar-besaran menjadi asas untuk masuk ke tempat yang baik.

Bagaimana seseorang itu mati, kadang-kadang tanpa memandang sifat semasa hidup akan menentukan roh seseorang itu. Di kalangan masyarakat Aztec, roh orang yang mati berperang dan orang yang mati kerana upacara korban terhadap Tuhan Aztec dipercayai akan sampai pada tempat yang baik selepas mati; roh perempuan yang mati semasa melahirkan bayi, orang yang mati di medan perang, akan ditempatkan di tempat lain tetapi pada tempat yang hampir serupa dengan status atasan. Orang yang mati lemas, kena sambar petir, penyakit kusta akan ditempatkan di kelas ketiga; manakala orang yang mati kerana penyakit, tua atau cara lain yang tidak terhormat mendapat tempat yang lebih rendah. (Norbeck, 1974).

Terdapat berbagai-bagai teknik untuk mengelakkan hukuman "supernatural" iaitu selepas kesalahan telah dilakukan. Namun demikian kadang-kadang tidak ada cara langsung untuk mengelakkan hukuman terhadap kesalahan melainkan menunggu sahaja hukuman itu. Cara lain ialah dengan meminta pertolongan magis yang mempunyai hubungan secara langsung dan boleh mengawal kuasa "supernatural".

Dalam masyarakat Aztec orang yang telah melakukan kesalahan itu diminta mengaku di hadapan orang beragama yang mana orang beragama akan cuba meminta maaf atas kesalahan orang tadi. Cara menyatakan kesalahan di hadapan orang beragama seumpama ini terdapat juga dalam masyarakat primitif lain.

Agama adalah lebih daripada idea mengenai ketuhanan dan kuasa ghaib. Agama merupakan satu rentetan kepercayaan dengan kesan yang praktikal dalam hal kemanusiaan dan ia juga merupakan satu sistem tindakan dan interaksi di antara manusia dengan memberikan akibat penting terhadap kebudayaan, masyarakat dan individu.

Ahli sains sosial seperti Robertson Smith, Durkheim, Malinowski dan Radcliffe-Brown telah menggunakan pendekatan fungsionalisme dalam tinjauan mereka ke atas peranan agama serta hubungannya dengan masyarakat dan individu, dan juga hubungan antara agama dan bahagian lain dalam kebudayaan. Fungsionalisme

telah menjadi orientasi teoritis yang kuat sekali dalam melihat fungsi agama.

Ahli fungsionalis melihat kebudayaan sebagai satu keseluruhan sistem yang mengandung komponen yang saling mempengaruhi. Teori fungsional ini melihat masyarakat sentiasa dalam keadaan yang seimbang. Institusi yang kompleks ini, yang keseluruhannya menjadikan sistem sosial, tiap-tiap bahagian daripada institusi tadi saling bergantung dengan bahagian yang lain, dan perubahan pada sebarang bahagian akan melibatkan bahagian lain akhirnya akan melibatkan perubahan keseluruhan sistem itu.

Dalam hal ini, agama ialah salah satu kelakuan manusia yang diinstitusikan. Soalannya ialah: apakah sumbangan satu-satunya kompleks institusi bagi mengekalkan sistem sosial itu? Ahli fungsionalis menjelaskan sumbangan ini boleh merupakan sumbangan yang nyata atau sumbangan yang tidak nyata. Sumbangan ini kadang-kadang dapat difahamkan oleh manusia yang melakukan upacara amal itu, tetapi kadang-kadang sumbangan yang dimainkan oleh agama itu di luar kesedaran manusia yang melakukannya. Dengan perkataan lain, satu-satu institusi sosial itu mempunyai dua fungsi, fungsi ketara dan fungsi terpendam sebagai sebahagian dari keseluruhan sistem sosial. Dalam hal ini soalan yang akan kita tanyakan ialah: apakah fungsi ketara dan terpendam institusi agama bagi mengekalkan keseimbangan sistem sosial secara keseluruhannya?

Teori fungsional melihat manusia di dalam masyarakat sebagai memerlukan dua jenis kehendak dan mempunyai dua kecenderungan untuk bertindak. Manusia mestilah bertindak ke atas alam sekeliling, sama ada cuba menyesuaikan diri dengan alam keliling atau cuba memahami dan menguasainya bagi menentukan dan mengekalkan hidupnya. Teori fungsional melihat keperluan manusia seperti itu timbul daripada tiga sebab besar wujudnya masyarakat manusia.

Pertamanya manusia hidup dalam keadaan yang belum tentu: kejadian yang penting bagi keselamatan dan kesejahteraan di luar dugaannya. Masyarakat manusia, penuh dengan perkara yang belum tentu.

Keduanya, keupayaan manusia untuk mengawal dan mempengaruhi keadaan kehidupannya sangat terbatas. Dalam hal dan

ketika tertentu manusia menghadapi konflik antara keperluannya dan alam sekelilingnya. Masyarakat tidak berupaya untuk mengawal alam sekeliling.

Ketiga, manusia mestilah hidup dalam masyarakat dengan pembahagian fungsi, kemudahan, kesempatan dan ganjaran yang tertentu. Lantas ia memerlukan kordinasi imperatif. Tambahan lagi, masyarakat wujud dalam keadaan yang serba kekurangan. Adanya keperluan ini di alam yang serba kekurangan menyebabkan pembahagian barang serta nilai yang berbeza-beza. Oleh itu teori fungsional melihat peranan agama membantu manusia untuk menyesuaikan diri terhadap tiga fakta: — hidup yang penuh dengan perkara yang belum tentu, kekurangan kekuasaan dan hidup dengan fungsinya tersendiri. Inilah sifat yang terdapat pada manusia dilihat dari teori fungsional dan sifat ini merupakan sifat semula jadi dalam masyarakat manusia. Agama dalam hal ini dilihat sebagai mekanisme asas bagi menstabilkan manusia untuk menghadapi unsur yang sentiasa mengecewakan.

Kehidupan yang tidak pasti dimaksudkan kepada fakta aktiviti manusia, walau bagaimana cermat sekalipun sesuatu aktiviti itu dirancang dan dijalankan, manusia sering akan menghadapi kekecewaan. Oleh sebab aktiviti seperti itu selalunya melibatkan perasaan dan emosi yang tinggi, kekecewaan seumpama itu akan melemahkan masyarakat. Seheingakan dalam masyarakat yang telah maju teknologinya, masa depan masyarakat itu masih belum dapat diduga dan ini menjadikan manusia sentiasa gelisah dan resah.

Manusia tidak mempunyai kuasa dan tidak semua apa yang dikehendaki oleh manusia akan tercapai. Manusia memerlukan banyak perkara, tetapi apa yang berlaku kadang-kadang bertentangan dengan apa yang dikehendaki. Kematian, kesengsaraan, keganasan sentiasa berlaku pada diri manusia. Perkara seumpama ini menghindarkan manusia dari mencapai kepuasan dan kegembiraan.

Fungsi agama mungkin dapat dinyatakan daripada sumbangan yang diberikannya terhadap integrasi untuk mengekalkan sama ada masyarakat atau individu. Sumbangan agama di dalam sesuatu masyarakat boleh menumpukan fungsi yang positif atau fungsi yang negatif. Fungsi positif yang dimainkan oleh agama ini dapat meneruskan wujudnya sesuatu masyarakat; sementara fungsi negatif merupakan sumbangan yang membawa kepada kehancuran dan

kemusnahan sesuatu masyarakat. Ahli teori fungsional menumpukan pemerhatian mereka kepada fungsi yang positif, yang selalunya tidak pun diketahui oleh masyarakat agama itu sendiri, terutamanya terhadap fungsi positif yang terpendam. Salah satu fungsi positif yang terpendam ini ialah peranan agama yang dikemukakan oleh Durkheim. Durkheim melihat peranan agama yang penting ialah mengekalkan dan menyatukan sesuatu masyarakat. Dengan kepercayaan yang sama terutama sekali dengan upacara amal bersama pada waktu tertentu, sesuatu kepentingan bersama diperkuatkan dan anggotanya diikat menjadi satu komuniti yang mempunyai moral yang sama. Durkheim dengan jelas mengatakan bahawa daya agama itu datangnya dari hasil atau akibat yang tidak disengajakan.

Selain daripada fungsi positif yang terpendam itu agama harus dilihat dari fungsi ketara. Fungsi ketara ini, bertujuan untuk perbuatan dalam kelakuan beragama yang terjelma atau wujud dalam fikiran si pelakunya. Satu contoh fungsi terpendam dan ketara ialah upacara pemujaan yang diketahui oleh masyarakat bahawa untuk meminta hujan upacara seperti itu apabila diadakan akan menurunkan hujan. Ini ialah fungsi ketara. Mereka yang mengambil bahagian sedar tujuan mengambil bahagian dalam upacara itu terdapat tujuan lain yang kurang penting seperti hiburan dan mungkin satu peluang untuk mendapatkan martabat dengan memertunjukkan kekayaannya. Tetapi mereka mungkin tidak mengetahui bahawa dengan melakukan upacara seumpama itu memberikan mereka satu kepastian psikologi serta menguatkan kesatuan masyarakat melalui perlakuan bersama itu tadi.

Daripada kaca mata ahli fungsionalis agama memberikan identiti seseorang individu di dalam satu kelompok memberikannya keteguhan dalam menghadapi perkara yang belum tentu. Agama dalam meringankan beban jiwa seseorang dalam masa menghadapi kekecewaan; mendekatkan seseorang untuk mencapai tujuan sesuatu masyarakat; meninggikan moral seseorang individu di dalam masyarakat; memberikan unsur identiti kepada seseorang. Agama bertindak untuk menguatkan kesatuan dan kestabilan masyarakat dengan memperkuatkan kawalan sosial, meninggikan nilai daripada tujuan yang sedia ada, dan memberikan cara untuk mengatasi masalah rasa bersalah dan kerengangan individu dalam masyarakat.

Malinowski telah membuat hipotesis terhadap keperluan asas tertentu bagi sesuatu masyarakat. Agama adalah salah satu keperluan asas ini yang terdapat di mana-mana sahaja. Hal ini dapat dilihat dalam semua masyarakat apabila salah seorang anggotanya *mati*. Mengapa tidak dibuang sahaja mayat itu, kenapa diadakan upacara amal tertentu? Ini ialah kerana dipercayai manusia itu mempunyai semangat, jadi apabila ia mati akan menjadi hantu dan mengganggu orang lain. Oleh sebab itu harus diadakan upacara amal supaya hantu atau roh tadi tidak mengganggu orang lain. Manusia itu mempunyai roh juga, yang akan hidup kembali. Oleh itu perlu diadakan upacara untuk menghantarkan roh itu ke alam yang satu lagi.

Oleh itu peranan yang dimainkan oleh agama atau mana-mana juga bahagian daripada sesuatu kebudayaan itu adalah merupakan bahagian yang dimainkan untuk memenuhi keperluan asas ini tadi. Beberapa orang sarjana telah menganggap bahawa tiap-tiap unsur kebudayaan itu tidak dapat dipisahkan dan ia memainkan peranan yang positif dalam menghadapi keperluan individu dan masyarakat.

#### **4. Animisme**

Orang yang mempersembahkan barang persembahan dan perbuatan upacara amal kepada kuasa ghaib adalah orang yang percaya bahawa kuasa seperti itu ada dan wujud di samping makhluk lain. Pengaruh ini boleh merupakan perkara yang baik, umpamanya memberikan semangat dan perangsang atau sebaliknya iaitu menyebabkan sakit, kemalangan dan berbagai-bagai bahaya. Kuasa ghaib seperti ini tidak dapat dihuraikan secara saintifik oleh orang primitif. Oleh sebab itu kuasa seperti ini akan menimbulkan perasaan takut, hormat dan kagum. Tidak ada penyelesaian lain yang dapat diberikan oleh orang primitif apabila menerima kesusahan yang di luar pengalaman mereka, melainkan terus membuat pujaan dan persembahan kepada kuasa ghaib.

Pada Tylor (1971) percaya kepada kuasa ghaib inilah yang lebih penting jika dibandingkan dengan perbuatan upacara amal seperti persembahan, korban dan sebagainya. Bagi Tylor idea percaya kepada benda dan kuasa ghaib ini merupakan satu asas agama. Kuasa ghaib yang dimaksudkan ini ialah roh dan semangat.

Kepercayaan seperti ini dimaksudkan oleh Tylor sebagai “animisme”. Animisme ialah kepercayaan yang meliputi semua bentuk kepercayaan terhadap kuasa ghaib atau semangat. Dia telah membahagikan kepercayaan ini kepada dua golongan:

- (i) *doctrine of souls* — asas agama yang berdasarkan kepada roh;
- (ii) *doctrine of spirits* — asas agama yang berdasarkan kepada semangat.

Kedua-dua perkara yang dianggap sebagai asas agama orang primitif ini adalah anggapan bahawa makhluk selain daripada manusia juga mempunyai roh dan semangat. Roh dan semangat inilah yang mempengaruhi hidup manusia dan makhluk lain. Kepercayaan seumpama ini, pada anggapan Tylor, timbul daripada pengalaman manusia yang sejagat.

Apabila seseorang itu mati, bererti sesuatu telah keluar atau meninggalkan badannya. Selain daripada kematian dapat juga dilihat seolah-olah ada kehilangan sesuatu semasa seseorang itu tidak sedarkan dirinya, pangsan, semasa ia menurun ataupun semasa ia tidur. Manusia bermimpi bahawa mereka telah melihat orang lain dalam mimpinya, dan juga merasakan bahawa mereka berada di tempat asing. Bagaimanakah mereka dapat bertemu orang lain sedangkan ia tidak pergi ke mana-mana? Semua pengalaman ini dapat dijelaskan sekiranya seseorang itu menganggap bahawa di dalam badan mempunyai semangat. Semangat ini boleh meninggalkan badan, buat sementara waktu atau selama-lamanya, dan semangat tadi telah keluar dan mengalami pengalaman yang baru. Pendapat tentang semangat yang menyebabkan seseorang itu hidup menimbulkan kepercayaan kepada pemujaan si mati, terutamanya dalam bentuk penyembahan nenek moyang, dianggap oleh Tylor dapat menjelaskan konsep animisme. Dunia luar dari dunia manusia adalah diduduki oleh semangat yang mempunyai perkaitan dengan objek di alam sekeliling.

Tylor menganggap animisme ialah satu bentuk tingkah laku beragama yang paling awal. Dia melihat daripada berbagai-bagai agama masyarakat primitif dan masyarakat yang bertamadun, wujud satu pertalian evolusi yang berkembang menjadi *entiti* luar biasa. Kepercayaan ini dianggap mempunyai kebenaran dan ke-

pentingan susunan yang bertingkat-tingkat. Perkembangan pertalian ini yang bermula dari animisme kepada monotheisme — percaya pada satu dewa atau kuasa ini adalah satu perkembangan yang terakhir dalam sejarah manusia.

Animisme bermula daripada percubaan pemikiran manusia untuk menghuraikan beberapa keadaan jasad dan fikiran seperti tidur, berjalan, menurun atau keadaan tidak sedarkan diri yang lain, sakit, hidup dan mati, dan sifat manusia yang terjelma dalam mimpi dan semasa sedar. Bila memikirkan semua perkara ini, timbul dalam falsafah primitif idea tentang semangat yang boleh bercerai daripada badan dan yang menyebabkan tidur dan keadaan tidak sedarkan diri. Semasa tidur atau tidak sedarkan diri semangat yang berpisah dari badan menjalankan aktiviti yang dapat dilihat dalam mimpi. Kehilangan semangat buat selama-lamanya bererti sakit yang kuat atau mati. Setelah manusia mengetahui bahawa adanya semangat iaitu sebagai suatu kuasa penting yang menyebabkannya menjadi makhluk yang dapat melihat dan merasa, maka alasan ini terus digunakan untuk menguatkan kepercayaan mereka. Manusia memanjangkan konsep semangat ini kepada binatang lain, kepada tumbuh-tumbuhan dan kepada objek yang tidak bernyawa, yang mana semuanya akan kelihatan dalam mimpi dan dalam keadaan lain yang tertentu. Dengan perkembangan animisme seperti ini, semua kepercayaan keagamaan yang lebih luas terus muncul. Tingkat-tingkat kuasa, ghaib dan edaran evolusi timbul dalam kepercayaan *monotheistic*.

Ahli antropologi klasik melihat asal usul agama itu lahir daripada perasaan hormat dan takut, iaitu hormat orang tua semasa mereka hidup, dan takutkan roh atau hantu mereka setelah mereka mati. Mereka percaya bentuk agama yang tertua sekali ialah penyembahan hantu daripada roh nenek moyang yang mati. Semasa hidupnya ia dihormati tentang pengalamannya, ajarannya dan sebagainya. Ini dapat dilihat dari kajian yang dibuat oleh Geertz (1960) di mana dia telah menyebutkan upacara *selamatan* di kalangan orang Jawa, golongan *Abangan*. Menurutnya golongan abangan ini akan meninggalkan sisa makanan khas pada malam Jumaat, yang kononnya roh datuk nenek akan pulang ke rumah. Makanan tadi adalah hidangan untuk roh nenek moyang. Golongan abangan ini percaya iaitu roh tadi akan marah sekiranya tidak ada

sebarang makanan ditinggalkan. Oleh sebab itu menjadi pantang mereka untuk membasuh pinggan mangkuk yang telah digunakan pada malam Jumaat.

## 5. Teori Magis

Frazer (1890) telah membezakan dengan nyata antara magis dan agama. Dia melihat magis itu rasional tetapi alasan yang diberikan adalah salah. Magis merupakan "pseudoscience" orang primitif. Dengan magis orang primitif cuba mengawal alam ini bagi kepentingan mereka. Tetapi apabila manusia mendapati bahawa bacaan jampi, mentera, serapah dan manipulasi magis secara mekanik itu gagal untuk mendapatkan kepentingan yang diharapkan, maka manusia menghuraikan secara mekanikal bahawa upacara amal tidak dilakukan dengan baik seperti yang biasa, atau ahli magis telah melanggar pantang larang atau terdapat pertentangan dengan magis yang lebih kuat. Oleh sebab itu manusia tidak dapat mengawal "supernatural".

Ada tiga konsep yang berkaitan dengan magis, ilmu sihir, (*witchcraft*) dan penilikan (*devination*) ialah tiga konsep yang mewakili tingkah laku kepercayaan, yang berhubung rapat dengan masalah manusia untuk mengawal alam sekitar. Semua masyarakat cuba untuk mengawal alam sosial dan fizikal mereka, atau sekurang-kurangnya ingin mengetahui terlebih dahulu, tentang kehidupan mereka. Melalui proses pengawalan, huraian dan penilikan, usaha tersebut memberikan makna yang penting kepada kehidupan manusia.

Magis mengandungi berbagai-bagai kaedah upacara amal di mana kejadian dapat dipengaruhi secara automatik dengan kuasa-kuasa "supernatural". Melalui upacara amalnya seseorang itu memohon belas kasihan daripada "supernatural". Dalam beberapa hal ahli magis, menggunakan kuasa ghaib untuk mendapatkan pertolongan mereka melalui doa dan upacara korban. Magis ialah satu ikhtiar untuk mengawal dan menguasai alam sekitar dalam hubungan sosial. Dalam magis hubungan antara usaha dengan hasil magis tidak dapat diukur. Magis juga adalah satu cara untuk menentang tukang sihir dan bomoh yang cuba menghalang sesuatu perkara yang ingin dicapai.

Mengikuti Frazer agama ialah cara untuk mendapatkan pengampunan atau pertolongan dari kuasa yang lebih kuat daripada kuasa manusia yang dipercayai mengarah dan mengawal perjalanan dan kehidupan manusia. Frazer melihat agama itu mengandungi dua unsur: teoritis dan praktis. Unsur teoritis tadi ialah kepercayaan terhadap kuasa yang lebih tinggi daripada makhluk biasa. Unsur praktis ialah percubaan untuk mendapat pertolongan atau percubaan untuk menarik hati kuasa yang dianggap lebih besar dan lebih tinggi daripada kuasa makhluk biasa. Ternyata antara keduanya tadi kepercayaan adalah konsep yang lebih awal diketahui kerana kita terlebih dahulu mestilah percaya wujudnya kuasa besar sebelum kita cuba menarik hati mereka. Jadi agama pada Frazer ialah kepercayaan yang disertakan dengan amalan kerana kepercayaan yang tidak diamalkan adalah agama yang mati. Justeru itu, tidak ada manusia yang dianggap beragama sekiranya ia tidak menyelaraskan kelakuan dan perbuatannya sedikit sebanyak dengan perasaan takut atau sayangkan Tuhan. Dua orang manusia boleh berkelakuan serupa tetapi yang seorang itu mungkin beragama, manakala yang seorang itu tidak, dilihat daripada pernyataan tadi. Sekiranya seseorang itu bertindak kerana sayangkan atau takutkan Tuhan, ia adalah dianggap beragama; manakala sekiranya yang seorang lagi itu bertindak kerana kasihan atau takutkan manusia, ia adalah orang yang bermoral yang mahu menyelaraskan kelakuan mereka dengan apa yang dipandang baik dalam masyarakat dan tidak mahu menghadapi konflik. Lantas, kepercayaan dan amalan sama penting dalam agama. Agama tidak mungkin wujud tanpa wujud kedua-duanya sekali. Tetapi, mengikut Frazer, tidaklah semestinya amalan agama itu berbentuk upacara amal, iaitu amalan itu tidak perlu melibatkan persembahan atau korban, bacaan doa, dan perbuatan luar yang lain. Tujuan amalan tadi ialah untuk mengambil hati dewa dewi. Sekiranya dewa dewi itu ialah dewa dewi yang suka kepada sifat dermawan dan perasaan kasihan dan kesucian lebih daripada persembahan darah kepada tuhan, bukan dengan bersujud di hadapan mereka, atau dengan mendayu-dayu mengagungkan namanya, dan dengan memenuhi tempat penyembahannya dengan hadiah yang mahal-mahal, atau dengan bacaan ayat suci dan asap bauan tetapi ialah dengan cara perbuatan yang suci dan cara kasihan dan murah hati sesama manusia. Dengan cara yang demikian manusia

akan meniru, sejauh mana manusia yang lemah ini dapat melakukannya seperti sifat Tuhan yang sempurna.

Sekiranya agama mengandungi kepercayaan terhadap kuasa "supernatural" yang menguasai dunia ini, dan cuba mendapatkan pertolongan daripada kuasa "superhuman", maka ini jelas dapat dianggap bahawa perjalanan alam sedikit sebanyak adalah longgar, boleh diubah kerana roh itu boleh dipujuk. Tuhan yang menguasai dunia ini menyimpang untuk kepentingan diri kita, atau untuk mengelakkan kejadian yang seharusnya berlaku. Andaian tentang kelonggaran "nature" bertentangan dengan prinsip sains dan magis. Kedua-duanya menganggap bahawa proses "nature" ini tidak dapat diubah dan oleh itu mereka tidak mungkin dipesongkan daripada perjalanan mereka dengan pujukan, permintaan atau kekerasan dan menakut-nakutkan.

Agama iaitu satu konsep cuba terbaik-baik dengan kuasa "superhuman", menganggap magis sebagai alternatif. Kerana sifat cuba diajak terbaik-baik menganggap bahawa makhluk yang diminta terbaik-baik itu sedar bahawa perangnya atau kelakuannya tidak tetap, sebab itu ia boleh dipengaruhi dengan memberikan perkara yang digemarinya. Sifat terbaik-baik tidak mungkin dapat diberikan kepada benda yang dianggap tidak bernyawa, tidak juga kepada makhluk yang tidak ada emosi, dan mempunyai sifat yang tidak boleh bertolak-ansur.

Pengkritik teori Frazer berpendapat bahawa magis bukannya berlaku dengan sendirinya, seperti yang dibayangkan dalam teorinya. Hanya apabila manusia melakukan magis, iaitu apabila mereka menjalankan upacara, barulah dapat dilihat atau diharapkan hasilnya. Magis ialah cara menyelesaikan sesuatu keadaan, pengucapan sesuatu keperluan itu berbentuk lambang. Ini bukannya merupakan penggunaan pengetahuan empiris yang diterima iaitu pengetahuan mengenai sifat objek semula jadi. Bagi ahli magis yang pintar keseluruhan perlakuan upacara yang difikirkan mempunyai kesan, bukannya benda yang digunakan itu sendiri. Fikiran simbolik ini yang mempunyai kuasa untuk menghasilkan sesuatu. Simbol inilah yang penting dalam hal ini. Simbol ini merupakan satu jenis bahasa, suatu cara untuk menyatakan sesuatu. Selain daripada menjelaskan sesuatu, aktiviti magis yang simbolik ini mempunyai aspek yang berguna, ertinya ia merupakan alat untuk mendapatkan sesuatu.

Umpamanya, benda yang digunakan untuk menyakiti orang lain seperti ubat pengasih adalah simbol.

Ahli kritik antropologi menganggap Frazer gagal untuk melihat bahawa magis bukan hanya sebagai satu teori yang terpesong mengenai sebab akibat alam, kerana dia menekankan tentang apa yang manusia fikirkan mengenai benda, dan tidak apa dilakukan terhadap mereka. Frazer mencapai teorinya mengenai pemikiran primitif dengan imajinasinya, iaitu ia telah meletakkan dirinya, di tempat mereka kemudian mengagak-agak apakah jenis teori mengenai alam yang boleh disesuaikan dengan kelakuan mereka. Pada hakikatnya magis ialah aktiviti yang simbolik, bukannya saintifik, dan unsur yang digunakan dalam magis adalah dipilih, kerana secara simboliknya ia sesuai, bukannya ia telah diperolehi atau ditemui dengan ujian yang cermat serta mempunyai jenis keberkesanan yang biasa. Frazer berjaya mengidentifikasi dua prinsip asal mengenai simbol magis, tetapi ia terkeliru dalam mengasaskan atas simbol ini satu teori primitif mengenai sebab akibat.

Jadi magis bukan hanya merupakan satu cara memikirkan benda, ia juga merupakan cara melakukan sesuatu. Ertinya di sini terdapat juga dua unsur dalam agama yang kita sebutkan tadi, iaitu kepercayaan (teoritis) dan amalan (praktis). Di sinilah ternyata persamaan antara konsep agama dan magis. Cara lahirnya magis ini pun serupa dengan kelahiran agama itu iaitu di mana ia tumbuh daripada situasi yang kritis, dan membahayakan di alam ini yang tidak dapat dikuasai oleh kebolehan manusia.

## **6. Sinkretisme**

Teori kedatangan Islam ke Nusantara serta penyebarannya telah banyak diperbincangkan oleh ahli orientalis serta sarjana tempatan. Setengah daripada teori ini berpendapat bahawa Islam datang ke gugusan pulau Melayu (Nusantara) dibawa oleh pedagang India ke pusat perdagangan di Nusantara. Mereka mula-mula mengislamkan pembesar negeri, kemudian dianuti pula oleh rakyat jelatanya. Ada pula teori yang menyatakan Islam datang terus dari Parsi melalui perdagangan juga. Akhir-akhir ini ada pula pendapat yang mengatakan Islam di Tanah Melayu ini ada kemungkinannya datang dari sebelah timur, iaitu dari Negeri China. Terdapat beberapa bukti yang menunjukkan kebenaran teori ini.

Di sini kita coba melihat kedatangan Islam ke Nusantara sebagai titik permulaan perbincangan kita. Sebelum orang di Nusantara menganuti agama Islam, sebahagian besar daripada penduduk di kawasan ini menganuti agama Hindu. Tidak kurang pula di antara mereka yang menyembah roh datuk nenek mereka. Dan sebahagian daripada mereka adalah animis yang menyembah roh serta semangat. Mereka percaya tiap-tiap benda itu mempunyai roh dan semangatnya sendiri.

Apa yang terjadi apabila sebahagian besar daripada penduduk di kawasan ini mengenyepikan agama yang dipeluknya terlebih dahulu, baik agama Hindu ataupun pemujaan roh datuk nenek mereka, ialah sebahagian daripada kepercayaan yang lama yang dianuti oleh mereka itu bercampur dengan kepercayaan yang baru. Maka tidak dapat dinafikan, hari ini, bahawa kepercayaan orang yang menganuti agama Islam itu, banyak diselaputi dengan kepercayaan yang bukan Islam, umumnya kepercayaan Hindu dan kepercayaan pemujaan roh dan semangat. Keadaan seperti ini tidak hanya berlaku kepada orang Nusantara yang menganut agama Islam, tetapi juga kepada orang yang menganut agama Katholik, di mana masih terdapat saki-baki kepercayaan lama sebelum mereka menganuti sebarang agama, atau misalnya orang yang baru memeluk agama Kristian di Sarawak adalah "bukan Kristian yang sebenarnya", kerana mereka ini belum lagi meninggalkan kepercayaan lama mereka. Banyak contoh sinkretisme seperti ini dapat kita lihat di dalam masyarakat kita. Dan kita tidak boleh membuat sebarang penilaian dengan berasaskan etnosentrik agama yang kita anuti. Tugas kita sekarang ialah sebagai seorang ahli antropologi. Seharusnya kita hendaklah memberikan nilai kita mengikut secara objektif yang boleh. Dalam perkara ini kita harus tinggal neutral, terhadap kepercayaan agama. Ahli antropologi dan sosiologi lebih cenderung pada 'acculturation' atau 'konteks kebudayaan'. Amat penting bagi ahli antropologi memperkatakan sejauh mana sebarang kepercayaan tertentu atau perbuatan agama terletak pada kepercayaan yang 'tradisional' dan kepercayaan berakulturasi. Pendekatan seperti ini yang dimulakan oleh Malinowski, telah banyak menerima kritikan daripada ahli antropologi yang muncul selepasnya. Namun demikian cara interpretasi seperti ini masih banyak digunakan lagi sekarang.

Di sini kita cuba memikirkan apakah yang akan terjadi apabila orang yang tidak beragama sebelumnya menukarkan agama mereka. Keduanya kita cuba menunjukkan had terhadap pendekatan yang berpusat pada akulturasi. Kes perbincangan kita diambil daripada suku kaum Yourba dari Nigeria Barat (yang mana hampir 90% daripada mereka menganut agama Kristian dan agama Islam. Secara kasarnya separuh daripada mereka beragama Kristian dan separuh lagi beragama Islam), dan kita cuba melihat pula agama Islam yang dianuti oleh orang Islam di Malaysia.

Kebanyakan gereja di Afrika memberikan pendapat yang paradoks, apabila menceritakan tentang agama dan orang yang menganuti agama mereka itu. Mereka dengan megah mengatakan mereka menolak kepercayaan agama tradisional. Namun begitu mubaligh dan ahli antropologi dapat melihat perbezaan ini daripada agama gereja yang dibawa oleh mubaligh, iaitu agama baru itu masih banyak menunjukkan cara keagamaan dan kepercayaan yang lama dan masih tradisional.

Orang Kristian Yourba asalnya adalah hamba abdi yang baru dibebaskan. Sebelum mereka memeluk agama Kristian mereka mempunyai tradisi keagamaan mereka sendiri. Tradisi agama orang Yourba ini mengandungi satu sistem daripada berbagai-bagai kepercayaan, berlainan sekali daripada sistem kepercayaan orang dari negeri yang berhampiran. Sistem ini mengandungi satu kuasa atau dewa yang agak jauh sekali hubungannya dengan dewa kecil yang lain. Di samping dewa besar ini, mereka juga mempercayai tentang adanya beberapa dewa yang kecil sedikit kuasanya dipanggil *Orisa*: setengah kuasa dewa kecil ini luas dan bebas, tetapi kebanyakannya terbatas, dan sering mempunyai tugas tertentu, yang mana penganutnya menjadikan mereka sebagai kelompok kultus. Di samping dewa besar dan dewa kecil ini, orang Yourba ini juga mempercayai kepada roh datuk nenek dari mana mereka mempunyai pertalian darah, walau bagaimanapun tradisi totem seperti ini agak kurang penting dalam masyarakat Yourba. Satu lagi institusi agama yang terdapat di kalangan orang Yourba ini ialah adanya satu sistem penilikan disebut sebagai *Ifa*, di mana padri dihubungi untuk mendapatkan nasihat dan bimbingan baik dalam hal persendirian mahupun yang bersabit dengan orang ramai. Inilah unsur-unsur

yang terdapat dalam agama Yourba sebelum mereka menganuti agama Kristian.

Melihat daripada gejala ini tadi tidak dapat dikatakan bahawa agama orang Yourba ini sebagai satu agama 'primitif' kerana telah timbul kesedaran adanya dewa yang abstrak yang diketahui oleh agama Kristian.

Apabila mubaligh Kristian datang untuk menukarkan agama orang Yourba ini, pertama sekali mereka terpaksa menemui pembesar Yourba ini. Mereka bawakan kitab Injil untuk dipersembahkan kepada pembesar. Untuk mengambil hati orang Yourba ini, mereka bawakan mesin untuk mengisar jagung. Di samping menganut agama Kristian yang dibawa oleh mubaligh itu, pembesar ini tadi hendak memberikan penyembahan serta korban kepada mesin pengisar jagung ini kerana mesin ini dapat membuat kerja yang luar biasa. Konsep mereka, bahawa perkara yang luar biasa itu adalah datangnya daripada kuasa yang luar biasa juga iaitu dewa.

Terdapat beberapa persamaan antara dewa Yourba dan dewa yang disembah oleh orang yang berhampiran dengan negerinya. Kultus *Ignunnu* telah diperkenalkan daripada *Nupe*: dewa laut, *Olokun* sama-sama disembah oleh orang Yourba dan *Benin*: dewa penyakit cacar, *Sopona* disembah sebagai dewa yang menguasai tanah: dewa *Ifa* adalah serupa di banyak tempat. Proses peminjaman, perbandingan dan adaptasi ini selalunya berlaku antara sistem agama yang berbeza adalah hasil dari percampuran antara mereka dalam kawasan ini semasa dalam peperangan dan semasa menjalankan perniagaan.

Ada dua cara, bagaimana mubaligh memperkenalkan agama baru kepada sesuatu masyarakat. Pertama dengan menekankan pemberhentian kepercayaan yang lama apabila menerima agama yang baru. Cara ini banyak digunakan di antara orang Protestan yang berharap untuk membentuk satu generasi yang baru. Cara ini timbul daripada situasi di mana anggota masyarakat dipujuk untuk menukarkan daripada fahaman atheis atau tidak mempunyai agama kepada suatu agama yang tertentu. Cara yang kedua ialah membenarkan penerusan tradisi lama bersama-sama dengan kepercayaan yang baru. Cara ini lebih mudah diterima oleh anggota masyarakat yang ingin menukarkan agamanya, tetapi belum bersedia untuk menukarkan keseluruhan cara hidup yang lama. Ramai pengkaji

masyarakat primitif berpendapat bentuk agama orang primitif adalah *monotheisme*, tetapi tidak serupa prinsipnya dengan agama Katholik. Berpegang kepada sikap ini, mubaligh yang hendak mengkristiankan orang Yourba menghadapi berbagai-bagai masalah untuk mengubahkan kepercayaan mereka. Oleh itu untuk meneguhkan kepercayaan beberapa unsur agama mereka disesuaikan dengan agama Katholik, misalnya menyamakan korban dalam masyarakat Yourba yang belum beragama dengan korban yang menurut sejarah Kristian, iaitu dengan mengorbankan Nabi Isa. Mubaligh orang Kristian yang lain telah membuat satu persamaan antara korban yang dilakukan oleh orang yang tidak beragama bagi mendekati dewanya, dan sembahyang seperti orang Kristian, atau telah membandingkan *Ifa* sebagai bimbingan daripada datuk nenek orang Yourba yang membimbing orang Kristian Yourba. Mereka yang menggunakan pendekatan ini cuba melihat kedua-dua agama ini sebagai satu sistem kepercayaan dan perlakuan dengan sempadan, tujuan dan objek yang sama. Ini menunjukkan bahawa maksud penekanan ini berlainan dan yang satu lebih berkesan daripada yang satu lagi. Walaupun ada penyesuaian antara agama Kristian dengan agama Yourba yang asal, ahli Kristian Yourba mengecilkan sempadan 'agama' Yourba dengan cara yang baru, dan memberikan satu konsepsi tentang bentuk agama Kristian ini.

Untuk menyimpulkan di sini, *sinkretisme* ialah percampuran unsur daripada dua atau lebih tradisi agama. Dalam masyarakat Yourba terdapat beberapa sinkretisme, yang mana kepercayaan ini memberikan gambaran yang bertentangan: kepercayaan seperti ini terbit dari gereja di Afrika. Yang pertama sekali lahir daripada Gereja Ethiopia yang ditemui oleh S.A Oke, tahun 1918. Oleh sebab beberapa kejadian yang kurang *menyenangkan* pada tahun itu dia telah menggelarkan dirinya sebagai 'Nabi kepada orang Ethiopian' tetapi mengajar ajaran yang berlainan. Dia lebih banyak memperkatakan agama sejagat. Orang Yourba menganggap bahawa Islam adalah sebagai bentuk dunia orang Arab. Oleh itu Nabi Muhammad bukannya Nabi bagi orang bukan Arab. Dengan hal yang demikian Afrika harus mempunyai bentuk agamanya sendiri.

Dalam masyarakat Melayu, penganut agama Islam terdapat juga campur aduk kepercayaan agama Islam dengan kepercayaan Hindu dan animisme. Misalnya pesta mandi safar, pesta puja pantai,

bersemah kampung dan sebagainya. Kepercayaan bahawa tiap-tiap benda itu ada semangatnya, masih kuat pada sebilangan besar masyarakat Melayu. Dalam pesta puja pantai misalnya, mereka percaya bahawa ikan-ikan di laut itu dikuasai oleh semangat laut, ataupun penunggu laut. Semangat ini akan menghalau ikan ke tempat lain yang jauh dari pantai atau akan membawanya bermain-main ke pinggir laut. Maka satu usaha harus didapatkan untuk mendapatkan kerjasama daripada semangat ini. Semangat tadi harus dipelihara supaya jangan dimusuhi atau dilanggar dengan perbuatan yang tidak digemari. Oleh itu tata tertib semasa di laut harus dijaga. Mereka tidak boleh menegur sesuatu benda yang jarang dilihatnya, terutama sekali apabila mereka turun ke laut di waktu malam. Sekiranya mereka melanggar pantang larang ini, bahaya akan menimpa mereka. Untuk memujuk dan memuja semangat tadi satu persembahan harus diberikan. Biasanya dalam pesta puja pantai korban atau penyembelihan binatang seperti kerbau atau lembu perlu pula dilakukan.

Dalam hal ini, seorang yang berpengalaman tentang laut dan mempunyai hubungan secara halus dengan kuasa ghaib akan menjalankan upacara ini. Biasanya seorang pawang khas yang mempunyai ilmu laut akan dijemput untuk menjalankan tugas ini. Setelah jampi mentera dibacakan untuk memuja semangat dan roh penunggu laut, bomoh akan menyembelih kerbau atau lembu tadi. Kepala kerbau atau lembu ini akan dibuangkan ke laut. Kerbau ini melambangkan pemberian secara korban kepada semangat laut tadi. Daging kerbau tadi akan dibahagikan kepada orang yang mengambil bahagian dalam upacara ini, ataupun dibuat kenduri di tepi pantai. Dengan ini mereka percaya ikan akan banyak bermain di pantai, kerana semangat atau penunggu laut tadi telah menerima habuannya. Oleh itu tangkapan ikan pada tahun itu akan menjadi lumayan. Sejak tahun 1965 kerajaan negeri telah mengharamkan tradisi puja pantai ini kerana timbul kesedaran bahawa tradisi puja pantai ini merupakan ajaran bukan Islam.

Pengaruh puja pantai ini kepada nelayan di pantai timur amat kuat sekali. Kesan yang kuat sekali dirasakan akibat pengharaman puja pantai ialah di kalangan nelayan di kawasan Bachok. Mereka mengatakan ikan tidak bermain di pantai lagi lantas penangkapan ikan amatlah kurang. Oleh itu kata mereka harga ikan di Kota Bharu

hampir tiga kali ganda daripada harga sebelum tahun 1965. Satu bukti lagi tentang kurangnya penangkapan itu ialah tempat penyimpanan ikan yang dihidiahkan oleh kerajaan Kanada di situ telah dipindahkan dari Bachok ke Tumpat.

Bukan itu sahaja ramai nelayan di situ telah berpindah ke Seberang Takir di Kuala Trengganu dan ke kawasan Mersing di Johor. Nelayan yang masih tinggal di Bachok dikatakan telah beberapa kali meminta kerajaan negeri dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan membenarkan mereka mengadakan pesta puja pantai. Bahkan mereka sanggup mengubah namanya sebagai pesta ria atau main pantai. Tetapi kerajaan PAS terus melarang mengadakan pesta ini.

Persoalannya di sini bukanlah sama ada bukti yang diberikan oleh nelayan itu benar atau tidak, tetapi ialah bagaimana kepercayaan kepada roh dan semangat itu masih kuat sekali di kalangan orang Melayu. Orang Melayu adalah penganut agama Islam yang baik dengan erti kata yang longgar, ertinya mereka mengaku bahawa mereka orang Islam bahkan umumnya semua orang Melayu itu orang Islam, dan sering juga kita dengar bahawa perkataan Melayu dan Islam itu adalah seerti tetapi mereka tidaklah penganut Islam yang sebaik-baiknya. Agama Islam yang diketahui oleh orang Melayu umumnya terlalu cetek. Ini jelas umpamanya seseorang yang tahu rukun iman dan rukun Islam sudah dianggap sebagai seorang Islam yang sudah mengetahui agamanya dengan baik.

Kes yang kita bincangkan ini membuktikan kepada kita bahawa Islam belum bersih daripada kepercayaan Hindu dan animisme. Kepercayaan seperti ini mempengaruhi alam fikiran orang Melayu dengan kuat. Tradisi seperti ini telah berlanjutan beberapa generasi. Kepercayaan yang bukan Islam seperti ini sedikit sebanyak melemahkan juga kedudukan ekonomi orang Melayu yang sudah sedia lemah.

Sifat sinkretisme ini dilihat melalui pendekatan akulturasi. Kita telah melihat di mana orang Melayu dengan kebudayaan tradisinya bertembung dengan kebudayaan asing, sehingga unsur kebudayaan asing itu diterima ke dalam kebudayaan Melayu, tanpa menghilangkan keperibadian Melayu.

Masyarakat Melayu seolah-olah membenarkan pertembungan beberapa kebudayaan asing dengan kebudayaan Melayu, yang

kemudiannya menjadi kebudayaan dan adat Melayu. Begitu juga dengan gejala agama, yang dicampur aduk dengan gejala adat. Ini adalah satu sinkretisme yang amat besar. Sejak tahun 1920-an beberapa buah negeri di Tanah Melayu telah menubuhkan Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu. Hingga ke hari ini sudah hampir 60 tahun majlis itu berjalan atas nama seperti itu. Penubuhan majlis agama ini ialah hasil 'kebijaksanaan' penjajah Inggeris. Dengan penubuhan Majlis Agama ini sinkretisme dalam unsur agama semakin dikuatkan. Unsur Islam dicampurkan dengan unsur adat. Dan segala gejala yang dianggap mempunyai unsur agama tidak boleh disentuh. Ertinya perubahan dalam unsur agama itu tidak mudah dilakukan. Walaupun perubahan itu membawa kebaikan dan mungkin menjadikan agama itu lebih bersih daripada unsur sinkretisme yang kita bincangkan sebentar tadi, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu adalah bertanggungjawab ke atas perkara ini, di mana Sultan menjadi ketuanya.

## **7. Gerakan Keagamaan**

Dalam mengkaji agama masyarakat primitif, kita tidak akan mengkaji isi atau rukun agama masyarakat itu: begitu juga jikalau kita mengkaji agama Kristian dengan menggunakan pendekatan antropologi atau sosiologi tidaklah bererti kita mahu mengetahui isi sesuatu agama. Apa yang dilihat ialah bagaimanakah masyarakat agama Kristian itu hidup: melihat adakah dasar ekonomi, politik, stratifikasi masyarakat, keluarga dan organisasi sosial yang lain itu dihubungkan dengan agama Kristian. Kita sering juga mendengar bahawa agama Islam itu adalah suatu agama yang lengkap, ertinya dari segi politik, ekonomi, organisasi sosial semuanya dikaitkan dengan Islam. Maka kita ingin melihat bagaimanakah pola ini dijemakan dalam masyarakat Islam.

Kita telah melihat bagaimana agama menjadi asas integrasi sosial apa yang kita sebutkan sebagai faktor kohesif dalam masyarakat beragama. Dengan mengetahui bahawa agama menjadi asas penyatuan, asas intergrasi, kita cuba melihat bagaimana agama digunakan oleh masyarakat untuk membangkitkan semangat nasionalisme dan memperkukuhkan politik mereka bagi mencapai sesuatu matlamat yang akhirnya melahirkan gerakan agama dalam masyarakat.

Dalam sejarah kehidupan manusia kita sering mendengar bagaimana gerakan agama di bawah ketua agama dan mereka yang mempunyai kuasa keramat ini bertindak. Ketua agama seperti ini berjanji untuk mendapatkan pembebasan spiritual dan pembebasan politik. Dan dengan sebab itu lahirlah gerakan agama. Lahirnya gerakan agama seumpama ini dikaitkan dengan keadaan sosial yang terancam, selalunya ancaman dalam bidang ekonomi. Oleh sebab itu gerakan agama seperti ini banyak terdapat dalam negara yang sedang membangun. Krisis yang dimaksudkan di sini bukanlah satu perkara yang objektif. Nabi *messiah*, *millennia*, juga *salvation* yang mempunyai ciri-ciri agama barat merupakan salah satu daripada bentuk yang diambil oleh gerakan agama masyarakat primitif. Kesemuanya mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk mendapatkan kebebasan, sama ada untuk mendapatkan kebebasan kerohanian mereka, bagi mendapatkan kesejahteraan dalam bidang ekonomi dan persamaan sosial, ataupun kesemua aspek ini. Gerakan yang mempunyai tujuan seumpama ini dikatakan oleh Wallace (1962), sebagai gerakan '*revitalization*' yang meliputi semua jenis, dan apa juga gerakan sekular yang disusun serta disedari cuba mendapat atau menubuhkan kebudayaan yang lebih memuaskan.

Gerakan keagamaan tumbuh dengan begitu pantas; oleh itu kita tidak menumpukan perhatian kita kepada perubahan yang perlahan-lahan yang dialami oleh semua agama dan semua kebudayaan. Agama selalunya digunakan dengan cara yang khusus sebagai cara untuk mencapai satu-satu matlamat, dan seringkali faktor agama ini dicampurkan dengan perbuatan yang "natural" ditujukan kepada matlamat yang sama. Oleh itu usaha ketenteraan, permainan, politik, penyekatan usaha ekonomi, dan aturan etika boleh dicampurkan dengan perbuatan "supernatural" dan boleh dikatakan sebagai perbuatan agama. Sejauh mana supernaturalisme dalam usaha ini menolong mereka adalah berbeza-beza.

Gerakan agama timbul di kalangan anak negeri yang terjajah. Hal yang menyebabkan kebangkitan gerakan ini adalah serupa saja di mana-mana, iaitu kegelisahan dan keruntuhan semangat akibat pertembungan dengan kebudayaan Eropah dan Amerika, kehilangan kebudayaan tradisi tanpa penyesuaian yang memuaskan dengan cara yang baru diperkenalkan dan sering juga kerana kehilangan banyak jiwa kerana memerangi orang yang mendatang

itu serta juga memerangi segala penyakit yang dibawa oleh mereka. Kemiskinan disebabkan kehilangan punca ekonomi seperti tanah ataupun pembolotan hasil bumi oleh penjajah sering menjadi sebab timbulnya gerakan keagamaan. Satu faktor besar lahirnya gerakan keagamaan ini dalam beberapa tahun kebelakangan ini timbul daripada kesedaran tidak adanya keseimbangan dengan orang Amerika dan Eropah dalam status sosial dan kedudukan ekonomi serta juga hak istimewa. Satu perkara yang selalu dibincangkan dalam hal gerakan keagamaan ialah percubaan untuk membela dan menolong diri sendiri dengan membangunkan semula keadaan di masa lampau atau cuba mengekalkan adat resam, tradisi yang kelihatan seolah-olah terancam sekarang.

Sikap ingin kembali semula kepada kebiasaan hidup yang lama memang terdapat dalam kehidupan manusia di mana-mana. Gerakan keagamaan seumpama ini telah menjadi tumpuan pegawai tadbir penjajah yang mengawal kelompok masyarakat primitif. Perkembangan seumpama ini telah diberi nama sebagai gerakan 'Nativistic', satu label yang digunakan kepada gerakan sekular yang cuba mengekalkan kebudayaan tempatan. Perkembangan yang dihuraikan sebagai nativisme yang tersusun, pada lazimnya akan memasukkan unsur keagamaan, walaupun matlamat yang ditujunya dalam bidang ekonomi, politik, atau ketenteraan, dan gerakan ini selalunya dipusatkan ke atas hal-hal agama bagi mendapatkan atau menghasilkan matlamat keduniaan. Jika kita keluarkan unsur supernaturalisme daripada gerakan tadi, boleh kita katakan gerakan tadi sebagai gerakan nasionalis, walaupun istilah ini hanya sesuai bagi pembangunan dalam masyarakat primitif yang lebih luas.

Gerakan agama ini percaya bahawa roh atau hantu kaum keluarga mereka yang mati akan hidup kembali sebagaimana manusia biasa. Gerakan ini mula tumbuh dengan lahirnya beberapa orang ketua mereka. Ketua agama mereka menuntut bahawa mereka mempunyai kuasa yang luar biasa yang membolehkan mereka menghubungi roh orang yang telah mati, dan ramalan yang biasa mereka lakukan (menurun) akan sampai kepada mereka ketika mereka tidak sedarkan diri. Ramalan ini terpaksa melalui syarat tertentu. Mereka yang menurut syarat dan upacara amal yang diajarkan akan mendapati keluarga serta ibu bapa mereka yang sudah mati hidup semula. Formula yang diberikan oleh ketua agama

mereka untuk mencapai tujuan ini adalah mudah sekali, yaitu mereka hendaklah terus memelihara dan menjalankan upacara tradisi disertakan dengan nyanyian suci yang diajarkan. Nyanyian ini merupakan sebagai mentera, memuja roh orang yang sudah mati.

Banyak kelompok di kalangan Red Indian menerima gerakan agama ini dengan penuh harapan dan semangat tetapi terdapat juga kelompok yang tidak menghiraukan langsung. Penolakan gerakan agama ini pada setengah-setengah golongan masyarakat Red Indian bukanlah disebabkan kegagalan gerakan agama ini untuk memenuhi janjinya, tetapi ialah disebabkan oleh kerana masyarakat tempatan belum merasakan yang kebudayaannya berpecah-pecah. Faktor penolakan lain ialah terbukanya kepada kebudayaan masyarakat Amerika. Kuasa magis tidak dapat diterima oleh masyarakat Red Indian, dan keadaan tidak begitu teruk serta gerakan agama itu sendiri mengancam sikap dan nilai tradisional. Mengikut teori ini gerakan agama seperti ini boleh tumbuh dan hidup dalam keadaan yang tidak selamat dan huru-hara. Di gugusan kepulauan Melayu ini pun pernah kita dengar gerakan agama seperti itu wujud iaitu gerakan "bayang-bayang hitam" yang bertujuan untuk memelihara kepentingan masyarakat tempatan.

Gerakan agama pemujaan kargo lebih banyak mendapat tempat di kalangan masyarakat asli, di *Melanesia*. Pada pertengahan kurun ke-19 dengan *Immorality Cult* dan *Water Baby*, di Fiji, agama baru yang melibatkan ketua agama tempatan telah lahir di *Melanesia*. Gerakan ini mendapat sambutan dengan begitu hebat sekali. Hampir semua gerakan agama di kawasan ini pada kurun ke-20 digolongkan sebagai pemujaan muatan kerana kesemuanya mempunyai tema yang sama iaitu mendapatkan sesuatu: bahan makanan, pakaian dan lain-lain melalui kuasa "supernatural" pembahagian barang Eropah untuk sampai kepada mereka melalui kapal laut atau kapal terbang.

Gerakan ini merupakan satu gerakan yang pada mulanya merupakan *Xenophobia* — anti orang Inggeris, anti orang Belanda dan dalam masa Perang Dunia II anti orang Jepun. Gerakan agama ini pada mulanya mempunyai tujuan politik. Mereka mahu mendapatkan kemerdekaan daripada kongkongan orang putih. Tetapi ini tidaklah dimaksudkan bahawa seluruh Melanesia sudah bersatu dari segi politiknya. Dalam keadaan masyarakat kaum asli di rantau

ini, penyatuan politik masyarakat tidak lebih merupakan kelompok kecil. Pergaduhan dan peperangan sengit masih terdapat. Melalui *lingua-franca* dan satu agama telah mengurangkan perselisihan antara kelompok dan faktor inilah yang dikatakan yang menyemadikan perasaan nasionalisme di Melanesia ini.

Sebagaimana agama anak negeri di Melanesia, Pemujaan Kargo ini mempunyai objektif dan upacara amal tertentu. Tujuan penting dalam gerakan agama ini bukanlah semata-mata untuk pembebasan dari segi spiritual, pengalaman yang suci, ataupun meninggikan moral untuk kepentingan moral, tetapi gerakan ini bertujuan mendapatkan hak yang sama dengan orang putih dan mudah bagi mendapatkan barang yang diperlukan (Kargo), dan objek kebudayaan material Barat.

Orang New Guinea percaya semua objek adalah berasal daripada benda suci yang dijadikan oleh Tuhan, yang manusia boleh mengawal dengan cuba mendamaikan kuasa ghaib dan penggunaan *magis*. Roh datuk nenek, yang menjadi pengantara dengan tuhan, adalah penting, sekiranya roh ini digunakan dengan baik dan sempurna, roh tadi akan memberikan budaya kebendaan, barang daripada tuhan kepada manusia. Interpretasi masyarakat asli Gari terhadap Kristian, bahawa agama Kristian melahirkan benda budaya. Barang dalam tin, pakaian, kapal, sebagaimana yang diberikan oleh tuhan. Tuhan menjadikan syurga, tumbuh-tumbuhan dan kargo. Tuhan meletakkan Adam dan Hawa di syurga dengan kargo tetapi dikeluarkan kerana hidup beristeri.

Barang dihantar dalam tong dan kotak yang mempunyai nama tuhan. Tapi orang putih memadamnya dan menukar dengan nama lain. Tuhan yang mengajar orang putih itu tuhan yang salah, hanya tuhan orang Gari saja yang betul. Mereka meramalkan bahawa orang putih akan keluar dengan pertolongan senjata yang dihantar melalui kargo.

Dapat disimpulkan di sini bahawa kebanyakan gerakan agama ini timbul di kalangan orang primitif kerana kepentingan *in-group* bagi menentang kepentingan *out-group*. Tetapi sikap ini, baik disebut nasionalis atau gerakan yang mempunyai unsur nasionalisme, agama boleh melahirkan nasionalisme dengan memberikan modifikasi kepada agama yang asal.

Gerakan agama ini banyak disertakan dengan ketenteraan atau

lain-lain aktiviti yang bukan aktiviti keagamaan. Aspek sekular telah diperkuatkan oleh agama. Manusia menyesuaikan diri mereka dengan alam sekeliling melalui teknik sekular dan keagamaan — sama ada menggunakannya satu daripada teknik ini atau keduanya, agama digunakan di mana ia tidak mengetahui cara mengawal alam yang “natural”. Sebab itu apabila menemui kegagalan, agama diberikan peranan penting.

### 8. Bacaan yang Dicadangkan

- Lessa, W.A dan Evon Z. Vogt (Pg)  
1958 *Reader in Comparative Religion: Anthropological Approach.* New York: Harper and Row.  
Makalah dalam buku ini membincangkan konsep agama seperti yang terdapat dalam semua masyarakat. Ia membincangkan agama sebagai satu sistem etik, satu proses yang menyebabkan manusia bertindak kerana keperluan tertentu serta menghadapi beberapa perkara yang mereka tidak pasti jawapannya.
- Malinowski, B  
1954 *Magics, Science and Religion, and Other Essays.* New York: Doubleday.  
Makalah yang terdapat dalam buku ini membincangkan tentang orang primitif di Pulau Trobriand sebagai contoh teori, konsep dan falsafah mengenai manusia. Malinowski dalam buku ini membincangkan tajuk seperti agama, kehidupan, kematian, sifat dewa dewi primitif, magis, kepercayaan dan metos.
- Norbeck, E  
1974 *Religion in Human Life: Anthropological Views.* New York: Holt, Rinehart dan Winston.  
Satu kajian yang menyeluruh tentang agama berdasarkan kepada perkara seperti gejala agama, ritual, dan fikiran

ASAS-ASAS ANTROPOLOGI

Wallace, A.F.C,  
1966

manusia serta tujuan antropologi, pandangan dan interpretasi agama.

*Religion, An Anthropological View: New York, Random House.*

Sebuah buku teks yang membicarakan institusi agama oleh seorang ahli antropologi yang telah banyak mengkaji tentang gerakan agama.

# BAB 9

## PERUBAHAN KEBUDAYAAN

### 1. Pengenalan

Kebudayaan adalah suatu yang dinamis, oleh sebab itu ia sentiasa berubah. Tetapi ada ketikanya perubahan ini berlaku begitu perlahan seolah-olah ia statis. Oleh kerana kebudayaan mengandungi perkara yang dipelajari termasuk tingkah laku dan kepercayaan, tret kebudayaan yang lama boleh dilupakan dan digantikan dengan yang baru iaitu apabila masyarakat memerlukan keperluan baru. Oleh itu tidak ada pola kebudayaan yang tidak mengalami proses perubahan, dan tidak ada perkara yang dipelajari terus kekal tanpa perubahan. Kebudayaan masyarakat Melayu dalam kurun ke-20 banyak diperbaharui dan diubah daripada kebudayaan yang terdapat dalam kurun ke-15 atau kurun ke-16 iaitu sebelum kedatangan orang Barat. Kebanyakan orang dalam masyarakat menyedari bahawa masa telah berubah dan mereka menyedari bahawa sikap dan nilai terhadap cara hidup juga telah berubah. Dalam hal ini ahli antropologi cuba memahami bagaimana dan mengapa kebudayaan itu berubah.

### 2. Bagaimana Perubahan Kebudayaan Berlaku

Ada dua faktor penting yang biasanya membawa perubahan sesuatu kebudayaan. Pertamanya ialah faktor penemuan dan satu lagi ialah faktor rekaciptaan. Penemuan dan rekaciptaan menjadi rangsangan penting untuk membawa perubahan sesuatu kebudayaan. Sesuatu unsur yang baru itu mungkin merupakan sebagai suatu objek seperti roda, alat untuk membajak, ataupun dalam masyarakat moden pada hari ini ia merupakan sistem komputer. Ataupun ia mungkin merupakan sebagai suatu idea, misalnya kedatangan Islam ke dalam masyarakat Melayu. Penemuan merupakan suatu penambahan kepada ilmu pengetahuan yang sedia ada di dalam masyarakat itu. Perbezaan antara penemuan dan rekacipta itu terletak pada sama ada ilmu pengetahuan yang baru itu digunakan

sebagai cara yang praktis. Seseorang itu mungkin mempunyai idea bahawa seorang kanak-kanak boleh dipujuk untuk memakan makanan yang mempunyai zat yang baik dengan mengaitkannya dengan personaliti yang mereka suka, ahli sukan atau seniman yang lain ataupun "cultural hero" mereka. Penemuan seumpama ini walau bagaimanapun semata-mata menambah kepada pengetahuan yang telah ada pada orang itu. Sekiranya ia dapat menggunakan penemuan ini dengan memberi kepada personaliti yang disayangi oleh kanak-kanak itu supaya menjadi heronya, ini akan menambahkan permintaan kepada barang makanan yang berzat dan yang lebih baik. Keadaan seumpama ini memberikan suatu rangsangan kepada kanak-kanak itu makan dan akhirnya meninggikan lagi penjualan barang makanan itu. Orang yang menemui idea ini akan mendapat nama kerana mengeluarkan idea yang baru bukan saja menggalakkan kanak-kanak makan makanan yang berzat tetapi ia juga mempelopori idea baru bagi menjual barang makanan. Dalam penemuan idea yang menggerakkan semua anggota masyarakat ia akan disanjung tinggi kerana mengubah kehidupan kepada keadaan hidup yang lebih baik.

Istilah rekaciptaan di sini dirujuk kepada pembentukan seseorang individu mengenai sesuatu objek, alat ataupun prinsip yang akhirnya dilakukan bersama-sama oleh anggota masyarakat. Ia mungkin disampaikan melalui proses penemuan oleh sesuatu masyarakat atau sesuatu kelompok. Perbincangan mengenai proses rekaciptaan ini perlu untuk dibezakan antara rekaciptaan yang menjadi rentetan tujuan masyarakat yang tertentu seperti misalnya usaha untuk menghapus penyakit demam denggi ataupun usaha untuk menghantarkan orang ke bulan. Dalam hal yang lain pula ia mungkin mempunyai tujuan yang sama pentingnya seperti cuba membentuk roda sebagai alat untuk melicinkan sesuatu pekerjaan ataupun membuat senjata untuk peperangan. Proses yang kedua tentang rekaciptaan selalunya dirujuk kepada penemuan secara kebetulan ataupun secara tidak disedari. Sebahagian rekaciptaan ini terutama sekali yang terdapat dalam prasejarah mungkin hasil daripada ciptaan yang dimulakan oleh penciptanya secara tidak disedari. Mereka mungkin bertindak dalam jangka waktu yang panjang, tanpa menyedari bahawa sebahagian daripada apa yang dilakukan itu menjadi rekaciptaan yang penting seperti rekaciptaan

terhadap roda ataupun objek yang lebih baik menjadi alat mengopek kelapa.

Kita menyadari bahawa setiap hari kita melihat dalam surat-khabar dan majalah banyak perkara baru dan rekaciptaan baru ditemui. Memanglah amat susah bagi kita untuk melihat mengapa rekaciptaan pembuatan roda mengambil waktu yang begitu lama. Mungkin di antara kita akan membuat kesimpulan bahawa orang di zaman lampau kurang cerdik jika dibandingkan dengan kita. Pemikiran dan daya otak manusia dan dayaciptanya dari zaman dahulu hinggalah kira-kira 100,000 tahun kebelakangan ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa penemuan mereka itu disebabkan kurang cerdik jika dibandingkan dengan penemuan pada hari ini. Tetapi apa yang menyebabkan kadar rekaciptaan pada hari ini lebih pantas jika dibandingkan dengan waktu yang lalu ialah kerana pada hari ini kita dapat mengumpulkan pengetahuan dengan lebih baik. Seorang yang boleh mengumpulkan ilmu pengetahuan dengan lebih pantas maka ia akan lebih cepat dapat membuat sesuatu.

Ada beberapa sebab mengapa orang ingin mencipta barang yang kompleks dalam masyarakatnya. Salah satu daripadanya ialah mereka cuba menghasilkan keperluan masyarakat pada ketika itu. Henry Ford misalnya telah mencipta keperluan masyarakat hari ini. Beliau percaya bahawa bagi keperluan pasaran kenderaan perlu dikeluarkan dengan banyak untuk masyarakat moden. Begitulah seterusnya penemuan lain terus berkembang dan memang diharapkan oleh masyarakat supaya ia dapat memajukannya lagi. Mereka yang berjaya menghasilkan barang ciptaan yang baru akan mendapatkan sanjungan dan status yang tinggi.

Namun demikian tidak semua rekaciptaan akan membawa kepada perubahan kebudayaan. Sekiranya sesuatu rekaciptaan seseorang tidak difahami maka hasil yang diciptanya, tidak akan membawa sebarang perubahan. Hanya apabila anggota masyarakat menerima keperluan rekaciptaan dan penggunaan bahan itu maka kita boleh mengatakan bahawa perubahan sosial berlaku. Namun demikian kita masih mendapati bahawa setengah penemuan diterima dan setengahnya ditolak oleh masyarakat. Tetapi kerap kali dikatakan bahawa sesuatu kebudayaan lebih bersedia menerima penemuan yang tertentu. Manakala masyarakat yang lain belum bersedia menerima rekaciptaan seumpama itu.

Unsur yang baru dalam sesuatu kebudayaan mungkin datang dari masyarakat lain. Proses difusi berlaku daripada kebudayaan yang tinggi ke dalam kebudayaan masyarakat yang rendah. Peminjaman cara atau idea membolehkan sesuatu masyarakat mengatasi tahap yang tertentu dan memperbaiki kesilapan yang dihadapi oleh masyarakat yang memulakan rekaciptaan itu. Misalnya orang Jerman telah berjaya mencipta untuk rancangan perindustriannya dalam kurun ke-19 dengan secara tidak disedari mereka telah dapat mengatasi sebahagian daripada kesilapan yang telah dilakukan oleh orang Inggeris dan juga orang-orang Belgium dengan mengambil kesempatan daripada peminjaman teknologi orang-orang ini. Begitu juga misalnya orang Jepun telah berjaya dengan meminjam teknologi dari Barat.

Difusi merupakan perkara yang biasa. Linton (1936) telah menunjukkan bahawa tidak lebih daripada 10% tret di dalam kebudayaan sesuatu masyarakat adalah tret kebudayaan mereka sendiri. Dalam tulisannya, Linton telah menunjukkan bahawa difusi ini berlaku dengan amat meluas sekali. Dia menegaskan bahawa hanya dalam beberapa jam sahaja orang boleh mendapat idea yang baru.

Ada beberapa cara proses difusi boleh berlaku. Pertama ia berlaku secara langsung. Tret kebudayaan sesuatu masyarakat mungkin diterima oleh anggota masyarakat yang menjadi jirannya dan kemudian tersebar kepada jiran masyarakat yang lebih jauh. Penyebaran idea seumpama ini merupakan sebagai suatu perkara yang biasa. Misalnya penyebaran kertas merupakan sebagai suatu cara yang kita lihat berjalan dengan begitu lancar dan bebas sekali. Penemuan ini merupakan suatu penemuan orang Cina, Ts'ai Lun dalam tahun 105M. Lima puluh tahun kemudian kertas telah dikeluarkan di beberapa tempat seperti di kawasan Cina Tengah. Hingga tahun 264M. Kertas telah didapati di kawasan Turkestan di kalangan orang Cina, dan selepas itu telah banyak dikeluarkan oleh masyarakat lain. Pada tahun 751M terdapat di kalangan orang Samarkand, pada tahun 793M ia telah tersebar di Baghdad. Dalam tahun 900M terdapat di kalangan orang Mesir, dan dalam tahun 1100M di Moroko, dalam tahun 1189M di kalangan orang Perancis, dalam tahun 1276 di kalangan orang Itali dan dalam tahun 1391 di kalangan orang Jerman. Pada mulanya kertas dibawa masuk sebagai

suatu barang yang mahal, kemudian diperbaiki kualitasnya dan telah diperbanyakkan. Akhirnya dalam tiga abad sahaja ia sudah tersebar dengan meluasnya.

Difusi daripada kontrak budaya melalui perantara adalah dibawa menerusi pedagang yang membawa tret kebudayaan mereka ke negeri yang dilawati. Satu contoh difusi melalui perantara melibatkan pedagang Ponesia yang menyebarkan tulisan di kalangan orang Semitik yang tinggal berhampiran dengan Greek. Tentera juga menjadi perantara yang cuba menyebarkan tret kebudayaan mereka. Tentera Greek misalnya telah menyebarkan aspek kebudayaan mereka pada orang Timur Jauh. Hari ini mubaligh Kristian cuba menggalakkan anggota masyarakat tempatan supaya memakai pakaian Barat. Akibatnya terdapatlah umpamanya di Sabah dan Sarawak anggota masyarakat primitif mula memakai seluar pendek, jaket, baju, tali leher dan juga objek yang dibawa dari Barat.

Satu lagi jenis difusi ialah yang lahir daripada rangsangan. Ia merupakan ilmu pengetahuan yang terdapat di dalam suatu kebudayaan dan kemudiannya memberikan rangsangan kepada masyarakat jirannya untuk membuat penemuan yang sama. Satu contoh yang klasik ialah bahawa sistem tulisan Cherokee yang menjadikan seorang anggota masyarakat Indian bernama Sequoya mencipta satu tulisan yang baru supaya anggota masyarakatnya boleh menulis dan membaca dalam bahasanya. Sequoya menerima idea yang awal daripada konteksnya dengan orang Eropah, tetapi beliau tidak menerima tulisan orang Inggeris. Dia juga tidak mempelajari tulisan dalam Bahasa Inggeris, tetapi dia menggunakan simbol tulisan Inggeris itu dan menukarkan ke bahasanya. Semua simbol yang diciptanya digunakan bagi mewakili sebutan Cherokee dan tidak menggunakan sama sekali sebutan Bahasa Inggeris. Dengan lain perkataan Sequoya mengambil idea daripada tulisan Inggeris dan membentuk tulisan Cherokee yang baru. Rangsangan yang dihasilkan dari kebudayaan Barat ini telah menghasilkan suatu penemuan yang benar-benar Cherokee.

Keinginan untuk menerima idea yang baru bagi memperbaiki kehidupan suatu masyarakat, ia merupakan pandangan yang terlalu dipermudahkan untuk menjelaskan mengapa proses difusi berlaku. Tidak semua tret kebudayaan boleh dipinjam dengan semudah itu

oleh sesuatu masyarakat. Sebagaimana contoh yang telah diberikan, tret kebudayaan tidak selalunya dapat diperluas dengan begitu baik dan disebarkan dengan begitu pantas. Difusi merupakan sebagai proses yang dipilih. Orang Melayu misalnya menerima sebahagian besar daripada kebudayaan Inggeris tetapi menolak sebahagian besar tret kebudayaan Inggeris yang lain. Misalnya cara hidup di dalam kebudayaan Inggeris dan adat resam bercium di khalayak ramai telah ditolak. Masyarakat Islam memberikan beberapa contoh yang lain tentang pemilihan terhadap proses difusi ini daripada masyarakat lain. Asas penerimaan dalam masyarakat Islam ialah yang selari dengan aturan yang terkandung di dalam al-Quran dan Hadith. Oleh sebab itu kegagalan untuk menyebarkan minuman keras, perjudian, menghisap rokok, berjudi dan perkara yang dilarang oleh al-Quran telah ditolak sebagai tret kebudayaan yang tidak dapat diterima oleh orang Islam.

Difusi dipilih kerana tret kebudayaan berbeza daripada satu masyarakat kepada satu masyarakat yang boleh disampaikan. Unsur kebudayaan kebendaan tidak begitu susah untuk dijelaskan. Ia diterima oleh anggota masyarakat kerana ia memberi faedah. Tetapi apabila kita keluar daripada konteks empiris kita akan menghadapi perkara yang amat susah. Mungkin kita boleh menghuraikan unsur kebudayaan seperti pola perkahwinan tetapi sulit untuk menghuraikan misalnya cara untuk membuat bakul. Akhirnya difusi adalah diterima oleh anggota masyarakat kerana bentuk yang tertentu dan bukan pengertian yang terdapat di dalam tret kebudayaan itu. Misalnya berpakaian bulu kambing tidak sesuai bagi anggota masyarakat di negara kita.

Sebelum sesuatu masyarakat menerima tret kebudayaan asing, mereka terpaksa menyesuaikan dengan keperluan yang tertentu dalam tradisi kebudayaannya. Apabila berlaku difusi keagamaan maka masyarakat terpaksa menginterpretasinya. Sebahagian daripada yang telah kita lihat ialah difusi agama Kristian di kalangan orang primitif. Ini berlaku kerana kebolehan mubaligh Kristian bekerjasama dengan masyarakat tempatan.

Kita boleh mengidentifikasikan sebahagian daripada perbezaan difusi dan pola difusi yang kita ketahui sebagai kebudayaan yang dipinjamkan dan bukannya penerimaan secara automatik. Kita boleh menghuraikan bagaimana tret tertentu yang dipinjam dan

kemudiannya diubahsuai oleh kebudayaan penerima. Tetapi tidak ada orang yang dapat meramal dengan tepat bila sesuatu perubahan akan berlaku dan keadaan yang bagaimana yang menyebabkan difusi berlaku dan kenapa pula ia berlaku.

### 3. Akulturasi

Dalam abad ke-19 banyak masyarakat yang dianggap sebagai masyarakat primitif telah bertembung dengan masyarakat Barat, iaitu apabila Barat menjajah mereka. Apabila suatu kelompok masyarakat ringkas bertembung dengan masyarakat yang lebih tinggi kebudayaannya dan lebih besar pengaruhnya, maka golongan masyarakat yang lemah akan menerima tret kebudayaan masyarakat yang besar itu tadi. Proses yang intensif daripada pinjaman ini iaitu hasil daripada pertembungan kuasa besar dan masyarakat yang belum maju disebutkan sebagai proses *akulturasi*. Akulturasi berbeza dengan proses difusi. Akulturasi melibatkan peminjaman unsur kebudayaan daripada kebudayaan yang lebih berpengaruh. Proses akulturasi ataupun peminjaman seluruh tret kebudayaan ini berlaku seolah-olah ada tekanan daripada kuasa luar. Tekanan kuasa luar berlaku dengan berbagai-bagai bentuk. Dalam bentuk yang lebih kuat sekali ialah apabila masyarakat sesebuah negeri dijajah ataupun negeri itu dikalahkan dalam peperangan. Orang Asia Tenggara yang telah dikalahkan oleh tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua telah mempelajari bahasa Jepun. Golongan yang lemah biasanya terpaksa menerima kerana tidak ada cara yang lain. Misalnya kuasa tekanan yang langsung seumpama ini melibatkan perubahan masyarakat dalam sejarah orang India yang bertembung dengan orang kulit putih. Begitu juga dalam masyarakat Melayu yang telah dijajah oleh beberapa golongan penjajah Barat, kerana kelemahan masyarakat Melayu pada ketika itu jika dibandingkan dengan masyarakat Barat, maka masyarakat Melayu telah menerima sebahagian besar daripada sistem pentadbiran, pendidikan, sistem ekonomi dan sistem perdagangan yang terdapat di Barat.

Sebagaimana proses difusi, proses akulturasi merupakan proses yang dipilih oleh anggota masyarakat itu sendiri. Mungkin golongan yang dijajah tidak menerima keseluruhan kebudayaan masyarakat yang lebih besar itu tadi. Contohnya dalam masyarakat Melayu,

walaupun masyarakat Melayu menerima perubahan dari sistem ekonomi, pendidikan dan pentadbiran tetapi orang Melayu terus mengekalkan sistem keagamaan dan sistem kepercayaan mereka. Golongan masyarakat penerima akan menerima perubahan teknologi tetapi menentang perubahan dalam agama dan organisasi masyarakat mereka. Alasan lain mengapa kebudayaan masyarakat yang besar itu tidak keseluruhannya diterima oleh masyarakat penerima ialah masyarakat yang memberikan tret kebudayaan tadi mungkin telah menapis terlebih dahulu adat resam dan tidak menunjukkan keseluruhan kebudayaan mereka. Proses penapisan seumpama ini boleh berlaku secara formal ataupun tidak formal. Secara formalnya ialah apabila proses itu melibatkan perubahan yang dirancang dalam institusi pentadbiran, ketenteraan dan institusi keagamaan. Manakala proses yang tidak formal hanya setakat memperkenalkan idea baru tanpa bertujuan untuk mengubah kebudayaan.

#### **4. Pemberontakan**

Perubahan yang mendadak berlaku ialah melalui kekerasan oleh golongan yang lebih kuat dengan mengubah sistem perlembagaan ataupun pentadbiran suatu masyarakat. Sejarah telah menunjukkan bahawa terdapat pemberontakan yang membawa perubahan dalam masyarakat yang tertentu. Gejala seumpama itu berlaku dalam masyarakat yang merasa kurang senang terhadap pemerintah. Maka dengan itu berlakulah suatu penentangan kepada pemerintah orang yang berkuasa ataupun terhadap penjajah. Namun demikian tidak semua orang yang ditindas, dijajah ataupun ditekan akan melahirkan penentangan terhadap golongan yang memerintah. Kerana tidak semua pemberontakan atau penentangan berjaya untuk membawa perubahan.

Banyak penentangan dan pemberontakan gagal untuk mencapai tujuan yang tertentu kerana biasanya apabila penentangan seumpama ini berjaya bagi menggantikan golongan pentadbir yang zalim, institusi ketenteraan atau institusi yang lebih diktator menggantikannya. Golongan diktator ini akan menentang atau mengawal gerak-geri orang lain. Misalnya kita lihat di Asia Tenggara banyak negara yang terkongkong oleh kuasa ketenteraan tetapi tidak

membawa banyak perubahan ke dalam masyarakat itu. Pentadbiran yang diharapkan oleh orang ramai untuk menggantikan pemerintah yang lama tidak membawa apa-apa perubahan ke dalam masyarakatnya. Namun demikian sebahagian daripada revolusi telah membawa hasil yang baik ke dalam sesuatu masyarakat. Idea revolusi merupakan sebagai peristiwa yang kurang disenangi yang telah berlaku dalam masa yang lalu. Dilihat dari sejarahnya, revolusi telah berlaku di negeri Belanda, Perancis dan Amerika Syarikat pada kurun ke-19 dan kurun ke-20. Peristiwa ini telah melibatkan negara lain. Di negara yang kurang maju penindasan dan penjajahan Barat telah membawa rasa kurang senang di kalangan anggota masyarakat. Sekiranya, berlaku rebutan kuasa antara rakyat biasa dan pentadbir penjajah tadi.

### 5. Modernisasi

Dua istilah penting yang kurang digunakan untuk menghuraikan perubahan sosial yang berlaku pada hari ini, sebagaimana yang disebutkan di atas tadi ialah urbanisasi dan modernisasi. Urbanisasi melibatkan pengaruh teknologi Barat tetapi tidak semestinya terhad dari Barat saja. Dalam konteks negara kita unsur dari Timur mula diambil kira. Modernisasi adalah istilah yang longgar yang termasuk jenis perubahan sosial yang tidak merosakkan. Satu aspek modernisasi ialah perkembangan teknologi yang membolehkan manusia dibawa dan dipindahkan dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain dengan yang lain dengan lebih pantas. Dengan sebab itu kita lihat masyarakat di dunia pada hari ini sentiasa berubah. Sebahagian besar daripada perubahan itu disebabkan secara langsung ataupun secara tidak langsung oleh kongkongan dan penguasaan kuasa-kuasa besar Barat. Oleh sebab itu sebahagian besar daripada kebudayaan di negara moden pada hari ini merupakan perubahan yang dibawa dari luar. Ini bukanlah bererti bahawa kebudayaan hanya berubah apabila ada ancaman dari luar tetapi ia juga boleh berlaku daripada dalam. Tetapi ancaman dari luar telah menentukan perubahan yang berlaku dalam masyarakat itu. Kajian mengenai perubahan kebudayaan dalam dunia moden menunjukkan bahawa pemahaman tentang proses perubahan pada waktu ini adalah selari dengan proses perubahan pada waktu yang lampau.

### **Perdagangan**

Hasil daripada pengembangan kebudayaan Barat ialah bertambahnya pergantungan ke atas dunia perdagangan dan pertukaran. Pertambahan pembelian dan penjualan di pasaran diikuti dengan penggunaan kewangan sebagai sistem pertukaran yang dipinjam daripada cara jual beli tradisi yang menyebarkan barang-barang tradisi. Penerimaan institusi perdagangan yang baru dalam sesuatu kebudayaan sebagai asas ekonomi melalui beberapa penyesuaian. Akhirnya penyesuaian dan perubahan dalam sesuatu masyarakat ini diikuti pula oleh perubahan yang lain termasuk perubahan sosial, politik dan perubahan sikap dan nilai hidup.

Perubahan masa kini telah menunjukkan bahawa institusi perdagangan telah berlaku di beberapa tempat di merata dunia. Orang Cina, Rusia, Yunani, Romawi, Arab dan India ialah di antara yang telah berusaha menyebarkan dengan lebih pesat kebudayaan perdagangan mereka. Apabila sesuatu masyarakat berubah daripada keadaan mampu diri kepada sistem ekonomi perdagangan, apa yang dilihat oleh ahli antropologi ialah perubahan kebudayaan dan mengapa perubahan itu berlaku.

### **Perpindahan Tenaga Kerja**

Salah satu daripada akibat pemodenan ialah anggota masyarakat itu berpindah dari tempat asal ke tempat berhampiran yang memerlukan tenaga kerja upahan. Hal ini telah berlaku dalam banyak masyarakat, terutama sekali dalam masyarakat Melayu yang telah melalui proses perubahan organisasi pada masa ini. Lima puluh tahun yang lalu sistem ekonomi orang Melayu di luar bandar belum bercorak perdagangan. Tetapi sebaliknya merupakan sistem ekonomi yang ringkas iaitu sistem ekonomi mampu diri. Meskipun begitu ia merupakan satu sistem ekonomi lengkap untuk diri sendiri. Beberapa tahun kemudian sebahagian daripada barang dari Barat mula terdapat di kalangan masyarakat Melayu. Keadaan masyarakat yang terpisah ini telah mula berubah setelah berlaku perang dunia kedua. Apabila proses urbanisasi berkembang dengan pesat ramai orang Melayu berpindah ke kota untuk mendapatkan pekerjaan di perusahaan yang disediakan. Selepas merdeka beberapa perdagangan telah mula berkembang di negara ini dan ini menghasilkan

## PERUBAHAN KEBUDAYAAN

kan pula keperluan baru. Sejak tahun-tahun 1960-an situasi ekonomi telah berubah dengan begitu meluas sekali. Akibatnya beribu-ribu orang Melayu telah berpindah ke bandar untuk mendapatkan kerja bagi tempoh waktu yang lama. Perpindahan ini perlu kerana mereka memerlukan wang untuk mendapatkan taraf kehidupan yang lebih tinggi serupa dengan kehidupan orang asing yang terdapat di negara ini. Mereka mengikut cara hidup yang baru dan moden. Kehidupan mereka dipengaruhi cara hidup Barat dan alat dari Barat, dianggap sebagai barang penting dalam rumah orang Melayu.

Pengenalan sistem ekonomi kewangan di kalangan orang Melayu bukan saja telah mengubah sistem ekonomi mereka tetapi juga mengubah kehidupan mereka yang lain. Bahan tanaman seperti padi dikeluarkan dengan lebih banyak melalui tanaman padi dua kali setahun. Tekanan kepada penghasilan barang makanan diperlukan untuk mencapai taraf kehidupan yang lebih tinggi. Dengan bertambahnya penduduk ini telah melemahkan ikatan keluarga luas. Dalam banyak hal misalnya tanah telah dibahagi-bahagikan di antara keluarga asas. Sehingga hak kepada tanah secara bersama telah menjadi hak individu. Anggota masyarakat di sini tidak lagi mahu berkongsi dengan anggota yang lain dalam keluarga luas terutama sekali mengenai kewangan dan barang yang diperlukan.

### **Pengeluaran Barang Perdagangan Bukan Pertanian**

Perubahan terus berlaku dalam masyarakat melalui proses perdagangan. Proses ini juga melibatkan masyarakat ringkas mampu diri, masyarakat memburu dan masyarakat pertanian yang banyak bergantung kepada cara pertukaran barang untuk kehidupan mereka. Perubahan ini dapat kita lihat misalnya berlaku di kalangan orang Iban di Sarawak. Beberapa orang pengkaji telah menjalankan kajian perubahan kebudayaan di kalangan orang Iban. Berbagai jenis barang dari barat didapati digunakan oleh mereka. Mereka mendapatnya melalui perdagangan dengan golongan peribumi di Sarawak. Orang tempatan telah mula meninggalkan keahlian mereka untuk membuat barang keperluan mereka sendiri. Mereka menumpukan aktiviti ekonomi mereka, iaitu pengeluaran tanaman yang boleh mendatangkan wang dan mengeluarkan barang perdagangan supaya mereka dapat membeli barang yang dikeluarkan oleh

negara industri. Bukti yang nyata daripada masyarakat Iban umumnya telah menunjukkan bahawa sosioekonomi asas mereka telah berubah. Beberapa perubahan telah berlaku misalnya daripada keadaan masyarakat yang sama-sama memberikan tenaga untuk bekerjasama dalam masyarakatnya sebagai suatu masyarakat yang berautonomi telah bertukar kepada sistem fizikal ekonomi secara persendirian dan bergantung kepada pemasaran pengeluaran.

Pertembungan orang Iban dengan Inggeris telah berlaku lebih dari 100 tahun yang lalu. Orang Iban telah mula meninggalkan cara hidup tradisi mereka iaitu aktiviti peperangan sama sendiri, institusi memotong kepala supaya mereka lebih rapat dengan orang putih, di samping meneruskan sistem ekonomi pertanian mereka. Beberapa aktiviti perdagangan berlaku di antara orang putih dengan orang tempatan terutama sekali di kalangan ketua yang menjadi ejen kepada penduduk di kampung itu. Sistem pertukaran barang merupakan sistem ekonomi yang terdapat dengan amat luas. Pedagang menukarkan barang yang diperbuat daripada besi dengan barang yang dikeluarkan oleh anggota masyarakat tempatan seperti lada hitam, lada putih dan getah. Pada waktu itu pengeluaran getah belum lagi menjadi pengeluaran ekonomi yang pesat lagi.

Permintaan ke atas hasil getah telah mula bertambah dalam tahun 1950-an. Getah menjadi hasil pengeluaran yang amat penting di samping pengeluaran lada hitam dan lada putih. Pedagang sekarang telah mula melantik ejen mereka yang bertugas untuk menggalakkan orang tempatan mengeluarkan lada hitam, lada putih dan getah dengan lebih banyak. Untuk menggalakkan ejen mereka yang kebanyakannya terdiri daripada ketua tradisi, peluang ekonomi telah diberikan kepada mereka. Proses pengeluaran getah telah mengubah pola sosial masyarakat Iban yang menyebabkan kaum lelaki masyarakat itu berpindah daripada masyarakat yang menumpukan ekonominya di hutan kepada ekonomi perdagangan.

Pada peringkat ini kegiatan perdagangan di kalangan orang Iban semakin meningkat dan hasil pengeluarannya telah mula dikawal oleh pedagang. Senjata api yang sebelum ini jarang digunakan mula digunakan untuk memburu gajah bagi mendapatkan gadingnya. Bahan pakaian moden telah mula digunakan dengan begitu meluas. Barang pakaian juga memerlukan jarum dan benang bagi menjahit dan juga menampalnya. Barang seumpama ini hanya

boleh didapati melalui pertukaran dengan pengeluaran lada hitam dan lada putih. Akibatnya mereka terpaksa bergantung kepada ekonomi luaran. Kebolehan untuk mengeluarkan barang tradisi mula malap dan akhirnya hampir lenyap. Barang yang dibuat daripada tanah liat telah digantikan dengan barang yang diperbuat daripada besi. Sistem pertanian telah mula berubah. Sistem pengeluaran yang lebih besar telah mula berlaku. Kekuasaan golongan ketua tradisi telah semakin merosot dan digantikan dengan kuasa orang Inggeris. Perkara ini semakin lama semakin merosot sehingga akhirnya seluruh negara dijajah oleh orang Inggeris.

### **Pengeluaran Tanaman Kontan**

Proses pemodenan terus diperkuatkan dengan adanya pengeluaran tanaman kontan iaitu dengan timbulnya keinginan untuk mengeluarkan bahan lebihan bagi meninggikan ekonomi kewangan. Dalam banyak hal, pengeluaran hasil tanaman untuk jualan telah digunakan bagi membayar cukai dan sewa. Keadaan ini telah menukarkan bentuk masyarakat tani. Masyarakat tani adalah masyarakat luar bandar yang mengeluarkan hasil makanan untuk secukup hidup. Di samping itu mereka juga mengeluarkan bahan lebihan untuk dijual di pekan dan di bandar besar. Dengan wang yang diperolehinya mereka akan membeli bahan keperluan yang lain. Dengan ini dapat dikatakan bahawa masyarakat tani ini terjelma dengan wujudnya keadaan masyarakat tamadun di pusat bandar lebih kurang 5,000-6,000 tahun yang lalu. Untuk membuktikan wujudnya hubungan antara masyarakat tani dengan masyarakat luar bandar mungkin memerlukan beberapa alasan tertentu. Masyarakat industri kurang memerlukan masyarakat tani. Pengeluaran masyarakat tani kurang cekap dan penggunaan tanah mereka tidak ekonomis. Masyarakat yang lebih tinggi sistem perindustriannya dengan penduduk yang lebih banyak memerlukan bahan yang lebih banyak. Dengan itu suatu sistem baru harus difikirkan. Hasilnya masyarakat tani telah ketinggalan jauh di belakang. Dengan itu mereka memerlukan bahan dari negara perindustrian. Dalam masyarakat praindustri bahawa organisasi sosial merekalah yang terus mengekalkan tradisi masyarakat tani. Mereka menguruskan pekerjaan di atas tanah mereka untuk mengeluarkan barang makanan,

yang sebaliknya menyebabkan masyarakat luar bergantung pula kepada mereka.

Apakah perubahan yang dibawa oleh masyarakat tani ini? Dalam beberapa hal terdapat seolah-olah tidak ada apa-apa perubahan berlaku dalam sistem pengeluaran mereka. Mereka meneruskan cara tradisi mereka. Mereka terpaksa mengeluarkan makanan secukup hidup untuk keperluan keluarga mereka. Mereka perlu menggantikan stok simpanan yang dimakan. Mereka perlu mematuhi beberapa obligasi, misalnya dalam upacara perkahwinan anak mereka, upacara di kampung mereka. Namun demikian dalam hal yang lain, situasi mereka ini telah berubah. Selain daripada obligasi tradisinya masyarakat tani sekarang terpaksa mengeluarkan hasil lebihan untuk memenuhi keperluan masyarakat luar seperti masyarakatnya, tuan tanah atau pegawai negeri dalam bentuk pembayaran sewa. Perubahan daripada keadaan autonomi masyarakat tempatan kepada masyarakat yang bergantung kepada masyarakat yang lebih maju telah menimbulkan suatu situasi yang tidak disenangi. Mengikut Eric Wolf, masyarakat tani ini terpaksa mengekalkan perseimbangan antara keperluan masyarakat dan permintaan untuk jualan. Orang luar melihat kaum tani semata-mata sebagai sumber untuk mendapatkan tenaga dan pengeluaran bahan makanan bagi keperluan kaum yang lebih berkuasa. Tetapi petani pada waktu yang sama adalah ejen ekonomi dan juga ketua bagi sesebuah rumah. Rumahnya merupakan sistem ekonominya ataupun unit ekonominya dan juga tempat tinggalnya.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa tidak terdapat dua kebudayaan tani yang sama. Namun begitu masih terdapat persamaan dalam bentuknya. Masyarakat tani dalam dunia ini cuba menyeimbangkan keperluan luaran dan keperluan dalam masyarakat sendiri. Pengeluaran bahan lebihan untuk ditukarkan dengan wang telah berlaku di beberapa kawasan di dunia ini. Di kalangan masyarakat Melayu pengeluaran bahan untuk dijual telah mula diperkenalkan. Kajian Swift telah membuktikan hal ini. Orang Melayu telah mula bertanam tanaman untuk mendapatkan wang di samping mengeluarkan sistem pertanian tradisi mereka iaitu bertanam padi. Dalam masyarakat Melayu tradisi terdapat juga sistem pertukaran barangan. Tetapi setelah wujudnya sistem kewangan sistem pertukaran barangan telah beransur-ansur berkurangan.

Namun demikian sistem ini terus kekal di dalam setengah-setengah kelompok. Pengumpulan wang telah mula dianggap sebagai suatu cara untuk mengumpulkan harta. Di kalangan orang-orang Melayu umpamanya terdapat juga unsur yang seumpama ini tetapi mereka masih belum berjaya jika dibandingkan dengan kelompok yang lain.

### **Pengenalan Perdagangan dan Industri Pertanian**

Perkembangan dalam bidang perdagangan dan perindustrian mempercepatkan proses permodenan. Perdagangan boleh berlaku melalui pengenalan pertanian yang bercorak perdagangan. Hasil tanaman yang diperlukan dikeluarkan untuk dijual dan bukan untuk digunakan oleh orang persendirian. Berhubung dengan perubahan ini, sistem pertanian yang bercorak perindustrian dengan pengeluaran yang luas telah menggunakan alat jentera untuk membajak, menyediakan tanah, pengairan dan juga cara untuk menuai. Kesemuanya dijalankan secara besar-besaran bagi mendapatkan pengeluaran yang lebih tinggi. Industri pertanian ini merupakan pengeluaran secara besar-besaran. Tanah dikerjakan bagi mengeluarkan hasil yang secukupnya. Tenaga kerja yang diupah akan dikurangkan apabila mereka tidak dapat menghasilkan bahan makanan tadi dengan secukupnya. Pada umumnya pengenalan pertanian bercorak perdagangan telah membawa kepada akibat sosial yang penting. Pertamanya kita lihat suatu polarisasi kelas telah mula wujud. Golongan tuan tanah dan petani berbeza dan terpisah. Di samping itu terdapat pemisahan antara pekerja dan tuan tanah seperti perbezaan yang terdapat di antara tuan punya dengan pekerja dalam masyarakat industri. Keduanya barang yang dikilangkan, disalurkan untuk keperluan masyarakat luar bandar. Tenaga pekerja berpindah ke bandar dengan tujuan untuk mendapatkan pekerjaan dan gaji yang memuaskan. Tetapi oleh kerana pada umumnya masyarakat luar bandar merupakan masyarakat yang rendah pendidikannya, apabila mereka berpindah ke kota besar mereka tidak mendapat kedudukan yang baik. Sebaliknya mereka terpaksa bekerja mengambil upah di dalam sistem pengeluaran besar-besaran ini. Seseorang itu walau bagaimana kecil sekalipun pendapatannya mungkin boleh meninggikan kedudukan dengan bekerja kuat. Dalam keadaan yang tertentu mereka boleh meninggikan kedudukan sosial mereka. Mereka mungkin mempunyai cara untuk mem-

perbaiki keadaannya yang ada dan menjadikannya seorang yang mempunyai martabat yang tinggi dalam masyarakatnya.

## **6. Perubahan Agama**

Pengaruh masyarakat Barat ke atas masyarakat negara yang belum maju dalam abad ke-19 dan 20 amat besar sekali. Perubahan dibawa secara disadari melalui kegiatan mubaligh. Mubaligh Kristian memperkenalkan idea mereka apabila mereka mengembara ke kawasan pedalaman di negara ini seperti di Sabah dan Sarawak. Sudah tentu golongan mubaligh ini tidak mendapat kejayaan yang sama di semua tempat di dalam negara yang mereka ziarahi. Di setengah tempat mereka lebih berjaya untuk menukarkan agama masyarakat tempatan dengan agama Kristian. Di tempat yang lain, mereka mendapat tentangan yang hebat dan tidak kurang juga mubaligh dibunuh. Hal ini berlaku kerana mubaligh kurang memahami kebudayaan tempatan. Kita belum memahami mengapa mubaligh ini setengahnya berjaya dan setengahnya tidak diterima dalam sesuatu masyarakat. Kesan secara langsung dari pertembungan dengan masyarakat tempatan ialah perubahan keagamaan dari agama asalnya dengan agama Kristian. Dalam masyarakat yang lain pula hubungan Barat dengan kebudayaan tempatan telah mengubah struktur sosial dan ikatan mereka dengan roh ataupun tuhan mereka. Akibatnya, timbul pula gerakan agama baru dan akhirnya menguatkan semula masyarakat itu dengan memberikan mereka semangat berani dan ketenangan. Gerakan agama telah dapat kita lihat di banyak tempat di dunia ini. Gerakan agama ini pada umumnya menentang agama yang dibawa oleh para mubaligh tadi. Sebagai suatu contoh perubahan agama yang besar berlaku di New Guinea yang melahirkan gerakan agama iaitu Kultus-Kargo.

## **7. Kesimpulan**

Perbincangan di atas telah menumpukan kepada proses difusi, proses rekaptian dan juga proses akulturasi dan seterusnya proses kedatangan kuasa luar ke dalam masyarakat tempatan telah membawa perubahan yang meluas dalam masyarakat tadi. Sama ada proses ini dapat membawa perubahan yang luas bergantung kepada keperluan masyarakat tempatan itu sama ada perkara yang dibawa

## PERUBAHAN KEBUDAYAAN

masuk itu diperlukan oleh mereka atau tidak. Sekiranya tret kebudayaan yang mereka bawa itu amat penting dan memberikan faedah kepada orang tempatan, maka tret kebudayaan ini akan diterima dengan baik dan seterusnya akan membawa perubahan yang amat menyenangkan. Sebaliknya jika tret kebudayaan yang dibawa masuk ini bertentangan, maka ini akan ditentang oleh masyarakat tempatan. Akhirnya perubahan tidak akan berjaya.

Dalam kehidupan sehari-hari proses perubahan tidak semudah itu dapat diterima oleh anggota masyarakat. Setengah masyarakat terlebih dahulu menilai kebaikan dan keburukan akibat sesuatu perubahan yang dibawa masuk ke dalam masyarakat mereka. Kerap kali mereka terpaksa menyesuaikan tret kebudayaan itu dengan tret kebudayaan mereka. Anggota masyarakat berhak untuk menapis unsur baru yang hendak dibawa masuk ke dalam masyarakat mereka. Mungkin mereka bersedia menerima perubahan itu sekiranya perubahan tidak mengubah sikap dan nilai hidup mereka. Kejayaan perubahan yang hendak dibawa masuk itu bergantung juga kepada agen perubahan.

Namun begitu memang telah diketahui terdapat juga perubahan yang dirancangan ditolak sama sekali oleh anggota masyarakat, walaupun dari kacamata agen perubahan unsur baru itu penting dan dapat memperbaiki kehidupan masyarakat mereka. Harus disadari bahawa dalam sesuatu masyarakat itu ada orang berpengaruh yang boleh mengekalkan perpaduan dalam masyarakat ini. Kerap kali perubahan bererti orang ini akan terlibat dan tidak lagi mendapat keuntungan yang telah lama dinikmati. Oleh kerana mereka mempunyai kepentingan sendiri mereka mahukan unsur tradisi itu terus dikekalkan.

Dengan mengekalkan kedudukan yang sama bererti ia akan terus dihormati dalam masyarakatnya dan terus dikunjungi oleh pengikutnya bagi mendapatkan nasihat. Penerusan tradisi itu dapatlah mengekalkan *status quonya*.

Satu sebab lain mengapa ramai anggota masyarakat tidak mahu menerima perubahan ini ialah kerana mereka sudah berpuluh-puluh tahun mengamalkan sesuatu perkara atau mempraktikkan sesuatu aktiviti, maka hal seumpama itu telah menjadi tradisi turun-temurun. Oleh itu untuk mengubah sesuatu tradisi itu mengambil masa yang

lama dan oleh sebab itu agen perubahan tidak seharusnya mempercepat perubahan dalam waktu yang singkat.

### 8. Bacaan yang Dicadangkan

- Arensberg, C dan Arthur H. Nieloff  
1964 *Introducing Social Change: A Manual for American Overseas.* Aldine.  
Satu hasil yang membuka mata orang Barat bahawa, apa yang mereka anggap benda yang buruk dan cara melakukan sesuatu yang tidak cekap sebenarnya mempunyai tujuan dan pengiktirafan dalam sesuatu masyarakat. Oleh kerana kegagalan mereka untuk memahami adat resam seumpama itu mengakibatkan kegagalan program perubahan sosial yang mereka lancarkan.
- Barnett, H.G.  
1953 *Innovation: The Basis of Cultural Change:* Merupakan satu hasil yang banyak disebut kerana buku ini membincangkan dengan mendalam proses inovasi dalam masyarakat.
- Dalton, G (Pg)  
1971 *Economic Development and Social Change: The Modernization of Village Communities* Natural History Press.  
Buku ini membincangkan proses modernisasi yang konsepnya merupakan satu konsep yang popular dan dimengertikan dengan berbagai-bagai cara.
- Etzioni, A dan Etzioni, E,  
1964 *Social Change*  
Buku ini ialah kumpulan bacaan yang membincangkan teori perubahan sosial dari teori klasik hinggalah kepada teori moden.
- Freeman, D,  
1970 *Report on the Iban:* London, Athlone.  
Membincang cara hidup masyarakat

PERUBAHAN KEBUDAYAAN

Iban pada zaman yang lalu dan sekarang.

Redfield, R. Ralph Lin-  
ton  
dan Melville, J. Hersko-  
vits  
1936

“Memorendum of the Study of Accul-  
turation”, *American Anthropologist* (38:  
149 — 152)

Makalah ini ialah hasil daripada ke-  
cenderungan yang ditunjukkan dengan  
bersungguh-sungguh oleh ahli-ahli an-  
tropologi yang mengkaji konteks ke-  
budayaan Barat dengan kebudayaan  
masyarakat tradisional. Makalah ini  
memberikan penjelasan erti akulturasi.

# BAB 10

## ANTROPOLOGI GUNAAN DAN MASA DEPAN ANTROPOLOGI

### 1. Antropologi Gunaan

Kita telah menyebutkan di dalam bab-bab yang lalu bahawa semua kebudayaan mengalami perubahan. Setengahnya berlaku dengan begitu pantas dan setengahnya berlaku secara perlahan-lahan. Perubahan kebudayaan boleh berlaku dengan secara kebetulan iaitu apabila kebudayaan masyarakat itu bertembung dengan suatu kebudayaan lain ataupun kebudayaan masyarakat itu dilanda oleh suatu bencana alam yang besar, seperti banjir ataupun letupan gunung berapi dan sebagainya. Tetapi perubahan kebudayaan boleh juga dirancangkan melalui program kesihatan dan teknikal yang dirancangkan oleh sesebuah kerajaan. Perancangan dan program pembangunan akan membawa perubahan tertentu dalam kebudayaan sesuatu masyarakat. Ahli antropologi kadang-kadang terlibat dalam perancangan dan perubahan masyarakat itu. Ahli antropologi yang terlibat ialah mereka dari disiplin antropologi gunaan. Antropologi gunaan merupakan sebagai sebahagian daripada cabang disiplin antropologi yang merancang perubahan-perubahan kebudayaan.

Seorang ahli antropologi dalam kajian mereka cuba merekod dan menganalisis sesuatu masyarakat. Seorang ahli antropologi pergi ke tempat kajian dan tinggal bersama-sama dengan masyarakat lain dan menulis tentang kebudayaan masyarakat itu tanpa mengganggu kehidupan sehari-hari mereka. Bagi ahli antropologi gunaan pula, tujuan mereka ke tempat kajian ialah untuk membawa perubahan ke dalam cara hidup masyarakat. Umumnya mereka cuba untuk memperkenalkan jenis makanan yang berzat, memperkenalkan jenis tandas yang lebih bersih, kesihatan, rancangan pertanian dan sebagainya. Antropologi gunaan oleh itu bolehlah disamakan dengan apa yang dilakukan oleh jurutera dan ahli sains fizikal. Sekiranya keberkesanan seorang jurutera bergantung kepada aturan dan alam sekitar, maka keberkesanan ahli antropologi

bergantung kepada fahaman mereka terhadap aturan, adat resam dan perbezaan kebudayaan dalam masyarakat itu. Dengan perkataan lain, mereka perlu memahami kebudayaan itu sebelum mereka cuba membawa program perubahan ke dalam masyarakat itu tadi. Pemahaman kebudayaan ini mengambil masa tetapi ia penting untuk menyelesaikan masalah sosial.

Di negara kita tidak ramai ahli antropologi yang melibatkan diri dalam kajian bentuk gunaan. Kerajaan kita hanya baru saja menggunakan ahli antropologi dalam kajian yang bercorak gunaan. Salah satu sebab mengapa ahli antropologi telah diketepikan mungkin kerajaan dan agensi kerajaan yang merancang perubahan dan mempunyai wang untuk menggunakan rancangan ini merasakan mereka tidak perlu untuk berunding ataupun menggunakan kepakaran ahli antropologi. Kebiasaannya pentadbir kerajaan merasakan ahli antropologi sebagaimana ahli akademik yang lain bekerja begitu lambat menyiapkan laporan. Kerap kali juga mereka menyampaikan laporan dengan bahasa teknikal yang susah hendak difahami oleh pentadbir. Di samping itu mereka begitu simpati dengan masalah masyarakat yang dikaji sehinggakan mereka keberatan untuk menyarankan sebarang perubahan. Sebaliknya ahli antropologi melihat pegawai pentadbir sebagai ahli birokrasi yang cuba menjalankan program perubahan yang dirancangan dengan terburu-buru tanpa memahami masalah orang yang terlibat. Namun demikian di akhir-akhir ini pentadbir di negara ini mula memerlukan data daripada ahli antropologi untuk rancangan perubahan seperti memindahkan masyarakat dari satu kawasan ke kawasan yang lain, membuka kawasan yang baru dan memahami nilai dan norma mereka bagi memodenkan anggota masyarakat tani Melayu, misalnya.

## **2. Etika Antropologi Gunaan**

Ahli antropologi gunaan sering bertembung dengan persoalan etika, sama ada ia perlu tidak mengubah masyarakat. Masalah yang selalu timbul berkait dengan etika ini ialah masalah tentang kajian luar. Dalam kajian antropologi yang biasa tidak ada sebab mengapa orang merasa syak wasangka apabila ahli antropologi tinggal bersama mereka dan memahami masalah mereka asalkan mereka

tidak mengubah kehidupan sehari-hari masyarakat. Tetapi dalam antropologi gunaan, kita akan melibatkan diri secara langsung dalam perubahan yang tertentu. Persoalan yang akan timbul ialah sama ada perubahan itu akan membawa faedah kepada mereka. Pada masa yang lalu, ahli antropologi tidak langsung memikirkan tentang etika kaji lapangan mereka, kerana mereka betul-betul menjalankan kajian yang bercorak kajian tulen. Tetapi apabila mereka melibatkan diri dalam antropologi gunaan maka mereka harus mematuhi beberapa etika yang tertentu. Maka dalam tahun 1946 suatu persatuan yang dinamakan Persatuan Antropologi Gunaan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa. Salah satu daripadanya ialah untuk memikirkan tentang masalah etika dan bagaimana ahli profesional antropologi gunaan ini harus menjalankan tugasnya. Selepas beberapa pertemuan, maka suatu set etika telah digubal dalam tahun 1948. Perkara yang terkandung dalam etika itu ialah untuk menjadikan profesion ini sebagaimana juga profesion doktor perubatan dan profesion yang lain. Pada hakikatnya mereka harus menunjukkan keprofesionalan mereka dalam kerja mereka. Etika ini menjadi sebagai pemandu, supaya ahli antropologi lebih berhati-hati dalam menjalankan kerja mereka. Memang disadari bahawa ahli antropologi boleh merosakkan anggota masyarakat yang dikaji dengan menyalahgunakan data yang ada pada mereka. Oleh sebab itu mereka perlu mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam jurang ini.

Soal tanggungjawab ini ditekankan kepada ahli antropologi supaya mereka menjaga data ini dengan baik tanpa memberikannya kepada badan yang tidak bertanggungjawab dan mereka perlu menjaga keselamatan anggota masyarakat yang mahu diubah cara hidupnya. Satu daripadanya ialah mereka tidak harus memberikan nama orang yang menjadi informan mereka dalam penerbitan mereka. Mereka perlu menjalankan kajian mereka dengan cara yang saintifik dan memberi pandangan saintifik kepada teman mereka. Tambahan lagi mereka juga harus menjalankan kerja yang dianggap berdarjat tinggi. Mereka haruslah bertanggungjawab kepada kesan sokongan yang diberikan kepada badan yang telah membiayai mereka itu. Ahli antropologi gunaan tidak boleh menganggap diri mereka terasing daripada anggota masyarakat yang dikaji. Mereka harus merasakan diri mereka sebagai anggota daripada masyarakat

itu sendiri yang memerlukan perubahan dan mereka akan merasakan apa juga kesalahan yang akan berlaku dan harus menganggap kesalahan itu akan membawa kesan yang buruk kepada diri mereka sendiri. Dengan perkataan lain mereka harus melihat masalah yang dihadapi oleh masyarakat dari dalam masyarakat itu sendiri.

### **3. Perkembangan Antropologi Gunaan**

Ramai ahli antropologi menganggap bahawa antropologi gunaan tidak mempunyai martabat yang tinggi jika dibandingkan dengan antropologi bercorak teoritis. Hakikat ini timbul kerana di kalangan ahli antropologi, kita selalu menekankan relativiti kebudayaan dan tentang kebebasan anggota masyarakat yang dikaji. Ramai ahli antropologi menganggap bahawa penting untuk mengekalkan semua aspek kebudayaan sebagai suatu yang relatif dan jangan membuat penilaian yang tidak tepat terhadap kebudayaan orang lain. Apabila kita melakukan kajian yang bercorak gunaan ini kita tidak dapat menjalankan sebagaimana kita menjalankan antropologi bercorak tradisional. Sekiranya ahli antropologi mahu menganggap diri mereka sebagai ahli sains, sebagai seorang penyelidik, ahli antropologi mestilah mempunyai tanggungjawab sebagai seorang profesional yang tidak mahu melibatkan dirinya kepada kehendak agensi yang cuba membiayai mereka. Perdebatan seumpama ini akan berterusan. Namun demikian harus difikirkan juga pada hari ini bahawa banyak program pembukaan tanah yang baru dan juga program yang melibatkan nilai dan norma yang harus difikirkan dengan lebih mendalam. Oleh itu ahli antropologi tempatan terutama sekali, harus melibatkan diri dengan kerajaan dan pentadbir kerajaan supaya perancangan yang dirancangkan itu betul-betul dapat dinikmati oleh orang yang perlu menerimanya. Oleh itu sudah sampai masanya ahli antropologi memberikan tenaga mereka serta syor kepada badan yang tertentu. Mereka tidak harus tinggal di menara gading dan menjadi ahli antropologi yang terasing daripada orang yang hendak dikaji.

Beberapa kegagalan daripada program penempatan semula dan juga program pembukaan tanah baru ialah kerana kegagalan kerajaan sendiri untuk menggunakan data antropologi yang penting. Umpamanya apabila kita hendak menempatkan orang Melayu

dalam kawasan yang baru, mereka harus memikirkan sistem per-sanakan yang diamalkan oleh anggota masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu pada umumnya merupakan masyarakat yang mempunyai keluarga luas yang harus difikirkan secara mendalam, ertinya kita jangan menumpukan keluarga asasnya sahaja tanpa memikirkan bentuk keluarga yang lain. Sekiranya hakikat ini dilupakan kita akan bertembung dengan masalah keluarga asas berulang-alik untuk bertemu dengan keluarga yang lain yang masih tinggal di kampung. Apabila perkara ini berlaku, mereka tidak lagi menjadi pekerja ataupun petani yang berkesan kerana mereka banyak membuang masa berulang-alik dari tempat penempatan semula ke tempat asalnya. Tetapi sekiranya kerajaan memikirkan hal ini dengan lebih mendalam, ertinya memindahkan cara beramai-ramai mengikut keperluan keluarga luas tadi, maka hal ini tidak akan berlaku dan kemungkinan besarnya program pembukaan tanah dapat dikekalkan dan dijalankan dengan lebih baik. Hal yang lain harus difikirkan juga dalam pemindahan ini ialah mereka akan mengalami kejutan kebudayaan kerana keadaan kebudayaan yang berlainan daripada apa yang biasa mereka lakukan. Keadaan yang seumpama ini dapat dijelaskan oleh ahli antropologi. Orang yang baru berpindah ke kawasan yang baru ini perlu menyesuaikan diri kepada persekitaran yang baru dan kepada aturan yang baru. Hakikat ini berbeza dengan hidup mereka dahulu yang biasa mereka amalkan. Data seumpama ini hanya dapat dipungut oleh ahli antropologi dengan menggunakan cara penglihatan dan juga pemerhatian yang mendalam terhadap kehidupan sehari-hari. Oleh sebab itu maka ahli antropologi gunaan dapat menyumbangkan pengetahuan dan kepakaran mereka serta memberikan syor yang tertentu dalam program perubahan yang dirancangan.

Kerap kali juga rancangan perubahan yang dirancangan ini ditolak oleh anggota masyarakat yang mahu diubah itu. Hal ini timbul kerana biasanya pentadbir yang mahu merancang program ini tidak memahami kebudayaan masyarakat tempatan yang mahu diubah. Pentadbir membawa sikap dan nilai mereka sebagai ukuran. Kebanyakan daripada mereka pula datang dari golongan menengah. Sikap dan nilai inilah yang mereka cuba bawa ke dalam masyarakat yang mahu mereka ubah. Perkara seumpama ini sudah tentu tidak dapat diterima dengan sepenuhnya. Oleh sebab itu kita harus juga

memikirkan tentang hal yang seumpama ini yang hanya boleh difahamkan oleh ahli antropologi. Begitu juga dalam perubahan teknologi yang saintifik, harus juga difikirkan sama ada mereka boleh menggunakan hal yang seumpama itu. Misalnya orang Melayu yang biasa menggunakan tajak dengan pemegang yang pendek yang dianggap oleh orang lain menyakitkan belakang mereka, tetapi kebiasaan ini adalah merupakan sebagai sebahagian daripada kebudayaan mereka. Kerana kebiasaan itu mereka tidak merasakan sakit belakang. Maka jika pemegang digantikan dengan kayu yang lebih panjang seperti yang digunakan oleh orang Cina, sudah tentu cara itu tidak dapat diterima oleh orang Melayu. Begitu juga pada suatu ketika dahulu di mana orang Melayu tidak mahu tinggal di rumah pangsa yang tinggi kerana masalah yang selalu dihadapi seperti kenduri-kendara dan membawa mayat daripada rumah yang tinggi ke bawah. Hal seumpama ini dapat dihuraikan oleh ahli antropologi gunaan. Ahli antropologi gunaan mungkin dapat menyarankan tempat bersembahyang dan tempat menempatkan mayat, tempat kenduri-kendara setelah memahami adat resam dan budaya mereka.

Sejak itu sumbangan ahli antropologi gunaan banyak digunakan. Mereka sentiasa bersedia memikirkan hal seumpama ini kerana mereka pakar dalam bidang kebudayaan.

#### **4. Masa Depan Antropologi**

Disiplin antropologi kerap kali dihuraikan sebagai satu disiplin yang ingin melihat beberapa fenomena alam pada waktu yang lalu. Kerja yang mereka lakukan berhubung dengan interpretasi mengenai perkara yang lalu tetapi membincangkannya pada waktu ini. Namun demikian ahli antropologi juga ingin melihat masa depan dan perubahan yang akan berlaku dalam masyarakat. Sebagai anggota masyarakat kebudayaan industri, mereka hairan apakah tahap yang akan dilalui oleh masyarakat industri itu pada masa-masa yang akan datang. Yang menghairankan lagi ialah apakah perubahan yang akan berlaku di masa akan datang terutama sekali dalam kebudayaan masyarakat primitif. Sebagaimana yang telah kita lihat dalam bab yang lalu, apabila masyarakat primitif, masyarakat yang mengembala binatang dan juga masyarakat yang

mengumpulkan barang makanan bertembung dengan masyarakat Barat, masyarakat industri, maka kebudayaan mereka berubah dengan begitu cepat sekali. Kerap kali perubahan itu membawa ke arah keburukan iaitu kepada suatu keadaan yang tidak menyenangkan seluruh masyarakatnya. Beberapa orang ahli antropologi telah menunjukkan bahawa pertembungan kebudayaan ini akan melenyapkan kebudayaan masyarakat tempatan dari muka bumi ini.

Beberapa orang ahli antropologi percaya bahawa pada masa depan dunia kita akan mempunyai satu kebudayaan yang seragam. Keadaan ini berlaku kerana beberapa perkembangan yang pantas dari bidang pengangkutan, dalam bidang komunikasi dan juga perdagangan yang menghubungkan di antara masyarakat yang besar dengan masyarakat ringkas. Keadaan yang kita lihat wujud pada hari ini akan membawa ke arah sebuah kebudayaan dunia yang mewujudkan suatu kebudayaan yang tinggi iaitu kebudayaan sebagai hasil daripada perkembangan teknologi yang dibawa oleh masyarakat moden melalui komputer dan juga alat komunikasi yang lebih tinggi. Sekiranya kebudayaan yang seragam sebenarnya akan wujud maka kita akan melihat umpamanya dalam tahun 2,000 semua masyarakat sama ada mereka tinggal di negara ini, ataupun mereka yang tinggal di New Guinea, ataupun mereka tinggal di Kalimantan atau di kawasan lain di dunia ini, anggota masyarakat ini akan hidup sebagaimana anggota dalam masyarakat yang lain. Ertinya mereka sama-sama menganuti kebudayaan dan juga mempunyai cara hidup yang sama. Mungkin mereka sama-sama menikmati program TV yang sama, peti sejuk, alat pendingin, berkereta dan sebagainya. Mereka juga akan minum dan makan bahan minuman dan makanan yang sama. Mereka juga akan membaca akhbar yang sama dan kemungkinannya mereka juga mempunyai sistem pemerintahan yang sama.

Kebanyakan ahli antropologi percaya bahawa kebudayaan seumpama ini merupakan suatu gabungan kebudayaan yang berbagai-bagai dan ia mengurangkan perbezaan atau kelainan dalam sistem kebudayaan. Ahli antropologi juga mengetahui bahawa suatu kebudayaan seragam akan menghapuskan kemungkinan bagi mengadaptasikan kebudayaan iaitu sekiranya pada masa yang akan datang krisis akan berlaku. Misalnya jika bahan makanan ataupun bahan asas untuk menjadi bahan pembakar susah didapati, hal ini

akan menimbulkan kesan. Apakah yang akan berlaku kepada anggota masyarakat yang tinggal di Kutub Utara yang mempunyai iklim yang sejuk sekali sekiranya mereka tidak mendapat bahan pembakar untuk memanaskan tempat tinggal mereka. Bagaimana mereka akan dapat bergerak jika jentera kenderaan tidak dapat lagi diberikan kuasa seumpama ini? Kebudayaan yang berbeza akan timbul semula, dan kemungkinannya orang di Kutub Utara seperti orang Eskimo, orang Siberia dan juga golongan yang lain akan terselamat kerana mereka telah dapat menyesuaikan diri kepada keadaan yang begitu sejuk. Dalam keadaan yang begini, hanya golongan masyarakat Eskimo dan juga orang Siberia sahaja dapat menyesuaikan diri kerana mereka mempunyai organisasi sosial dan teknologi yang diperlukan bagi hidup dalam keadaan yang begitu rupa. Kerana hanya golongan masyarakat ini saja yang akan terselamat, maka golongan masyarakat ini sahaja yang kekal hidup di muka bumi ini.

Sekiranya orang Eskimo telah disusun ke dalam suatu kebudayaan, maka mereka akan menjualkan semua kenderaan salji dan anjing mereka. Mungkin juga mereka mengeneipkan perahu kayak mereka dan bahan membuat perahu yang biasa dan menggantikannya dengan bahan yang diperbuat daripada besi dan sebagainya. Oleh sebab itu kebudayaan tradisi dan teknik mereka yang membolehkan mereka hidup dalam alam sekitar bersalji yang begitu tebal dan iklim yang begitu sejuk akan dikaji, maka orang Eskimo akan mengikut tradisi masyarakat lain di muka bumi ini. Oleh sebab itu ahli antropologi mempercayai bahawa kebudayaan yang berkembang berbeza-beza seperti yang terdapat di berbagai-bagai tempat di dunia ini adalah penting dan perlu bagi *survival* mereka dalam masa yang mencemaskan.

Ahli antropologi yang lain pula menyarankan bahawa mungkin suatu kebudayaan yang sama perlu pada masa yang akan datang, kerana sesuatu kebudayaan yang khusus mungkin susah bagi mereka untuk menghadapi perubahan alam sekitar mereka. Apabila sesuatu kebudayaan tradisional yang telah diubahsuaikan dengan alam sekitar yang khusus seperti yang terdapat di kalangan orang Red Indian di Brazil telah mengubahsuaikan kehidupan sosial daripada cara hidup di hutan rimba setelah bertembung dengan orang Eropah, mereka menerima kebudayaan orang Eropah, dan telah mengubah

alam sosial mereka dengan begitu mendadak sekali. Akhirnya kebudayaan tradisional mereka telah lumpuh kerana itu sistem tradisi, politik, sosial dan organisasi yang lain-lainnya telah diubahsuai dengan kebudayaan Barat itu tadi.

### 5. Kebudayaan Majmuk

Satu lagi kemungkinan yang akan berlaku kepada umat manusia di waktu yang akan datang ialah kemungkinannya mereka akan mewujudkan kebudayaan majmuk, di mana lebih daripada sesuatu kebudayaan wujud di samping kebudayaan lain di dalam sebuah masyarakat. Kebudayaan majmuk merupakan suatu organisasi sosial dan politik dalam masyarakat yang sama tetapi masing-masing mempunyai cara hidup dan bahasa yang berlainan.

Satu contoh mengenai kebudayaan majmuk ini boleh kita lihat daripada negara kita sendiri. Kita lihat orang Melayu, Cina dan India yang mengamalkan tradisi kebudayaan dan mempunyai nilai hidup yang berlainan tetapi mereka tinggal bersama-sama di dalam sebuah pemerintahan dan pentadbiran kerajaan. Mereka juga mempunyai cara kehidupan yang bersendirian dengan menggunakan bahasa yang tersendiri, dengan muzik, agama dan jenis makanan yang berlainan. Kerap kali juga mereka tinggal di kawasan kediaman yang berlainan. Tetapi jenis masyarakat majmuk di negara kita ini mungkin merupakan sebagai bentuk yang sementara, iaitu suatu tahap di mana mereka akan menuju ke arah suatu proses integrasi kepada sesuatu kebudayaan seragam iaitu kebudayaan Malaysia. Oleh sebab itu diharapkan orang Cina dan orang India dan generasi kemudian akan mempunyai kebudayaan yang sama dengan orang Melayu yang boleh dianggap sebagai suatu kebudayaan Malaysia.

Suatu perkara yang jelas di dalam kebudayaan majmuk ini ialah sifat *etnosentrisme* ataupun anggapan bahawa hanya kebudayaan masyarakat ini saja yang baik dibandingkan dengan kebudayaan yang lain. Dalam bentuk yang asal identiti *etnosentrisme* ini menunjukkan bagaimana cara hidup yang mereka rasakan adalah lebih tinggi, dan ini diperkuatkan lagi dengan ego yang dipertunjukkan oleh anggota dalam masyarakat itu. Dalam kebanyakan masyarakat, contoh ini adalah penting kerana ia cuba mengumpulkan individu dalam masyarakat ini dan menunjukkan identiti ma-

syarakatnya. Oleh sebab itu terdapatlah konsep etnik yang cuba menyelesaikan kewujudan masyarakatnya sendiri. Pada umumnya etnosentrisme adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kebudayaan tani ataupun kepatuhan kepada sesebuah negara kerana ia akan menunjukkan beberapa aspek tentang kebudayaan yang dianggapnya lebih tinggi yang dibezakan dalam bidang yang tertentu khususnya sains, agama, politik dan sebagainya yang terdiri daripada aspek yang terdapat dalam kebudayaan yang lain.

## **6. Masalah Masa Depan Manusia**

Satu daripada masalah kritis yang dihadapi oleh manusia masa depan ialah pertambahan penduduk. Kita tidak mengetahui sama ada urbanisasi dan juga kesesakan adalah merupakan masalah yang serius dihadapi oleh masyarakat. Tetapi hal ini jelas merupakan sebagai masalah yang menimbulkan krisis yang lahir daripada masalah pertambahan penduduk, misalnya masalah kebuluran, kekurangan makanan, kemiskinan, keadaan sosial yang tidak tenang dan juga masalah ketegangan psikologis.

Kemajuan yang lebih pesat dalam teknik pertanian, dan kemajuan dalam bidang kesihatan menyebabkan anggota masyarakat hidup lebih lama. Faktor penting inilah yang menyebabkan pertambahan penduduk yang begitu pesat sekali. Dalam tahun 1974 misalnya penduduk dunia adalah berjumlah 4 ratus juta (4 billion). Pertambahan ini merupakan pertambahan 2 kali ganda jika dibandingkan dengan bilangan penduduk pada tahun 1970. Namun demikian pertambahan penduduk ini pula tidak seimbang dari satu kawasan ke satu kawasan lain.

Berkait rapat dengan masalah ini ialah proses urbanisasi yang berkembang dengan begitu hebat sekali. Setiap tahun umpamanya ramai penduduk dari luar bandar berpindah ke kota besar sehingga menjadikan kota tempat yang begitu sesak. Namun demikian dapat dikatakan bahawa urbanisasi hanya merupakan sebahagian daripada masalah kependudukan, hasil daripada kemajuan teknologi dan juga industri yang terdapat di kota besar. Urbanisasi merupakan suatu cara perpindahan teknologi daripada bentuk pertanian kepada bentuk industri ekonomi. Oleh kerana bilangan penduduk bertambah, maka hasil yang dikeluarkan perlu juga ditambah dan hal ini

menyebabkan lebih banyak kerja perlu dilakukan. Akibatnya kerja terpaksa dilakukan dengan menggunakan mesin yang tertentu bagi mengurangkan keperluan tenaga manusia. Hakikat yang sama juga berlaku di luar bandar, mesin digunakan untuk menenggal dan juga memungut hasil setiap tahun. Akibatnya penduduk berpindah beramai-ramai dari luar bandar ke bandar untuk mencari kerja di kawasan perindustrian. Perpindahan ini telah menghasilkan masalah yang tertentu. Pengalaman tinggal di kota telah membuktikan bahawa cara hidup orang bandar merupakan suatu cara yang praktikal kerana berusaha untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan alam sekitar yang sesak. Kesesakan ini telah menyebabkan kehidupan di bandar dalam beberapa tahap tertentu. Hakikat ini juga memberikan kesan kepada peranan dan cara mereka menilai sesuatu dengan norma sosial dan juga fungsi-kognatif yang menggunakan kemudahan yang ada.

Akibat daripada adaptasi kepada mekanisme ini, menyebabkan anggota masyarakat kurang meluangkan masa bertemu muka dengan orang lain. Orang yang tinggal di kota lebih menumpukan kepada masalah untuk menjalankan kerja yang perlu dilakukan sehari-hari. Setiap hari anggota masyarakat yang tinggal di kota menggunakan masa dan waktu hanya untuk perkara yang dipilih dan berinteraksi dengan temannya sahaja. Walaupun mereka keluar dengan temannya yang lain tetapi apabila mereka bertemu dengan orang yang miskin ataupun memerlukan pertolongan di bandar atau di kota, mereka akan mendiamkan diri sahaja. Kesesakan juga telah menyebabkan perubahan fungsi dalam perniagaan dan juga pertukaran yang lain serta interaksi sosial yang lain. Pemandu bas misalnya yang biasanya sanggup menunggu penumpang tetapi mereka sekarang mengejar masa untuk mendapatkan penumpang yang lebih ramai bagi mendapatkan wang yang lebih banyak. Oleh sebab itu dilihat di jalan raya sama ada teksi atau bas mini dipandu dengan begitu laju sekali tanpa memikirkan keselamatan orang lain. Perkara ini ditambah pula dengan pekerja kontrak dan sebagainya yang ingin mengejar masa untuk menyiapkan bangunan dengan begitu cepat. Terdapat juga sesuatu keadaan di mana orang bandar tidak langsung menghiraukan orang lain yang memerlukan pertolongan mereka, yang datang ke rumah mereka kerana orang ini tidak mereka kenali. Oleh sebab itu sifat orang kota selalunya tidak disukai oleh orang

lain, kerana mereka kurang ramah mesra. Hubungan yang kita lihat adalah hubungan yang begitu lohor sekali dan tidak mesra. Dengan sebab itu terdapat institusi yang khusus yang dibangunkan untuk mengatasi masalah orang di bandar umpamanya institusi rukun tetangga dan konsep kejiranan yang diusahakan oleh Lembaga Perpaduan Negara.

Hasil daripada kependudukan yang bertambah setiap masa ini, anggota masyarakat menghadapi kekurangan makanan. Namun demikian hakikat ini telah dapat diatasi dengan adanya teknik baru yang digunakan dengan mewujudkan cara penanaman baru dan benih-benih baru digunakan bagi mengeluarkan barang makanan yang lebih banyak. Satu cara yang lain ialah dengan wujudnya satu kawalan penduduk iaitu proses rancangan keluarga. Hal ini juga diharapkan akan mengurangkan bilangan penduduk. Rancangan keluarga ini akan dapat memberikan peluang hidup yang baik kepada anggota masyarakat yang ada di muka bumi ini pada masa akan datang. Dengan adanya rancangan seumpama ini, maka dapatlah diatitkan organisasi kerajaan seperti cukai, sekolah dan juga institusi lain yang diperlukan masyarakat dalam dunia moden ini.

## **7. Peranan Antropologi Pada Masa Depan**

Tidak dapat dinafikan bahawa peranan ahli antropologi pada masa akan datang akan berubah. Masanya telah sampai bahawa ahli antropologi tidak boleh lagi semata-mata menumpukan perhatian mereka kepada kelompok yang kecil seperti kelompok nomad atau puak dalam sesebuah kawasan yang terpencil yang belum lagi dirosakkan oleh konteks dengan orang Barat. Pada hari ini masih terdapat beberapa golongan seumpama itu. Tetapi masalah yang menjadi tumpuan mereka itu sudah mula luput dari muka bumi ini. Hal ini adalah hasil daripada pertembungan dengan kebudayaan masyarakat yang lebih maju dan lebih agresif. Jika kita mahu memahami tentang masyarakat manusia, maka kita memerlukan data yang baik dan lebih banyak mengenai mereka. Kita selalu mempunyai tugas untuk menyelamatkan kebudayaan yang hampir luput dari muka bumi ini. Walaupun pada hakikatnya masyarakat tradisional yang dikaji oleh ahli antropologi ini hampir luput dari

muka bumi, ahli antropologi terus menumpukan pengumpulan data daripada golongan seumpama itu.

Keperluan untuk menyelamatkan data seperti ini amat penting sekali. Tugas ini dilakukan oleh golongan-golongan arkeologi dan juga ahli-ahli etnologi. Oleh itu dapat kita perhatikan pertembungan di antara masyarakat tradisional dengan masyarakat dan kebudayaan Barat, menyebabkan beberapa tret kebudayaan telah hapus. Perkara ini menimbulkan masalah iaitu kawasan kajian kita telah digunakan untuk pembangunan, setengahnya digunakan oleh badan tertentu seperti kerajaan dan sebagainya. Kawasan ini juga telah dilanda oleh jentera moden yang telah menyebabkan beberapa kawasan arkeologi telah musnah. Pemodelan telah menimbulkan dua masalah. Pertamanya semua bahan yang dianggap penting itu tidak boleh didapati lagi dan ia tidak boleh diperbaharui. Keduanya, pemodelan juga akan mengurangkan data yang diperlukan oleh ahli antropologi untuk memahami proses perubahan jangka panjang.

Masalah arkeologi bukannya terletak kepada masalah penambakan tanah untuk membuat rumah sahaja. Tetapi beberapa dekad yang lalu beberapa golongan ahli perniagaan memperdagangkan barang lama atau barang antik.

Walaupun ahli antropologi terus melibatkan diri dalam bidang arkeologi dan etnologi, tetapi hari ini mereka telah menumpukan kepada masalah lain yang telah mula membuka mata mereka. Beberapa bidang baru dalam penyelidikan telah mula menjadi tumpuan mereka pula. Ahli antropologi yang telah mengkaji masalah modenisasi dan juga proses dalam masyarakat primitif menerima unsur baru seperti kerjasama, nasionalisme dan juga integrasi ke dalam ekonomi perindustrian.

Begitu juga ahli antropologi telah mula menumpukan perhatian mereka kepada kelompok minoriti di negara masing-masing. Hal ini telah menimbulkan satu kesedaran baru di mana kita lihat kajian seumpama ini telah membawa ahli antropologi ke daerah dan kawasan yang pada waktu yang lalu menjadi kawasan pilihan ahli sosiologi sahaja. Hal ini telah menjalinkan beberapa kerjasama di antara bidang yang telah dilakukan oleh ahli antropologi dengan ahli sosiologi dan juga ahli psikologi. Kita lihat pada waktu ini kedua-

dua kaedah pengkajian telah digunakan, bahkan ahli antropologi telah banyak menggunakan statistik dalam kajian mereka hari ini.

#### 8. Bacaan Yang Dicadangkan

Arensberg, C.M. dan A.H. Niehoff  
1964

*Introducing Social change: A Manual for American Overseas.* Chicago: Aldine.

Buku ini cuba memperbaiki pemahaman pola kebudayaan, masalah dan perubahan bagi meninggikan kebolehan agen perubahan dalam kebudayaan asing daripada kebudayaan mereka.

Foster, G.M.  
1969

*Applied Anthropology.* Boston: Little Brown.

Buku ini membincangkan hubungan antara antropologi teoritis dan antropologi gunaan dalam penglibatan ahli antropologi di bidang perubahan sosial. Antropologi gunaan dijelaskan dengan mendalam disertakan dengan contoh daripada perubahan yang dirancang.

Foster, G.M.  
1962

*Traditional Cultures: And the Impact of Technological Change.* New York: Harper and Row.

Buku ini meninjau kesan teknologi ke atas kebudayaan di seluruh dunia dan bagaimana pemahaman masa lampau akan membantu menyelesaikan masalah masa kini. Buku yang berdasarkan kepada pengalaman pengarang di Amerika Latin, Asia dan Amerika Utara telah mengupas faktor yang menghalang dan membantu perubahan kebudayaan.

ASAS-ASAS ANTROPOLOGI

Paul, B.D. (Pg)  
1955

*Health, Culture and Community: Case Studies of Public Reactions to Health Programs.* New York.

Satu kumpulan makalah yang menumpukan pada masalah kesihatan di seluruh dunia, reaksi padanya serta cara menyelesaikan masalah itu.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Taib  
1980 "Antropologi Budaya Amerika dan Antropologi Sosial British: Di mana Perbedaan dan Pertemuannya?" *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* Jld. 8: 105-130.
- Aberle, D. F.  
1971 "A Note of Relative Deprivation Theory as Applied to Millenarian and Other Cult Movements," W.A. Lessa and E.S. Vogt (Eds.), *Reader in Comparative Religion*, Edisi ketiga New York: Harper & Row, 528-531.
- Aberle, D. F., et al.  
1963 "The Incest Taboo and the Mating Patterns of Animals" *American Anthropologist*, Jilid 65, 253-25.
- Arensberg, C.M., dan  
A.H. Niehoff  
1964 *Introducing Social Change: A Manual for Americans Overseas*. Chicago: Aldine.
- Balandier, G.  
1970 *Political Anthropology*, terjemahan daripada Bahasa Perancis oleh A.M. Sheridan Smith. New York: Random House, Pantheon Books.
- Banton, M. (Pg.)  
1966 *Anthropological Approaches to the Study of Religion*, Association of Social Anthropologists of the Commonwealth, Monograf Bil. 3. New York: Praeger.
- Banton, M. (Pg.)  
1965 *Political Systems and the Distribution of Power*. Association of Social Anthropologists of the Commonwealth, Monograf Bil. 2 (New York: Praeger, 1965).

- Barnouw, V. 1963 *Culture and Personality*. Homewood, IV: Dorsey Press.
- Barry, H., M.K. Bacon, dan I.L. Child 1957 "A Cross Cultural Survey of Some Sex Differences in Socialization" *Journal of Abnormal and Social Psychology*, Jilid 55. November. 327-332.
- Barth, F. 1960 "Nomadism in the Mountain and Plateau Areas of South West Asia," dalam *The Problems of the Arid Zone*. Paris: UNESCO.
- Bartram, W. 1958 *The Travels of William Bartram*. New Haven: Yale University Press.
- Beattie, J.M.H. 1964 *Other Cultures: Amis, Methods and Achievements in Social Antropology*. New York,
- Beattie, J.M.H. 1964 *Bunyoro: An African Kingdom* New York, Holt, Rinehart and Winston.
- Bidney D 1967 *Theoretical Anthropology*. New York Schocken.
- Boas, F 1934 *Geographical Names of the Kwakiutl Indians*. New York: Columbia University Press.
- Bohannan, P. 1954 "The Migration and Expansion of the Tiv" *Africa*, Jilid 24. 2-16.
- Bohannan, P. dan G. Dalton (Pg.) 1962 *Markets in Africa*. Evanston Ill: Northwestern University Press.
- Burling, R. 1970 *Man's Many Voices: Language in Its Cultural Context*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Burling, R. 1965 *Hill Farms and Padi Fields. Life in Mainland Southeast Asia*. New Jersey, Prentice-Hall.

BIBLIOGRAFI

- Burton, R.V. dan J.W.M. Whiting 1961 "Thek Absent Father and Cross-Sex Identity" *Merril-Palmer Quarterly of Behavior and Development*, Jilid 7, Bil. 2. 85-95.
- Casagrande, J.B. (Pg) 1960 *In the Company of Man: Twenty by Anthropologists*. New York: Harper & Row.
- Childe, V.G. 1951 *Man Makes Himself*. New York: Mentor Book, New American Library.
- Cohen, R., dan J. Middleton (Pg.) 1967 *Comparative Political Systems, American Museum Sourcebooks in Anthropology*. Garden City, New York: Natural History Press.
- Cohen, Y. 1961 *Social Structure and Personality: A Casebook*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Dalton, G. 1965 "Primitive Money". *American Anthropologist*. Jilid 67. 44-65.
- Dalton, G. (Pg.) 1967 *Tribal and Peasant Economies: Readings in Economic Anthropology*. Garden City, New York: Natural History Press.
- Davenport, W. 1959 "Non-Unilineal Descent and Descent Groups". *American Anthropologist*, Jilid 61, 557-572.
- Davenport, W. 1965 "Sexual Patterns and Their Regulation in a Society of the Southwest Pacific." dalam F.A. Beach (Pg.), *Sex and Behavior*. New York: Wiley. 164-174.
- Du Bois, C. 1944 *The People of Alor: A Social-Psychological Study of an East Indian Island*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Durkheim, E. 1971 "The Elementary Forms of the Religious Life", in W.A. Lessa dan E.Z.

- Vogt (Ed.), *Reader in Comparative Religion*, Edisi ketiga New York Harper & Row, hal. 28-36.
- Durkheim, E.  
1936 *The Rules of Sociological Method*, Edisi ke-8, terjemahan S.A. Solovay dan J.H. Mueller, ed. G.E.E. Catlin. New York: Free Press.
- Ember, M 1959 "The Nonunilinear Descent Groups of Samoa", *American Anthropologist*, Jilid 61.
- Evans-Pritchard, E.E  
1940 "The Nuer of the Southern Sudan," dalam M. Fostes dan E.D. Evans-Pritchard (Ed.), *African Political Systems*. New York: Oxford University Press, cetakan ulang 1940.
- Evans-Pritchard, E.E.  
1951 *Social Anthropology*. London. Cohen & West.
- Epstein, A.L. 1967 *The Craft of Social Anthropology*. London. Tavistock Pub.
- Firth, R 1951 "Contemporary British Social Anthropology". Dalam *American Anthropologist* Jilid 53: 474-489.
- Firth, R.  
1970 Rank and Religion in Tikopia. Boston: Beacon Press.
- Firth, R. 1959 *Social Change in Tikopia*. New York: Macmillan.
- Firth, R. (Pg.)  
1967 *Themes in Economic Anthropology*. New York: Tavistock.
- Firth, R. 1960 *Malay Fisherman*. London: Atlone Press.
- Flannery, K.V.  
1965 "The Ecology of Early Food Production in Mesopotamia" *Science*, Jilid 147. Mach 12, 1965, 1247-1255.

BIBLIOGRAFI

- Flannery, K.V. 1971 "Origins and Ecological Effects of Early Domestication in Iran and the Near East," dalam S. Struever (Ed.), *Pre-historic Agriculture*. Garden City, N.Y.: Natural History Press. 50-79.
- Ford, C.S., dan F.A. Bech 1951 *Patterns of Sexual Behavior*. New York: Harper & Row.
- Fortes, M. dan E.E. Evans-Pritchard (Pg.) 1940 *African Political System*. New York, London: Oxford University Press for the International African Institute.
- Foster, G.M. 1969 *Applied Anthropology*. Boston: Little, Brown.
- Foster, G.M. 1962 *Traditional Cultures: And the Impact of Technological Change*. New York: Harper & Row.
- Fox, R. 1967 *Kinship and Marriage: An Anthropological Perspective*. Baltimore: Penguin.
- Frake, C.O. 1960 "The Eastern Subanun of Mindanao," in G.P. Murdock (Pg.), *Social Structure in Southeast Asia*. Viking Fund Publications in Anthropology. Bil. 29.
- Frazer, J.G. 1890 *The Golden Bough*. London: Macmillan.
- Fried, M.H. 1967 *The Evolution of Political Society: An Essay in Political Anthropology*. New York: Random House.
- Fried, M.H., M. Harris, dan R. Murphy (Pg.) 1968 *War: The Anthropology of Armed Conflict and Aggression*. Garden City, New York: Natural History Press.
- Geertz, C. 1960 *The Religion of Java*. Glencoe, IU: Free Press, 1960.
- Golde, P. (Pg.) 1970 *Women in the Field: Anthropological Experiences*. Chicago: Aldine.
- Goldstein, M.C. 1971 "Stratification, Polyandry, and Family Structure in Central Tinet". *Southwes-*

- tern *Journal of Anthropology*, Jilid 27, Bil. 1. Spring, 67-74.
- Goldenweiser, A. 1941 Recent Trends in American Anthropology. *American Anthropologist*. Jilid 17: 57-61.
- Goode, W.J. 1964 *The Family*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.
- Goode, W.J. 1970 *World Revolution and Family Patterns*. New York: Free Press.
- Goodenough, W.H. 1964 *Explorations in Cultural Anthropology: Essays in Honor of George Peter Murdock*. New York: McGraw-Hill.
- Goodenough, W.H. 1951 *Property, Kin and Community on Turk*. New Haven: Yale University Press.
- Gould, R.A. 1969 *Yiwara: Foragers of the Australian Desert* New York: Scribner's.
- Harris, M. 1966 "The Cultural Ecology of India's Sacred Cattle". *Current Anthropology*, Jilid 7 (Februari) 51-66.
- Harris, M. 1968 *The Rise of Anthropological Theory*. New York: Thomas Y. Crowell.
- Heider, K. 1970 *The Dugum Dani*. Chicago: Aldine.
- Hole, F., dan R.F. Heizer. 1973 *An Introduction to Prehistoric Archeology*, Edisi kedua New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Honigmann, J.J. 1967 *Personality in Culture*. New York: Harper & Row.
- Hsu, F. L. K. (Pg.) 1972 *Psychological Anthropology*: Cambridge, Mass: Schenkman.
- Itkonen, T.I., 1951 "The Lopps of Finland" *Southwestern Journal of Anthropology*. Jilid 7.
- James, P.E. 1966 *A Geography of Man*. Waltham, Mass: Blaisdell.

BIBLIOGRAFI

- Kluckhohn, C.  
1948 "As an Anthropologist Views It," dalam A. Deutsch (Ed), *Sex Habits of American Men*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall. 101.
- Kohn, M.L. 1963 "Social Class and Parent-Child Relationships: An Interpretation" *American Journal of Sociology*, Jilid 68. 471-480.
- Kunstadter, P.  
1967 *Southeast Asian Tribes, Minorities and Nations* Princeton, New Jersey: Princeton University Press (Dua Jilid).
- Kroeber, A. L.  
1952 *The Nature of Culture*. Chicago: University of Chicago Press.
- Kuper, H. 1963 *A South African Kingdom: The Swazi*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Kupper, A 1963 *Anthropologist and Anthropology*. London: Allan Lane.
- Leach, C.R. (Pg.)  
1960 *Aspects of Caste in South India, Ceylon and Northwest Pakistan*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Leach, E. 1970 *Claude Levi-Strauss*. New York: Viking Press.
- Leach, E. R. 1954 *Political Systems of Highland Burma*. Boston: Beacon Press.
- Leach, E. R. 1965 *Rethinking Anthropology*. London: Af-lord.
- Lessa dan E.Z. Vogt (Pg.)  
1971 *Reader in Comparative Religion*, Edisi ketiga New York: Harper & Row.
- LeClair, E. D., Jr., *Economic Anthropology: Readings in*

- dan H.D. Schneider (Pg.) 1968 *Theory and Analysis*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Lee, R.B. 1972 "Population Growth and the Beginnings of Sedentary Life among the !Kung Bushmen," in B. Sponner (Ed.), *Population Growth: Anthropological Implications*. Cambridge, Mass: MIT Press.
- Lee, R.B. 1968 "What Hunters Do for a Living of How to Make Out on Scarce Resources," in R.B. Lee dan L. DeVore (Ed.), *Man the Hunter*. Chicago: Aldine.
- Lee, R.B., dan I. DeVore (ed.) 1968 *Man the Hunter*. Chicago: Aldine
- Lee, A., dan A.P. Vayda (Pg.) 1965 *Man, Culture and Animals: The Role of Animals in Human Ecological Adjustments*. Terbitan Bil. 78 daripada the American Association for the Advancement of Science Washington, D.C: American Association for the Advancement of Science.
- Lessa, W.A., dan E.Z. Vogt (Pg.) 1971 *Reader in Comparative Religion: An Anthropological Approach*, Edisi ketiga New York: Harper & Row.
- Levi-Strauss, C. 1963 *Structural Anthropology*. New York: Basic.
- Lewis, I. M. 1961 *A Pastoral Democracy*. New York: Oxford University Press.
- Lewis, O. 1951 *Life in a Mexican Village: Tepoztlan Revisited*. Urbana: University of Illinois Press.
- Lewis, O. 1958 *Village Life in Northern India*. Urbana: University of Illinois Press.
- Linton, R. 1945 *The Cultural Background of Personality*. New York: D. Appleton.

BIBLIOGRAFI

- Linton, R. 1936 *The Study of Man*. New York: Appleton.
- Lowie, R. H. 1956 *The Crow Indians*. New York: Rinehart.
- Lowie, R. H. 1920 *Primitive Society*. New York: Boni and Leveright.
- MacClelland, D.C. 1967 *The Achieving Society*. New York: Free Press.
- Mair, L. 1969 *Witchcraft*. New York: World University Library.
- Malefijt, A. de W. 1968 *Religion and Culture: An Introduction to Anthropology of Religion*. New York: Macmillan.
- Malefijt, A de W. 1974 *Images of Man*. New York: Alfred A. Knopf.
- Malinowski, B. 1927 "The Life of Culture," in G. E. Smith et al. (Ed.), *The Diffusion Controversy* New York: Norton.
- Malinowski, B. 1954 *Magic, Science and Religion and Other Esei* Garden City, New York: Doubleday.
- Malinowski, B. 1967 *Sex and Repression in Savage Society*. Cleveland: World.
- Malinowski, B. 1932 *The Sexual Life of Savages in North-Western Melanesia*. New York: Halcyon House.
- Marshall, L 1961 "Sharing, Talking and Giving: Relief of Social Tensions among !Kung Bushmen," *Africa*. Jilid 31.
- Manners, R. A., dan D. Kaplan (Pg.) 1968 *Theory in Anthropology: A Sourcebook*. Chicago: Aldine.
- Mead, M, 1961 *Coming of Age in Samoa*. New York: William Marrow.

ASAS-ASAS ANTROPOLOGI

- Meggers, B. 1959 "Environmental Limitations on the Development of Culture". *American Anthropologist*, Jilid 56. 801-824.
- Middleton, J. (Pg.) 1967 *Magic, Witchcraft and Curing*, American Museum Sourcebooks in Anthropology. Garden City, N.Y.: Natural History Press.
- Middleton, J.M. 1971 "The Cult of the Dead; Ancestors and Ghosts," dalam W. A. Lessa dan E. Z. Vogt (Ed.), *Reader in Comparative Religion*, Edisi ketiga New York: Harper & Row. 488-492.
- Middleton. R. 1961 "Brother-Sister and Father-Daughter Marriage in Ancient Egypt". *American Sociological Review*, Jilid 27, No. 5 (Oktober) 606.
- Morgan, L.H 1877 *Ancient Society*. New York: Holt.
- Murdock, G. P. 1949 *Social Structure*. New York: Macmillan.
- Murdock, G. P. 1945 "The Common Denominator of Cultures," dalam *The Science of Man in the World Crisis*. New York: Columbia University Press.
- Murdock, G. P. 1937 "Comparative Data on the Division of Labor by Sex" *Social Forces*, Jilid 15, Bil. 4, 551-553.
- Murdock, G. P. 1934 "Kinship and Social Behavior among the Haida" *American Anthropologist*, Jilid 36.
- Naroll, R., dan R. Cohen (Pg.) 1970 *A Handbook of Method in Cultural Anthropology*. Garden City, N.Y.: Natural History Press.
- Naroll, r., dan Naroll F., 1973 *Main Current in Cultural Anthropology*. New Jersey: Prentice-Hall.

BIBLIOGRAFI

- Nash, M. 1966 *Primitive and Peasant Economic Systems*. San Francisco: Chandler.
- Norbeck, E. 1970 "Continuities in Japanese Social Stratification," dalam L. Plotnicov and A. Tuden (Ed.), *Essays in Comparative Social Stratification*. Pittsburgh: University of Pittsburgh Press.
- Otterbein, K. F. 1970 *The Eduction of War*. New Haven: Hraf Press.
- Pelto, P.J. 1970 *Anthropological Research: The Structure of Inquiry*. New York: Harper & Row.
- Poirier, P. E., 1974 *Search for Ourselves: An Introduction to Physical Anthropology*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Pospisil, L 1963 *The Kapauku Papuans*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Radcliffe-Brown, A.R. 1933 *The Andaman Islanders*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Radcliffe-Brown, A.R. 1952 *Structure and Function in Primitive Society*. London: Cohen and West.
- Radcliffe-Brown, A.R., dan D. Forde (Pg.) 1950 *African Systems of Kinship and Marriage*. New York: Oxford University Press.
- Rappaport, R. A. 1967 "Ritual Regulation of Environmental Relations among a New Guinea People" *Ethnology*, Jilid 6.
- Sahlins, M. D. 1962 *Moala: Culture and Nature on a Fijian Island*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Sahlins, M. D. 1965 "On the Sociology of Primitive Exchange," in M. Banton (Ed.), *The Relevance of Models for Social Anthropology*. New York: Praeger.

ASAS-ASAS ANTROPOLOGI

- Sahlins, M. D. 1962 "The Segmentary Lineage: An Organization of Predatory Expansion" *American Anthropologist*, Jilid 63 : 338.
- Sahlins, M. D. 1958 *Social Stratification in Polynesia*. Seattle: University of Washington Press.
- Sahlins, M. D. 1968 *Tribesmen*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Sahlins, M. D., dan E. R. Service 1968 *Evolution and Culture*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Schneider, D. M., dan K. Gough (Pg.) 1961 *Matrilineal Kinship Berkeley*: University of California Press.
- Scholte, B., 1966 "Epistemic Paradoigniss Some Problems in Cross-Cultural Research on Social Anthropological History and Theory". *American Anthropologist* 68: 1192-1201.
- Schusky, E. L. 1972 *Manual for Kinship Analysis*. New York: Holt, Rinehart dan Winston.
- Service, ER 1962 *Primitive Social Organization, An Evolutionary Perspective*. New York: Random House.
- Spindler, G. E (Pg.) 1970 *Being an Anthropologist: Fieldwork in Eleven Cultures*. New York: Holt, Rinehart dan Winston.
- Spiro, M. 1952 "Ghost, Ifaluk, and Theological Functionalism". *American Anthropologist*, 54: 496-503.
- Spiro, M, E 1954 "Is the Family Universal?" *American Anthropology* 56: 839-846.
- Steward, J. H. 1955 *Theory of Culture Change*. Urbana: University of Illinois Press.
- Steward, J.H., dan L. C. Faron 1959 *Native Peoples of South American*. New York: McGraw-Hill.
- Sussman, R. 1972 "Child Transport, Family Size, and the

BIBLIOGRAFI

- Increase in Human Population Size during the Neolithic" *Current Anthropology*, Jilid 13.
- Swanson, G. E. 1969 *The Birth of the Gods* Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Swift, M 1960 Malay Peasant Society in Jelbu. London. Atlone Press.
- Talmon, Y. 1964 "Mate Selection in Collective Settlements" *American Sociological Review*, Jilid 29 (Ogos) 491-508.
- Textor, R. B. 1967 *A Cross-Cultural Summary*. New Haven: HFF Press.
- Tylor, E. B. 1971 "Animism," in W. A. Lessa dan E. Z. Vogt (Ed.), *Reader in Comparative Religion*, Edisi ketiga New York: Harper & Row.
- Tylor, E. B. 1958 *Primitive Culture*. New York: Harper Torchbooks.
- Tylor, E.B. 1860 *Anthropology*. An Arbor. The University of Michigan Press.
- Vayda, A. P. 1967 "Pomo Trade Feasts," in g. Dalton (Ed.), *Tribal and Peasant Economies*. Garden City, New York: Doubleday, 494-500.
- Vayda, A. P., dan Rappaport, R. A 1968 "Ecology: Cultural and Noncultural," in J. H. Clifton, *Introduction to Cultural Anthropology*. Noston: Houghton Mifflin.
- Vayda, A. P, Leads, A, Smith D.B 1961 "The place of Pigs in Melanesian Subsistence" dalam Viola Gartfield, *Patterns of Land Utilization and other Papers*, A.E.T.
- Vogt, E. Z 1960 "On the Concept of Structure and Pro-

- Wallace, A. 1961 *Culture and Personality* New York: Random House.
- Wallace, A. 1970 *The Death and Rebirth of the Seneca*. New York: Alfred A. Knopf.
- Wallace, A. 1972 "Mental Illness, Biology and Culture." in F. L. K. Hsu (Ed.), *Psychological Anthropology* Cambridge, Mass.: Schenkman, 363-402.
- Wallace, A. 1950 "A Possible Technique for Recognizing psychological Characteristics of the Ancient Maya from an analysis of Their Art" (*American Imago*, Jilid 7).
- Wallace, A. 1966 *Religion: An Anthropological View* New York: Random House.
- Wallace, A. 1962 "Revitalization Movements" *American Anthropologist*, Jilid 58, hal. 264-281.
- Weskrmarck, 1894 *The History of Human Marriage*. New York: Macmillan.
- White, L. A. 1969 *The Science of Culture: A Study of Man and Civilization*. Garden City, New York: Doubleday.
- Whiting, J. W. M., dan I. L. Child, 1952 *Child Training and Personality: A Cross-Cultural Study*, New Haven: Yale University Press.
- Williams, T. R. 1967 *Field Methods in the Study of Culture*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Wittfogel, K. 1957 *Oriental Despotism: A Comparative Study of Total Power*. New Haven: Yale University Press.
- Wolf, A. 1970 "Adopt a Daughter-in-Law, Marry a Sister: A Chinese Solution to the Prob-

BIBLIOGRAFI

- lem of the Incest Taboo''. *American Anthropologist*, Jilid 70: 864-874.
- Wolf, A. 1964 *Anthropology*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall.
- Wolf, A. 1966 *Peasants* Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.
- Wolf, A. 1969 *Peasant Wars of the Twentieth Century*. New York: Harper & Row.
- Young, F. 1965 *Initiation Ceremonies: A Cross-Cultural Study of Status Dramatization*. New York: Bobbs-Merill.



## INDEKS

- Agama, asal usul – 196  
fungsi – 201  
Akulturasi – 239  
Ambilineal, keturunan – 157  
Andaman, Pulau – 55  
Ancient Society – 25-32  
Animisme – 213  
Antropologi gunaan – 252  
masa depan 258  
Avunkulokal – 139  
Aztec, masyarakat 209
- Bachok 224  
Beattie – 19  
Bilokal – 139  
Boas, Franz, 27, 34  
Boomerang, – 76  
Budaya, ekologi 49  
Burling, 17
- Darwin, 23  
Difusi – 36  
Durkheim, Emile – 6, 199, 202  
Ego, 145  
Eksogami, 130  
Endogami, 130  
Engels – 33  
Eskimo, sistem 166  
Etnosains, 48  
Etnosentrik – 190, 191  
Evans – Pritchard – 184, 186  
Evolusi, ahli – 28  
masyarakat – 30  
teori 44
- Fakta sosial – 19  
Frazer James 23, 217  
Fungsionalisme – 38  
Fried, Merton – 181  
Freud, psikoanalitik – 126
- Golden Weiser – 23  
Harris, Marvin – 14  
Hawaii, sistem – 165  
Ifa – 221  
Iroquois, Sistem – 164
- Jurai, satu – 147, 155  
Kapak – 11  
Kebudayaan, perubahan – 233  
Kediaman, pola – 137  
Konflik – 182, 183  
Konseptualis – 8  
Kontan, tanaman – 245  
Kroeber – 9  
Kula ring; konsep – 88  
Levi – Strauss – 47, 48  
Linton, Ralph – 42  
Leach – 47, 204  
Levirat – 131
- Magis – 204, 216, 230  
Mair, Lucy – 17, 19  
Mana – 193, 194  
Malinowski 20, 38, 55, 203, 204  
Matrilokal – 139  
Malefijt – 14  
Mead – 121  
Melanessia – 229  
Morgan, Henry – 23, 25, 30, 31  
Murdock – 121, 122  
Monotheisme – 215
- Negara – 178  
Neolokal – 140  
Nomad – 171  
Nisab bapa – 151  
ibu – 153  
Nupe – 222
- Olukun – 222

## ASAS-ASAS ANTROPOLOGI

- Omaha, sistem - 166  
Otisua - 221
- Patrilokal - 138  
Pemberontakan - 240  
Persanakan - 115  
    perpecahan - 126  
    struktur - 143  
    istilah 159  
Poliandri - 132  
Poligami - 131  
Poligini - 132  
Politik, organisasi - 169  
Puak - 174  
Pygmy - 76
- Radcliffe-Brown - 18, 19, 55, 207  
Realis - 9  
Relativisme - 13  
Roh - 214
- Sahlins - 46, 87  
Saradiri, sistem - 103  
Savagery - 30, 32  
Sinkretisme - 219
- Sosiologi, teori - 198  
Sosial, fakta - 19  
Spencer, Herbert - 26  
Strukturalisme - 46  
Struktur sosial - 46, 41
- Taylor, Edward - 2, 23, 24, 30, 200, 213.  
Tingkah laku - 40  
Totem, konsep - 201  
Tsembaga - 50  
Trobriand, Pulau - 55  
Undang-undang - 185  
Urbanisasi - 241
- Wallace, 200  
White, Leslie - 44, 64  
Wolf, Eric - 246
- Xenophobia - 229
- Year - Yuoron - 11  
Yourba, suku kaum - 221  
Zuriat, 150, 151